

**REALITI KEHIDUPAN MASYARAKAT TAMIL
MALAYSIA DALAM KUMPULAN CERPEN
*URIMAI PŌRĀTTAM***

KUMAR A/L DORAJIRAJOO

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021

REALITI KEHIDUPAN MASYARAKAT TAMIL MALAYSIA DALAM KUMPULAN
CERPEN *URIMAI PŌRĀTTAM*

KUMAR A/L DORAIRAJOO

DISERTASI INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
اوپنورسیتی قندیدین سلطان ادریس
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 12 (hari bulan) Oktober (bulan) 2021

i. Perakuan pelajar :

Saya, **KUMAR A/L DORAJIRAJOO (M20142002331) FBK**
(SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk **REALITI KEHIDUPAN MASYARAKAT TAMIL MALAYSIA DALAM KUMPULAN CERPEN URIMAI PŌRĀTTAM** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa -apa penggunaan mana -mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa -apa petikan, eks trak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana -mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya



Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **DR. SAMIKKANU JABAMONEY A/L ISHAK SAMUEL** (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk

REALITI KEHIDUPAN MASYARAKAT TAMIL MALAYSIA DALAM KUMPULAN CERPEN URIMAI PŌRĀTTAM

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah **IJAZAH SARJANA SASTERA** (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

Tandatangan Penyelia

Tarikh: 12.10.2021

Assoc. Prof. Dr. SAMIKKANU JABAMONEY ISHAK SAMUEL
Faculty of Languages and Communication
Sultan Idris Education University
35900 Tanjong Malin, Perak, Malaysia





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: **REALITI KEHIDUPAN MASYARAKAT TAMIL MALAYSIA
DALAM KUMPULAN CERPEN *URIMAI PŌRĀTTAM***

No. Matrik / Matric No.: **M20142002331**

Saya / I : **KUMAR A/L DORAIRAJOO**

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Disertasi (**Sarjana**)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat -syarat kegunaan seperti berikut: -
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows: -

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) from the categories below:

☐

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒

TIDAK TERHAD /OPEN ACCESS

Kumar

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 12.10.2021

Samir Kari Jaramoney Ishak Samir

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Assoc. Prof. Dr. SAMIRKARI JARAMONEY ISHAK SAMIR
Faculty of Languages and Communication
Sultan Idris Education University
35900 Tanjong Malin, Perak, Malaysia

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT@TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.
Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the related authority/organization mentioning the period of confidentiality and reasons for the said confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Pohon sirih pohon selasih
Tumbuh merimbun di hujung laman
Kalungan budi junjungan kasih
menjadi kenangan sepanjang zaman

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Tuhan yang Maha Kuasa kerana memberi ilham dan ketabahan yang tidak terkira kepada saya untuk menyiapkan tesis ini.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia saya, Profeser Madya Dr. Samikkanu Jabamoney A/L Ishak Samuel yang telah meluangkan masa dan tenaga bersama saya untuk memberi panduan, nasihat, tunjuk ajar dan idea walaupun beliau sibuk dengan pelbagai tugas. Beliau memberi bimbingan dengan penuh kesabaran dan dedikasi walaupun berulang kali saya berjumpa beliau. Beliau telah memberi nasihat dan idea yang pelbagai dalam usaha menyempurnakan penyelidikan ini. Di samping itu, beliau menjana buah fikiran yang kreatif untuk menjadikan kajian ini lebih menarik. Oleh itu, komen, tunjuk ajar, nasihat dan idea yang bernas dan konstruktif beliau sepanjang kajian ini amat membantu dalam menghasilkan satu kajian yang mantap. Tanpa sokongan dan nasihat beliau, sudah pasti saya tidak dapat menyiapkan kajian ini.

Kajian ini juga mungkin tidak dapat disempurnakan tanpa kerjasama dan sokongan daripada pelbagai pihak seperti pihak pengurusan perpustakaan Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Kebangsaan Malaysia, dan Perpustakaan Awam yang secara langsung dan tidak langsung membantu saya mendapatkan bahan rujukan yang relevan untuk penulisan kajian ini.

Akhir sekali, terima kasih yang tidak terhingga juga saya ucapkan kepada guru-guru, rakan-rakan dan bekas murid yang memberi sokongan moral yang sepenuhnya kepada saya sejak permulaan proposal sehingga menyiapkan tesis ini.

Tesis ini turut ditujukan buat istimewa keluargaku yang tersayang, terutama isteriku atas segala pengorbanan dan jasa baik beliau. Semoga Tuhan membalas dan memberkati jasa dan keikhlasan kalian semua.

Kumar A/L Dorairajoo
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Tanjong Malim
2019/2020





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti ciri-ciri realiti kehidupan masyarakat Tamil Malaysia, menganalisis kesesuaian ciri-ciri realiti kehidupan masyarakat Tamil Malaysia berdasarkan teori Sosiologi Sastera Model Pencerminkan George Lukacs. Kajian ini juga menghuraikan unsur-unsur pengajaran dalam kumpulan cerpen *Urimai Pōrāttam* hasil karya A. Kandan. Kajian ini berbentuk kualitatif yang menggunakan kaedah analisis teks berdasarkan teori Sosiologi Sastera Model Pencerminkan George Lukacs. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat sebanyak 33 isu yang mencerminkan realiti kehidupan masyarakat Tamil Malaysia, iaitu sebanyak 20 isu berkaitan masalah sosial, tiga berkaitan dengan ekonomi, enam lagi berkaitan pendidikan dan empat pula berkaitan dengan hal keagamaan. Kesemua 33 isu realiti kehidupan masyarakat Tamil Malaysia adalah seiring dengan teori Sosiologi Sastera Model Pencerminkan George Lukacs. Kajian ini juga turut mengesan sebanyak 12 pengajaran yang bersifat teguran, pesanan dan nasihat kepada semua lapisan masyarakat Tamil, di samping rayuan kepada pihak berkuasa. Kesimpulannya, hasil penelitian menunjukkan bahawa masyarakat Tamil di Malaysia menghadapi pelbagai masalah sosiobudaya dan ekonomi yang menyisihkannya daripada arus pembangunan negara. Implikasinya, kajian realiti kehidupan masyarakat Tamil ini dapat digunakan oleh pihak berkuasa untuk menyelesaikan masalah sosiobudaya dan ekonomi yang dihadapi oleh masyarakat Tamil Malaysia.



THE REALITY OF THE MALAYSIAN TAMIL COMMUNITY'S LIFE IN THE URIMAI PŌRĀTTAM SHORT STORIES

ABSTRACT

This study aims to identify the reality features of the Malaysian Tamil community's life, analyse applicability of reality features of the Malaysian Tamil community's life using George Lukacs's Reflection Model of Literary Sociology theory, and elaborate messages depicted in the *Urimai Pōrāttam* short stories of A. Kandan. This is a qualitative study using text analysis method based on George Lukacs's Reflection Model of Literary Sociology theory. The findings of this study show that there are 33 issues that reflect the reality of the Malaysian Tamil community's life, namely 20 issues related to social problems, three economic issues, six related to educational and four related to religious matters. All the 33 issues related to the reality of the Malaysian Tamil community's life concur with George Lukacs's Reflection Model of Literature Sociology theory. The study also identified a total of 12 messages consisting of reprimands, requests and advice to all walks of Tamil community as well as appeals to the authorities. In conclusion, the results of the study show that the Malaysian Tamil community is plagued with various socio-cultural and economic problems that inhibit the community from the current development of the country. The implication is that, this study which is real reflection of the socio-cultural and economic issues of the Malaysian Tamil community can be used by the authorities as means to solve the said problems of the community.

KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
TRANSLITERASI	xvii
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Pernyataan Masalah	5
1.4 Objektif Kajian	6
1.5 Soalan Kajian	7
1.6 Kepentingan Kajian	7
1.7 Batasan Kajian	8
1.8 Sumber Kajian	9

1.8.1	Sumber Premier	10
1.8.2	Sumber Sekunder	10
1.9	Definisi Istilah	10
1.9.1	Cerpen	11
1.9.2	Realiti	12
1.10	Kesimpulan	13

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	14
2.2	Sejarah Perkembangan Cerpen Tamil	15
2.2.1	Sejarah Perkembangan Cerpen Tamil di Tamil Nadu	16
2.2.2	Sejarah Perkembangan Cerpen Tamil di Malaysia	17
2.2.3	Sejarah Perkembangan Penulisan Karya Cerpen A. Kandan	19
2.3	Sorotan Kajian	21
2.3.1	Kajian Terdahulu Berkaitan Dengan Realiti	22
2.3.2	Kajian Terdahulu Berkaitan Dengan Cerpen Tamil	27
2.4	Kesimpulan	37

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	39
3.2	Reka Bentuk Kajian	40
3.3	Kerangka Kajian	41
3.4	Kaedah Kajian	42
3.4.1	Kaedah Analisis Teks	42

3.4.1.1	Pembacaan data	44
3.4.1.2	Pemilihan data	45
3.4.1.3	Pembahagian data	45
3.5	Instrumen Kajian Untuk Menganalisa Isu-isu dalam Kumpulan Cerpen <i>Urimai Pōrāttam</i>	48
3.6	Teori Kajian	49
3.7	Kerangka Teori	52
3.8	Kesimpulan	52

BAB 4 DAPATAN KAJIAN DAN ANALISIS

4.1	Pengenalan	54
4.2	Mengenal Pasti Ciri-ciri Realiti Kehidupan Masyarakat Tamil Malaysia Yang Terdapat dalam Kumpulan Cerpen <i>Urimai Pōrāttam</i> dan Menilai Kesesuaiannya dengan Teori Sosiologi Sastera Model Pencerminkan George Lukacs	55
4.2.1	Isu Sosial Dalam Kumpulan Cerpen <i>Urimai Pōrāttam</i> .	56
4.2.1.1	Kesulitan Hidup Akibat Penghijrahan dari Estet ke Bandar	57
4.2.1.2	Masalah Penagihan Dadah	62
4.2.1.3	Kegiatan Mengedar Dadah	66
4.2.1.4	Gejala Buli	69
4.2.1.5	Masalah Disiplin Pelajar	73
4.2.1.6	Lumba Haram	76
4.2.1.7	Membunuh Diri	79
4.2.1.8	Lari dari Rumah	82
4.2.1.9	Perkahwinan Pada Usia Muda	87
4.2.1.10	Kurang Didikan Ibu Bapa	91

4.2.1.11 Kegiatan Gengsterisme	95
4.2.1.12 Ketagihan Arak atau Alkohol	98
4.2.1.13 Vandalisme	110
4.2.1.14 Penindasan Pihak Pengurusan Ladang	115
4.2.1.15 Bercinta Semasa Bersekolah	124
4.2.1.16 Kegilaan Terhadap Dunia Filem	127
4.2.1.17 Ibu Bapa	131
4.2.1.18 Sikap Ibu Bapa Yang Menentukan Jodoh Anak	135
4.2.1.19 Sikap Pilih Kasih Dalam Membantu Sesama Ahli Keluarga	140
4.2.1.20 Penggunaan Bahasa Percampuran dalam Percakapan Harian	144
4.2.2 Isu Ekonomi Dalam Kumpulan Cerpen <i>Urimai Pōrāttam</i>	149
4.2.2.1 Kemiskinan	150
4.2.2.2 Kesukaran Memperoleh Pekerjaan dalam Sektor Awam	157
4.2.2.3 Pengangguran Dalam Kalangan Lulusan Insitutsi Pengajian Tinggi	162
4.2.3 Isu Pendidikan Dalam Kumpulan Cerpen <i>Urimai Pōrāttam</i>	165
4.2.3.1 Tidak Berminat Untuk Belajar	167
4.2.3.2 Kerciciran Persekolahan	173
4.2.3.3 Sikap Prasangka Ibu bapa India Terhadap Sekolah Tamil	175
4.2.3.4 Kemudahan Prasarana Pendidikan di Sekolah Tamil Kurang Diberi Perhatian	179
4.2.3.5 Pelajar Cemerlang India Tidak Dapat Melanjutkan Pelajaran ke Universiti Awam	184
4.2.3.6 Masyarakat India Kurang Memupuk Amalan Membaca	187

4.2.4	Isu Keagamaan Dalam Kumpulan Cerpen <i>Urimai Pōrāttam</i>	191
4.2.4.1	Masyarakat Tertipu dalam Hal Keagamaan	193
4.2.4.2	Kepercayaan Kolot	195
4.2.4.3	Membina Kuil Secara Haram di Tanah Milik Orang Lain	197
4.2.4.4	Penggunaan Bahasa Sanskrit dalam Upacara Keagamaan di Kuil Hindu	201
4.3	Menghuraikan Unsur-unsur Pengajaran Terselit Dalam Kumpulan Cerpen <i>Urimai Pōrāttam</i>	212
4.3.1	Golongan Muda Harus Menjauhi Dadah	213
4.3.2	Guru-guru Harus Menggunakan Pendekatan Konstruktif Ketika Menegur Pelajar	215
4.3.3	Kemudahan Prasarana di Sekolah Tamil Harus Dibaiki	217
4.3.4	Masyarakat Harus Memupuk Amalan Membaca	220
4.3.5	Ibu Bapa Wajar Menghormati Pemilihan Pasangan Hidup Anak	224
4.3.6	Ibu bapa Harus Menitikberatkan Tanggungjawab Membentuk Keperibadian Anak	227
4.3.7	Ibu Bapa Harus Menghantar Anak Mereka ke Sekoah Tamil	231
4.3.8	Anak-anak Harus Menghargai Pengorbanan Ibu Bapa	234
4.3.9	Golongan Muda yang Lemah dalam Bidang Akademik Harus Menguasai Kemahiran Teknikal demi Berjaya dalam Kehidupan	239
4.3.10	Masyarakat Harus Berani Menentang Ketidakadilan	242
4.3.11	Pihak Berkuasa Harus Prihatin Dalam Pengambilan Masyarakat Tamil ke Universiti dan Perkhidmatan Awam.	247
4.3.12	Kelas TADIKA Harus Ditubuhkan Untuk Membantu Anak Golongan Miskin	253

4.4	Kesimpulan	260
-----	------------	-----

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	261
5.2	Analisis Dapatan Kajian	262
5.2.1	Mengenal Pasti Ciri-ciri Realiti Kehidupan Masyarakat Tamil Malaysia yang Terpapar dalam Kumpulan Cerpen <i>Urimai Pōrāttam</i>	263
5.2.2	Menganalisis kesesuaian ciri-ciri realiti kehidupan masyarakat Tamil Malaysia yang terdapat dalam kumpulan cerpen <i>Urimai Pōrāttam</i> berdasarkan teori Sosiologi Sastera Model Pencerminkan George Lukacs	268
5.2.3	Menghurai Unsur-unsur Pengajaran Terselit Berdasarkan Realiti Kehidupan Masyarakat Tamil Malaysia Yang Terpapar dalam Kumpulan <i>Urimai Pōrāttam</i>	271
5.3	Cadangan Kajian Lanjutan	273
5.4	Kesimpulan	274
	RUJUKAN	276

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
1.1	Senarai Cerpen dalam Kumpulan Cerpen <i>Urimai Pōrāttam</i> Dikaji	9
2.1	Judul Cerpen Hasil Karya A. Kandan	20
3.1	Jadual Penganalisaan Isu-isu Mengikut Cerpen dalam Kumpulan Cerpen <i>Urimai Pōrāttam</i>	44
4.1	Isu-isu Sosial dalam Kumpulan Cerpen <i>Urimai Pōrāttam</i>	56
4.2	Statistik Jumlah Penagih Dadah yang Dikesan Mengikut Etnik bagi Tahun 2014 - 2018	64
4.3	Jumlah Kes Disiplin Sekolah Menengah Daerah Kinta Mengikut Etnik Pada Tahun 2010	74
4.4	Statistik Salah Laku Disiplin Pelajar Sekolah Pada Tahun 2017	75
4.5	Bilangan Kes Bunuh Diri Pada Tahun 2014 hingga Jun 2019	81
4.6	Statistik Perkahwinan Kanak-kanak Bukan Islam Bawah Umur Pada Tahun 2017	91
4.7	Isu Ekonomi Dalam Kumpulan Cerpen <i>Urimai Pōrāttam</i>	150
4.8	Kadar Kemiskinan Mengikut Kumpulan Etnik, 1970-2014	156
4.9	Jumlah Kakitangan Awam Di Malaysia dari Tahun 1957 hingga 2019	158
4.10	Komposisi Perkhidmatan Awam Persekutuan Mengikut Kaum, 1957-201	161
4.11	Isu Pendidikan Dalam Kumpulan Cerpen <i>Urimai Pōrāttam</i>	167
4.12	Pengambilan Pelajar ke Kursus Profesional Mengikut Kaum, Sesi 2004-2005	186

4.13	Isu Keagamaan dalam Kumpulan Cerpen <i>Urimai Pōrāttam</i>	193
4.14	Isu-isu Sosial dalam Kumpulan Cerpen <i>Urimai Pōrāttam</i>	205
4.15	Isu Ekonomi Dalam Kumpulan Cerpen <i>Urimai Pōrāttam</i>	207
4.16	Isu Pendidikan Dalam Kumpulan Cerpen <i>Urimai Pōrāttm</i>	208
4.17	Isu Keagamaan dalam Kumpulan Cerpen <i>Urimai Pōrāttam</i>	209
4.18	Isu-isu Sosial, Ekonomi, Pendidikan dan Keagamaan Dikesan Dalam Kumpulan Cerpen <i>Urimai Pōrāttam</i>	210
4.19	Senarai Pengajaran yang Diterapkan Dalam Kumpulan Cerpen <i>Urimai Pōrāttam</i>	257
4.20	Sasaran dan Pengajaran Yang Ditujukan	258
5.1	Isu-isu Sosial dalam Kumpulan Cerpen <i>Urimai Pōrāttam</i>	264
5.2	Isu-isu Ekonomi dalam Kumpulan Cerpen <i>Urimai Pōrāttam</i>	266
5.3	Isu-isu Pendidikan dalam Kumpulan Cerpen <i>Urimai Pōrāttam</i>	266
5.4	Isu-isu Keagamaan dalam Kumpulan Cerpen <i>Urimai Pōrāttam</i>	267
5.5	Jenis Isu dan Isu Berkenaan Dalam Kumpulan Cerpen <i>Urimai Pōrāttam</i>	269
5.6	Senarai Pengajaran yang Diterapkan dalam Kumpulan Cerpen <i>Urimai Pōrāttam</i>	271

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
3.1 Kerangka Kajian	41
3.2 Kerangka Teori	52

SENARAI SINGKATAN

AIDS	Acquired Immune Deficiency Syndrome
HINDRAF	Hindu Rights Action Force
HIV	Human Immunodeficiency Virus
KITA	Institute Pengajian Etnik Universiti Kebangsaan Malaysia
MIC	Malaysian Indian Congress
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah



TRANSLITERASI

NOTES ON TRANSLITERATION AND DIACRITICAL MARKS

The system adopted here is the same as in the Tamil Lexicon of the University of Madras, Vol. VI, p.XXVIII.

Tamil alphabets and their English symbols with diacritical marks:

VOWELS

அ	:	<i>a</i>	உ	:	<i>u</i>	ஐ	:	<i>ai</i>
ஆ	:	<i>ā</i>	ஊ	:	<i>ū</i>	ஒ	:	<i>o</i>
இ	:	<i>i</i>	எ	:	<i>e</i>	ஔ	:	<i>ō</i>
ஈ	:	<i>ī</i>	ஏ	:	<i>ē</i>	ஔ	:	<i>au</i>



CONSONANTS

க	:	<i>k</i>	ங	:	<i>ṅ</i>	ய	:	<i>y</i>
ச	:	<i>c</i>	ஞ	:	<i>ñ</i>	ர	:	<i>r</i>
ட	:	<i>ṭ</i>	ண	:	<i>ṇ</i>	ல்	:	<i>l</i>
த	:	<i>t</i>	ந	:	<i>n</i>	வ	:	<i>v</i>
ப	:	<i>p</i>	ம	:	<i>m</i>	ழ	:	<i>ḷ</i>
ற	:	<i>r</i>	ன்	:	<i>ṁ</i>	ள்	:	<i>ḷ</i>

SANSKRIT LETTERS

ஜ்	:	<i>j</i>	ஸ்	:	<i>s</i>
ஷ்	:	<i>ṣ</i>	க்ஷ்	:	<i>kṣ</i>
ஹ்	:	<i>h</i>			



BAB 1

PENDAHULUAN

3.1 Pengenalan

Bab pendahuluan memberi pengenalan kepada tajuk kajian yang bertajuk ‘Realiti Kehidupan Masyarakat Tamil Malaysia dalam Kumpulan Cerpen *Urimai Pōrāttam*. Dalam bab ini pengkaji telah membincangkan latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, sumber kajian dan definisi istilah. Perbincangan ini telah memberi pengenalan kepada penyelidikan ini.



1.2 Latar Belakang Kajian

Sastera merupakan satu dokumen rasmi yang mengisahkan sejarah sesebuah masyarakat. Pengkaji-pengkaji awal sosiologi dan antropologi mengambil bukti-bukti yang terdapat dalam hasil karya sastera yang menggambarkan sosiobudaya sesebuah masyarakat. Oleh demikian, kita boleh mengatakan bahawa karya sastera seperti cerpen, novel, puisi dan sebagainya menjadi dokumen sosiobudaya yang penting untuk mengisahkan atau mencerminkan kehidupan masyarakat (Hashim Awang, 1998).

Sehubungan dengan pendapat Hashim Awang, Othman Puteh (1998) turut menyatakan bahawa karya sastera terhasil berdasarkan pengamatan, kepekaan, pemikiran, tafsiran, wawasan, aliran emosi, dan daya intelek pengarang terhadap pelbagai fenomena kehidupan di persekitarannya. Oleh itu, seorang pengkarya kreatif atau sastera tidak semata-mata mencipta sesuatu baharu dalam kosongan, sebaliknya menggunakan gagasan, pengalaman, pemikiran dan pengamatannya untuk mencerminkan perasaan, pemikiran dan isu-isu di sekeliling untuk tatapan masyarakat. Oleh itu, karya sastera pada umumnya tidak pernah atau dapat melarikan diri daripada hubungannya dengan kehidupan masyarakat, iaitu fenomena sosial.

Dalam pada itu, genre cerpen yang merupakan salah satu komponen sastera moden ialah karya sastera paling popular kerana bentuknya ringkas dan padat membolehkan para pembaca dapat membaca dengan mudah dan pantas di samping dapat menghayati pemikiran, perasaan dan permasalahan hidup masyarakat yang terpapar dalam karya tersebut. Oleh itu, cerpen ialah karya sastera yang diminati oleh kebanyakan pembaca. Sementara itu, para pengkarya pula menggunakan cerpen sebagai wadah untuk meluahkan perasaan dan fikiran





tentang fenomena sosial yang berlaku di sekitar atau sesuatu kejadian sosial yang menarik perhatiannya, iaitu fenomena sosial yang diamati dan dialami.

Dalam pada itu, menurut Subramani, S. (2005), kesusasteraan ialah pencerminan masa. Kesusasteraan dapat memaparkan keadaan sesuatu masa ketika sesebuah karya itu dihasilkan di samping memberi gambaran tentang pelbagai masalah yang tercetus, corak kehidupan, amalan hidup dan bahasa sesebuah masyarakat pada masa itu.

Dalam pada itu, Agilan, K. (2002), melihat cerpen sebagai satu bentuk genre sastra yang mengetengahkan kejadian di persekitaran dengan mengupas masalah kehidupan yang berlaku di sekeliling kita dengan menggunakan sesuatu watak tertentu. Bersandarkan pendapat Agilan dapat dirumuskan bahawa kejadian, masalah dan watak atau perwatakan yang dipaparkan dalam sesebuah cerpen ialah rakaman kejadian, permasalahan hidup dan perlakuan masyarakat di sekeliling seseorang cerpenis ini.

Sehubungan ini, fenomena sosial yang berlaku dalam masyarakat Tamil di Malaysia ialah persoalan utama atau tema dalam semua cerpen yang dihasilkan di negara kita. Sejak genre cerpen di perkenalkan di negara kita, para cerpenis telah menggunakannya sebagai wadah untuk memaparkan fenomena sosial masyarakat Tamil pada sesuatu masa tertentu. Menurut Subramani, S. (2005), pada awalnya cerpen Tamil sebelum Perang Dunia Kedua lebih cenderung memaparkan kisah-kisah berlatarkan Tamil Nadu dan Sri Lanka. Namun, cerpen-cerpen yang dihasilkan semasa perang dan sebelum kemerdekaan negara pula dikatakan lebih membawa persoalan seperti masalah ketagihan arak, kemiskinan, percintaan, kasta, penindasan pihak pengurusan ladang dan kezaliman tentera Jepun yang mencengkam kehidupan masyarakat Tamil pada ketika itu.



Sementara itu, Annadurai, M. (2007) yang mengkaji sebanyak 150 cerpen yang terkandung dalam sebanyak 15 buah antologi cerpen *Pēravaik Kataikaḷ* yang diterbitkan dari tahun 1986 hingga 2000 merumuskan bahawa tema-tema yang termuat dalam cerpen tersebut mencerminkan peristiwa, pergolakan dan kepincangan hidup masyarakat India di bandar dan di pinggir bandar di Malaysia. Menurut beliau penulis cerpen-cerpen ini menggambarkan kisah kehidupan sebenar masyarakat di sekelilinya yang diamati dan pengalaman mereka sendiri diketengahkan sebagai isu-isu dalam cerpen masing-masing. Penulis dikatakan mengimbas kembali kehidupan mereka di ladang suatu ketika dahulu lalu mencorakkannya dalam karya mereka. Oleh itu, pengucapan tema dalam cerpen-cerpen mereka sebenarnya merupakan percikan langsung daripada masalah kehidupan pengarang itu sendiri.

Selanjutnya, menurut Annadurai, M. (2007) lagi, pengarang turut merakamkan pergelutan hidup masyarakat India Malaysia pada masa lalu dengan memaparkan isu seperti masalah berhubung kait dengan cinta dan perkahwinan, kemiskinan, pendidikan, seks dan pengorbanan ibu bapa dalam cerpen mereka yang memungkinkan kajian tentang dinamika masyarakat India dan juga latar belakang mereka. Akhir sekali, beliau merumuskan bahawa tema yang dibincangkan dalam antologi cerpen Tamil ini membawa gambaran aliran pemikiran dan keadaan hidup masyarakat India di Malaysia sepanjang tahun 1980-an hingga 2000.

Kedua-dua pengkaji ini, Subramani, S dan Annadurai, M, melihat hubungan erat antara isi kandungan dalam cerpen-cerpen Tamil dengan kehidupan sebenar masyarakat Tamil di negara ini, iaitu cerpen bertindak sebagai cermin yang membalikkan realiti kehidupan masyarakat Tamil di Malaysia.



1.3 Pernyataan Masalah

Pada awal abad ke-19, orang Tamil yang datang sebagai buruh, mula menetap di Malaya. Sebelum itu, pedagang dari India berketurunan Tamil sering datang ke Malaya untuk menjalankan perniagaan. Menurut Samikkannu Jabamoney Ishak Samuel (2015), pada awalnya pedagang-pedagang Tamil berulang alik dari Tamil Nadu untuk menjalankan perniagaan mereka tetapi lama-kelamaan mereka mula menetap di Malaya.

Kini, masyarakat Tamil merupakan etnik ketiga terbesar di Malaysia selepas orang Melayu dan Cina. Pada awalnya, masyarakat Tamil dibawa oleh kerajaan British untuk bekerja di ladan-ladang. Selepas tahun 70-an, penduduk Tamil dari ladang mula berhijrah ke bandar ekoran daripada penjualan tanah ladang untuk pembangunan dan pelbagai tujuan lain.

Masyarakat Tamil di Malaysia menghadapi lebih banyak masalah dalam kehidupan mereka selepas berhijrah ke bandar (Samikkannu Jabamoney Ishak Samuel, 2015).

Kini, masyarakat tamil di Malaysia sentiasa dikejutkan oleh pelbagai isu yang berkaitan dengan sosial, ekonomi dan budaya. Kajian-kajian yang dilakukan sebelum ini tidak membincangkan masalah yang dihadapi oleh masyarakat Tamil dari segi sosial, ekonomi dan budaya secara keseluruhan. Kajian-kajian lepas tidak membandingkan masalah sosial, ekonomi dan budaya di dalam cerpen dengan realiti kehidupan Masyarakat Tamil. Oleh itu, pengkaji berpendapat bahawa kajian berkaitan masalah yang dihadapi oleh orang Tamil wajarlah dilakukan untuk membentuk masyarakat yang lebih berjaya pada masa hadapan. Justeru, pengkaji telah menganalisa isu-isu masyarakat Tamil yang diutarakan dalam cerpen *Urimai Pōrāttam* nukilan Kandan, A. (2017) untuk mengenalpasti realiti kehidupan masyarakat Tamil.

Kesemua cerpen Kandan mencerminkan realiti kehidupan masyarakat kini yang memaparkan pelbagai masalah. Pelbagai lapisan masyarakat telah digunakan sebagai latar belakang dalam cerpen beliau. Antaranya ialah pelajar, guru, ibu bapa, anak, golongan muda, penagih dadah, remaja, penulis dan aktivis sosial untuk merakamkan masalah-masalah yang mencengkam masyarakat Tamil di Malaysia. Melalui cerpennya, masyarakat dapat mengetahui dan memahami masalah yang menular dalam kalangan orang Tamil. Seterusnya, kesedaran ini dapat membantu untuk mencari jalan penyelesaiannya.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bagi mencapai tiga objektif seperti yang berikut:

- 1.3.1 Mengenal pasti ciri-ciri realiti kehidupan masyarakat Tamil Malaysia yang terdapat dalam kumpulan cerpen *Urimai Pōrāttam*.
- 1.3.2 Menganalisis kesesuaian ciri-ciri realiti kehidupan masyarakat Tamil Malaysia yang terdapat dalam kumpulan cerpen *Urimai Pōrāttam* berdasarkan teori Sosiologi Sastera Model Pencerminan George Lukacs.
- 1.3.3 Menghuraikan unsur-unsur pengajaran berdasarkan realiti kehidupan masyarakat Tamil Malaysia yang terkandung dalam kumpulan cerpen *Urimai Pōrāttam*.

1.5 Persoalan Kajian

- 1.5.1 Bagaimanakah realiti kehidupan masyarakat Tamil Malaysia dalam kumpulan cerpen *Urimai Pōrāttam*?
- 1.5.2 Adakah ciri-ciri realiti kehidupan masyarakat Tamil Malaysia yang terdapat dalam kumpulan cerpen *Urimai Pōrāttam* bersesuaian dengan teori Sosiologi Sastera Model Pencerminan George Lukacs?
- 1.5.3 Apakah unsur-unsur pengajaran berdasarkan kehidupan realiti yang terkandung dalam kumpulan cerpen *Urimai Pōrāttam*?

1.6 Kepentingan Kajian

Pengkaji berpendapat bahawa kajian ini adalah penting kerana bersesuaian dengan keadaan masyarakat Tamil Malaysia pada masa ini. Terdapat pelbagai masalah yang tercetus dalam kalangan masyarakat Tamil di Malaysia. Antaranya ialah masalah pengangguran, menghisap dadah, lari dari rumah, membunuh diri, tidak mementingkan bahasa ibunda, tidak berpelajaran, tidak berpegang kepada landasan agama, bercinta di sekolah, tiada sambutan untuk penulis tempatan, tidak memberi kasih sayang kepada ibu bapa, kurang memberi tumpuan terhadap amalan membaca dan mengabaikan tanggungjawab institusi kekeluargaan. Kajian ini dapat memberikan gambaran yang jelas tentang cabaran kehidupan masyarakat Tamil sekarang kepada para pembaca.

Selain itu, kajian ini menganalisis unsur-unsur pengajaran yang terdapat dalam kumpulan cerpen *Urimai Pōrāttam* supaya dapat diterapkan dalam jiwa para pembaca. Kesemua cerpen Kandan penuh dengan unsur-unsur pengajaran kepada pelbagai pihak dalam lapisan masyarakat Tamil. Hal ini dapat membantu para pembaca untuk memilih jalan yang betul bukan sahaja untuk diri sendirinya malahan semua pihak yang berada dalam lingkungan persekitarannya.

Kajian ini turut dapat membantu peminat kesusasteraan mengetahui perkembangan kesusasteraan Tamil secara amnya dan cerpen khususnya. Tambahan pula, kajian ini dapat menjadi bahan rujukan kepada pengkaji lain dalam penyelidikan masing masing.

1.7 Batasan Kajian

Batasan kajian adalah penting untuk memastikan kajian yang dijalankan menuju ke hala tuju yang tepat tanpa terpesong daripada lingkup kajian. Kajian ini hanya berfokus pada cerpen yang dihasilkan oleh Kandan. Pengkaji memilih karya Kandan kerana beliau mengutarakan isu-isu masyarakat dalam cerpennya sehingga digelar sebagai ‘Cerpenis Masyarakat’ (Kandan Alagappan, 2017). Kandan telah menulis sebanyak 22 buah cerpen. Kajian ini dibataskan kepada 22 buah cerpen Tamil dalam kumpulan cerpen *Urimai Pōrāttam* yang diterbitkan pada tahun 2017. Kesemua cerpen ini dipilih oleh pengkaji kerana mengetengahkan pelbagai isu sosial dalam masyarakat Tamil Malaysia.

Cerpen-cerpen Kandan telah dikaji dari segi realiti kehidupan, unsur-unsur pengajaran dan kesesuaian dengan masyarakat. Kajian terhadap realiti kehidupan dapat memperjelas isu-isu atau masalah yang berlaku dalam masyarakat Tamil di Malaysia. Hal ini dapat membantu masyarakat Tamil untuk memilih kehidupan yang menjamin masa hadapan.

Jadual 1.1 menunjukkan senarai cerpen yang dipilih oleh pengkaji daripada kumpulan cerpen *Urimai Pōrāttam*.

Jadual 1.1

Senarai Cerpen dalam Kumpulan Cerpen Urimai Pōrāttam yang Dikaji

Tajuk Cerpen	Halaman	Bilangan Muka Surat
<i>Ilacciyam</i>	1-6	6
<i>Vāla Ninaittāl Vālalam</i>	7-15	9
<i>Ariyātanam</i>	16-22	7
<i>Ēmādrām</i>	23-34	12
<i>Putu Vālvu</i>	35-43	9
<i>Māriyatu Manam</i>	44-49	6
<i>Oru Pen Ninaittāl</i>	50-59	10
<i>Nilaiyillāta Kadavul</i>	60-65	5
<i>Kālam Pōdda Kōlam</i>	66-73	8
<i>Tiruvilā</i>	74-82	9
<i>Urimai Pōrāttam</i>	83-90	7
<i>Ilaya Samutāyam</i>	91-98	8
<i>Nūl Veliyōddu Vilā</i>	99-105	7
<i>Irandu Mananggal</i>	106-113	8
<i>Arpanippukku Tandanayā</i>	114-120	7
<i>Suya Nalam</i>	121-127	7
<i>Parantu Sendra Paingkili</i>	128-137	10
<i>Tevai Oru Pālar Palli</i>	138-146	9
<i>Nūl Nilayam Pōgalam Vāngga</i>	147-154	8
<i>Nānkam Talaimurai</i>	155-161	7
<i>Kadavul Amaitta vaitta Mēdai</i>	162-169	8
<i>Kālam Elutiya Tīrppu</i>	170-178	9

1.8 Sumber Kajian

Sumber kajian dibahagikan kepada sumber primer dan sumber sekunder. Pengkaji menggunakan kedua-dua sumber dalam penyelidikan ini.

1.8.1 Sumber Primer

Sumber primer dikenali sebagai sumber pertama ataupun sumber utama. Sumber primer merujuk kepada penemuan baru, penyelidikan asli, bahan yang diterbitkan atau tidak diterbitkan dan maklumat asal. Dalam kajian ini, cerpen-cerpen Tamil yang dihasilkan oleh Kandan akan digunakan sebagai sumber pertama. Sebanyak 22 buah cerpen yang terkandung kumpulan cerpen *Urimai Pōrāttam* dipilih sebagai bahan kajian. Cerpen-cerpen ini dipilih kerana jelas menggambarkan kehidupan realiti masyarakat Tamil di Malaysia.

1.8.2 Sumber Sekunder

Sumber sekunder dikenali sebagai sumber kedua. Sumber kedua ialah sumber yang telah diolah, bercetak atau tidak, hasil penilaian penyelidikan dan biasa dalam penilaian. Buku kritikan sastera, artikel, jurnal, surat khabar, majalah, dan buku perkembangan kesusasteraan Tamil digunakan sebagai sumber kedua.

1.9 Definisi Istilah

Definisi istilah adalah perlu untuk para pembaca memahami tajuk kajian ini, iaitu *'Realiti Kehidupan Masyarakat Tamil Dalam Kumpulan Cerpen 'Urimai Pōrāttam'*. Oleh itu, pengkaji akan memberi definisi dan huraian untuk beberapa istilah.

1.9.1 Cerpen

Cerpen ialah singkatan atau akronim kepada cerita pendek. Cerpen menjadi asas kesusasteraan sesuatu bahasa selepas novel dan puisi. Pada masa sekarang cerpen menjadi genre yang lebih popular kerana lebih pendek dan mudah difahami.

Cerpen pendek mengandungi 500 hingga 2000 patah perkataan, manakala cerpen panjang mengandungi 12,000 hingga 15,000 patah perkataan. Lazimnya, pengarang hanya akan mengemukakan satu tema dan plot sahaja dalam penulisan cerpennya. Watak yang dipaparkan dalam cerpen tidak banyak seperti dalam novel. Walau bagaimanapun, cerpen tetap mengandungi mesej yang ingin disampaikan oleh pengarang.

Menurut Abdul Samad Said Mohamed Said (1975), cerpen menjadi gambaran jelas tentang aliran pemikiran dan keadaan masyarakat pada sesuatu zaman tertentu. Hashim Awang (1998) mengatakan bahawa cerpen ialah bentuk cerita pendek yang membawakan suatu persoalan untuk menghasilkan suatu kesan yang indah.

Menurut Agilan, K. (2002), cerpen dilihat sebagai satu bentuk genre sastra yang mengetengahkan satu kejadian dengan menghuraikan satu masalah kehidupan yang berlaku di sekeliling kita melalui satu watak tertentu.

Krishnan, M. (1993), mengertikan cerpen sebagai suatu genre yang membawa kisah singkat yang menceritakan satu sudut kehidupan. Cerpen mempunyai tema, plot, watak, dan latar sebagai sifatnya.

Kesimpulannya, setiap cerpen yang dihasilkan bukan sahaja mencerminkan kehidupan sesuatu masyarakat pada zaman tertentu, malah penuh dengan mesej yang ingin disampaikan oleh penulis.

1.9.2 Realiti

Menurut Soanes, C. (2005), perkataan realiti bermaksud keadaan sesuatu sepertimana wujudnya. Jika diperluas lagi, kata realiti merujuk kepada suatu keadaan yang nyata dan bukannya khayalan.

Dunne, T. (2001), menyatakan bahawa perkataan *reality* berasal daripada perkataan Latin, iaitu *realia* yang bermaksud barang atau perkara. Manakala, realisme bermaksud pelajaran atau fahaman tentang keadaan yang benar-benarnya, cara berfikir dan kesenian yang berpegang kepada kebenaran yang nyata dan pada penyaksian pancaindera.

Drabble, M. (2000), menghuraikan realisme sebagai mempersembahkan dunia seperti sedia ada kepada audiens. Hal ini bertentangan dengan romantis yang hanya menekankan keinginan dan impian serta pendedahan diri kepada emosi yang indah.

Nochilin, L. (1971), menyatakan bahawa realisme mempunyai perkembangan sejarah dalam seni kiasan dan kesusasteraan. Realisme berkait rapat dengan isu-isu falsafah. Beliau menegaskan bahawa apa-apa yang wujud di dalamnya sendiri adalah benar, iaitu realiti. Oleh itu, realiti boleh disimpulkan sebagai sesuatu hakikat ataupun betul kewujudannya dan bukannya maya.

1.10 Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, liputan kajian yang penyelidik telah utarakan adalah tentang aspek kehidupan realiti dalam kumpulan cerpen Tamil *Urimai Pōrāttam*. Tambahan pula, pengkaji telah meneliti dan menghuraikan unsur-unsur pengajaran yang terdapat dalam cerpen pilihannya untuk mewujudkan kesedaran dalam kalangan pembaca. Kesesuaian realisme dalam kumpulan cerpen Tamil *Urimai Pōrāttam* turut telah dikaji untuk memastikan kesesuaian Menganalisis kesesuaian ciri-ciri realiti kehidupan masyarakat Tamil Malaysia yang terdapat dalam kumpulan cerpen *Urimai Pōrāttam* berdasarkan teori Sosiologi Sastera Model Pencerminan George Lukacs.

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Tinjauan atau kajian literatur adalah amat penting untuk setiap pengkaji. Kajian literatur akan membimbing seseorang penyelidik sehingga menyempurnakan kajiannya tanpa terpesong daripada objektif kajian. Kajian literatur akan memberi panduan dalam pemilihan teori yang bersesuaian dengan tajuk, prosedur mengumpul dan menganalisis data serta sebagai panduan menulis hasil kajian. Sehubungan ini, pengkaji membincangkan sejarah perkembangan genre cerpen yang merangkumi perkembangan cerpen di Eropah serta sejarah perkembangan cerpen Tamil di Tamil Nadu, India dan di Malaysia. Selain itu, pengkaji juga meninjau sejarah perkembangan penulisan karya cerpen A. Kandan. Di samping itu, pengkaji turut meneliti meneliti kajian-kajian yang berkaitan dengan realiti yang dijalankan dalam bahasa



lain memandangkan pengkaji tidak dapat mengesan sebarang kajian sedemikian dalam bahasa Tamil. Selain itu, pengkaji juga akan meninjau kajian-kajian cerpen Tamil yang dijalankan memandangkan tiada sebarang kajian dijalankan menggunakan sebarang karya sastera Kandan.

Sehubungan ini, pengkaji membincangkan sejarah perkembangan genre cerpen yang merangkumi perkembangan cerpen di Eropah serta sejarah perkembangan cerpen Tamil di Tamil Nadu, India dan di Malaysia. Selain itu, pengkaji juga meninjau sejarah perkembangan penulisan karya cerpen A. Kandan. Di samping itu, pengkaji turut meneliti kajian-kajian yang berkaitan dengan realiti yang dijalankan dalam bahasa lain memandangkan pengkaji tidak dapat mengesan sebarang kajian sedemikian dalam bahasa Tamil. Selain itu, pengkaji juga akan meninjau kajian-kajian cerpen Tamil yang dijalankan memandangkan tiada sebarang kajian dijalankan menggunakan sebarang karya sastera Kandan.



2.2 Sejarah Perkembangan Cerpen Tamil

Pengkaji telah meninjau sejarah perkembangan cerpen Tamil di Malaysia dan perkembangan cerpen Tamil di Tamil Nadu. Di samping itu, pengkaji juga meninjau sejarah perkembangan penulisan karya cerpen A. Kandan.





2.2.1 Sejarah Perkembangan Cerpen Tamil di Tamil Nadu

Kesusasteraan Tamil mempunyai sejarah yang sangat panjang. Menurut Muttamil Selvan (2006), sejarah kesusasteraan Tamil dapat dibahagikan kepada sembilan zaman, iaitu zaman sebelum sejarah (zaman sebelum masihi yang tidak dapat diukur), zaman sejarah (300 S.M), zaman *Cangam* (300 S.M -100 M), zaman aliran *Cangam* (100 M - 600 M), zaman Pallavar (690 M - 900 M), zaman Cholar (800 M -1200 M), zaman Nayakkar (1200 M-1600 M), zaman Eropah (1600 M -1947 M) dan zaman sekarang (selepas tahun 1947). Sejarah penulisan cerpen di India hanya bermula semasa zaman Eropah, iaitu pada abad ke-18 apabila hasil karya Veerama Munivar (*Paramārta Guru*) diterbitkan.

Menurut Krishnamoorthy (2005), kedatangan orang Eropah ke India telah membawa perkembangan dalam kesusasteraan Tamil, terutamanya dalam bidang penulisan prosa. Menurut Subash Chandra Bose (2008), karya-karya yang dihasilkan oleh Veerama Munivar pada abad ke-18 dan Barathiyar pada abad ke-19 hanyalah cerita dan bukan berbentuk cerpen. Subramanya Ayyar ialah orang pertama yang menghasilkan cerpen Tamil pada tahun 1912. Tajuk cerpen yang dihasilkan beliau ialah *Manggayarkkarasiyin Kaatal Muthaliya Kataikal*.

Varadarajan, M. (2007), menyatakan bahawa Navarasaneri Vengeda Subramanya Ayyar (yang lebih dikenali sebagai V.V.S Ayyar) ialah orang pertama yang memberi sumbangan dalam perkembangan cerpen Tamil. Selain menghasilkan cerpen yang bertajuk *Manggayarkkarasiyin Kaatal Muthaliya Kataikal*, beliau turut menterjemahkan cerpen Tagoor yang bertajuk *Kabulivala* dalam bahasa Tamil. Cerita-cerita pendek yang terdapat sebelum ini bukanlah cerpen malahan cerita pendek dari segi panjangnya.





Putumaipittan memulakan titik perubahan dalam perkembangan cerpen dan novel Tamil. Beliau mempunyai gayanya tersendiri dalam penulisan cerpen. Kesimpulannya, dapat dikatakan bahawa penulisan cerpen Tamil di India bermula pada zaman Subramanya Ayyar dan berkembang pesat semasa zaman Putumaipittan (Varadarajan, M. 2007).

2.2.2 Sejarah Perkembangan Cerpen Tamil di Malaysia

Menurut Baskaran Nadeson (1995), sejarah penulisan cerpen di Malaysia boleh dibahagikan kepada zaman permulaan (1930-1941), zaman Jepun (1942-1945), zaman penamatan kelas cerita (1946-1952), zaman sebelum merdeka (1953-1957), zaman selepas merdeka (1958-1969) dan zaman perkembangan semula (1970-1978).



Dari tahun 1980 sehingga 1997, pelbagai persatuan telah menganjurkan pertandingan menulis dalam usaha mengembangkan penulisan cerpen. Antaranya ialah Persatuan Bahasa Tamil Universiti Malaya, Persatuan Penulis Malaysia, Koperasi Permodalan Tanah Berhad (NLFCS), Persatuan Perwakilan Pelajar India Universiti Kebangsaan Malaysia dan Gerakan Barathithasan. Dari tahun 1998 hingga 2005, orang perseorangan telah menghulurkan sumbangan ke arah perkembangan cerpen Malaysia (Naveen Manogaran, 2016).

Penulisan cerpen Tamil di Malaysia mempunyai sejarah selama 80 tahun. Antologi cerpen yang bertajuk *Navarasa Kataamanjari* yang ditulis pada tahun 1930-an oleh Sinniah ialah titik permulaan dalam sejarah cerpen Malaysia. Antologi ini mengandungi lima buah cerpen dan mempunyai 100 halaman (Naveen Manogaran, 2016).





Menurut Thandayutam (1973) pula, cerpen Tamil di Malaysia bermula selepas terbitnya Novel *Karunasakaran Elatum Katalin Matci* oleh Vengadarathinam pada tahun 1940-an. Cerpen- cerpen pada zaman ini berlatarbelakangkan masyarakat Tamil di India.

Pada tahun 1958, Persatuan Penulis-penulis Tamil Malaya telah ditubuhkan. Persatuan ini memainkan peranan penting dalam perkembangan penulisan cerpen Tamil di Malaysia. Di samping itu, cerpen-cerpen yang dihasilkan selepas merdeka adalah lebih berbau tanah air berbanding sebelum ini (Karthigesu Renggasamy, 1973).

Ramayyah, M. (1996) menyatakan bahawa perkembangan penulisan cerpen di Malaysia berlaku selepas perang dunia pada tahun 1946. Sebanyak 30 buah antologi cerpen telah diterbitkan. Pada tahun 1946, kumpulan cerpen yang berjudul *Kadai simbantigalin kannir* oleh Ibrahim dan pada tahun 1947 pula diterbitkan *Marakka mudiyatu* oleh Anubutikkaiyan yang menerangkan kezaliman pihak tentera Jepun . Akhbar *Tamil Murasu* pada tahun 1947 dan *Tamilcudar* pada tahun 1948 turut memberi sumbangan ke arah perkembangan cerpen Tamil Malaysia. Pada tahun 1950-an, kelas-kelas Tamil telah ditubuhkan lalu mendorong penulis untuk terlibat dalam penghasilan karya cerpen.

Naveen Manogaran (2016), memberi kesimpulan bahawa perkembangan sejarah cerpen di Malaysia dapat dibahagikan kepada tiga gelombang. Gelombang pertama (1946-1952) memaparkan kehidupan masyarakat Malaysia. Gelombang kedua (1970-1979) membawa perubahan dalam corak pemikiran mengenai kesusasteraan moden. Dalam gelombang ketiga (2006-2012), penulis mengalihkan tumpuan daripada akhbar ke majalah dan bertindak bebas.





2.2.3 Sejarah Perkembangan Penulisan Karya Cerpen A. Kandan

Dalam kalangan cerpenis Tamil Malaysia yang berpengalaman, Kandan Alagappan ialah seseorang yang disanjung ramai. Beliau digelar sebagai ‘Cerpenis Masyarakat’ kerana mengutarakan isu-isu masyarakat dalam cerpennya (Kandan, A. 2017). Beliau menulis menggunakan nama samaran, iaitu ‘Tamilmagan’ dan ‘Valluvatasan’. Kandan dilahirkan pada tahun 1937 di Ladang Stratmashie, Bagan Datoh, Perak. Masyarakat India di sini menyebut ladang ini sebagai ‘Sanjikucci’ (*Makkal Osai*, 4 Jun 2017).

Kandan mendapat pendidikan awal sehingga darjah tujuh. Pada zaman tersebut, sesiapa yang berpelajaran sehingga darjah tujuh layak menjadi guru. Selepas merdeka, beberapa perubahan telah berlaku dalam sistem pendidikan Malaysia. Perubahan ini menyebabkan kelayakan darjah tujuh tidak lagi diterima untuk menjadi seorang guru. Hasrat Kandan untuk menjadi guru selepas darjah tujuh berkecai disebabkan perubahan ini. Beliau menyertai mogokan untuk membantah kelayakan baru yang disyorkan untuk menjadi guru (*Makkal Osai*, 4 Jun 2017).

Isu ini dapat diselesaikan setelah Tun V.T. Sambanthan @Tun Thiruyana Sambanthan bercampur tangan. Darjah tujuh dijadikan sebagai latihan perguruan. Namun, keadaan ini tidak kekal lama. Kementerian Pendidikan meletakkan syarat untuk menjadi guru adalah kelayakan (Malaysian Certificate of Education). Kementerian Pendidikan menghadapi masalah kekurangan guru pada masa tersebut. Oleh itu, guru-guru yang berkelayakan darjah tujuh mendapat peluang untuk terus berkhidmat di sekolah. Kandan telah berkhidmat di sekolah Tamil selama 34 tahun. Di samping bahasa Tamil, beliau turut mengajar kesusasteraan Tamil kepada pelajar-pelajar sekolah menengah (*Makkal Osai*, 4 Jun 2017).



Kandan telah menerbitkan 17 buah karya sehingga kini. '*Urimai Porattam*' ialah kumpulan cerpen beliau yang pertama. Beliau telah banyak menghasilkan novel pendek, drama dan karangan tetapi pilihan hatinya ialah cerpen. Beliau sebagai seorang penulis prolifik menceburi bidang penulisan ini selama 60 tahun. Walaupun sudah bersara sebagai guru, beliau tetap menjadi penulis sehingga kini (*Makkal Osai*, 4 Jun 2017). Berikut ialah karya-karya yang dihasilkan oleh Kandan.

Jadual 2.1

Judul Cerpen Hasil Karya A. Kandan

Bil	Judul Cerpen	Tahun Penerbitan
1	<i>Anbulla Tambi Tamilarasukku</i>	-
2	<i>Malēsiyāvil Tamil palliyum Tamil kalviyum</i>	1979
3	<i>Oru Tondanin Payanam Todarkiratu</i>	1980
4	<i>Anbukku Nān Adimai</i>	1982
5	<i>Kuralamutam</i>	1997
6	<i>Oru Siranta Talaivar</i>	1996
7	<i>Muttamilum Mukkaniyum</i>	1997
8	<i>Unnāl Mudiyaum Tambi</i>	1997
9	<i>Ilantamilā Vilittidu</i>	1996
10	<i>Mānavan Manivannan</i>	-
11	<i>Elucci</i>	1999
12	<i>Tamilum Samayamu</i>	-
13	<i>Ammā</i>	1998
14	<i>Tirukkural Vilakka Kataigal</i>	1998
15	<i>Vidiyalai Nōkki</i>	1998
16	<i>Tamil Ilakkanam (Vinā-Vidaigal)</i>	-
17	<i>Urimai Pōrāttam</i>	2017

Kandan telah mendapat pelbagai anugerah sehingga kini. Antaranya ialah Tamil Tondan pada tahun 1974 dan Makkal Eluttalar pada tahun 1997. Menurut Rajendran, bekas pengerusi Persatuan Penulis Tamil Malaysia, gelaran 'Cerpenis Masyarakat' telah diberikan oleh Datuk P. Sagadevan, iaitu Pengurus Besar Koperasi NLFCS pada tahun 1997 (Kandan, A. 2017). Di samping itu, beliau telah dianugerahkan Anugerah Pingat Pangkuan Negara (1980) oleh kerajaan Malaysia. Beliau sangat berbangga akan Anugerah 'Tamilavel Ko.

Saranggabani' yang dianugerahkan oleh Persatuan Penulis Malaysia. Hal ini kerana minat beliau terhadap bahasa dan kesusasteraan Tamil dicetuskan oleh Saranggabani melalui Kelab Bell Belia dan *Tamilar Tirunāl*.

Kandan sangat menitikberatkan isu yang dihadapi oleh masyarakatnya. Oleh itu, beliau memilih cerpen sebagai media untuk menyampaikan mesej kepada masyarakat. Beliau mengikuti gaya Varatarasan Munusamy untuk membincangkan isu dalam masyarakat melalui cerpen. Walaupun sudah berusia 80 tahun sekarang, Kandan masih bergiat aktif dalam bidang penulisan dan sumbangan beliau terhadap kesusasteraan Tamil akan disanjung selama-lamanya.

2.3 Sorotan Kajian

Pengkaji telah membuat tinjauan terhadap beberapa kajian berkaitan dengan tajuk penyelidikan. Pengkaji mendapati bahawa tiada kajian tentang realiti kehidupan dalam cerpen secara langsung dijalankan dalam Bahasa Tamil. Namun, perkara ini dikaji berdasarkan tajuk-tajuk lain yang ada kaitan secara tidak langsung dengan tajuk penyelidikan ini. Bab ini akan membincangkan kajian-kajian terdahulu yang mempunyai kaitan dengan tajuk kajian. Selain itu, pengkaji turut akan menjelaskan kajian-kajian sebelum ini yang melibatkan genre cerpen telah dijalankan. Pengkaji telah membuat tinjauan atas tesis ijazah falsafah dan tesis sarjana di beberapa universiti. Tinjauan literatur ini amat membantu pengkaji dalam menyiapkan tesis ini.



Berikutan ini, pengkaji telah meneliti kajian-kajian yang berkaitan dengan realiti yang dijalankan dalam bahasa lain memandangkan pengkaji tidak dapat mengesan sebarang kajian sedemikian dalam bahasa Tamil. Selain itu, pengkaji juga akan meninjau kajian-kajian cerpen Tamil yang dijalankan memandangkan tiada sebarang kajian dijalankan menggunakan sebarang karya sastera Kandan.

2.3.1 Kajian- Kajian Terdahulu Berkaitan dengan Realiti

Beberapa penyelidikan telah dijalankan sebelum ini tentang aspek realiti dan realisme. Hui, T.S. (2013) telah menghasilkan satu kajian Ph.D bertajuk *Scientific realism, relativism, and the problem of theory choice in science*. Objektif kajian adalah untuk membincangkan dan menganalisis implikasi teori pilihan dalam realisme saintifik, anti-realisme dan relativisme. Kajian ini memberi tumpuan terhadap masalah pemilihan teori dari segi realiti saintifik dan implikasinya. Pengkaji telah menggunakan kaedah perpustakaan untuk memperoleh maklumat.

Selain itu, Abdul Majid Jafari Saray (2011) telah menjalankan satu kajian di peringkat Ph.D bertajuk penyelidikan *'Fictional or Real?: Creation of Identities and Realities in selected Travel Books by V.S. Naipaul'*. Objektif penyelidikan ini adalah untuk menganalisis *Travel Book* Naipaul dan mendedahkan cara beliau memberi gambaran tentang idea-idea berkaitan kuasa dan cara seseorang yang memperoleh kuasa, mencipta identiti dan realiti kepada yang lain. Kajian ini membantu mengetahui cara golongan yang berkuasa mengawal *'power tools'* untuk mewujudkan dan mewakili realiti kepada yang lain dan juga untuk diri sendiri. Abdul Majid Jafari Saray (2011) telah menggunakan kaedah kepustakaan dan





'*electic approach*' untuk menghasilkan penyelidikan ini.

Hamid Redza Kasikhan (2008) telah menjalankan suatu penyelidikan yang bertajuk '*Principles of magical realism in Gabriel Garcia Marquez's 'One Hundred Years of Solitude', Gunter Grass's 'The Tin Drum', Ben Okri's 'The famished Road'*' untuk menyempurnakan tesis peringkat Ph.D. Kajian ini dijalankan berdasarkan perbandingan dan pendampingan tiga buah novel yang unggul hasil karya tiga orang penulis yang berwibawa. Ketiga-tiga penulis ini adalah dari tiga benua yang berlainan. Kajian beliau adalah untuk menilai sebaik mana mereka menggunakan prinsipal-prinsipal magik realisme dalam penulisan mereka. Kajian ini membincangkan ciri-ciri khayalan magik dalam ketiga-tiga novel. Karya mereka dianalisis dan dinilai berdasarkan *electrical method* dan *comparison and contrast methodology*. Kajian ini memberi tumpuan kepada magik realisme sahaja tetapi tidak membincangkan atau membandingkan aspek realiti dan fantasi dalam novel ketiga-tiga penulis tadi.

Yau, C.T. (2015) telah menghasilkan satu tesis peringkat sarjana yang bertajuk '*Realisme dalam cerpen cerpen dua penulis Mahua di Malaysia*'. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti pemikiran penulis karya Mahua melalui penelitian persoalan dan realiti hidup masyarakat Cina di Malaysia dalam cerpen Mahua. Kaedah analisis teks berpandukan Teori Cerminan Lukacs digunakan untuk menganalisis perwatakan dalam cerpen dari aspek budaya, pendidikan, ekonomi dan politik. Pengkaji telah menganalisis kesemua unsur realisme yang terdapat dalam cerpen pilihannya dari segi budaya, pendidikan, ekonomi dan politik. Pengkaji mendapati bahawa karya kedua-dua penulis Mahua mempunyai unsur-unsur realisme dan isu-isu yang sebenar. Kajian ini lebih memberi tumpuan kepada pemikiran penulis karya berbanding dengan implikasi kepada masyarakat.





Sementara itu, Kiron Latha (2012) turut menghasilkan tesis peringkat sarjana berdasarkan teori naratif. Tajuk tesis beliau ialah '*Magical realism : portraying the social and political conditions in Salman Rushdie's Midnight's Children and The Moor's Last Sigh*'. Kajian ini menganalisa cara magik realisme berfungsi sebagai satu bentuk penulisan yang mengkaji keadaan sosial dan politik dalam dua buah novel yang dikarya oleh Salman Rushdi. Novel-novel ini dipilih kerana beliau menulis dari jauh tentang keadaan sosial dan politik tanah airnya di India. Penyelidikan ini membandingkan magik realisme dengan fantasi dan surrealisme. Pengkaji mendapti magik realisme dalam kajian ini boleh dibandingkan dengan realisme yang sebenarnya supaya para pembaca dapat memahami kajiannya dengan lebih mendalam.

Selain itu, Tik Shaiza Arifin (2008) telah mengkaji realisme dalam novel yang dipilihnya untuk menghasikan tesis peringkat sarjana yang bertajuk '*Dickens and realism: An exploratory study of dickens's child protagonists against Erik Erikson's eight ages of man*'. Beliau telah mengaplikasikan kaedah analisis teks dan teori perkembangan psikososial dalam penyelidikan ini. Tujuan penyelidikan ini adalah untuk membandingkan novel pilihannya dengan lapan peringkat dalam teori Erik Erikson, iaitu peringkat oral, anal, lokomotor, latency, remaja, awal dewasa dan dewasa. Kajian beliau turut membantu pembaca untuk menilai karya Dickson yang menggambarkan masalah masyarakat zaman Victoria dari sudut pandangan realisme.

Di samping itu, Khairulnizam Mat Karim (2005) telah membuat kajian mengenai realiti aplikasi untuk menyempurnakan tesis peringkat sarjana. Tajuk kajian ialah '*Realiti aplikasi dialog antara agama di Malaysia: Kajian terhadap Inter-Faith Spritual Fellowship (INSaF) dan Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya*'. Tujuan kajian ini adalah untuk





mengkaji dan meneliti sejarah perkembangan serta realiti aplikasi dialog antara agama yang berkembang di Malaysia. Penyelidik telah mengkaji dengan lebih mendalam realiti aplikasi dialog antara agama di Malaysia yang mula bertapak dan mendapat perhatian serius dalam kalangan pemimpin agama, para sarjana, badan bukan kerajaan, majlis-majlis setiap agama dan aktivis masyarakat bermula sekitar tahun 1980an.

Selanjutnya, Natasha Mohd Hishamudin (2002) turut menjalankan satu kajian bertajuk '*The union of fantasy and reality: Exploring realism in selected works by Janet Frame*'. Beliau telah mengkaji hasil karya Janet frame yang terpilih untuk menilai realitinya dalam kehidupan manusia seharian. Beliau menggunakan kaedah analisis teks untuk memproses data dalam hasil penulisan Janet Frame.

Seterusnya, Chew, Y.M. (1997) turut menjalankan kajian beliau dengan menggunakan realisme. Kajian ini dijalankan untuk menyempurnakan tesis peringkat sarjana. Tajuk penyelidikan ini ialah *Moral Realism*. Tujuan kajian beliau adalah untuk menilai realiti moral dan apa-apa yang terbabit dalam menjadi realiti moral. Beliau juga ingin mengenal pasti teori formulasi moral yang sedia ada.

Seorang lagi sarjana, iaitu Ding, S.L. (1995) telah menghasilkan tesis bertajuk '*Ideal and reality: A study of Qian Qianyi, Gu Yanwu and Kong Shangren in early Qing Dynasty*'. Penyelidikan ini merupakan kajian perbandingan asal usul serta sifat-sifat kesederhanaan untuk mentadbir negara antara tiga orang tokoh sasterawan yang terkenal pada zaman peralihan Ming-Ming, iaitu Qian-Qianyi, Gu Yanwu and Kong Shangren. Sebagai kesimpulan, Seong Lin menyatakan bahawa sifat-sifat ideal seseorang itu yang akan menentukan realiti walaupun rakyat biasa mahupun pemerintah.



Selain itu, Tan, Y.G. (1986) seorang sarjana telah menyempurnakan penyelidikan beliau bertajuk '*Perception and direct realism*'. Beliau menyatakan bahawa kajian ini sebagai usaha untuk mempertahankan teori persepsi yang dikenali '*Direct realism*'. Tujuan penyelidikan ini adalah untuk menerangkan beberapa istilah dalam ciri-ciri '*direct realism*'. Beliau membahagikan kajian ini kepada tiga bab, iaitu penjelasan daripada ilusi, halusinasi dan teori fizikal. Tan menggunakan '*Direct Realist Theory of Perception*' untuk kajian ini. Tan mendapati bahawa tidak ada sesuatu yang menegaskan bantahan terhadap *direct realism*. Oleh itu, *direct realism* dapat disimpulkan sebagai teori berupaya falsafah mengenai persepsi.

2.3.2 Kajian-Kajian Terdahulu Berkaitan Dengan Cerpen Tamil

Kajian terhadap realisme dalam sastera tidak begitu banyak, tetapi pelbagai kajian lain melibatkan cerpen telah banyak dijalankan. Saravanan Veeramuthu (2010) telah menjalankan satu kajian yang bertajuk *Citra Identiti Budaya Masyarakat India: satu Perbicaraan Cerpen Melayu Karya Cerpenis India*. Sumber kajian beliau ialah cerpen-cerpen Melayu. Oleh itu, tesis peringkat kedoktoran ini menjelaskan kehidupan dan kebudayaan masyarakat India dalam dunia penulisan kesusasteraan Melayu. Kajian ini adalah berdasarkan Modul Pembentukan Identiti Phinney dan Modul Tahap Akulturasi Sue dan Sue. Kaedah analisis teks telah digunakan untuk menghasilkan penyelidikan ini.

Senthamarai Punusamy (2018) telah menghasilkan satu kajian bertajuk '*Perpektif nilai kemanusiaan dari cerpen I.Elavazhagu*'. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti nilai-nilai kemanusiaan, menganalisis unsur-unsur pengajaran dan mengaitkan keberkesanan nilai-nilai kemanusiaan yang terkandung dalam cerpen Elavazhagu dalam pembentukan



sahsiah pembaca. Penyelidik melakukan kajian ini untuk mengetengahkan nilai-nilai kemanusiaan yang terpapar dalam cerpen Elavazhagu. Pengkaji berharap agar kajian ini dapat mengukur sejauh mana mesej kemanusiaan yang hendak disampaikan oleh penulis cerpen ini. Pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif, analisis kandungan teks dan kaedah perpustakaan dalam kajian ini.

Puspavalli Sathival (2017) telah menjalankan satu penyelidikan peringkat sarjana bertajuk '*Aspek meyp̄pātu dalam cerpen remaja Tamil Malaysia*'. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti aspek *meyp̄pātu* dalam cerpen remaja Tamil Malaysia dan meninjau ciri persamaan serta perbezaan antara situasi *meyp̄pātu* seperti yang dinyatakan oleh Tolkāppiyar. Kaedah yang digunakan oleh pengkaji adalah kaedah analisis teks dan kajian kepustakaan. Kajian ini dijalankan berdasarkan teori *meyp̄pāṭṭiyal* yang diutarakan oleh Tolkāppiyar dalam karya tatabahasanya, iaitu *Tholkāppiyam*. Pengkaji mendapati bahawa kajian ini menunjukkan cerpen remaja Tamil Malaysia mengandungi lapan aspek *meyp̄pātu*, iaitu *nakai*, *alūkai*, *ilivaral*, *maruṭkai*, *accam*, *perumitam*, *vekuḷi* dan *makiḷcci*. Pengkaji dapat membuktikan bahawa aspek *meyp̄pātu* dapat memaparkan naluri perasaan remaja dalam cerpen remaja Tamil Malaysia.

Kavri Krishnasamy (2015) telah memilih tajuk '*Nilai sosiobudaya Ramayana dalam cerpen-cerpen Tamil di Malaysia*' untuk menghasilkan tesis peringkat sarjana. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti, membandingkan persamaan dan menganalisis perbezaan nilai sosiobudaya Ayoadhya Kanda Ramayana dengan cerpen Tamil Malaysia terbitan akhbar Tamil Nesan tahun 2012. Kajian ini berpandukan intertekstualiti Julia Kreteva. Kaedah kajian kepustakaan telah digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan sumber maklumat. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa nilai sosiobudaya, iaitu





hubungan kekeluargaan, pentadbiran, persahabatan, budaya mengundang tatamu, khidmat masyarakat dan nilai kesederhanaan yang diperlihatkan dalam karya sastera Ramayana masih dipaparkan dalam cerpen Tamil Malaysia. Dapatan kajian turut menjelaskan bahawa terdapat nilai yang menyimpang dari segi adat dan budaya masyarakat. Setelah pengkaji membuat analisis secara keseluruhan, didapati bahawa nilai sosiobudaya Ramayana kurang diterapkan dalam cerpen Tamil Malaysia tahun 2012.

Latah Murugesu (2015) telah menjalankan satu kajian bertajuk '*Nilai kemanusiaan dalam kumpulan cerpen Mu. Anbuchelvan dari perspektif teori moral*'. Kajian ini dihasilkan untuk mengenal pasti nilai kemanusiaan, menganalisis unsur pengajaran dan meneliti aspek kesannya terhadap watak dan perwatakan yang terpapar dalam kumpulan cerpen Mu.Anbuchelvan. Dalam kajian kualitatif ini, dua jenis kaedah yang terdiri daripada kaedah kepustakaan dan analisis teks digunakan. Pengkaji menggunakan teori moral untuk mengkaji kumpulan cerpen Mu.Anbuchelvan ini. Hasil dapatan kajian merumuskan bahawa terdapat lapan nilai kemanusiaan dalam kumpulan cerpen Mu.Anbuchelvan, iaitu nilai kemanusiaan, keinsafan, pengorbanan, kasih sayang, tanggungjawab, pemurah, ketaatan, bantu-membantu dan nilai maruah diri. Pengkaji mendapati bahawa nilai kemanusiaan amat penting dan perlu diaplikasi dalam kehidupan seharian.

Komathi Vayapuri (2015) telah menjalankan satu kajian bertajuk '*Analisis masalah sosial dalam cerpen karya M. Ramaiah*'. Tujuan kajian ini adalah untuk menganalisis masalah sosial masyarakat India yang dipaparkan dalam cerpen M. Ramaiah. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti masalah sosial yang dipaparkan, menganalisis tujuan penggunaan masalah sosial dan menilai kesesuaian masalah sosial yang dibincangkan dalam cerpen-cerpen M. Ramaiah berdasarkan cara kehidupan moden masyarakat India di





Malaysia. Pengkaji telah menggunakan dua jenis kaedah dalam kajian ini, iaitu kaedah kepustakaan dan kaedah temu bual. Teori pencerminan Georg Lukacs dan teori genetik Lucian Goldmann telah digunakan dalam kajian ini. Hasil kajian membuktikan bahawa cerpen-cerpen M.Ramaiah berjaya mencerminkan masalah sosial sebenar yang dialami oleh masyarakat India di Malaysia. Pengkaji berharap kajian ini dapat membantu mengurangkan masalah sosial kaum India di Malaysia yang semakin meningkat.

Puspa Nathan Naharajah (2014) telah membuat satu kajian melibatkan genre cerpen yang bertajuk *Wanita dalam cerpen-cerpen R. Karthigesu*. Objektif umum kajian beliau adalah mengkaji sejauh mana karya-karya yang dihasilkan oleh pengarang dapat menyerlahkan kehidupan wanita. Beliau ingin menyuarakan suara hati wanita dengan cara, gaya, dan bahasa mereka tersendiri. Perbincangan kajian ini difokus kepada jenis watak wanita dan gambaran citra wanita dalam cerpen-cerpen beliau. Kajian ini hanya memberi tumpuan dari perspektif gender dan penekanan ini tertumpu kepada pandangan streotaip masyarakat mengenai wanita dalam hasil karya R. Karthigesu. Kajian ini juga mendedahkan aspek kelainan yang terdapat dalam penulisan beliau dan sebabnya serta membincangkan cara aspek kelainan ini mempengaruhi kesusasteraan Tamil Malaysia. Objektif khusus yang ingin dicapai beliau adalah menganalisis jenis watak wanita, menilai gambaran citra pemikiran watak wanita dan melihat usaha penulis menggambarkan pandangan streotaip masyarakat terhadap wanita dalam cerpen-cerpen nukilan R. Karthigesu.

Aveliar Muthusamy (2014) ialah seorang lagi penyelidik yang telah mengkaji genre cerpen untuk mrnghasilkan kajian bertajuk *'Imej wanita dalam cerpen karya Na. Maheswari*. Kajian ini dapat menggambarkan imej wanita dalam karya cerpen Na. Maheswari yang mencerminkan cara hidup dan budaya masyarakat Tamil Malaysia. Tujuan kajian ini adalah





untuk meneliti cerpen penulis-penulis Tamil Malaysia bertemakan isu wanita, mengkaji perwatakan wanita tradisi dan perwatakan berunsur feminisme dalam cerpen-cerpen Na. Maheswari. Kajian ini hanya memfokuskan imej wanita Tamil, iaitu perwatakan wanita Tamil tradisi, perwatakan wanita Tamil moden dan perwatakan wanita berunsur feminisme yang telah dilakukan oleh Na. Maheswari. Beliau telah menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif dan temubual untuk menyempurnakan kajian ini.

Ravindaran Maraya (2012) telah menghasilkan satu kajian bertajuk '*Penggambaran citra wanita dalam cerpen Tamil Malaysia 1970-2010: Kajian berasaskan teori arketaipal*'. Penulis cerpen didapati menggambarkan peranan wanita mengikut perubahan zaman. Kajian ini membantu melihat citra wanita yang dipaparkan dalam cerpen-cerpen Tamil Malaysia. Kajian ini memberi tumpuan kepada unsur-unsur pemikiran wanita dan perkembangannya dalam kalangan penulis tempatan. Kajian ini merumuskan bahawa pendekatan arkeitapal menjadi asas utama untuk menggambarkan perwatakan wanita dalam organisasi kekeluargaan. Beliau menggunakan kaedah analisis teks dan kepustakaan untuk menghasilkan tesis ini.

Bakiyaletchumy (2012) turut mengkaji genre cerpen untuk menghasilkan kajian bertajuk '*Kajian kehidupan masyarakat India melalui cerpen karya Balamurugan*'. Kajian beliau menghuraikan masalah sosial, ekonomi dan pendidikan yang wujud dalam kalangan masyarakat India. Penulis cerpen telah menggambarkan realiti hidup masyarakat India dalam karyanya. Tumpuan diberikan terhadap masalah dari segi ekonomi kaum India. Beliau menggunakan kaedah analisis teks dan kepustakaan untuk mendapatkan maklumat untuk menghasilkan kajian ini.





Segaran Muthapan (2011) telah menjalankan satu penyelidikan berdasarkan genre cerpen dengan menggunakan pendekatan analisis deskriptif dan analisis kritikan sastra. Beliau telah mengkaji isu-isu sosial dan budaya dalam kajiannya yang bertajuk '*Kajian tema karya-karya V. Munian*'. Hasil kajian Segaran menjelaskan bahawa karya-karya V. Munian merangkumi pelbagai aspek seperti sosial, budaya, pemikiran dan corak hidup masyarakat Tamil di Malaysia.

Jayanthi Palaniandy (2011) telah menjalankan satu kajian yang bertajuk '*Pemindahan lexis bahasa Inggeris dalam cerpen Tamil*'. Pengkaji telah mengumpulkan cerpen-cerpen yang disiarkan dalam akhbar tempatan selama enam bulan. Kajian ini dijalankan dari aspek tata bahasa. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis kata pinjaman bahasa Inggeris yang digunakan dalam cerpen Tamil.



Kalaivani Palaney (2011) telah menghasilkan satu kajian yang bertajuk '*Kajian isu-isu semasa dalam cerpen Tamil terbitan akhbar Malaysia Nanban*'. Objektif kajian beliau adalah untuk mengkaji sumbangan dan peranan akhbar *Malaysia Nanban* dalam perkembangan cerpen di Malaysia. Selain itu, beliau ingin mengkaji isu-isu semasa yang dibicarakan dalam cerpen Tamil *Malaysia Nanban* di samping menganalisis isu-isu sosial semasa yang dipaparkan oleh cerpenis Tamil Malaysia.

Kajian ini memfokus dan mengkisahkan cerpen yang mencerminkan isu-isu semasa seperti kebudayaan, isu-isu dalam kalangan wanita, warga tua, sosial, pendidikan, ekonomi dan sebagainya yang terdapat dalam kalangan masyarakat India di Malaysia. Kajian ini merupakan kajian pelapor dalam bidang ini dan akan menjadi panduan kepada pengkaji-pengkaji tempatan yang berkecimpung dalam bidang penyelidikan kesusasteraan Tamil





kelak. Beliau telah menggunakan kaedah analisis kandungan bagi membuat penelitian terhadap cerpen-cerpen yang dikaji dan kemudian cerpen-cerpen ini diolah dalam analisa supaya maklumat yang diperoleh lebih bersifat khusus mengikut kehendak tajuk kajian. Kalaivani Palaney menggunakan kaedah analisis kritikan untuk membuat kritikan terhadap cerpen-cerpen yang dikaji. Justeru, cerpen cerpen yang dihasilkan oleh cerpenis telah dilihat secara kritikal dan huraian telah dibuat berdasarkan peristiwa dan kejadian yang dikemukakan. Beliau turut memberi pandangan terhadap soal-soal kehidupan dan pegangan masyarakat India dalam kehidupan seharian. Selain itu, kaedah temubual turut digunakan untuk mendapatkan maklumat mengenai asal-usul dan sejarah perkembangan, objektif pengeluaran dan sejauh mana akhbar *Malaysia Nanban* dapat memainkan peranan dalam memberi sumbangan kepada kemajuan masyarakat India.



Jesuthas (2010) telah membuat satu kajian melibatkan genre cerpen yang bertajuk '*Cerpen cerpen karya M. Shanmugasiva*'. Kajian ini memfokuskan tema dan struktur. M. Shanmugasiva banyak membincangkan isu-isu yang berlaku dalam kalangan masyarakat India. Beliau memberi tumpuan kepada masyarakat India di estet yang jauh ketinggalan dari segi sosial dan ekonomi. Karya-karya beliau penuh dengan pengajaran supaya masyarakat India dapat memajukan diri mereka sama seperti kaum lain di Malaysia.

Seterusnya, Ammini Ayavvo (2010) turut memilih genre cerpen untuk menghasilkan kajian beliau. Beliau membincangkan isu-isu kekeluargaan dan keruntuhan moral dalam masyarakat Tamil di Malaysia secara amnya dan masyarakat Tamil Johor secara khususnya dalam penyelidikan yang bertajuk '*Kajian tema cerpen karya penulis-penulis Tamil negeri Johor (1950-2010)*'. Kajian ini dapat menggambarkan kehidupan masyarakat Tamil Johor dengan jelasnya. Di samping itu, kajian ini turut menerangkan perkembangan cerpen-cerpen





Tamil di Malaysia dari zaman sebelum merdeka sehingga hari ini.

Selain itu, Kunaseelan Subramaniam (2009) telah mengkaji tema dan persoalan dalam cerpen-cerpen M.A Ilanchelvan untuk menghasilkan tesis peringkat sarjana. Beliau telah mengkaji isu-isu sosial dalam masyarakat India Malaysia yang dipaparkan oleh cerpenis M.A. Ilanchelvan. Beliau turut meneliti tanggapan masyarakat India mengenai perubahan unsur-unsur sosial dalam system kekeluargaan dan kehidupan mereka dari tahun 1960-an hingga 1980-an. Kunaseelan Subramaniam turut menilai pandangan dan fikiran masyarakat India Malaysia terhadap unsur-unsur sosial dan kehidupan. Kajian beliau dapat menemui cara dan corak pemikiran seorang penulis cerpen Tamil tempatan yang membawa pelbagai mesej yang perlu dihayati oleh generasi kini dan akan datang. Kajian ini turut dapat mengenal pasti corak kehidupan masyarakat India di Malaysia dan isu-isu sosial yang dihadapi oleh mereka dari tahun 1960-an hingga 1980-an di negara ini. Kajian ini juga dapat menambahkan bilangan kajian cerpen Tamil Malaysia yang ternyata begitu terhad.

Tambahan pula, Annaletchumy (2008) telah menghasikan satu penyelidikan yang bertajuk *Satu kajian dalam karya cerpen N. Mageswari*. Annaletchumi mendapati bahawa cerpenis N. Nageswari memberi keutamaan kepada kaum wanita dalam cerpen-cerpennya. N. Mageswari didapati menekankan pandangannya bahawa sikap menghormati kaum wanita yang perlu dipupuk oleh masyarakat dan mereka juga setanding dengan lelaki dalam pelbagai bidang. Annaletchumy mendapati bahawa penulis turut memberi perhatian terhadap pelbagai isu lain seperti sosial, budaya dan ekonomi di samping masalah kaum wanita dalam cerpennya.





Maniyarasan Muniandy (2007) telah membuat satu kajian yang bertajuk '*Kata pinjaman bahasa Melayu dalam bahasa Tamil di Malaysia: Satu kajian semantik dalam antologi cerpen Pērawaik Kataikal 1986-2004*'. Kajian ini secara khususnya meneliti kata pinjaman bahasa Melayu yang terdapat dalam antologi cerpen *Pērawaik Kataikal* dan secara amnya bertujuan mendaftar kata pinjaman bahasa Melayu dalam bahasa Tamil, mengklasifikasikan kata pinjaman bahasa Melayu kepada kata pinjaman asimilasi penuh, kata pinjaman separuh asimilasi dan kata pinjaman tanpa asimilasi serta mencadangkan gaya penulisan dan pertuturan bahasa Tamil yang mengandungi kata pinjaman bahasa Melayu ini diterima pakai sebagai 'Malaysian Tamil'. Sebanyak 261 buah cerpen bahasa Tamil dari antologi cerpen *pērawaik kataikal* telah dibaca dan diteliti untuk memetik data oleh Maniyarasan Muniandy. Skop pemilihan cerpen ialah dari tahun 1986 hingga tahun 2004, iaitu merangkumi jangka masa 19 tahun. Sebanyak 96 kata pinjaman Bahasa Melayu digunakan dalam frasa-frasa yang digunakan dalam cerpen tersebut. Beliau telah menggunakan kaedah kepustakaan dan pendekatan analisis data untuk mengumpulkan data yang diperlukan.

Balu Subramaniam (2007) telah mengkaji *Cerpen karya Puspaleelavathy (Pāvai): Satu kajian tema*. Dalam kajian ini, pengkaji cuba menghayati dan meneliti tema-tema yang terkenal dan popular dalam hasil karya Pāvai. Pengkaji yakin bahawa kajian ini akan memberi peluang kepada para cerpenis untuk meningkatkan mutu hasil karya lagi mereka pada masa hadapan. Kajian ini juga diharap akan menjadi contoh dan panduan kepada pengkaji yang lain pada masa akan datang. Pengkaji telah berusaha menghayati dan menghalusi maksud yang terpendam dalam setiap karya cerpen Pāvai. Sebilangan besar hasil karya Pāvai adalah berkisar di bandar. Di samping itu, Pāvai juga menggunakan tema wanita dan masalah kekeluargaan untuk tujuan kritikan. Balu Subramaniam mendapati bahawa





cerpen Pāvai membicarakan masalah sosial dalam kalangan belia, kepentingan keutuhan diri kepada manusia, aspek kemiskinan, kepentingan diri dan cabaran hidup.

Veeramohan Veeraputhran (2007) telah menghasilkan satu kajian peringkat sarjana dengan menyelidik cerpen Tamil Malaysia. Tajuk kajian beliau ialah *Pemaparan unsur Ramayana dan Mahabharata dalam cerpen Tamil Malaysia (1957-1987)*. Kajian ini mempunyai beberapa objektif. Veeramohan Veeraputhran telah meninjau sejarah perkembangan cerpen Tamil Malaysia. Di samping itu, beliau juga meneliti sejauh mana unsur-unsur Ramayana dan Mahabharata digunakan dalam penciptaan cerpen Tamil Malaysia. Beliau turut mengenal pasti tujuan penggunaan dan keberkesanan unsur-unsur Ramayana dan Mahabharata dalam penulisan cerpen. Kajian ini memberi tumpuan terhadap aspek nilai kehidupan dan falsafah kehidupan manusia pada zaman purba. Pengkaji menggunakan kaedah kepustakaan dan temubual dalam penyelidikan ini.



Annadurai Murogaiah (2007) menjalankan kajian terhadap cerpen-cerpen dalam antologi *Pēravaik Kataikaḷ* terbitan Persatuan Bahasa Tamil Universiti Malaya (PBTUM). Skop kajiannya meliputi tema-tema popular yang dipaparkan dalam cerpen Tamil Malaysia. Sebanyak 189 buah cerpen telah dipilih daripada 15 siri antologi cerpen. Tesis ini mengangkat martabat serta mendedahkan usaha institusi pengajian tinggi, iaitu PBTUM Universiti Malaya sebagai perangsang kepada pembinaan sastera Tamil Moden. Kajian ini diharap dapat membantu golongan cerpenis Tamil, baik yang berpengalaman mahupun yang baru berjinak-jinak dengan sastera dan meneroka tema dan persoalan yang lebih global dan mencabar. Kajian ini memberi pengiktirafan kepada mutu karya berbahasa Tamil, khususnya karya antologi cerpen secara tidak langsung. Annadurai Murogaiah menggunakan kaedah teori mimetik, teori ekspresif analisis kandungan dan temubual.





Umadevi Brabakaran (2007) telah membuat satu kajian dengan menyelidik cerpen-cerpen Tamil Malaysia. Tajuk penyelidikan beliau ialah '*Isu-isu semasa dalam cerpen Tamil Malaysia 1990-2006*'. Hasil kajian beliau mendapati bahawa cerpen-cerpen ini membincangkan cara kehidupan masyarakat India dari segi sosial, budaya dan ekonomi. Karya cerpen dari tahun 1990 hingga 2006 ini dapat mencerminkan perubahan yang berlaku dalam kalangan masyarakat India dari segi pemikiran dan sosial. Kaedah analisis teks dan kepustakaan telah digunakan oleh Umadevi Brabakaran (2007) untuk mendapatkan maklumat.

2.4 Kesimpulan

Setelah meneliti pelbagai tesis peringkat Ph.D dan sarjana, pengkaji mendapati bahawa kajian berkaitan dengan realiti kehidupan dalam cerpen adalah kurang dijalankan. Penyelidik sebelum ini lebih memberi fokus kepada realisme magik dan perhubungan antara bangsa. Oleh itu, dapat dikatakan bahawa kebanyakan kajian yang dijalankan berkisar pada sekeliling realisme yang berkaitan dengan seni ataupun politik. Setakat ini, pengkaji tidak dapat mengesan sebarang kajian yang dijalankan tentang kehidupan realiti masyarakat Tamil melibatkan genre cerpen. Justeru, pengkaji berasa ada wujudnya kelompangan untuk dikaji. Oleh itu, pengkaji telah memilih tajuk "Realiti Kehidupan Masyarakat Tamil Malaysia Dalam Kumpulan Cerpen *Urimai Pōrāttam*" dengan memilih cerpen nukilan Kandan sebagai bahan penyelidikan ini kerana kesemua cerpennya penuh dengan unsur realisme yang berkaitan dengan kehidupan masyarakat Tamil Malaysia.





BAB 3

METODOLOGI KAJIAN



3.4 Pengenalan


Bab ini telah membincangkan metodologi penyelidikan yang digunakan untuk menjalankan kajian ini. Metodologi kajian merujuk kepada kaedah-kaedah yang digunakan untuk menjalankan sesuatu penyelidikan. Kaedah yang digunakan sebenarnya adalah suatu bentuk kawalan dalam memperolehi data dan maklumat supaya dapat mencapai objektif-objektif dalam bab pengenalan. Bagi melaksanakan penyelidikan ini pengkaji telah memberi penekanan kepada reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan pendekatan, iaitu teori realisme sosial.



3.5 Reka Bentuk Kajian

Sulaiman Masri (2003) menyatakan bahawa reka bentuk kajian ialah perancangan yang menentukan cara penyelidikan dijalankan untuk menemukan jawapan kepada permasalahan penyelidikan yang telah ditetapkan dalam bab pengenalan. Pengkaji telah menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif deskriptif untuk menganalisis realiti kehidupan masyarakat Tamil Malaysia dalam kumpulan cerpen yang dipilih iaitu kaedah analisis teks dalam penyelidikan ini.

3.6 Kerangka Kajian



Rajah 3.1. Kerangka Kajian



3.4 Kaedah Kajian

Penyelidikan ini ialah satu kajian yang menggunakan kaedah kualitatif. Menurut Patton (2002), kaedah kualitatif merujuk kepada pendekatan yang *natural* atau semula jadi untuk memahami suatu yang konteks. Tujuan kaedah ini adalah untuk memahami konteks kajian tanpa memanipulasi apa-apa situasi sebenar. Oleh itu, penggunaan kaedah kualitatif dapat menggambarkan kehidupan sebenar masyarakat Tamil di Malaysia yang terpapar dalam cerpen *Urimai Pōrāttam* dengan jelasnya.

3.4.1 Kaedah Analisis Teks

Kaedah analisis teks ialah proses menganalisis yang meliputi analisis kandungan teks dan data yang dikumpulkan sepanjang kajian ini. Kaedah analisis teks merujuk kepada penyelidikan meneliti atau memeriksa sesuatu teks atau wacana. Kaedah ini digunakan untuk mengupas realiti kehidupan masyarakat Tamil dalam kumpulan cerpen *Urimai Pōrāttam* nukilan Kandan. Kajian ini adalah berdasarkan teks cerpen yang sudah diterbitkan. Oleh itu, penyelidikan ini dilakukan dengan sumber asal, iaitu 22 buah cerpen dalam kumpulan cerpen *Urimai Pōrāttam* berdasarkan objektif kajian.

Kaedah analisis teks dijalankan dengan kajian kepustakaan. Oleh sebab kajian ini dibuat berdasarkan teks-teks serta bahan-bahan yang sudah pun diterbitkan, kaedah analisis teks adalah amat sesuai digunakan bagi tujuan penyelidikan ini untuk memastikan kajian yang dibuat berjalan dengan lancar dan bersistematik. Kajian kepustakaan ialah usaha yang dilakukan oleh pengkaji atau peneliti untuk menghimpun segala maklumat yang bersesuaian





dan relevan dengan masalah atau topik yang akan atau sedang diteliti. Bahan-bahan yang akan diperoleh untuk kajian ini adalah seperti buku, bahan ilmiah, tesis dan bahan-bahan rujukan daripada sumber yang lain. Kajian kepustakaan ini dijalankan untuk membuat rujukan tentang definisi istilah yang terdapat dalam tajuk yang dikaji dan mencari kajian masa lampau oleh tokoh-tokoh yang berkait rapat dengan tajuk yang dikaji oleh pengkaji.

Sepanjang proses mencari maklumat di perpustakaan ini, banyak perpustakaan telah dikunjungi oleh pengkaji. Tujuan utama pengkaji adalah untuk mengumpul bahan-bahan lama dan baru yang berguna untuk kajian ilmiah dijalankan. Antara perpustakaan yang dikunjungi ialah Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Akademik Pengajian Melayu Universiti Malaya, Perpustakaan Peringatan Za'ba Universiti Malaya, Perpustakaan Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Perpustakaan Negara.



Selain itu, pengkaji juga telah menggunakan pelbagai jenis buku dari tahun-tahun penerbitan yang terdahulu hinggalah sekarang. Pengkaji juga tidak terlepas daripada merujuk latihan ilmiah oleh pengkaji-pengkaji yang lepas. Rujukan bahan-bahan tersebut banyak membantu pengkaji dari segi ilmu dan sebagai panduan dalam menyiapkan disertasi ini.

Penyelidikan ini telah menggunakan kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data bagi tujuan mengumpulkan data. Kaedah dokumentasi pula digunakan untuk meneliti sebanyak mungkin dokumen dan bahan bacaan bagi mendapatkan maklumat dan gambaran yang jelas serta menyeluruh berkenaan persoalan yang dikaji. Bagi tujuan menganalisis data, kaedah sintesis digunakan. Melalui kaedah ini data dan fakta yang diperoleh telah dianalisis berdasarkan objektif kajian.



Cara pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah analisis kandungan yang dilakukan secara kualitatif. Kaedah ini digunakan untuk mengkaji secara lebih objektif dan sistematik kandungan teks berkenaan. Terdapat tiga langkah penting dalam kaedah analisis kandungan, iaitu:

- i. Pembacaan data
- ii. Pemilihan data
- iii. Pembahagian data

3.4.1.1 Pembacaan Data

Pengkaji telah membaca dan meneliti sebanyak 22 buah cerpen yang terkandung dalam kumpulan cerpen *Urimai Pōrāttam*. Cerpen- cerpen tersebut disenaraikan dalam jadual 4.1.

Jadual 3.1

Tajuk-tajuk dalam Kumpulan Cerpen Urimai Pōrāttam

Bil.	Tajuk Cerpen
1	<i>Ilacciyam</i>
2	<i>Vāla ninaittāl vālalam</i>
3	<i>Ariyātanam</i>
4	<i>Ēmādrām</i>
5	<i>Putu vāl̥vu</i>
6	<i>Māriyatu manam</i>
7	<i>Oru pen ninaittāl</i>
8	<i>Nilayillāta Kadavul</i>
9	<i>Kālam pōdda kōlam</i>
10	<i>Tiruvilā</i>
11	<i>Urimai pōrāttam</i>
12	<i>Ilaya samutāyam</i>
13	<i>Nūl Veliyittu vila</i>
14	<i>Irandu mananggal</i>
15	<i>Arpanippukku tandanayā</i>

(bersambung)

Jadual 3.1 (sambungan)

Bil.	Tajuk Cerpen
16	<i>Cuyanalam</i>
17	<i>Parantu sendra paingkili</i>
18	<i>Tevai oru pālar palli</i>
19	<i>Nūl nilayam pōgalam vāngga</i>
20	<i>Nānkam talaimura</i>
21	<i>Kadavul amaitta vaitta mēdai</i>
22	<i>Kālam elutiya tīrppu</i>

3.4.1.2 Pemilihan Data

Pemilihan data dibuat berdasarkan tiga objektif utama kajian, iaitu mengenal pasti realiti kehidupan, Menganalisis kesesuaian ciri-ciri realiti kehidupan masyarakat Tamil Malaysia yang terdapat dalam kumpulan cerpen *Urimai Pōrāttam* berdasarkan teori Sosiologi Sastera Model Pencerminkan George Lukacs dan menghuraikan unsur-unsur pengajaran yang terdapat dalam kumpulan cerpen *Urimai Pōrāttam*. Pengkaji telah memilih kesemua 22 buah cerpen Kandan kerana sesuai dengan objektif kajian. Tajuk-tajuk cerpen ini telah disenaraikan dalam jadual 3.1

3.4.1.3 Pembahagian Data

Pengkaji telah membaca dan meneliti sebanyak 22 buah cerpen yang terkandung dalam kumpulan cerpen *Urimai Pōrāttam* dan membahagikan data yang diperoleh kepada empat isu iaitu sosial, ekonomi, pendidikan dan agama. Isu-isu ini disenaraikan dalam jadual. 3.2, 3.3, 3.4 dan 3.5.



Jadual 3.2

Isu-isu Sosial dalam Kumpulan Cerpen Urimai Pōrāttam

Bil.	Isu	Judul Cerpen
1	Masalah hidup akibat penghijrahan dari estet ke bandar	<i>Urimai pōrāttam</i> <i>Vāla ninaitāl vālalam</i> <i>Māriyatu manam</i>
2	Masalah penagihan dadah	<i>Vāla ninaitāl vālalam</i> <i>Kālam pōdda kōlam</i>
3	Kegiatan mengedar dadah	<i>Vāla ninaitāl vālalam</i> <i>Ilaya samutāyam</i>
4	Kegiatan membuli	<i>Vāla ninaitāl vālalam</i>
5	Masalah disiplin pelajar	<i>Vāla ninaitāl vālalam</i>
6	Lumba haram	<i>Vāla ninaitāl vālalam</i>
7	Membunuh diri	<i>Ēmādrām</i>
8	Lari dari rumah	<i>Ariyātanam</i> <i>Parantu sendra paingkili</i>
9	Perkahwinan pada usia muda	<i>Ariyātanam</i> <i>vāla ninaitāl vālalam</i>
10	Kurang didikan ibubapa	<i>Vāla ninaitāl vālalam</i>
11	Kegiatan gengsterisme	<i>Ilaya samutāyam</i>
12	Ketagihan arak dan todi	<i>Kālam pōdda kōlam</i> <i>Tiruvilā</i> <i>Parantu sendra paingkili</i> <i>Arpanippukku tandanayā</i>
13	Vandalisme	<i>Nānkam talaimurai</i> <i>Vāla ninaitāl vālalam</i> <i>Ilaya samutāyam</i>
14	Penindasan pihak pengurusan ladang	<i>Nānkam talaimurai</i> <i>Putu vālvu</i> <i>Oru pen ninaitāl</i> <i>Parantu sendra paingkili</i>
15	Bercinta semasa bersekolah	
16	Kegilaan terhadap dunia filem	<i>Nūl nilayam pōgalam vāngga</i>
17	Sikap memetingkan diri sendiri dan mengabaikan ibu bapa	<i>Cuyanalam</i>
18	Sikap ibu bapa yang menentukan jodoh anak	<i>Kadavul amaitta vaitta mēdai</i> <i>Kālam pōdda kōlam</i>
19	Sikap pilih kasih dalam membantu sesama ahli keluarga	<i>Irandu mananggal</i>
20	Penggunaan bahasa percampuran dalam percakapan harian	<i>Arpanippukku tandanayā</i>





Jadual 3. 3

Isu Ekonomi Dalam Kumpulan Cerpen Urimai Pōrāttam

Bil.	Isu	Judul cerpen
1	Kemiskinan	<i>Kālam pōdda kōlam</i> <i>Nūl veliyāddu vilā</i> <i>Kālam elutiya tīrppu</i> <i>Urimai pōrāttam</i>
2	Kesukaran memperoleh pekerjaan dalam sektor awam	
3	Pengangguran dalam kalangan lepasan institusi pengajian tinggi	<i>Tevai oru pālar palli</i>

Jadual 3.4

Isu Pendidikan Dalam Kumpulan Cerpen Urimai Pōrāttam

Bil.	Isu	Judul Cerpen
1	Tidak berminat untuk belajar	<i>Ilacciyam</i> <i>Vāla ninaittāl vālalam</i> <i>Ariyātanam</i>
2	Keciciran persekolahan	<i>Ilacciyam</i> <i>Ariyātanam</i>
3	Sikap prasangka ibu bapa India terhadap sekolah Tamil	<i>Māriyatu manam</i>
4	Kemudahan prasarana pendidikan di sekolah Tamil kurang diberi perhatian	<i>Arpanippukku</i> <i>tandanayā,</i> <i>Māriyatu manam</i> <i>Tiruvilā</i>
5	Pelajar cemerlang India tidak dapat melanjutkan pelajaran ke universiti awam	<i>Urimai pōrāttam</i>
6	Masyarakat India kurang memupuk amalan membaca	<i>Nūl veliyāddu vilā</i> <i>Nūl nilayam pōgalam</i> <i>vāngga</i>



Jadual 3.5

Isu Keagamaan dalam Kumpulan Cerpen “Urimai Pōrāttam”

Bil.	Isu	Cerpen
1	Masyarakat tertipu dalam hal keagamaan	<i>Oru pen ninaittāl</i>
2	Kepercayaan kolot	<i>Nilaiyillāta kadavul</i>
3	Membina kuil secara haram di tanah milik orang lain	<i>Tiruvilā</i>
4	Penggunaan bahasa Sanskrit dalam upacara keagamaan di kuil	<i>Tiruvilā</i>

3.5 Instrumen Kajian Untuk Menganalisa Isu-isu dalam Kumpulan Cerpen *Urimai Pōrāttam*

Jadual 3.6

Jadual Penganalisaan Isu-isu Mengikut Cerpen dalam Kumpulan Cerpen *Urimai Pōrāttam*

Judul Cerpen	Isu	Dialog/Petikan	Halaman

Oleh sebab kajian ini ialah kajian analisis teks. Oleh itu, pengkaji menggunakan instrumen berupa jadual untuk membahagi dan menganalisis data yang diperoleh daripada sumber primer, iaitu kumpulan cerpen *Urimai Pōrāttam*, untuk mengenal pasti isu-isu yang dapat dikaitkan dengan realiti kehidupan masyarakat Tamil Malaysia. Seterusnya, realiti kehidupan yang dikenal pasti itu dibentuk menjadi pengajaran.

3.6 Teori Kajian

Model Pencerminan Lukacs menawarkan pendekatan yang efektif untuk mengkaji karya sastra seperti cerpen sebagai satu realiti kehidupan masyarakat yang dibina berasaskan struktur tertentu. Dalam konteks cerpen yang menjadi bahan dalam kajian ini, struktur ini merujuk kepada cerita (*narrative*) dan alat-alat penceritaan (*narrative devices*) yang diakui bahawa model ini mampu memaparkan realiti kehidupan sesebuah masyarakat. Berdasarkan Model Pencerminan Lukacs, kajian ini dapat menjadikan aspek cerita serta pengembangan alat-alat penceritaan seperti watak dan perwatakan, aksi, konflik, plot, latar, gaya bahasa dan aspek lain sebagai tumpuan dalam menganalisis cerpen yang dikaji. Dengan kata lain, pendekatan yang ditawarkan oleh kajian budaya serta perinciannya oleh Model Genetik Goldmann dan Modal pencerminan Lukacs, dijangka dapat menawarkan alat-alat analisis yang mencukupi untuk tujuan menganalisis bahan-bahan kajian dan sekaligus merangkaikan permasalahan yang dibangkitkan pada awal perbincangan kajian ini.

Model Pencerminan dibina oleh seorang pemikir Hungary yang bernama Lukacs (1971). Model Pencerminan juga dikenali sebagai model peniruan. Pada dasarnya, model ini melihat kesusasteraan sebagai lambang masyarakat. Justeru, sesebuah karya sastra dianggap mencerminkan realiti sosial di luar karya kesusasteraan itu sendiri. Karya- karya sastra dianggap mengambil fenomena-fenomena sosial yang benar-benar berlaku untuk dijadikan persoalannya. Dalam hal ini, Lukacs melihat kesusasteraan sebagai cermin yang membalikkan objek atau realiti yang berada di hadapan pengarang.

Menurut beliau, kesusasteraan ialah pengetahuan tentang realiti yang kompleks dan saling berkaitan. Kompleksiti realiti ini, walau bagaimanapun dapat difahami apabila bentuk-bentuknya yang terperinci dapat disatukan dan dipaparkan dengan jelas. Untuk memungkinkan realiti tercermin dalam kesusasteraan, realiti dipancarkan melalui karya sastra dengan bentuknya yang eksplisit dan terperinci. Karya yang terbentuk dengan jelas dan tepat tanpa dikias-kias dianggap berupaya menghasilkan bentuk karya kesusasteraan yang mencerminkan bentuk dunia sebenar, sepertimana yang dipetik daripada tulisan Lukacs - *The literature of realism, aiming at a truthful reflection of reality, must demonstrate both the concrete and abstract potentialities of human beings in extreme situations of this kind* (Lukacs, 1972).

Sehubungan itu, 'bentuk' mengikut Lukacs menunjukkan isi kandungan yang dimanifestasikan melalui ciri-ciri teknik. Bentuk yang betul menurut Lukacs ialah bentuk yang mencerminkan realiti secara objektif. Pandangan ini adalah berdasarkan tanggapan bahawa kesusasteraan bukan bersifat *autonomous* kerana kesusasteraan tidak terpisah daripada masyarakat. 'Bentuk' bagi Lukacs ialah isi sesuatu karya kesusasteraan, iaitu apabila 'bentuk' mengambil satu konfigurasi atau bentuk yang bermakna. Menurut Lukacs lagi, 'bentuk' yang betul itu adalah jelas dan realistik, mencerminkan realiti secara paling objektif.

Model Pencerminan Lukacs ini dengan jelas menggariskan kepentingan sesebuah karya sastra untuk memaparkan realiti kehidupan dalam masyarakat secara jelas dan terperinci. Menurut Lukacs, realiti masyarakat dapat dijelmakan dengan jayanya dalam sesebuah karya sastra melalui manipulasi bentuk (*form*) yang sesuai dan tepat (*precise*). Merujuk kepada cerpen, iaitu genre yang menjadi bahan penelitian kajian ini, dapat




dikatakan bahawa pemaparan realiti masyarakat menurut model ini menuntut seseorang cerpen untuk memanipulasi aspek bentuknya dengan sebaik-baiknya.

Aspek bentuk seseorang cerpen di sini merujuk kepada struktur asas cerpen, iaitu cerita (*narrative*). Struktur cerita ialah alat penceritaan (*narrative devices*) seperti watak dan perwatakan, aksi, plot, gaya bahasa, latar dan konflik yang kesemuanya menyumbang kepada pembinaan seseorang cerita. Dengan kata lain, dalam konteks genre cerpen yang menjadi bahan analisis dalam kajian ini, bentuk karya sastra yang dimaksudkan oleh Lukacs ini merujuk kepada alat-alat penceritaan. Alat-alat penceritaan ini digabung sepenuhnya oleh seseorang pengarang dalam usahanya untuk memaparkan realiti masyarakat yang melingkunginya.

Berdasarkan penekanan dalam Model Pencerminean Lukacs ini, analisis terhadap cerpen-cerpen yang dikaji dapat memberikan tumpuan terhadap perkembangan aspek bentuk seperti watak dan perwatakan, aksi konflik, plot, gaya bahasa, latar dan konflik. Hubungan akrab ini dimungkinkan oleh kedudukan pengarang sebagai pihak yang terlibat (*participant*) secara langsung dalam kebudayaan masyarakat yang melingkunginya. Berdasarkan kedudukannya ini, seseorang pengarang dapat merakamkan dengan sebaik-baiknya kebudayaan masyarakat, melalui perjalanan, kreativiti, daya intelektual serta imajinasinya.



3.7 Kerangka Teori



Rajah 3.2. Kerangka Teori

3.8 Kesimpulan

Dalam penyelidikan ini, pengkaji menggunakan dua kaedah kajian yang penting, iaitu kajian kepustakaan dan kaedah analisis teks. Kajian kepustakaan banyak membantu pengkaji untuk membuat rujukan mengenai penyelidikan dan mengumpulkan data. Selanjutnya, tiga kaedah pengumpulan data digunakan untuk mengumpulkan data, iaitu pembacaan, pemilihan dan pembahagian data.

Dalam kajian ini, pengkaji juga akan menggunakan Teori Sosiologi Sastera Model Pencerminan Lukacs untuk mencapai objektif kajian. Menurut teori ini, sesebuah karya sastera dianggap mencerminkan realiti sosial. Karya- karya sastera dianggap mengambil fenomena sosial yang benar-benar berlaku untuk dijadikan persoalannya. Oleh itu, teori ini



adalah seiring dengan tajuk penyelidikan pengkaji dan dapat mengupas realiti kehidupan masyarakat Tamil di Malaysia dengan sebaik mungkin.



BAB 4

DAPATAN KAJIAN DAN ANALISIS

4.1 Pengenalan

Dalam bab ini, pengkaji membincangkan dapatan kajian berdasarkan analisis data yang telah diperoleh. Pengkaji membentangkan dapatan kajian yang diperoleh berdasarkan analisis sumber premier yang terdiri daripada sebanyak 22 buah cerpen yang terkandung dalam kumpulan cerpen *Urimai Pōrāttam* hasil karya Kandan untuk mengenal pasti ciri-ciri realiti kehidupan masyarakat Tamil Malaysia yang terpapar dalam kumpulan cerpen tersebut. Di samping itu, pengkaji juga telah menilai sejauh mana kesesuaian penggunaan teori Sosiologi Sastera Model Pencerminkan George Lukacs dengan realiti kehidupan masyarakat Tamil Malaysia yang terpapar dalam kumpulan cerpen *Urimai Pōrāttam*. Akhir sekali,



pengkaji turut menganalisis unsur-unsur pengajaran terselit berdasarkan realiti kehidupan masyarakat Tamil Malaysia yang terpapar dalam kumpulan cerpen *Urimai Pōrāttam* itu.

4.2 Mengenal Pasti Ciri-ciri Realiti Kehidupan Masyarakat Tamil Malaysia Yang Terdapat dalam Kumpulan Cerpen *Urimai Pōrāttam* dan Menilai Kesesuaiannya dengan Teori Sosiologi Sastera Model Pencerminkan George Lukacs

Menurut Soanes, C. (2005), kata realiti bermaksud keadaan sesuatu yang sepertimana wujud, iaitu suatu keadaan yang nyata dan bukannya khayalan. Menurut Kamus Dewan Edisi Baru (1993), ciri-ciri membawa maksud sifat-sifat atau unsur-unsur yang khusus pada sesuatu masyarakat yang membezakannya daripada kumpulan lain. Oleh itu, ciri-ciri realiti kehidupan masyarakat Tamil dapat difahamkan sebagai sifat atau unsur sebenar yang berkaiatan dengan masyarakat Tamil.

Sehubungan ini, cerpenis Kandan menerusi cerpen-cerpenya dalam kumpulan cerpen *Urimai Pōrāttam* mencerminkan ciri-ciri realiti kehidupan masyarakat Tamil Malaysia dengan memaparkan pelbagai masalah kehidupan yang dihadapi oleh mereka. Penulis telah memaparkan pelbagai lapisan masyarakat yang terdiri daripada golongan pelajar, guru, ibu bapa, penagih dadah, remaja, penulis dan aktivis sosial dan sebagainya untuk meluahkan segala masalah yang dihadapi oleh pelbagai lapisan masyarakat Tamil di Malaysia. Justeru, pengkaji telah membahagikan isu-isu kehidupan Masyarakat Tamil Malaysia yang terpapar dalam kumpulan cerpen *Urimai Pōrāttam* kepada empat isu utama, iaitu isu sosial, ekonomi, pendidikan dan keagamaan.



4.2.1 Isu Sosial Dalam Kumpulan Cerpen *Urimai Pōrāttam*.

Isu sosial ialah tingkah laku yang memberi kesan negatif terhadap ketenteraman, amalan nilai-nilai dan kesejahteraan sebahagian besar kelompok dalam sesebuah masyarakat (Zainuddin Sharif, 2011). Pengkaji dapat mengesan sebanyak 20 isu sosial dalam kumpulan cerpen *Urimai Pōrāttam*. Isu-isu sosial tersebut tersenarai dalam Jadual 4.1

Jadual 4.1

Isu-isu Sosial dalam Kumpulan Cerpen Urimai Pōrāttam

Bil.	Isu	Judul Cerpen	Halaman
1	Masalah hidup akibat penghijrahan dari ladang ke bandar	<i>Urimai pōrāttam</i> <i>Vāla ninaittāl vālalam</i> <i>Māriyatu manam</i>	84 7 47
2	Masalah penagihan dadah	<i>Vāla ninaittāl vālalam</i> <i>Kālam pōdda kōlam</i>	8,11 71
3	Kegiatan mengedar dadah	<i>Vāla ninaittāl vālalam</i> <i>Ilaya samutāyam</i>	14 97
4	Kegiatan membuli	<i>Vāla ninaittāl vālalam</i>	11,13
5	Masalah disiplin pelajar	<i>Vāla ninaittāl vālalam</i>	13
6	Lumba haram	<i>Vāla ninaittāl vālalam</i>	13-14
7	Membunuh diri	<i>Ēmādrām</i>	23
8	Lari dari rumah	<i>Ariyātanam</i>	18
9	Perkahwinan pada usia muda	<i>Parantu sendra paingkili</i> <i>Ariyātanam</i> <i>Vāla ninaittāl vālalam</i>	134 22 15
10	Kurang didikan ibu bapa	<i>Vāla ninaittāl vālalam</i>	15
11	Kegiatan gengsterisme	<i>Ilaya samutāyam</i>	95
12	Ketagihan arak dan todi	<i>Kālam pōdda kōlam</i> <i>Tiruvilā</i> <i>Parantu sendra paingkili</i> <i>Arpanippukku tandanayā</i> <i>Nānkam talaimurai</i>	71-72 75 128 119 158
13	Vandalisme	<i>Vāla ninaittāl vālalam</i> <i>Ilaya samutāyam</i>	12 94
14	Penindasan pihak pengurusan ladang	<i>Nānkam talaimurai</i> <i>Putu valvu</i> <i>Oru pen ninaittāl</i>	156 36 53

(bersambung)



Jadual 4.1 (sambungan)

Bil.	Isu	Judul Cerpen	Halaman
15	Bercinta semasa bersekolah	<i>Parantu sendra paingkili</i>	133
16	Kegilaan terhadap dunia filem	<i>Nūl nilayam pōgalam vāngga</i>	154
17	Sikap memetingkan diri sendiri dan mengabaikan ibu bapa	<i>Cuyanalam</i>	124-125
18	Sikap ibu bapa yang menentukan jodoh anak	<i>Kadavul amaitta vaitta mēdai</i>	167
19	Sikap pilih kasih dalam membantu sesama ahli keluarga	<i>Kālam pōdda kōlam</i> <i>Irandu mananggal</i>	70 108-109, 111
20	Penggunaan bahasa percampuran dalam percakapan harian	<i>Arpanippukku tandanayā</i>	119-120



4.2.1.1 Kesulitan Hidup Akibat Penghijrahan dari ladang ke Bandar

Sejak dua dua kurun lalu, pedagang dari India terutama kaum Tamil menjalankan perniagaan di Malaya. Pada awalnya, pedagang-pedagang Tamil berulang-alik dari Tamil Nadu untuk menjalankan perniagaan mereka, tetapi lama-kelamaan mereka mula menetap di Malaya (Samikkannu Jabamoney Ishak Samuel, 2015). Selanjutnya, pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20 berlaku penghijrahan masyarakat imigran India ke negara-negara jajahan British. Dalam pada itu, Malaysia adalah antara negara yang telah menerima buruh imigran India secara besar-besaran dari India (Sandhu, K.S., 1969). Kebanyakan buruh ini yang terdiri daripada kaum Tamil dibawa masuk ke Tanah Melayu (Malaysia) untuk bekerja sebagai buruh di ladang getah, tebu dan kopi serta di jabatan kerja raya, majlis bandaran dan perkhidmatan keretapi serta dalam pelbagai bidang lain.





Kini, masyarakat Tamil merupakan etnik ketiga terbesar di Malaysia selepas orang Melayu dan Cina. Pada awalnya, masyarakat Tamil ditempatkan di estat oleh kerajaan British. Namun, selepas tahun 70-an, penduduk Tamil dari estat mula berhijrah ke bandar ekoran daripada penjualan tanah estat untuk pembangunan dan pelbagai tujuan lain. Bermula dari sini, masyarakat Tamil di Malaysia menghadapi pelbagai masalah dalam kehidupan mereka (Samikkanu Jabamoney Ishak Samuel, 2015).

Sehubungan ini, cerpenis Kandan turut menggambarkan masalah yang tercetus berikutan penghijrahan masyarakat Tamil dari estat ke bandar dalam cerpen *Urimai pōrāttam*, *Vāla ninaittāl vālalam* dan *Māriyatu manam*. Dalam cerpen *Urimai pōrāttam*, cerpenis Kandan secara naratif memperihalkan masalah menimpa kaum Tamil akibat tanah-tanah ladang dibangunkan pada tahun 1970-an.



1970ஆம் ஆண்டு முதல் பெருவாரியான தோட்டங்கள் மேம்பாட்டிற்கு உள்ளானது. முன்னாள் பிரதமர் துன் மகாதீர் காலத்தில்தான் இது நடந்தது. மேம்பாட்டின் தந்தை என்று அவரைப் பாராட்டுவோர் பலர் இருக்கலாம். ஆனால், தோட்டங்கள் மேம்பாட்டிற்கு எடுக்கும்போது அங்குக் காலங்காலமாய் வாழ்ந்து வந்த மக்களின் எதிர்காலத்தைக் சூனியமாக்குகின்றோம் என்பதை அவர் அறிந்தார் இல்லை. அறிந்திருந்தாலும் பாதிப்புக்குள்ளாகிறவர்கள் இந்தியர்கள்தானே என்றே இருந்திருப்பார் என்பது திண்ணம். ரப்பர் மரம் சீவும் தொழிலைத் தவிர வேறு தொழில்களைத் தெரிந்திராத அம்மக்களுக்கு மாற்றுத் தொழிலை எதிர்கொள்ளத் தக்க எந்தப் பயிற்சியும் அளிக்கப்படாததோடு குடியிருப்போருக்குப் பாதுகாப்பு வழங்கப்படாமல் நகர்ப்புறங்களுக்கும் புறம்போக்கு இடங்களுக்கும் விரட்டப்பட்டனர். (அ. கந்தன், 2017, ப. 84)





Sejak tahun 1970-an, kebanyakan ladang diambil alih untuk kerja-kerja pembangunan. Hal ini berlaku semasa Tun Mahatir menjadi perdana Menteri. Walaupun digelar sebagai Bapa Pembangunan beliau tidak sedar bahawa usaha pembangunan tanah-tanah ladang turut memusnahkan kehidupan masyarakat yang hidup selama ini di situ. Golongan ini yang tidak memiliki sebarang kemahiran selain menoreh getah dan tanpa sebarang perlindungan petempatan telah diusir dari situ ke bandar-bandar dan kawasan tanah haram. Mereka tidak diberi sebarang latihan untuk menjalankan pekerjaan alternatif. (A. Kandan, 2017, ms. 84)

Selanjutnya, cerpenis turut menceritakan gejala keruntuhan akhlak yang menimpa anak-anak bekas pekerja ladang selepas berpindah dari estet ke bandar. Watak Mogan ialah watak utama dalam cerpen *Vāla ninaittāl vālalam*. Keluarga Mogan telah berpindah dari estet ke bandar. Dalam persekitaran baru, Mogan melibatkan diri dalam pelbagai masalah disiplin sejak di bangku sekolah rendah lagi. Kelakuannya menjadi lebih buruk semasa berada di sekolah menengah. Selepas tamatnya alam persekolahan, Mogan bukan sahaja menjadi penagih dadah malah mengedar dadah di kawasan sekitarnya. Mogan turut terlibat dalam lumba haram dan kekasihnya telah terbunuh semasa menunggang motosikal bersama dengan Mogan. Selepas kejadian tersebut, ibu bapa Mogan telah mengahwinkannya dengan Parvathi. Mogan tetap menagih dadah walaupun sudah mendirikan rumah tangga. Parvathi ingin membawa perubahan dalam hidup mereka. Oleh itu, dia telah membuat aduan kepada pihak polis dan kini Mogan berada di pusat serenti dadah. Cerpenis Kandan turut menggambarkan masalah ini.





தோட்டப்புறத்திலிருந்து நகர்ப்புறத்துக்குக் குடியேறியவர்களில் சிலர் வாழ்க்கையில் திசை மாறிப் போயினர். அவர்களில் நாகலிங்கம் மகன் மோகனும் ஒருவனாவான். (அ. கந்தன், 2017 ப. 7)

Sebilangan kecil orang yang berhijrah dari estet ke bandar telah terpesong dalam kehidupan mereka. Anak Nagalinggam, iaitu Mogan ialah salah seorang daripada mereka. (A. Kandan, 2017, ms. 7)

Dalam cerpen *Māriyatu manam* pula, Manikam merupakan bekas anak murid cikgu Tamilarasu semasa belajar di sekolah rendah Tamil di Ladang Holyrood. Manikam telah lama berhijrah ke bandar. Dia sudah pun berkahwin dan mempunyai seorang anak. Manikam ingin menghantar anaknya ke sekolah kebangsaan tetapi anaknya lebih berminat untuk belajar di sekolah Tamil. Pada suatu hari, Manikam terjumpa cikgu Tamilarasu di pusat beli belah lalu bertanya mengenai sekolah rendah Tamil di Ladang Holyrood. Cikgu Tamilarasu memberi penjelasan kepada Manikam.

ஆமாம் மாணிக்கம்.,. பெரும்பாலான தொழிலாளர்கள் பட்டணப் புறங்களை நோக்கி குடிபெயர்ந்து விட்டார்கள். அதனால் மாணவர்கள் குறைந்து போய்விட்டார்கள். (கந்தன், 2017, ப. 47)

Ya Manikam. Kebanyakan pekerja telah berpindah ke bandar dari Ladang Holyrood. Oleh itu, sekolah menghadapi masalah kekurangan murid. (Kandan, 2017, ms. 47)





Ketiga-tiga cerpen ini jelas menggambarkan masalah menimpa dalam kalangan masyarakat Tamil setelah berhijrah dari estet ke bandar. Bekas pekerja ladang getah tanpa sebarang kemahiran baru dan jaminan petempatan telah usir dari ladang-ladang yang diambil alih untuk pembangunan. Mereka tidak menerima sebarang perlindungan daripada kerajaan pada masa lalu menderita sebagai yatim piatu di bandar-bandar dan di kawasan tanah haram. Anak-anak mereka turut terlibat dalam pelbagai gejala sosial akibat persekitaran dan suasana sosial yang mencabar. Sementara itu, penghijrahan pekerja-pekerja ini turut menjejaskan bilangan murid di sekolah-sekolah Tamil di kawasan ladang.

Kajian Janakey Raman Manickam (2006) jelas memperkukuhkan gambaran yang dibawa oleh cerpenis Kandan dalam ketiga-tiga cerpen tersebut. Menurutnya, beribu-ribu pekerja ladang telah kehilangan pekerjaan dan tempat tinggal. Mereka telah tercabut dari tanah yang terdekat dengan jiwa mereka lalu terpaksa menjalani kehidupan di persekitaran asing yang merampas segala kemudahan sosial. Sebahagian besar mereka telah mendirikan rumah mereka di tanah haram. Petempatan baru ini dikatakan sebagai tanah kubur bagi penghuni baru ini. Selain itu, kemiskinan yang menghempap kehidupan turut mencetuskan pelbagai gejala sosial seperti budaya kongsi gelap, penagihan dadah, hubungan renggang dengan jiran dan keruntuhan akhlak.

Hasil kajian Janakey Raman Manickam jelas menunjukkan bahawa sebahagian besar bekas pekerja ladang yang terpaksa berhijrah ke bandar telah mendirikan petempatan mereka di kawasan tanah haram lalu menjadi penghuni rumah setinggan. Dalam suasana persekitaran yang asing dan kemiskinan yang menghempap kehidupan, mereka terjerumus dalam pelbagai gejala sosial. Di samping itu, anak mereka juga hilang peluang untuk menuntut di sekolah Tamil rendah lalu tercicir dalam pendidikan mereka. Oleh itu, penggunaan teori



Sosiologi Sastera Model Pencerminan George Lukas adalah sangat sesuai digunakan untuk menganalisis kumpulan cerpen *Urimai Pōrāttam* kerana ketiga-tiga cerpen yang dianalisis itu benar-benar mencerminkan penderitaan dan pergelutan hidup akibat berpindah dari ladang ke kawasan bandar berikutan kawasan tanah ladang diambil alih untuk projek pembangunan negara.

4.2.1.2 Masalah Penagihan Dadah

Penyalahgunaan dadah dianggap sebagai musuh utama negara kerana mengancam kemakmuran masyarakat dan negara. Penagihan dadah yang berleluasa akan menghancurkan kesejahteraan sosio-ekonomi, rohani dan budaya rakyat jelata dan seterusnya melemahkan ketahanan nasional serta mengancam keselamatan negara (Agensi Antidadah Kebangsaan, 1977). Menurut portal rasmi MyHealth (2012) Kementerian Kesihatan Malaysia, ketagihan dadah ialah satu keadaan apabila seseorang bergantung kepada dadah untuk membolehkannya melakukan aktiviti harian dan mengelakkan diri daripada tekanan emosi .

Menurut Doktor Amer Siddiq (2015), istilah ketagihan dadah melibatkan dua isu atau dua perkara yang tidak semestinya berkait. Perkara pertama ialah dadah yang ditakrifkan sebagai agen kimia memberi kesan kepada fungsi biologikal pada manusia atau haiwan. Terdapat sejumlah agen kimia yang boleh dipertimbangkan sebagai sah atau tidak sah. Ketagihan pula ialah keadaan yang melibatkan beberapa ciri seperti kehendak yang kuat untuk mengambil dadah tersebut, kesukaran mengawal penggunaannya dan masalah berkaitan dengan kesan daripada pengambilan dan penggunaan dadah tersebut. Golongan yang ketagihan dadah mengikut takrif ini mengalami penyakit berunsur psikologi yang



membawa dorongan dan fizikal dari segi kesan kepada kesihatan badan. Pengambilan dadah tanpa ciri-ciri ini tidak menepati definisi ketagihan dadah, sebaliknya dikenali sebagai percubaan dadah. Percubaan boleh membawa kepada penyalahgunaan dadah yang boleh mengakibatkan ketagihan dadah.

Cerpenis Kandan turut menggambarkan masalah penagihan dadah dalam dua buah cerpen beliau. Cerpen yang bertajuk *Vāla ninaitāl vālalam* mengisahkan watak utama, iaitu Mogan bukan sahaja menjadi penagih dadah, bahkan turut terlibat dalam pengedaran dadah. Dia mula menagih dadah sejak di bangku sekolah. Dia telah mencederakan guru disiplin yang telah mengangkapnya kerana membawa bahan dadah ke sekolah. Guru tersebut terpaksa memohon pertukaran sekolah selepas diserang oleh Mogan. Selepas tamatnya zaman persekolahan, dia turut menjadi pengedar dadah. Oleh itu, ibu bapa Mogan telah memperkahwinkan seorang gadis bernama Parvathi agar dapat memulihkan kehidupannya. Namun, Mogan tetap menjadi penagih dan pengedar dadah tanpa mempedulikan kesan tindakannya terhadap isteri dan rumah tangganya. Oleh itu, Parvathi telah mengadu hal ini kepada pihak berkuasa lalu menghantarnya ke pusat serenti dadah untuk membawa perubahan pada dirinya demi masa hadapan rumah tangga mereka.

மோகன் இப்போது இருப்பது போதைப் பித்தர்களின் புணர்வாழ்வு மையத்தில். (அ. கந்தன், 2017, ப. 8)

Mogan kini berada di pusat serenti dadah (A. Kandan, 2017, ms. 8).





Selain itu, cerpen *Kālam pōdda kōlam* turut mengutarakan isu penagihan dadah dalam masyarakat Tamil. Watak Tirumurugan merupakan seorang guru yang mengajar di sekolah Tamil. Beliau mempunyai seorang anak murid yang bernama Mugilan. Mugilan ialah seorang murid yang baik akhlaknya tetapi belakangan ini menampakkan kemerosotan dalam pelajarannya. Oleh itu, beliau ingin berjumpa dengan ibunya untuk membantu dalam pelajaran Mugilan. Semasa perjumpaan itu, ibunya Parvathi menceritakan mengenai suaminya dan keperitan hidupnya.

அதோடு போதைப் பழக்கமும் உண்டு என்று சிலர் என்னிடம் சொன்னார்கள் (அ. கந்தன், 2017, ப. 71).

Di samping itu, beberapa orang pernah memberitahu saya bahawa dia ketagih dadah.

(Kandan, 2017 ms. 71)



Melalui kedua-dua situasi tersebut, cerpenis Kandan cuba menggambarkan gejala penagihan dadah yang wujud dalam kalangan masyarakat yang melibatkan golongan remaja dan dewasa Tamil di Malaysia. Sehubungan ini, pada masa ini gejala penagihan dadah semakin beleluasa dalam kalangan masyarakat Malaysia secara amnya dan masyarakat India khususnya. Jadual 4.7 turut membuktikan keadaan gejala penagihan dadah dalam kalangan masyarakat Malaysia dan India (Tamil).



Jadual 4.2

Statistik Jumlah Penagih Dadah yang Dikesan Mengikut Etnik bagi Tahun 2014 - 2018.

Tahun	Melayu	Cina	India	Pribumi		Lain-lain	Jumlah
				Sabah	Sarawak		
2014	17,122	1,828	1,657	842	180	148	21,777
2015	21,335	2,117	2,113	774	148	181	26,668
2016	24,901	2,182	2,428	977	154	202	30,844
2017	23,035	1,946	1,760	992	111	147	27,991
2018	20,671	1,480	1,602	1,087	223	204	25,267

Sumber: Agensi Antidadah Kebangsaan, 2019

Jadual 4.7 menunjukkan bahawa seramai 9560 orang India terlibat dalam gejala penagihan dadah dari tahun 2014 hingga 2018. Menurut data ini, tahun 2016 mencatatkan bilangan penagih dadah yang tertinggi dalam tempoh masa lima tahun tersebut, iaitu sebanyak 7.7 peratus daripada jumlah penagih dadah di Malaysia pada tahun tersebut. Jika dianalisis dengan lebih teliti, bilangan penagih dadah India meningkat pada tahun 2015 dan 2016 berbanding dengan tahun 2014 dan hanya mula menurun sejak tahun 2017. Statistik menunjukkan bahawa pada tahun 2017 sebanyak 6.8 peratus dan pada tahun 2018, sebanyak 6.3 peratus orang India terlibat dalam penagihan dadah. Walaupun statistik menunjukkan penurunan bilangan penagih dadah dalam kalangan kaum India, namun masalah ini tidak boleh dipandang remeh dan perlu diberi perhatian serius kerana kadar penagih ini adalah masih tinggi berbanding dengan peratus penduduk India di Malaysia yang hanya mencatatkan 7 peratus sahaja.

Sehubungan ini, penagihan dadah yang berleluasa akan menghancurkan kesejahteraan sosioekonomi, rohani dan budaya rakyat jelata, dan seterusnya melemahkan ketahanan nasional serta mengancam keselamatan negara (Agensi Anti Dadah Kebangsaan,



1977). Cerpenis Kandan selaku penulis prolific, guru, aktivis sosial yang memahami betapa seriusnya isu ketagihan dadah, telah menyisipkan masalah ini dalam dua buah cerpen beliau. Ciri-ciri kehidupan yang digambarkan dalam cerpen beliau adalah suatu realiti dalam kalangan masyarakat Tamil di Malaysia. Pendapat ini turut diakui oleh Segar Narayanan (2012) dalam bukunya bertajuk *Malēciyā Tamil Navalkal Camutaya Cintanaikal*. Menurut beliau, masalah penagihan dadah memang menjadi salah satu persoalan utama dalam novel-novel era pascakemerdekaan. Oleh itu, penggunaan teori Sosiologi Sastera Model Pencerminan George Lukacs adalah sangat sesuai dalam menganalisis cerpen-cerpen Kandan. Model Pencerminan Lukacs ini menggariskan kepentingan sesebuah karya sastera untuk memaparkan realiti kehidupan dalam masyarakat secara jelas dan terperinci. Sebenarnya, kedua-dua cerpen yang dianalisis jelas menggambarkan gejala penagihan dadah merupakan suatu masalah sosial dalam masyarakat Tamil sekarang.



4.2.1.3 Kegiatan Mengedar Dadah

Kegiatan mengedar dadah merupakan salah satu kegiatan jenayah yang giat dijalankan begitu lama. Kegiatan ini berleluasa di seluruh dunia termasuk di Malaysia. Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 mentaksirkan aktiviti pengedaran dadah adalah termasuk melakukan salah satu daripada perbuatan seperti mengilang, menyimpan, mengeksport, menyorok, menjual, membeli, menerima, menyeter, mengendalikan, mengangkut, membawa, menghantar, mengirim, berusaha mendapatkan, membekal atau mengedar sesuatu dadah berbahaya. Mengikut Akta Dadah Berbahaya 1985, di bawah Seksyen 39 B dan Seksyen 39 A (2) seseorang tertuduh mengedar dadah akan





dikenakan hukuman mati atau penjara seumur hidup jika sabit melakukan kesalahan tersebut. Namun, kegiatan mengedar dadah masih berterusan di negara kita walaupun seseorang itu akan dikenakan hukuman berat.

Sementara itu, menurut Mary D. Bailey (1932) setiap penagih ialah berpotensi menjadi penjual dadah (pengedar dadah) melainkan dia mempunyai banyak wang untuk membeli dadah. Oleh itu, seseorang penagih lazimnya berusaha memiliki dan mendapatkan dadah dengan menjual dan mengedar dadah serta melakukan kegiatan jenayah agar sumber bekalan dadah terjamin.

Cerpenis Kandan turut memaparkan kegiatan mengedar dadah ini yang dilakukan oleh segelintir remaja Tamil yang juga menjadi penagih dadah dalam cerpen *Vāla ninaittāl vālam dan Ilaya samutāyam*. Dalam cerpen *Vāla ninaittāl vālam*, watak Mogan ialah seorang penagih dadah sejak di bangku lalu mula mengedar dadah selepas tamat persekolahannya.

அவனுடைய புத்தகப்பையைச் சோதித்தார்கள். டன்ஹில் சிகரெட் பாக்கெட் ஒன்றும், ஆபாசப்பட வீடியோ டேப், போதை மாத்திரைகள் சிக்கின... அவன் பேரங்காடியிலும் பஸ் நிறுத்தும் இடங்களிலும் நின்று கொண்டு போதை மாத்திரைகள் விநியோகித்து வந்தான். (அ. கந்தன், 2017, ப.14)

Mereka telah memeriksa beg sekolahnya. Mereka telah menemui sebungkus rokok Dunhill, kaset video seks dan pil-pil dadah. Dia mengedar pil-pil dadah di pasar raya dan di perhentian bas. (A. Kandan, 2017, ms.14)





Selain itu, dalam cerpen *Ilaya samutāyam*, cerpenis Kandan turut memaparkan kegiatan mengedar dadah yang dilakukan golongan remaja. Sekumpulan bekas pelajar sebuah sekolah Tamil telah mencuri motorsikal kepunyaan seorang guru yang tidak memberi peluang untuk mempersembahkan tarian moden semasa program hari penyampaian hadiah. Selepas guru itu membuat aduan, pihak polis telah memberkas lima orang remaja yang disyaki mencuri motorsikal tersebut. Cerpenis Kandan terus menggambarkannya.

இவர்களில் ஒருவன் போதைப் பொருள் விற்பதோடு கள்ளச் சாவி போட்டு மோட்டார் சைக்கிள், மகிழ்வுந்து போன்றவற்றைத் திருடி, அவற்றைப் பாகம் பாகமாகப் பிரித்து கார், மோட்டார் பட்டறை நடத்துபவர்களிடம் விற்பனை செய்தும் வந்ததுள்ளான் என்று காவல்துறை அதிகாரி கூறியதைக் கேட்டு ஆசிரியர்கள் அதிர்ச்சி அடைந்தனர். (அ. கந்தன், 2017, ப.97)



Guru-guru terkejut apabila pegawai polis memaklumkan bahawa salah seorang daripada mereka ialah pengedar dadah yang juga mencuri motorsikal dan kereta lalu menjual bahagian-bahagian kenderaan itu kepada pengusaha bengkel motorsikal dan kereta. (A. Kandan, 2017, ms.97)

Kedua-dua cerpen jelas memaparkan sikap berani segelintir remaja dalam masyarakat Tamil mengedar dadah tanpa mempedulikan bakal hukuman yang dikenakan jika diberkas dan disabitkan kesalahan mengedar dadah.

Dalam konteks ini, siasatan R.AGE (2019) telah mendapati bahawa pemuda India juga terlibat dalam kegiatan mengedar dadah di dalam negara, bahkan di peringkat antarabangsa. Mengikut R.AGE terdapat sekumpulan pengedar dadah India yang diketuai



oleh seorang lelaki bernama ‘Shankar’ yang turut menggunakan pendekatan keldai dadah India untuk mengedar dadah dan sebanyak 30 orang keldai dadahnya dikatakan diberkas di beberapa buah negara asing. Oleh itu, cerpenis Kandan selaku seorang guru dan penulis prolifik mempunyai pengamatan yang tinggi terhadap gejala ini dalam kalangan pemuda Tamil dan ingin menyampaikan hal ini untuk tatapan masyarakat Tamil di Malaysia agar gejala ini dapat dibendung.

Sehubungan ini, penggunaan teori Sosiologi Sastera Model Pencerminkan George Lukacs adalah sangat sesuai dalam menganalisis cerpen-cerpen beliau. Model Pencerminkan Lukacs ini menggariskan kepentingan sesebuah karya sastera untuk memaparkan realiti kehidupan dalam masyarakat secara jelas dan terperinci. Sebenarnya, kedua-dua cerpen yang dianalisis jelas menggambarkan kegiatan pengedaran dadah yang semakin menular dan berleluasa dalam masyarakat Tamil sekarang.

4.2.1.4 Gejala Buli

Gejala buli ialah satu fenomena yang berlaku di seluruh dunia tanpa mengira jantina, usia, pangkat, bangsa, budaya atau agama. Walau bagaimanapun, permasalahan buli di sekolah menjadi perhatian dan sering dibincangkan kerana isu ini dilaporkan kerap terjadi di premis tersebut. Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga (1993) buli ditakrifkan sebagai perbuatan mendera atau mempermainkan seseorang supaya dapat menyesuaikan diri dengan suasana yang baharu. Tindakan mempermain-mainkan orang biasanya melibatkan orang yang lemah sebagai mangsa dengan tujuan menggertak atau menakutkannya. Portal rasmi MyHealth Kementerian Kesihatan Malaysia pula memberi definisi bahawa buli ialah perbuatan tingkah



laku agresif yang berulang bertujuan untuk menyakiti individu lain, dari segi fizikal, mental atau emosi. Ciri-ciri perbuatan buli adalah berniat permusuhan, ketidakseimbangan kuasa dan berulang dalam tempoh masa tertentu. Buli dapat dibahagikan kepada empat jenis iaitu iatu buli fizikal, lisan, siber dan buli berkaitan perhubungan .

Menurut Nor Junainah Mohd Isa, Mohd Sobri Ismail dan Amelia Mohd Noor (2019) Malaysia berada pada kedudukan ke-7 tertinggi daripada 53 buah negara yang menyertai kajian berkenaan kes buli. Kajian mereka menunjukkan bahawa 16.2 peratus daripada responden dikatakan dibuli sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh sebulan. Dapatan juga menunjukkan bahawa murid lelaki lebih kerap menjadi mangsa berbanding dengan murid perempuan dengan perbezaan sebanyak lima peratus. Selain itu, kebanyakan responden mengalami insiden dipermainkan rupa paras dan tubuh badan mereka (15.9%), diusik dengan jenaka, komen dan isyarat berbentuk seksual (14.1%), diejek kerana berlainan bangsa (10.6%), didera secara fizikal (7.9%), diasingkan secara sosial (6.1%), dan diejek kerana perbezaan agama (4.7%).

Cerpenis Kandan yang pernah menjadi pendidik di sekolah rendah dan menengah turut mengutarakan isu buli dalam cerpen yang bertajuk *Vāla ninaittāl vālalam*. Watak utama dalam cerpen ini, iaitu Mogan terlibat dalam kegiatan buli sejak di bangku sekolah rendah. Semasa belajar di sekolah rendah, Mogan mengugut murid-murid lain untuk mendapatkan duit daripada mereka. Situasi ini digambarkan oleh cerpenis.

மோகன் ஆரம்பப் பள்ளியில் படிக்கும்போதே தறுதலை என்று பெயர் வாங்கினான். பிள்ளைகளை மிரட்டி காசு பறித்து விடுவான். மறுக்கும் பிள்ளைகளின் புத்தகமோ பென்சிலோ ரப்பரோ காணாமல் போய்விடும். (அ. கந்தன், 2017 ப. 11)





மோகன் இடைநிலைப்பள்ளிக்குப் போனான். அங்கும் அவனைக் கண்டால் மற்றவர்கள் தன்னைக் கண்டு பயப்பட வேண்டும். தன்னை யாரும் எதிர்க்கக்கூடாது. அவன் செயலைக் குறைச் சொல்லக் கூடாது. இதுதான் அவன் லட்சணங்கள். அவன் கண்ணிலிருந்து யாரும் தப்ப முடியாது. பெண்பிள்ளைகள் இவன் செய்யும் குறும்புத்தனத்தைக் கண்டு ஒதுங்கிப் போனால், ஏய்....எண்டி முறைக்கிறே என்று மிரட்டுவான். அவனைப் பற்றி ஆசிரியரிடம் யாராவது புகார் சொல்லிவிட்டால், பள்ளி கலைகின்றபோது சண்டைக்குத் தயார் ஆகிவிடுவான். (அ. கந்தன், 2017 ப.13)

Mogan dikenali sebagai murid jahat sejak di bangku sekolah rendah. Dia mengugut murid-murid lain dan mendapatkan duit daripada mereka. Sekiranya enggan, mereka akan kehilangan barangan seperti buku, pensil dan pemadam. (A. Kandan, 2017, ms. 11)

Mogan telah memasuki sekolah menengah. Di situ juga, dia hendakkan semua pelajar melahirkan perasaan takut padanya. Tidak sesiapa boleh menentanginya. Tidak boleh menegurnya. Itulah sifatnya. Tiada sesiapa terlepas daripada pandangannya. Jika pelajar perempuan yang tidak sanggup menahan 'kenakalannya dan cuba mengelakkannya, dia akan mengherdik mereka. Dia akan bergaduh dengan sesiapa sahaja yang mengadu kepada guru. (A. Kandan, 2017, ms. 13)

Perlakuan Mogan menunjukkan bahawa pelbagai kes buli memang berlaku dalam kalangan pelajar Tamil kerana penulis melakarkan perlakuan buli yang berlaku di sekolah rendah dan menengah berdasarkan pengamatan dan pengalaman beliau di situ. Paparan ini





turut diperkukuhkan oleh insiden yang melibatkan seorang pelajar bernama Nhaveen berumur 18 telah dibuli dan dipukul dengan kejam oleh sekumpulan remaja India pada 6 Jun 2017 di Jalan Kaki Bukit, Georgetown, Pulau Pinang, sehingga mati otak selain mengalami kecederaan di bahagian dubur, dan meninggal dunia selepas lima hari berada dalam keadaan koma di Unit Rawatan Rapi, Hospital Pulau Pinang. Dalam kejadian 2.10 pagi itu, rakannya bernama T Previin berumur 19 tahun turut dipukul oleh kumpulan pelajar berkenaan menggunakan topi keledar namun sempat melarikan diri untuk mendapatkan bantuan. Susulan kes itu, empat orang remaja termasuk pelajar Tingkatan Empat dan Tingkatan Lima dihadapkan di Mahkamah Majistret Georgetown atas tuduhan membunuh Nhaveen. Sementara itu, Nhaveen yang berada dalam keadaan mati otak dan hanya dibantu alat pernafasan akhirnya telah meninggal dunia (Berita Harian Online, 15.6.2017).



Siasatan lanjutan menunjukkan bahawa Nhaveen yang sedang menunggu keputusan SPM dan para pembuli itu berasal dari sekolah yang sama. Nhaveen pernah menjadi pengawas di sekolah itu. Namun, Nhaveen ialah seorang pelajar yang bersifat lemah-lembut. Pelajar-pelajar yang mendera Nhaveen dikatakan menyimpan dendam lalu bertindak kejam terhadapnya. Mengikut Berita Harian, kejadian tersebut telah membuka mata pelbagai pihak mengenai hakikat isu buli di negara ini yang semakin membimbangkan.

Lazimnya, seseorang yang ingin menunjukkan kehebatan atau kekuatannya memilih orang yang lemah untuk membuli. Pelaku jenayah buli biasanya bertindak membuli orang lain sebagai salah satu cara untuk melepaskan tekanan jiwa mereka. Seseorang membuli orang lain kerana tindakan tersebut membawa kegembiraan dan rasa puas hati selepas berbuat demikian. Terdapat individu yang terjebak dalam gejala ini kerana terpengaruh dengan kawan. Di samping itu, filem-filem ganas yang diimport dari luar negara





turut menderu remaja pada masa sekarang untuk melibatkan diri dalam aktiviti membuli. Oleh itu, perlakuan yang tidak berperikemanusiaan telah menarik perhatian cerpenis Kandan yang juga merupakan bekas guru yang pernah mengajar sekolah rendah dan menengah mengutarakan isu ini dalam cerpen yang bertajuk *Vāla ninaittāl vālalam*. Oleh itu, gejala buli ini bukanlah imaginasi cerpenis, sebaliknya merupakan pengamatan beliau terhadap pelajar-pelajar Tamil. Justeru, penggunaan teori Sosiologi Sastera Model Pencermiran George Lukacs adalah amat sesuai digunakan dalam kajian ini.

4.2.1.5 Masalah Disiplin Pelajar

Kamus Bahasa Melayu Utusan (1995) mendefinisikan disiplin sebagai kepatuhan, kesetiaan dan ketaatan kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan. Kamus Dewan Edisi Baru (1993) mendefinisikan disiplin sebagai latihan, terutamanya pemikiran dan kelakuan supaya boleh mengawal diri sendiri mengikut peraturan yang ditetapkan dan sekiranya melakukan tindakan sebaliknya, hukuman atau denda akan dikenakan. Oleh itu, istilah masalah disiplin boleh dirumuskan sebagai sesuatu perlakuan yang melanggar amalan, norma dan peraturan yang ditetapkan oleh sesuatu institusi. Pada masa sekarang masalah disiplin di sekolah semakin berleluasa dan perlu diberi perhatian oleh semua pihak.

Cerpen yang bertajuk *Vāla ninaittāl vālalam* menggambarkan masalah disiplin yang dimanifestasikan melalui watak utama di sebuah sekolah. Semasa alam persekolahan, Mohan tidak mempedulikan pelajarannya. Mohan tidak pernah mematuhi peraturan sekolah. Situasi ini turut digambarkan oleh cerpenis Kandan.



அவனுடைய சீருடை சுத்தமாக இருக்காது. தலைமுடி எண்ணெய் இல்லாமல் காற்றில் பறக்கும். கையில் வெள்ளியிலான வளையம் அணிந்திருந்தான். முழுக்கால் சிலுவார் தரையைக் கூட்டும். புத்தகைப்பையின் மேல் அவனுக்குப் பிடித்தமான வசனம் எழுதப் பட்டிருக்கும். புத்தகைப்பைக்குள் ஆபாசப் படங்கள், கூர்மையான பொருள்கள் இருக்கும். சுவீங்கம் அவன் வாய்க்குள் அசைபோட்டுக் கொண்டிருக்கும். கேண்டனில் உட்கார்ந்து அரட்டையடிப்பான். சில வேளைகளில் படிக்கட்டுகளில் முரட்டுத்தனமானக் கத்திக்கொண்டு ஓடுவான். ஒரு நாள் பள்ளி கழிப்பறையில் இடது கையில் சிகரெட் புகைய, வலது கையில் டின் பீருடன் இருந்தபோது கட்டொழுங்கு ஆசிரியரிடம் பிடிப்பட்டான். (அ. கந்தன், 2017 ப. 13).

Pakaian seragamnya tidak bersih. Rambutnya tanpa minyak berkusut-masai. Dia memakai gelang perak di tangan. Seluar panjangnya menyapu lantai. Dialog yang digemarinya ditulis pada beg sekolah. Beg sekolahnya mengandung gambar-gambar lucu dan senjata tajam. Mulutnya mengunyah gula-gula getah. Berseimbang-sembang di kantin sekolah. Kadang-kadang dia akan berlari menaiki tangga sambil menjerit liar. Suatu hari, dia ditangkap oleh guru disiplin kerana menghisap rokok dan minum bir di tandas sekolah. (A. Kandan, 2017, ms. 13)

Jadual 4.3

Jumlah Kes Disiplin Pelajar Sekolah Menengah Daerah Kinta Mengikut Etnik Pada Tahun 2010.

Etnik	Enrolmen Pelajar			% Populasi Pelajar [A/ΣA X100%]	Bilangan Pelajar Bermasalah	% Pelajar Bermasalah [B/ΣB X100%]	N i s b a h
	J	Jumlah [A]					
Melayu	L	16,437	32,883	44.6	2525	46.8	1:13
	P	16,536					
Cina	L	14,979	29,902	40.5	1697	31.4	1:18
	P	14,923					

(bersambung)

Jadual 4.3 (sambungan)

Etnik	Enrolmen Pelajar		% Populasi Pelajar [A/ΣA X100%]	Bilangan Pelajar Bermasalah	% Pelajar Bermasalah [B/ΣB X100%]	N i s b a h
	J	Jumlah [A]				
India	L	5,122	14.2	1151	21.3	1:9
	P	5,374				
Etnik lain	L	236	0.7	25	0.5	1:14
	P	234				

J= Jantina L=Lelaki P=Perempuan

Sumber: Dhanabalan Sandra Segaran, 2016, ms.4

Dhanabalan Sandara Segaran (2016) yang telah menjalankan kajian bertajuk ‘Tingkah Laku Devian Pelajar Etnik India di Sekolah Menengah di dalam Daerah Kinta’ mendapati peratus pelajar Melayu bermasalah adalah sebanyak 46.8% berbanding dengan 44.6% populasi keseluruhan etnik Melayu bersamaan dengan nisbah 1 pelajar bermasalah disiplin bagi setiap 13 orang pelajar Melayu. Pelajar Cina yang bermasalah pula adalah sebanyak 31.4% berbanding dengan 40.5% daripada populasi keseluruhan etnik Cina yang bersamaan dengan nisbah 1 pelajar bermasalah disiplin bagi setiap 18 orang pelajar etnik Cina. Manakala, pelajar India yang bermasalah adalah sebanyak 21.3% berbanding dengan 14.2% populasi keseluruhan etnik India, iaitu persamaan dengan nisbah 1 pelajar bermasalah disiplin bagi setiap 9 orang pelajar etnik India. Walau bagaimanapun jika dibandingkan dengan pelajar etnik lain, didapati pelajar India mempunyai peratus dan nisbah pelajar bermasalah yang lebih tinggi berbanding dengan peratus keseluruhan populasi pelajar India. Penyelidik mendapati bahawa masalah disiplin adalah lebih ketara dalam kalangan pelajar India.

Selanjutnya, statistik dalam Jadual 4.4 memperkukuhkan bahawa pelajar India turut terlibat pelbagai salah laku .

Jadual 4.4

Statistik Salah Laku Disiplin Pelajar Sekolah Pada Tahun 2017.

Jenis salah laku	Peratus	Jumlah
Ponteng sekolah	1.40	67,053
Kurang sopan	0.29	14,509
Tidak pentingkan masa	0.28	14,509
Kekemasan diri	0.23	10,946
Rokok	0.18	8,514
Berunsur jenayah	0.14	6,917
Kenakalan	0.12	5,825
Buli	0.06	2,795
Berunsur kelucahan	0.05	2,266
Laku musnah	0.04	1,868

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2018.

watak Mogan dalam cerpen ini turut menampilkan kebanyakan perlakuan yang dianggap melanggar disiplin sekolah. Mogan didapati menampilkan perlakuan kurang sopan, kurang kekemasan diri, merokok, bersifat nakal, memiliki bahan lucah, menunjukkan perbuatan berunsur jenayah dengan membawa senjata tajam, tidak mementingkan masa dan minum arak di kawasan sekolah.

Kandan sebagai bekas guru memang sedar bahawa masalah disiplin dalam kalangan pelajar Tamil adalah suatu perkara yang serius yang memerlukan perhatian semua pihak. Oleh itu, Cerpenis Kandan telah menerapkan isu ini dalam cerpennya. Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat turut menunjukkan bahawa masalah disiplin merupakan suatu isu yang serius dalam kalangan pelajar di Malaysia termasuk pelajar Tamil. Oleh itu, masalah disiplin dalam kalangan pelajar Tamil bukanlah imaginasi

cerpenis, sebaliknya merupakan pengamatan beliau terhadap pelajar-pelajar Tamil. Justeru, penggunaan teori Sosiologi Sastera Model Pencerminan George Lukacs adalah amat sesuai digunakan dalam kajian ini.

4.2.1.6 Lumba Haram

Lumba haram yang semakin berleluasa di negara kita bukanlah satu isu yang baru pada masa ini. Walaupun banyak tindakan penguatkuasaan dilakukan, namun pihak berkuasa masih belum mampu menghentikan aktiviti yang tidak bermoral dan melanggar undang-undang negara ini. Pelumba haram ini juga dikenali sebagai mat rempit.

Perlumbaan haram dapat didefinisikan sebagai sebarang aktiviti pertandingan motorsikal secara berkumpulan (sekurang-kurangnya dua orang) yang melibatkan perlumbaan (seperti *sprint* atau *lap*) dan aksi stunt (seperti *wheelie* atau *wheekang*) yang dicetuskan secara fizikal oleh perbuatan cabar-mencabar melalui isyarat bunyi enjin motor (ramp), percakapan atau isyarat tangan (Rozmi Ismail & Boekhtiar Borhanuddin, 2015). Perlumbaan ini biasanya dijalankan di jalan raya tanpa kebenaran pihak berkuasa. Terdapat juga sebilangan kecil pelumba juga yang berlumba dengan basikal. Namun, lumba haram yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah perlumbaan motosikal yang tidak sah di sisi undang-undang di negara Malaysia. Lazimnya, perlumbaan haram biasanya diadakan di kawasan lebuh raya, jalan-jalan di bandar dan kawasan yang kurang lalu lintas dan dijalankan pada waktu tengah malam. Namun, ada juga kumpulan pelumba yang menganjurkan aktiviti yang tidak sah ini tanpa mengambil kira tempat, masa dan keadaan sekeliling. Perlumbaan



haram adalah salah dari segi undang-undang kerana mengancam nyawa pelumba sendiri dan orang lain yang menggunakan jalan raya.

Cerpenis Kandan sekali lagi menggunakan cerpen yang bertajuk *Vāla ninaittāl vālalam* sebagai wadah untuk menggambarkan perlumbaan haram ini untuk memberi kesedaran kepada remaja yang melibatkan diri dalam gejala ini. Watak utama dalam cerpen ini bernama Mohan melibatkan diri dalam lumba haram bersama dengan kekasihnya. Kekasihnya telah meninggal dunia dalam kemalangan maut semasa lumba haram ini. Cerpenis turut melakarkan situasi ini dalam cerpennya.

ஒரு நாள் மோகன் தன் காதலியை ஏற்றிக் கொண்டு மோட்டார் சைக்கிள் பந்தயத்தில் கலந்து கொண்டான். போலீஸ்கார்களுக்குத் தகவல் கிடைத்து, பதுங்கி இருந்தார்கள். மோட்டார் சைக்கிள்கள் அலறிக் கொண்டு படுவேகமாக வந்து கொண்டு இருப்பதைப் பார்த்து தடுக்க முயன்றார்கள். மோகனுடைய மோட்டார் சைக்கிள் கட்டுப்பாட்டை மீறி தடம் புரண்டு விழுந்தது. மோட்டார் சைக்கிள் பின் இருக்கையில் அமர்ந்திருந்த அவனுடைய காதலி தூக்கி எறியப்பட்டு இறந்து போனாள். (கந்தன், 2017, ப. 13-14)

Pada suatu hari Mogan telah menyertai lumba haram dengan memboncengkan kekasihnya. Pihak polis yang menerima maklumat telah menunggu di suatu tempat untuk melakukan serbuan. Melihat motorsikal-motorsikal yang dipecut dengan laju, pihak polis cuba menahan mereka. Mogan tidak dapat mengawal motorsikalnya lalu jatuh terbebas. Kekasihnya yang telah membonceng telah terlempar lalu mati di situ. (A. Kandan, 2017, ms. 13-14).





Mogan bukan sahaja menyertai suatu aktiviti yang menyalahi undang-undang lalu lintas negara dan mengancam keselamatan orang ramai, bahkan menjadi punca kematian kekasihnya. Kemungkinan besar, ada pihak menganggap insiden ini sebagai suatu peristiwa agak terasing dalam kalangan pemuda Tamil memandangkan hampir sebahagian besar pelumba haram kaum Melayu (Mohd Roslan Mohd Tahir, 2020). Namun, kegiatan lumba haram ini turut agak popular dalam kalangan pemuda Tamil (Dewan Negara, 2012).

Kajian Rozmi Ismail (2008) menunjukkan bahawa majoriti kaum yang terlibat dalam kegiatan ini adalah terdiri daripada kaum Melayu, iaitu 48%, diikuti oleh kaum Cina sebanyak 32 peratus, kaum India ialah 11 peratus dan kaum lain ialah 9%. Sementara itu, semasa sesi soal-jawab Jun 2012 di Dewan Negara, Menteri Dalam Negeri ketika itu memaklumkan bahawa pada tahun 2011, seramai 467 orang mat rempit telah berjaya ditahan di bawah Seksyen 42 Akta Pengangkutan Jalan 1987. Daripada jumlah ini, seramai 397 orang mat rempit yang ditahan adalah terdiri daripada kaum Melayu, 49 orang kaum India, 18 orang kaum Cina dan 3 orang lagi ialah 1 kaum lain. Bagi tahun 2012 (sehingga bulan Jun) pula, jumlah mat rempit yang ditahan adalah seramai 45 orang di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, seramai 39 orang yang ditahan terdiri daripada kaum Melayu, 3 orang kaum Cina dan 3 orang kaum India.

Berdasarkan data-data tersebut, didapati kaum pemuda Tamil turut terlibat dalam perlumbaan haram. Bilangan mat rempit India adalah lebih dua kali tinggi daripada mat rempit Cina pada tahun 2011 dan bilangan mereka adalah sama dengan kaum Cina pada tahun 2012 sedangkan dari segi populasi pula kaum India ialah 7% sahaja. Oleh itu, masalah perlumbaan haram dalam kalangan pemuda Tamil bukanlah direka-reka oleh cerpenis,





sebaliknya merupakan suatu hakikat yang benar. Justeru, penggunaan teori Sosiologi Sastera Model Pencerminkan George Lukacs adalah amat sesuai digunakan dalam kajian ini.

4.2.1.7 Membunuh Diri

Kamus Dewan Edisi Baru (1993) mentakrifkan istilah membunuh diri sebagai mengambil nyawa sendiri dengan sengaja. Pelbagai cara diambil kira oleh seseorang yang ingin membunuh diri. Mengikut portal MyHealth (2021), perbuatan membunuh diri termasuklah gantung diri, terjun bangunan dan makan racun. Tiga cara bunuh diri yang paling kerap di Malaysia adalah gantung diri, terjun dari bangunan tinggi dan pengambilan racun.

Cerpenis Kandan turut menggambarkan isu ini dalam cerpen yang bertajuk *Ēmādrām*. Seorang remaja yang bernama Kannan telah mengambil keputusan untuk membunuh diri dengan minum racun. Kannan telah jatuh cinta pada Nalini sejak kecil lagi. Nalini yang bekerja sebagai jururawat pula ingin mengahwini doktor yang berkhidmat di hospital yang sama. Kannan tidak dapat menerima hal ini lalu telah meminum racun serangga. Kannan telah dibawa ke hospital dan diberi rawatan segera oleh Doktor Siva yang merupakan bakal suami Nalini. Semasa memberi rawatan, Doktor Siva merungut mengenai sikap remaja pada masa ini.

நமது இளைஞர்களுக்கு இதே ஒரு பிழைப்பாகப் போய்விட்டது. 'காதல் போயின் சாதல்' என்ற முடிவுக்கே வந்துவிடுகிறார்கள் (கந்தன், 2017 ப. 23).





Inilah sikap remaja kita pada masa sekarang. Mereka mengambil keputusan untuk bunuh diri sekiranya terputus cinta (Kandan, 2017 ms. 23).

Menurut Ponni Kannan dan Manomani Devi Annamalai (2019), tindakan membunuh diri sudah menjadi suatu perkara lumrah dalam kalangan masyarakat India di Malaysia. Mengikut mereka, seseorang yang gagal memperoleh keputusan cemerlang dalam peperiksaan, masalah rumah tangga, terputus cinta dan masalah hutang mungkin mengambil keputusan untuk membunuh diri sebagai jalan penyelesaian yang mudah. Sementara itu, Malini, S. dan Telagam, M. (2019) turut menegaskan bahawa golongan pemuda India mengambil keputusan untuk membunuh diri apabila tidak tahu cara berhadapan dengan sesuatu kesulitan atau masalahnya. Kaum wanita sekarang dikatakan sanggup membunuh diri apabila terputus cinta atau menghadapi kesulitan dalam alam percintaannya. Kedua-dua kumpulan pengkaji turut menegaskan bahawa golongan pemuda India mengambil keputusan untuk membunuh diri apabila menghadapi masalah dalam alam percintaan mereka.

Isu membunuh diri dalam kalangan kaum India perlu diambil tindakan sewajarnya oleh semua pihak. Hal ini tidak boleh dipandang remeh oleh semua lapisan masyarakat. Jika tidak, kes membunuh diri dalam kalangan kaum India akan semakin berleluasa. Jadual 4.5 dapat membuktikan keberatan kes membunuh diri yang berlaku dalam kalangan kaum India di Malaysia.



Jadual 4.5

Bilangan Kes Bunuh Diri Pada Tahun 2014 hingga Jun 2019

Kaum	Bilangan Kes	Peratus
Melayu	47	13.9
Cina	147	43.3
India	76	22.4
Bukan warganegara	69	20.4
Jumlah	339	100

(Sumber: Polis Diraja Malaysia, 2019)

Dalam tempoh masa tersebut, sebanyak 76 kes membunuh diri direkodkan dalam kalangan kaum India. Masyarakat India didapati mencatatkan kadar kes membunuh diri yang kedua tertinggi, iaitu 22.4% kes sedangkan kaum ini hanyalah 7% dalam populasi Malaysia. Isu bunuh diri merupakan suatu isu yang perlu diberi perhatian oleh masyarakat India. Sehubungan ini, hal ini membuktikan bahawa isu membunuh diri yang diutarakan oleh cerpenis Kandan adalah suatu realititi dalam kalangan kaum India. Oleh itu, teori Sosiologi Sastera Model Pencerminan George Lukas amat sesuai digunakan bagi menganalisa kumpulan cerpen dalam *Urimai Pōrāttam*.

4.2.1.8 Lari dari Rumah

Pada hari ini, golongan remaja terjerumus dalam pelbagai gejala sosial yang berlaku di persekitaran mereka. Salah satu isu yang semakin berleluasa dalam kalangan remaja ialah masalah lari dari rumah (Siti Manishah Ngalim, 2021).

Secara umumnya, istilah remaja lari dari rumah membawa pengertian bahawa mereka meninggalkan rumah tanpa memberitahu ibu bapa. Menurut Loh, K. B. (2012),



tindakan lari dari rumah ialah satu tingkah laku atau perbuatan meninggalkan rumah tanpa restu daripada ibu bapa menuju ke satu tempat yang biasanya tidak diketahui oleh ahli keluarganya. Golongan remaja ialah golongan yang paling ramai terlibat dalam tingkah laku lari dari rumah. Selalunya mereka akan meninggalkan rumah dengan niat tidak akan kembali ke rumah. Namun, terdapat golongan remaja yang akan kembali dalam jangka masa tertentu seperti dalam masa beberapa hari, beberapa minggu, beberapa bulan dan bertahun-tahun. Walau bagaimanapun, terdapat ada juga remaja yang tidak kembali langsung sehingga diklasifikasikan sebagai orang yang hilang. Hal ini sangat merungsingkan masyarakat kita pada hari ini.

Menurut Santrock, J.W (2007), lazimnya individu yang lari dari rumah kerana berasa putus asa dan tidak gembira apabila berada di dalam rumah. Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan remaja berasa putus asa dan tidak gembira ketika berada di dalam rumah kerana dipengaruhi oleh faktor-faktor persekitaraan. Isu lari dari rumah amat membimbangkan dan menjadi semakin serius.

Sementara itu, mengikut Polis DiRaja Malaysia (MyMetro, 2015) remaja yang terbabit dalam masalah lari dari rumah adalah berusia seawal 13 hingga 17 tahun. Mengikut Polis Diraja Malaysia (2019) bahawa sebanyak 15,042 kes kehilangan kanak-kanak dan remaja dilaporkan dari tahun 2011 hingga Mei 2019. Antara 15,042 kes ini, 14,679 kes telah ditemui semula, 26 kes ditemui meninggal dunia dan 363 kes masih belum ditemui.

Mengikut Portal MyHealth (2020), tekanan yang dihadapi di rumah, pengaruh rakan sebaya dan masalah di sekolah merupakan punca golongan remaja lari dari rumah. Sementara itu, Russanani @ Asiah Binti Hassan (2017) berpendapat bahawa ingin mencari kebebasan,





mengikut kekasih, selisih faham dengan keluarga dan mencari pekerjaan merupakan punca lari dari rumah. Polis Diraja Malaysia (2019) merumuskan punca-punca remaja lari rumah mengikut bilangan kes yang dilaporkan. Mengikut PDRM punca utama adalah mencari kebebasan daripada belunggu keluarga (7,159 kes), diikuti tindakan mengikt atau terpengaruh dengan ajakan rakan (3,167 kes), dipengaruhi oleh kekasih untuk lari dari rumah (2,252 kes), pertelingkahan dengan keluarga atau kurang perhatian keluarga (1,523 kes) dan akhir sekali tidak berminat belajar dan mencari pekerjaan (577 kes).

Cerpenis Kandan yang merupakan seorang bekas guru dan aktivis sosial memang memahami masalah lari dari rumah yang berlaku di persekitaran sosialnya turut memaparkan isu ini dalam dua buah cerpenya, *Ariyātanam* dan *Parantu sendra paingkili*. Cerpen yang bertajuk *Ariyātanam* mengisahkan tingkah laku seorang remaja perempuan berumur 17 tahun yang melarikan diri dari rumah. Watak utama dalam cerpen ini ialah Manju. Emak Manju mengambil berat akan pelajaran anaknya lalu dia sanggup memenuhi segala keperluan dan turut menghantarnya ke kelas tuisyen. Sebaliknya, Manju menghabiskan masanya dengan kawan dan mengabaikan pelajarannya. Oleh sebab itu, ibunya memarahi Manju yang gagal dalam peperiksaannya. Manju tidak dapat menerima teguran emaknya. Di samping itu, Manju juga merungut bahawa ibunya tidak memberi kebebasan yang diingini. Oleh itu, dia mengambil keputusan untuk meninggalkan rumah dan berpendirian tetap agar tidak akan kembali lagi. Dia menuju ke rumah kawan baharunya yang berada di Seremban.

இதுவரை சிறுகச் சிறுக சேமித்து வைத்த பணத்தோடு வீட்டை விட்டு வெளியேறத் திட்டம் போட்டாள். கல்வி யாத்திரைக்குச் சென்றிருந்தபோது அறிமுகமான சிரம்பான் தோழியின் முகவரியைக் கையோடு எடுத்துக் கொண்டாள்.





மெதுவாக வெளியே வந்து வீட்டைப் பூட்டினாள். அம்மா... நீ இவ்வளவு கொடூரமானவளா? தோழிகளோடு அரட்டையடிக்கக்கூடாது. அதிக நேரம் தொலைக்காட்சி பார்க்கக்கூடாது. அழகழகா உடுத்தக்கூடாது. எந்த நேரமும் புத்தகமும் கையுமாக இருக்க வேண்டும். கொஞ்சம் நேரம் கழித்து வீட்டுக்கு வந்தால் கூட கேள்வி மேல் கேள்வி கேட்டு துளைப்பது. இதெல்லாம் எனக்கு அறவே பிடிக்காது என்பதை புரிந்து கொள்ளாத அம்மா, உன்னிடமிருந்து எனக்கு விடுதலை வேண்டும் (அ. கந்தன், 2017, ப. 18)

Dia merancang untuk lari dari rumah dengan wang simpanannya yang diijamatkan selama ini. Dia mendapatkan alamat kawan Seremban yang berkenalan semasa program 'Kalvi Yattirai'. Dia keluar dari rumah secara perlahan-lahan lalu mengunci rumah itu. Mak...awak ini begitu kejamkah? Tidak boleh berborak dengan kawan-kawan. Tidak boleh menonton televisyen begitu lama. Tidak boleh menghiaskan diri dengan cantik. Sepanjang masa mesti mentelaah buku. Sekiranya datang lewat, disoal bertubi-tubi. Aku hendakkan kebebasan daripada ibu yang tidak faham bahawa aku benci semua ini. (A. Kandan, 2017, ms. 18).

Dalam cerpen *Ariyātanam* ini, didapati bahawa konflik timbul antara Manju dengan ibunya kerana ibunya lebih mementingkan pelajaran anaknya sedangkan Manju pula mengabaikan pelajarannya dengan mensia-siakan masa. Selain itu, Manju sebagai remaja ingin akan kebebasan sedangkan ibunya mletakkan banyak sekatan yang merampas kebebasan sosial anaknya. Sebenarnya, keinginan mencari kebebasan daripada belenggu dan pertelingkahan dengan ibunya serta tidak berminat untuk belajar mendorong Manjula lari dari rumah.





Seterusnya, satu lagi cerpen berjudul *Parantu sendra paingkili* hasil karya Kandan mengutarakan isu lari dari rumah. Malarvizhi yang merupakan watak utama dalam cerpen ini telah jatuh cinta pada Maran. Malarvizhi tidak dapat menumpukan perhatiannya pada pelajaran dan ekoran daripada ini, dia telah gagal dalam peperiksaan SPM. Begitu juga dengan kekasihnya, Maran. Ibu bapa Malarvizhi bercadang untuk mengahwinkannya dengan jejaka yang dipilih oleh mereka. Malarvizhi enggan mengahwini jejaka pilihan ibu bapa lalu memberitahu mengenai kekasihnya. Ibu bapa Malarvizhi telah terkejut apabila mengetahui hal ini. Mereka tetap tidak bersetuju kerana Maran bukanlah seorang jejaka yang baik. Oleh itu, Malarvizhi mengambil keputusan untuk lari dari rumah dan mendirikan rumah tangga bersama kekasihnya yang dianggap setia padanya.

சிறையில் அடைக்கப்பட்ட பைங்கிளி தன் துணையோடு பறந்து செல்வதைப் போல அவள் வீட்டில் இருந்த நகைகளையும் துணிமணிகளையும் பணத்தையும் எடுத்துக் கொண்டு காதலனோடு ஊரை விட்டு ஓடி விட்டாள் (அ. கந்தன், 2017, ப.135).

Malarvizhi semacam burung kakak tua yang terlepas dari sangkar bersama dengan pasangannya yang terbang lari dari rumah bersama kekasihnya dengan barang kemas, pakaian dan wang yang diambil dari rumahnya. (A. Kandan, 2017, ms.135)

Melalui cerpen ini, Kandan memang memaparkan suatu perkara yang lazim dilakukan oleh gadis remaja, iaitu lari rumah atas soal percintaan. Portal MyHealth Kementerian Kesihatan Malaysia (2020) Russanani @ Asiah Binti Hassan (2017) dan statistik Polis Diraja Malaysia (2019) turut memperkukuhkan pendapat ini.





Selain itu, statistik PDRM (2000) dalam Jadual 4.6 bagi tempoh masa 1 Januari hingga 10 September 2000 menunjukkan bahawa gejala lari dari rumah disebabkan soal percintaan merupakan suatu realiti dalam kalangan gadis remaja umum dan gadis remaja Tamil di Malaysia. Berdasarkan jadual tersebut, gadis remaja India berumur antara 14 hingga 17 tahun banyak lari dari rumah berbanding dengan kumpulan umur lain dalam kalangan kaum India.

Sebenarnya, cerpenis Kandan telah membawa dua cerpen yang mengutarakan isu lari dari rumah yang berkisar pada soal pertelingkahan dengan ibu bapa, keinginan untuk menikmati kebebasan, percintaan dan tidak berminat pada pelajaran yang menjadi punca utama golongan remaja lari dari rumah. Dalam hal ini, kita tidak boleh menyalahkan golongan remaja semata-mata kerana terdapat pelbagai faktor yang mendorong remaja lari dari rumah. Perkara ini seharusnya perlu dilihat dari sudut yang lebih mendalam dan bukannya melalui tanggapan awal yang negatif semata-mata. Namun demikian, isu lari dari rumah dalam kalangan masyarakat Tamil di Malaysia yang dipaparkan dalam cerpen *Ariyātanam* dan *Parantu sendra paingkili* ialah suatu realititi bukan sahaja dalam masyarakat Tamil di Malaysia bahkan dalam masyarakat Malaysia umum. Oleh sebab itu, teori Sosiologi Sastera Model Pencerminan George Lukas amat sesuai digunakan bagi menganalisis kumpulan cerpen dalam *Urimai Pōrāttam*.

4.2.1.9 Perkahwinan Pada Usia Muda

Menurut portal MyHealth (2012), perkahwinan ialah hubungan sah di sisi undang-undang yang disempurnakan melalui upacara sivil atau keagamaan antara dua individu yang ingin





tinggal bersama sebagai pasangan seksual dan serumah. Perkahwinan ialah asas kehidupan berkeluarga dan bermasyarakat. Hanya melalui perkahwinan, lelaki dan perempuan boleh menjalin hubungan intim yang sah di sisi undang-undang.

Usia atau umur minimum yang sah atau dibenarkan mengikut norma masyarakat untuk berkahwin adalah berbeza menurut takrifan undang-undang, tuntutan agama dan adat, dan dari segi kesediaan biologi. Umur boleh kahwin tidak sepatutnya dikelirukan dengan usia matang (*age of maturity*) dengan usia keizinan (*age of consent*). Usia perkahwinan juga berbeza mengikut negara (Fariza Hamzah, Nazuha Mohd Jai dan Nurhidayah Mohtar, 2019). Mengikut Portal Rasmi Jabatan Pendaftaran Negara (2020), had umur perkahwinan, iaitu usia keizinan untuk orang bukan beragama Islam di Malaysia ialah 21 tahun dan ke atas. Namun, seseorang lelaki atau perempuan yang berumur 18 tahun dan ke atas masih boleh berkahwin dengan kebenaran sama ada daripada ibu, bapa, bapa angkat, ibu angkat atau penjaganya. Manakala, gadis yang berumur 16 dan 17 tahun perlu mendapat kelulusan Ketua Menteri atau Menteri Besar. Namun, seseorang berusia di bawah 21 tahun dianggap kurang matang untuk berkahwin kerana masih mentah dari segi perasaan dan fikiran, kurang berkeupayaan untuk memahami perasaan orang lain, tidak cukup pengalaman dan pengetahuan untuk memahami selok-belok alam perkahwinan, masalah-masalah timbul dan cara menyelesaikan kesulitan yang tercetus.

Menurut Nasruddin Subhi (2016), sejak beberapa tahun kebelakangan ini lebih ramai pasangan yang berkahwin ketika mereka yang berada di usia muda. Rata-rata boleh dikatakan di usia antara 20-25 tahun. Mereka ini adalah dalam kategori usia awal dewasa di mana di kala ini mereka rata-rata sudah mula bekerja setelah tamat SPM, STPM, sijil, diploma ataupun ijazah sarjana muda. Selain itu, Perkahwinan pada usia awal, terutama





sewaktu masih bergelar pelajar bukanlah perkara luar biasa kerana pada usia ini, remaja perempuan lebih terdedah untuk memikirkan tentang jodoh dan pasangan hidup memandangkan remaja perempuan yang hendak berkahwin tidak mempunyai tanggungjawab untuk menyara keluarga (Salasiah Hanin Hamjah, 2016). Justeru, Kandan terus memaparkan isu perkahwinan pada usia muda dan kesannya.

Cerpenis Kandan telah menggambarkan isu perkahwinan pada usia muda dalam cerpennya yang bertajuk *Ariyātanam* dan *Vāla ninaittāl vālalam*. Watak utama dalam cerpen *Ariyātanam*, iaitu Manju telah dikahwinkan pada usia muda. Ibu Manju, iaitu Parvathi bimbang bahawa Manju akan merosakkan nama baik keluarga kerana dia sanggup lari dari rumah. Walaupun Manju telah menyedari kesilapannya, namun Parvathi tetap mengahwinkannya dengan anak saudaranya. Ketika itu, Manju hanya berumur 17 tahun. Oleh itu, perkahwinan mereka tidak daftarkan. Majlis perkahwinan Manju dilaksanakan mengikut upacara tradisional sahaja.

அறியாத்தனமாக நடந்து கொண்டதால் இளம் வயதிலேயே இல்லற வாழ்க்கையில் ஈடுபட வேண்டிய கட்டாயச் சூழ்நிலை ஏற்பட்டதை எண்ணி மஞ்சு வேதனைப்பட்டாள் (கந்தன், 2017 ப. 22).

Manju sesal kerana terpaksa mendirikan rumah tangga pada usia yang muda disebabkan sikap tidak bertanggungjawabnya. (A. Kandan, 2017 hlmn. 22).

Sebenarnya, Manju telah menampilkan sifat kurang matang dan tidak bertanggungjawab dengan lari dari rumah kerana ibunya kurang memberi kebebasan dan memarahinya. Dia juga tidak berupaya memahami niat murni dan sifat prihatin ibunya untuk





menjadikannya manusia berjaya. Oleh itu, cerpenis Kandan berasa was-was dan mencurigai keupayaan dan kemampuan Manju untuk mendirikan rumah tangga yang bahagia.

Di samping itu, dalam cerpen *Vāla ninaittāl vālalam*, watak utama ialah Mogan yang merupakan seorang pemuda yang mungkin masih di bawah umur 21 tahun merupakan seorang pelajar yang bermasalah sejak di sekolah rendah. Dia sering memeras ugut dan membuli di situ. Di sekolah menengah pula, dia terus memeras ugut, membuli, merokok, minum arak, menagih dan mengedar dadah dan menjadi samseng. Selepas gagal dalam peperiksaan SPM, dia tetap meneruskan perlakuannya itu, terutama menagih dan mengedar dadah di samping menjadi mat rempit. Semasa menyertai lumba haram, dia juga menjadi punca kematian kekasihnya. Oleh itu, ibu bapanya mengambil keputusan untuk melangsungkan perkahwinannya.



மகனுடைய போக்கை அறிந்த அவன் பெற்றோர் திருமணத்தை நடத்தி முடித்தார்கள். திருமணத்திற்குப் பிறகு திருந்தி விடுவான் அல்லது அவன் மனைவி திருத்தி விடுவாள் என்று நினைத்தார்கள். எனினும் அவன் திருந்துவதாக இல்லை. சோம்பேறித்தனம், சண்டித்தனம் செய்வதோடு போதைப் பொருள் விற்பனையும் செய்து வந்தான். அவன் மனைவி எவ்வளவோ எடுத்துச் சொல்லியும் அவன் கேட்கவில்லை. இன்று போதைப் பித்தர் புனர்வாழ்வு மையத்தில் வருந்திக் கொண்டிருக்கின்றான். (கந்தன், 2017 ப. 15).

Ibu bapa yang arif akan kelakuan anak mereka (Mogan) telah melangsungkan perkahwinannya. Mereka berharap anaknya akan insaf selepas berkahwin atau isterinya akan menginsafkannya. Namun, dia tetap tidak berubah. Dia tetap bersifat



malas dan agresif di samping mengedar dadah. Dia tidak mempedulikan nasihat isterinya. Kini, dia menyesal dirinya di pusat serenti dadah. (A. Kandan, 2017, ms.15)

Dalam cerpen ini, Mogan memang mempunyai latar belakang yang mengamalkan sifat mementingkan diri sendiri di samping tidak menghormati dan memahami perasaan orang lain.

Isu perkahwinan pada usia muda masih berlaku dalam kalangan kaum India. Jadual 4.6 turut membuktikan bahawa cerpenis Kandan telah menggambarkan isu dan peristiwa yang berlaku di persekitarannya dalam kedua-dua cerpen itu.

Jadual 4.6

Statistik Perkahwinan Kanak-kanak Bukan Islam Bawah Umur Pada Tahun 2017

Kaum	Bilangan
Cina	384
India	122
Etnik Sabah	31
Etnik Sarawak	268
Orang Asli Semananjung	145
Lain-lain	18
Jumlah	968

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2018.

Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (2018) menunjukkan bahawa sebanyak 122 kes perkahwinan pada usia muda telah dilaporkan dalam kalangan kaum India pada tahun 2017. Perkahwinan seperti ini akan membawa pelbagai kesan negatif kepada diri sendiri dan terksa melalui pelbagai keadaan yang merungsingkan. Menyedari hakikat ini, Kandan telah mencerminkan keadaan ini dalam cerepn beliau untuk memberi kesedaran kepada ibu bapa dan kaum remaja akan kesan buruk berkahwin pada usia muda. Sebenarnya, cerpenis



Kandan telah menggambarkan realiti ini dalam cerpennya dengan sebaik mungkin. Oleh itu, teori Sosiologi Sastera Model Pencerminan George Lukas amat sesuai digunakan bagi menganalisa kumpulan cerpen dalam *Urimai Pōrāttam*.

4.2.1.10 Kurang Didikan Ibu Bapa

Kamus Dewan Edisi Baru (1993) mendefinisikan didikan sebagai cara mendidik dan didik pula bermaksud latihan atau ajaran. Oleh itu didikan ibu bapa boleh didefinisikan sebagai segala ajaran atau amalan yang baik daripada ibu bapa kepada anak-anak mereka demi menjamin masa hadapan yang cemerlang.



Menurut Kamarul Azmi (2007), tabiat dan kelakuan seseorang itu dicorakkan oleh ibu bapanya melalui didikan sejak kanak-kanak lagi. Tatacara kehidupan seorang kanak-kanak itu mencerminkan didikan yang telah diterimanya sebelum meningkat dewasa atau semasa proses membesar. Pada masa ini, didikan ibu bapa adalah kurang sempurna untuk membentuk kanak-kanak yang berakhlak mulia. Terdapat juga ibu bapa yang mendidik anak-anaknya secara paksaan tetapi terlupa untuk menjadi teladan yang baik kepada mereka mereka. Saat Sulaiman (2011), menyeru kepada ibu bapa supaya bukan sahaja memberi bimbingan kepada anak-anak tetapi perlu menjadi contoh teladan kepada anak-anak.

Ibu bapa perlu memainkan peranan penting dalam membentuk dan mendidik anak-anak untuk menjadi seorang insan yang berguna kepada diri, keluarga, masyarakat dan negara. Pada masa sekarang, kita sering mendengar masalah-masalah berkaitan dengan anak yang terlibat dalam pelbagai gejala sosial. Sebagai individu yang bertanggungjawab ibu bapa





perlu mengambil berat untuk mendidik anak-anak mereka kerana anak-anak merupakan insan yang bakal memimpin negara. Kita sering melihat kebanyakan ibu bapa lebih menghabiskan masa mereka dengan bekerja sehingga tiada masa untuk bersama dengan anak-anak. Hal ini menyebabkan anak-anak berasa terpinggir sehingga mereka mengambil tindakan di luar jangkaan. Masalah ini perlu diambil perhatian oleh ibu bapa bagi mengelakkan anak-anak terjerumus dalam lembah yang boleh merosakkan diri mereka. Oleh itu, ibu bapa perlu lebih meluangkan masa bersama anak-anak mereka (Saat Sulaiman, 2011).

Cerpenis Kandan turut mengutarakan isu kurang didikan ibu bapa kepada anak-anak dalam cerpen yang bertajuk *Vāla ninaittāl vālalam*. Watak utama dalam cerpen ini, iaitu Mohan terlibat dalam pelbagai gejala sosial dan akhirnya dia terpaksa dihantar ke pusat serenti dadah.



திருமணத்திற்குப் பிறகு அவன் திருந்தி விடுவான் அல்லது அவனது மனைவி திருத்தி விடுவாள் என்று நினைத்தார்கள். எனினும் அவன் திருந்துவதாக இல்லை. அடிப்படையில் அவன் வளர்ப்பு முறை சரியாக இல்லை (அ. கந்தன், 2017 ப.15).

Mereka (ibu bapa) berharap dia akan insaf selepas perkahwinan ataupun isterinya akan membawa perubahan pada dirinya. Tetapi dia degil dengan sikapnya. Pada dasarnya, pengasuhan Mohan tidak betul (A. Kandan, 2017, ms.15).

Mogan telah digelar sebagai murid liar di sekolah rendah lagi. Ketika sedang belajar di sekolah menengah lagi, dia menampilkan sahsiah yang menjijikkan. Pakaian seragamnya tidak bersih. Rambutnya berkusut-masai tanpa minyak. Dia memakai gelang perak di tangan. Seluar panjangnya menyapu lantai. Keadaan diri Mogan jelas menunjukkan bahawa ibu



bapanya gagal memantau dan memberi didikan moral yang dapat membentuk sahsiah dan akhlak anak mereka. Susulan kegagalan mereka, Mogan telah menjadi seorang pemerang ugut, samseng, pembuli, penagih dadah, perokok, pengedar dadah dan mat rempit. Sikap dan sifat buruk Mogan mencerminkan bahawa ibu bapa gagal menuaikan tanggungjawab mendidik dan mengasuh anak tanggungan mereka.

Menurut Punitambigai Selvaraju dan Kierthiga Periasamy (2019), sikap cuai ibu bapa menyebabkan anak-anak yang masih putik tersesat dalam perjalanan hidup mereka. Selain itu, Habibie Hj Ibrahim, Mazni Mustapha, Joki Perdani, Puteri Hayati Megat Ahmad dan Nurul Hudani Md Nawawi (2018) dalam artikel bertajuk 'Peranan dan Tanggungjawab Ibu Bapa dalam Pengasuhan Anak dan Remaja' telah memetik pandangan beberapa orang berhubung dengan tajuk artikel mereka. Menurut Che Mat (1994), ibu bapa bertanggungjawab dalam menentukan dan mencorakkan perlakuan anak. Beliau menegaskan bahawa asuhan yang positif adalah amat penting dalam melahirkan keluarga yang harmoni. Pandangan Che Mat turut disokong oleh Kamsah dan Ismail (1996) bahawa ibu bapa berperanan sebagai penjaga, pendidik, pengasuh, pemimpin, perawat, penasihat dan kaunselor dari segi fizikal, mental dan rohani anak-anak. Selain itu, Yahaya dan Nam (Habibie et al., 2018) turut menekankan komunikasi antara ibu bapa dengan anak-anak termasuklah mendengar, memahami masalah dan ketakutan, membantu anak-anak dan menjelaskan dengan tegas perkara yang betul dan perkara yang salah.

Di samping itu, laporan Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat Tahun 2017 (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2018) menunjukkan bahawa 7% kanak-kanak tidak terkawal adalah terdiri daripada kaum India. Keadaan ini wujud kerana segelintir ibu bapa dalam masyarakat India gagal memberi asuhan dan didikan sempurna kepada anak-anak mereka. Justeru,

apabila seseorang anak gagal mendapat asuhan dan didikan sempurna ibu bapanya akan terjerumus dalam pelbagai gejala sosial. Sebenarnya, cerpenis Kandan telah memanifestasikan realiti ini melalui watak Mogan dalam cerpennya *Vāla ninaittāl nālalam*. Oleh itu, teori Sosiologi Sastera Model Pencerminkan George Lukas amat sesuai digunakan bagi menganalisis kumpulan cerpen dalam *Urimai Pōrāttam*.

4.2.1.11 Kegiatan Gengsterisme

Gengsterisme ialah jenis salah laku yang sudah lama wujud dalam kalangan pelajar dan masih berterusan hingga kini. Keadaan menjadi bertambah serius apabila didapati semakin ramai pelajar perempuan dan murid sekolah rendah juga di kesan terlibat dalam gejala samseng yang dikenali sebagai gengsterisme (Amirul Ketika, 2018).

Mengikut Kamus Dewan Edisi Baru (1993), gengsterisme ialah kegiatan atau aktiviti anggota kumpulan orang yang menyalahi undang-undang. Mengikut Thrasher (1963) yang merupakan pelopor awal tentang kajian gengsterisme mendefinisikan gengster sebagai satu kumpulan yang mempunyai ciri-ciri tingkah laku yang sama, perjumpaan secara bersemuka, gerakan secara berunit, konflik dan mempunyai perancangan. Selain itu, Portal MyHealth (2012) mendefinisikan gengsterisme sebagai kelakuan bersifat memusnahkan atau merosakkan (destruktif) yang dilakukan secara berkumpulan. Kumpulan gengster dikatakan mempamerkan tingkah laku agresif dengan melakukan perbuatan mencuri, merompak, menyeluk poket, terlibat dalam lumba haram, mencuri kereta, mengedar dadah, minum arak, terlibat dalam seks rambang dan memeras ugut. Secara ringkas, kegiatan gengsterisme diertikan sebagai tingkah laku atau perlakuan agresif yang boleh merosakkan,



memudaratkan, menyakitkan, atau mencederakan individu lain selain melanggar undang-undang negara.

Thraser (1963) juga menyatakan bahawa kewujudan gengster adalah hasil daripada perkembangan sesuatu kumpulan rakan sepermainan juvenil yang bertukar kepada perlakuan devian. Secara evolusi, kumpulan ini menjadi satu kumpulan gengster yang sering kali melakukan tindakan-tindakan ganas yang bercorak antisosial. Ikatan yang tidak sehaluan pada mulanya bertukar menjadi lebih erat, ditambah semangat setiakawan atau kukuh serta mengamalkan tradisi kumpulan. Kecenderungan untuk membentuk kumpulan sebegini adalah amat ketara dalam kalangan pelajar sekolah menengah, terutama pelajar Tamil (Amirul Ketika, 2018 & Smasa News, 2018).



Mengikut Rozeman Rodin Ahmad, Zainudin Hassan dan Julius Voo Jiunn Jye (2019), kajian lepas menunjukkan bahawa jumlah kejadian jenayah yang dilakukan oleh pelajar sekolah menengah di Malaysia semakin meningkat terutama kes rogol, seks bebas, kumpulan samseng, membuli dan membunuh sehingga menimbulkan kebimbangan dalam kalangan masyarakat di seluruh negara.

Cerpenis Kandan sebagai seorang bekas guru dan aktivis sosial yang amat peka terhadap gejala sosial ini turut memaparkannya dalam cerpenya *Ilaya samutāyam* untuk tatapan masyarakat umum. Dalam cepen ini, ketika seorang guru bernama Murugadas sedang membuat perancangan untuk mengadakan persembahan kebudayaan sempena hari penyampaian hadiah sekolah, sekumpulan bekas pelajar telah memohon kebenaran untuk mempersembahkan tarian moden dan liar. Namun, Murugadas telah menolak permohonan pelajar tersebut kerana tarian mereka adalah pertentangan dengan budaya Tamil. Pada hari





penyampaian hadiah, pelajar tersebut berusaha untuk mengganggu persembahan kebudayaan dengan mengujudkan keadaan huru-hara. Mereka juga mengherdik dan mempersendakan Murgadas. Selepas tamatnya persembahan, Murugadas mendapati motorsikalnya hilang dan tayar-tayar kereta kepunyaan seorang guru lagi dipancitkan. Murugas sedar bahawa angkara ini ialah perlakuan bekas pelajar yang menghuru-harakan persembahan kebudayaan. Murugas berasa sedih memikirkan perbuatan pelajar tersebut.

கல்வியில் நாட்டமே இல்லாமல் சுற்றித் திரிவது, பொறுப்பில்லாமல் நடந்து கொள்வது, கொலை, கொள்ளை, திருட்டுச் சம்பவங்களில் ஈடுபடுவது. (அ. கந்தன், 2017, ப. 95)

அந்த ஐந்து பேரும் சிறைக்குள் இருந்தனர். ஆசிரியர்களைக் கண்டதும் தலையைக் கீழே கவிழ்த்துக் கொண்டனர். இந்த ஐந்து பேரும் கூட்டாகச் சேர்ந்துதான் இந்த வேலையைச் செய்தனர், என்றார் காவல் அதிகாரி. (அ. கந்தன், 2017, ப. 97)

குண்டர் கும்பலில் ஈடுபாடு கொள்கிறவர்கள் தமிழ்ப்பள்ளி மாணவர்களா; மற்ற பள்ளி மாணவர்களா; இடைநிலைப்பள்ளி மாணவர்களா? என்பது பிரச்சனையல்ல. சீரழிவுக்குக் காரணம் என்ன என்பதை ஆராய வேண்டும். (அ. கந்தன், 2017, ப. 98)





Mereka berlelak tanpa meminati pelajaran, mengabaikan tanggungjawab, terbabit dalam rompakan, pembunuhan, kecurian. (A. Kandan, 2017, ms. 95)

Lima orang itu berada dalam lokap. Mereka menoleh ke bawah sebaik sahaja melihat guru-guru. Lima orang secara kumpulan melakukan hal ini, kata pegawai polis. (A. Kandan, 2017, ms. 97)

Sama ada pelajar sekolah Tamil terlibat dalam kumpulan kongsi gelap; pelajar sekolah lain; atau pelajar sekolah menengahkah? Tidak menjadi persoalan. Harus mencari punca berlaku gejala sosial ini. (A. Kandan, 2017, ms.98)

Kelima-lima pelajar tersebut memang memperlihatkan perlakuan samseng dengan bertindak secara kumpulan untuk mencetuskan huru-hara, memancit kereta dan mencuri motorsikal demi melahirkan perasaan benci, marah dan permusuhan. Perlakuan mereka bersinonim dengan tafsiran gengsterisme. Kegiatan gengsterisme ialah suatu hakikat dalam kalangan pelajar India. Sehubungan ini, Janakey Raman Manickam (2011) menyatakan bahawa masyarakat India sering digelar sebagai ‘masyarakat samseng’. Malahan, Ketua Fellow KITA, K.S. Nathan turut menegaskan bahawa golongan muda daripada kaum India banyak terlibat dalam masalah keganasan dan jenayah berkaitan dengan aktiviti geng (*Malay Mail Online*, 15.5.2015)

Sebenarnya, cerpenis Kandan telah menggambarkan realiti ini, iaitu kegiatan gengsterisme dalam kalangan pelajar melalui lima watak bekas pelajar sekolan dalam cerpennya *Ilaya samutāyam*. Oleh itu, teori Sosiologi Sastera Model Pencerminan George Lukas amat sesuai digunakan bagi menganalisis kumpulan cerpen dalam *Urimai Pōrāttam*.





4.2.1.12 Ketagihan Arak atau Alkohol

Mengikut Kamus Dewan Edisi Baru (1993), arak ialah semua jenis minuman yang mengandungi alkohol dan memabukkan. Arak juga dikenali sebagai minuman alkohol dan minuman keras. Di Malaysia, arak seperti tuak, todì, samsu, bir, *stout*, wiski dan brandi adalah popular. Menurut International Organisation of Templars (2016), walaupun Malaysia ialah sebuah negara kecil, namun bilangan pengambil alkohol atau arak adalah kesepuluh terbesar di dunia dan setiap tahun rakyat Malaysia membelanjakan lebih daripada RM2 bilion untuk alkohol. Selain itu, pengambilan alkohol per kapita ialah 7 liter, namun peminum alkohol didapati mengambil lebih daripadanya. Antara populasi peminum alkohol, orang India di Malaysia yang merangkumi sekitar 7 peratus daripada populasi ialah peminum paling berat yang mengambil alkohol atau arak secara mutlak melebihi 14 liter .



Di samping itu, pengambilan bir di Malaysia yang sebanyak 11 liter per kapita adalah setanding dengan negara-negara Eropah yang terkenal dengan penggunaannya yang tinggi (International Organisation of Templars, 2016). Ketersediaan minuman beralkohol yang mudah diperolehi di kedai kopi, pasar raya, kedai dan ladang serta iklan dan promosi yang agresif mendorong rakyat Malaysia untuk minum (Mary Asunta, 2001) . Umur purata untuk ketergantungan pada alkohol ialah 22 tahun. Alkohol atau etanol dalam minuman beralkohol ialah sejenis dadah daripada kumpulan dadah depressant (penindas) yang boleh mendatangkan pelbagai kesan buruk kepada seseorang yang mengambil arak. Dalam jangka masa pendek, arak dapat mencetuskan masalah mabuk, sakit kepala, pitam, kebas pada hujung jari tangan/ kaki, gangguan pergerakan, darah tinggi, gastrik, ulser perut, usus pedih, ulu hati, cirit-birit dan kecacatan bayi. Manakala, pada jangka masa panjang, arak akan membawa gejala seperti bayi sawan, gangguan pemikiran, kesihatan badan, nyanyuk, strok,





gangguan jantung, , kerosakan hati, mati pucuk, gangguan kitaran haid dan keguguran. Di samping itu, masalah sosial yang menular akibat arak ialah pergaduhan, gangguan seksual, penderaan anak dan isteri, kemalangan, gengsterisme dan pelbagai masalah lain (Mary Asunta, 2001).

Menurut Mary Asunta (2001), mangsa alkohol terbesar ialah golongan miskin, terutama buruh India di luar bandar yang bekerja di ladang getah dan kelapa sawit. Di sini alkohol ialah penyebab utama kemiskinan. Mereka minum samsu, (semangat kuat penyulingan tempatan) dan todi (yang diperkenalkan oleh Inggeris pada zaman penjajahan). Kini, masyarakat Tamil yang sudah berhijrah ke bandar-bandar lebih minum arak seperti samsu, bir dan minuman arak bercorak barat akibat penutupan kedai-kedai todi.



Menurut Kunaseelan, S. (2019), ketibaan buruh India di ladang-ladang British semasa zaman kolonial menandakan pengenalan pengeluaran todi oleh masyarakat India, terutama Tamil. Ketika itu, kedai todi didirikan di kebanyakan ladang di Malaysia. Kedai-kedai todi diperkenalkan oleh majikan dan pihak berkuasa Inggeris kepada masyarakat ladang untuk mengawal mereka dari segi mental dan fizikal. Todi menjadi pilihan utama buruh-buruh ladang sejak akhir abad ke-19 di Malaysia. Kerajaan British dan pengusaha-pengusaha ladang mengadakan kedai todi sebagai satu tarikan untuk mengekalkan buruh-buruh ladang ini di bawah kawalan mereka. Pembekalan todi oleh kerajaan Inggeris di ladang-ladang mendorong buruh-buruh ladang untuk kekal di ladang-ladang.

Selanjutnya, buruh-buruh ladang ketika itu dikatakan membelanjakan kira-kira 50 peratus hingga 75 peratus daripada pendapatan mereka untuk todi (Parameswary Krishnan, 2014). Keadaan ini mencetuskan kedudukan ekonomi yang tidak stabil dalam kalangan





masyarakat ladang. Fenomena ini berlanjutan sepanjang zaman kolonial dan pada era pascakemerdekaan. Di samping itu, kerajaan Inggeris mendapati bahawa penjualan todi membawa hasil pendapatan yang besar kepada mereka. Kerajaan Inggeris telah memperoleh pendapatan melalui pemberian tender, cukai, lesen penjualan dan hal-hal lain. Sebaliknya, tabiat minum todi ini membawa pelbagai gejala sosial dalam kalangan masyarakat India di ladang sehingga kini.

Selanjutnya, buruh Cina yang tiba untuk mengerajakan lombong-lombong British telah menghasilkan dan memperkenalkan minuman beralkohol mereka sendiri seperti samsu kepada komuniti setempat. Orang Inggeris juga membawa tradisi minum mereka sendiri dengan memperkenalkan bir dan *stout*. Pada tahun 1930 lagi, kilang bir pertama ditubuhkan di British Singapura (David H. Jernigan dan Saroja K. Indran, 2016).



Mengikut Kamus Dewan Edisi Baru (1993), todi ialah sejenis minuman memabukkan yang diperbuat daripada nira nyuir yang dimasamkan. Todi dikenali sebagai *kaḷḷu* (கலு) dalam Tamil. Cerpenis Kandan turut memaparkan amalan minum todi dalam kalangan masyarakat Tamil melalui cerpennya *Parantu sendra paingkili* dan *Nānkam talaimurai*.

Dalam cerpen *Parantu sendra paingkili*, cerpenis melakarkan gambaran tentang kedai todi yang menjadi salah satu identiti kehidupan masyarakat Tamil di ladang-ladang pada suatu ketika dahulu. Latar tempat cerpen ialah Ladang Senawang. Ladang itu ialah sebuah ladang kelapa sawit kepunyaan pihak Inggeris. Di pintu masuk ke ladang itu terdapat sebuah kedai todi.





தோட்டத்து நுழைவாயிலில் அமைந்திருந்த கள்ளுக்கடையில் மாலை மணி ஐந்துக்கு மது அருந்தும் தொழிலாளர்கள் அன்றாடம் கூடி தோட்டத்துப் பிரச்சனை முதல் உலக அரசியல் வரை நாடாளுமன்றத்தில் பேசுவதுபோல் பேசித் தீர்ப்பது வழக்கம். (அ. கந்தன், 2017, ப. 128)

Di kedai todi yang terletak di pintu masuk ladang itu, lazimnya semua semua peminum arak berkumpul pada pukul lima petang lagi di situ lalu berbincang tentang hal masalah-masalah di ladang itu dan hal dunia sama seperti dilakukan di parlimen. (A. Kandan, 2017, ms. 128)

Sementara itu, pengkaji mendapati bahawa watak Arumugam secara tidak langsung menceritakan kehidupannya kepada cucunyanya dalam cerpen *Nānkam talaimurai*.

Arumugam mengisahkan tentang tabiat ayahnya yang turut minum todi dan perangainya selepas minum todi.

எங்க அப்பா ஒண்டி வேலை செய்து சம்பாதித்துக் குடும்பத்தைக் காப்பாற்ற மிகவும் சிரமப்பட்டார். ஏழு, எட்டு வயசுப் பிள்ளைகளைப் பள்ளைக்கூடம் அணிப்பாமல் வேலைக்கு அனுப்பினார். ஆடு மாடுகளை மேய்க்க வைத்தார். எங்கப்பா வேலைக்குப் போயிட்டு வரும்போது களைப்புத் தீர நிறைய கள்ளைக் குடித்துவிட்டு வீட்டுக்கு வருவார். வீட்டில் ரொம்பவும் அதிகாரம் பண்ணுவார். (அ. கந்தன், 2017, ப. 158)

Ayahku seorang sahaja bersusah payah bekerja untuk membiayai keluargaku. Anak berumur tujuh, lapan tidak hantar se sekolah, sebaliknya dihantar bekerja. Kami menggembala kambing dan lembu. Ketika pulang ke rumah selepas habis kerja,





ayahku banyak minum todi untuk menghilangkan kepenatannya. Di rumah dia akan membuat angkara. (A. Kandan, 2017, ms. 158)

Kedai todi telah seolah-olah menjadi seperti *bar* kepada golongan miskin dan tempat berinteraksi sahabat handai. Namun, biasanya para peminum itu akan minum todi sampai menjadi mabuk. Di samping itu, apabila meningkat mabuk, mereka akan bergaduh dan mencederakan sesama sendiri. Selain itu, mereka turut mencetuskan angkara di rumah. Golongan ini yang menghadapi kesempitan wang untuk membiayai keluarga, telah menghabiskan sebahagian pendapatan yang diperoleh dengan susah payah untuk minum todi. Menurut Kunaseelan, S. (2019), perbelanjaan untuk minuman todi menjejaskan peruntukan perbelanjaan untuk membeli keperluan asas untuk sesebuah keluarga di ladang. Selain itu, tabiat minum todi telah menjejaskan kemajuan sosioekonomi masyarakat ladang dan di samping mencetuskan pelbagai gejala sosial. Dalam cerpen *Nānkam talaimurai* Kandan menceritakan bahawa golongan peminum todi ini memaksa anak-anak berumur tujuh dan lapan bekerja untuk mencari pendapatan tambahan dan menggembala ternakan. Misalnya, pada tahun 1935, sebanyak 40 peratus hasil pendapatan kerajaan Inggeris di Tanah Melayu adalah diperoleh melalui cukai jualan yang dikenakan atas todi (Arasaratnam, S. 1979). Oleh itu, kehidupan masyarakat ladang semakin meruncing, perit dan sengsara akibat ketagihan todi.

Selain itu, masyarakat Tamil yang miskin turut minum arak seperti samsu dan bir. Menurut Mary Asunta (2001), sebanyak 75 peratus daripada 200,000 peminum arak ialah peminum samsu. Amalan minum samsu dalam kalangan orang India di luar bandar di Malaysia dilihat sebagai sebagai bencana yang menghempap masyarakat sejak beberapa dekad yang lalu. Golongan ini membelanja sekitar RM20 juta setahun untuk samsu.





Minuman ini dibungkus dalam botol kecil antara 140-175ml dan dijual dengan harga serendah RM1.50 hingga RM3.00. Dengan harga yang sangat rendah, jelaslah bahawa minuman kuat ini dibungkus khas untuk menarik minat orang miskin. Seseorang peminum lazimnya minum sebanyak enam botol sehari, yang menelan perbelanjaan sebanyak RM9.00, iaitu kira-kira tiga perempat daripada gaji hariannya. Dalam sebulan seseorang itu membelanjakan kira-kira RM300 untuk samsu, iaitu hampir keseluruhan pendapatannya.

Menurut tinjauan yang dilakukan oleh Persatuan Pengguna Pulau Pinang, terdapat lebih daripada 150 jenama samsu yang terdapat di pasaran. Jenama ini terdiri daripada gambar barat seperti Apollo, 007 dan Father Christmas, dan pahlawan sejarah India seperti Sivaji, Veera Pandian, dan Asoka hingga haiwan seperti kucing, ular, merak dan singa dan bahkan King Kong Hollywood (Mary Asunta, 2001).



Label pada botol samsu ini membuat dakwaan bahawa dikatakan baik untuk kesihatan, dapat menyembuhkan reumatik, sakit badan, tekanan darah rendah, dan gangguan pencernaan. Label juga mendakwa bahawa minuman itu baik untuk orang tua, sakit sendi, orang yang kurang selera makan dan ibu yang sedang menyusui. Tidak menghairankan bahawa dengan tuntutan tersebut, wanita juga mengambil samsu. Namun, samsu ialah minuman yang mempunyai kandungan alkohol yang tinggi antara 37 hingga 70 peratus yang dapat membawa kesan ketara terhadap kesihatan seseorang dalam jangka masa pendek dan panjang. Di samping itu, samsu haram boleh meragut nyawa seseorang. Misalnya, pada 25.1.1981, sebanyak 32 orang telah mati dalam tempoh masa dua hari di Lunas, Kulim, Kedah akibat minum samsu haram yang keracunan dan 5 orang lagi telah menjadi buta buat selama-lamanya (Denison, J. J. & Others, 1985).





Cerpenis Kandan turut memaparkan gejala arak dalam cerpen *Kālam pōdda kōlam*, *Tiruvilā*, *Parantu sendra paingkili* dan *Arpanippukku tandanayā*. Dalam cerpen *Kālam pōdda kōlam*, Thirumurugan ialah seorang guru di sebuah sekolah menengah. Salah seorang anak muridnya ialah Mukilan. Mukilan ialah seorang pelajar yang pintar dan bertanggungjawab. Namun, belakangan ini dia mendapati Mukilan kelihatan sedih, sunyi dan mengasingkan dirinya. Oleh itu, Thirumurugan telah pergi ke rumah Mukilan untuk mengetahui punca anak muridnya kelihatan sebegitu. Thirumurugan terkejut sebaik sahaja melihat wajah dan keadaan ibu Mukilan, Parvathi kerana memang mengenalinya. Kedua-dua berasal dari ladang yang sama. Selain itu, Parvathi ialah bekas kekasihnya. Perkara yang amat menyedihkannya ialah Parvathi ialah seorang janda. Seterusnya, Parvathi menjelaskan keperitan hidupnya selepas berkahwin.



நான் திருமணமாகி என் கணவரோடு இந்தத் தோட்டத்திற்கு வந்தேன். வந்த சில நாட்களுக்குப் பிறகுதான் அவர் சரியான குடிகாரர் என்பது தெரிந்தது. எடுக்கிற சம்பளம் அவர் குடிப்பதற்கே போதாது. அவர் வேலைக்குப் போவதை அடியோடு நிறுத்திக் கொண்டார். நகை நட் டெல்லாம் அடகு வைத்து குடித்தே தீர்த்து விட்டார். அதிகம் குடித்ததனால் நுரையீரலெல்லாம் பாதிப்படைந்து சென்றாண்டிதான் அவரும் மரணமுற்றார். (அ. கந்தன், 2017, ப. 71-72)

Selepas berkahwin, aku bersama-sama suamiku telah tiba di ladang ini. Hanya selepas beberapa hari kemudian, aku dapat mengetahui suamiku kuat minum arak. Gajinya tidak cukup untuk minum arak. Dia telah berhenti bekerja. Dia telah menggadaikan semua barang kemasku untuk minum arak. Dia telah mengalami kerosakan paru-paru akibat terlalu minum arak lalu meninggal dunia setahun lepas. (A. Kandan, 2017, ms. 71-72)





Peminum arak itu sanggup menghabiskan keseluruhan pendapatan dan menggadaikan barang kemas isterinya semata-mata untuk minum arak. Seseorang yang kuat minum arak didapati tidak dapat bekerja lagi dan mengalami masalah kesihatan yang membawa maut.

Seterusnya, Kandan dalam cerpen *Tiruvilā* turut memperihalkan tindakan pekerja ladang yang meraihkan perayaan di ladang dengan minum arak. Sempena perayaan kuil di ladang itu, pengerusi kuil dan beberapa orang lain berkumpul di sebuah restoran makanan laut Cina yang terletak di tepi sungai. Cerpenis terus melakarkan keadaan diri mereka ketika minum arak di situ.

மேசையின் மீது மதுப் போத்தல்கள் பொங்கி வழிந்து கொண்டிருந்தன. மதுவும் உணவும் போட்டிப் போட்டுக் கொண்டு வயிற்றுக்குள் போய்க் கொண்டிருந்தன. கண்கள் கோவைப்பழம் போல் சிவந்திருந்தன. வீரம் பேச்சில் பொங்கி வழிந்தது. மீசை முறுக்கேறியது. (அ. கந்தன், 2017, ப. 75)

Botol-botol arak bertimbun di atas meja. Alkohol dan makanan bersaing masuk ke dalam perut. Mata kelihatan merah seperti biji saga. Keberanian meluap-luap dalam ucapan. Misai berkedut. (A. Kandan, 2017, ms.75)





Setelah minum berbotol-botol arak, mereka naik mabuk. Keadaan fizikal dan perlakuan mereka kelihatan lebih agresif.

Selanjutnya, cerpenis Kandan dalam cerpen *Arpanippukku tandanayā* menggambarkan sikap dan perlakuan seorang bapa yang berada dalam keadaan mabuk mengherdik guru dan guru besar kepada anaknya. Cikgu Saravanan ialah seorang guru yang berdedikasi. Dia tidak pernah merotan atau menyakiti perasaan anak-anak muridnya dengan kata-kata tajam. Dia hendakkan murid-muridnya menguasai bahasa Tamil yang sempurna. Oleh itu, beliau tidak membenarkan anak muridnya bercampur aduk bahasa Inggeris dalam pertuturan dan peulisan mereka. Keadaan ini mendatangkan masalah kepada dirinya. Pada suatu hari seorang bapa dalam keadaan mabuk telah terus menyerbu masuk ke dalam kelas lalu mengherdikanya.



அன்றொரு நாள், யாருடா அவன் மூன்றாம் வகுப்பு ஆசிரியர்? கூப்பிடு, அவங்கிட்ட நானும் தமிழ்ப்பேசிப் பார்க்கணும், என்று காட்டுக் கூச்சல் போட்டுக் கொண்டு பள்ளிக்கூட வாசலில் கத்திக் கொண்டிருந்தார். சரவணின் வகுப்பில் படிக்கும் ஒரு மாணவனின் தந்தை. இவர் என்னை 'டா' போட்டு அழைக்கின்றார் என்ற குழப்பம் அகலும் முன்னே அவர் வகுப்பறைக்குள் நுழைந்து விட்டார். யாரு நீங்க? உங்க பிரச்சனை என்ன? என தலைமையாசிரியர் கேட்டார். என்ன பெரிய வாத்தி! உங்க வாத்தியாரு என்ன படித்து தராறு? கொஞ்சம் நஞ்சம் பேசுற இங்கிலீசு வார்த்தையும் மறந்துட்டு வந்து நிற்கிறான் என் மகன், என்றார் மது அருந்தியவர். (அ. கந்தன், 2017, ப.119)





Pada suatu hari terdengar herdikan, siapa itu guru darjah tiga? Panggil dia. Aku hendak cakap dalam bahasa Tamil denganya. Seorang sedang menjerit dengan suara lantang di pintu masuk sekolah. Dia ialah bapa kepada seorang anak murid saya. Sebelum saya dapat memikirkan akan sebab orang itu menggunakan kata-kata kurang sopan, dia telah terus menyerbu masuk ke dalam kelas. Siapa awak? Apakah masalah awak? tanya guru besar. Apakah cikgu awak ajar. Anak saya sudahpun lupakan sedikit sebanyak bahasa Inggeris yang dia tahu, kata orang mabuk itu. (A. Kandan, 2017, ms.119)

Masyarakat Tamil sangat menghormati guru. Terdapat suatu kata hikmat 'மாதா, பிதா, குரு, தெய்வம்' (*mātā, pitā, guru, teivam*) iaitu ibu, bapa, guru dan Tuhan. Seseorang guru mendapat tempat yang lebih tinggi daripada ibu bapa dalam masyarakat Tamil. Namun, terdapat segelintir ibu bapa yang mengherdik guru dengan kata-kata kesat dan kurang sopan ketika berada dalam keadaan mabuk. Penggunaan kata 'டா' (*da*) untuk menyapa seseorang guru adalah dianggap cukup menjatuhkan maruah diri seseorang guru. Apatah lagi ingin berdebat dalam bahasa Tamil dengan guru berkenaan. Keadaan ini menunjukkan bahawa seseorang yang mabuk tidak dapat mengawal perlakuan dan pertuturan katanya lalu sanggup mengeluarkan kata nista yang dapat menyinggung perasaan dan imej orang lain.

Akhir sekali, dalam cerpen *Parantu sendra paingkili*, cerpenis Kandan mengutarakan kesulitan menimpa diri seorang gadis yang berlari kahwin dengan seorang pemuda yang merupakan seorang pemabuk. Malarvizhi ialah watak utama dalam cerpen ini yang telah jatuh cinta pada Maran. Malarvizhi telah mengambil keputusan untuk berlari dari rumah dan mendirikan rumah tangga bersama kekasihnya yang dianggap setia padanya.





Namun, keadaan malang menunggunya. Malarvizhi mendapati suaminya ialah seorang pemabuk dan sanggup mengongsikan isterinya dengan orang lain.

அன்று இரவு மணி பன்னிரண்டுக்கு மேல் இருக்கும். மாறன் குடிபோதையில் இருந்தான். முன்பின் அறிமுகம் இல்லாத ஒருவனை வீட்டிற்கு அழைத்து வந்தான். இவன் என் நண்பன். இன்றைக்கு இங்குதான் தங்குவான். இவன் மனம் கோணாமல் நீ நடந்து கொள்ள வேண்டும் என்றான். நான் உங்களுக்குத்தான் மனவி. கண்டவனுக்கெல்லாம் மனைவியாக முடியாது, என்று கத்தினாள். (அ. கந்தன், 2017, ப. 128)

Pada tenah malam hari itu, Maran telah berada dalam keadaan mabuk. Dia telah membawa bersamanya seorang yang tidak dikenali. Maran berkata kepada Malarvizhi, orang ini kawan saya. Hari ini dia akan bermalam di situ. Awak harus melayannya tanpa menyinggung perasaannya. Aku hanyalah isteri awak. Aku tidak boleh menjadi isteri kepada sebarang orang, jerit pula Malarvizhi. (A. Kandan, 2017, ms. 128)

Situasi ini menunjukkan bahawa seseorang yang mabuk tidak ada maruah diri dan sanggup berkongsi isterinya dengan orang lain. Sifat dan sikap seseorang pemabuk adalah lebih rendah berbanding dengan binatang lain kerana binatang tidak sanggup berkongsi jodohnya dengan binatang lain.

Secara ringkas, cerpen-cerpen Kandan membawa gambaran bahawa seseorang pemabuk atau kuat minum arak didapati mencetuskan pelbagai masalah ekonomi seperti membelanjakan keseluruhan pendapatan dan menggadaikan barang kemas isteri untuk





membiayai amalan minum araknya. Selain itu, seseorang peminum arak juga menjadi punca kemiskinan keluarganya. Di samping itu, Kandan juga melakarkan pelbagai perlakuan para pemabuk yang mencetuskan pelbagai masalah sosial seperti tingkah laku liar, melakukan perbuatan yang dapat menjatuhkan harga dan maruah diri sendiri dan orang lain. Menurut cerpenis, peminum arak juga digambarkan mengalami masalah kesihatan dan menimpa maut. Sebenarnya, segala lakaran dan gambaran cerpenis Kandan adalah selari dengan hasil kajian Mary Asunta (2001), Parameswary Krishnan (2014), Arasaratnam, S. (1979) dan Kunaseelan, S. (2019) yang dibincangkan terlebih dahulu.

Sehubungan ini, cerpenis Kandan telah menggambarkan dengan jelas akan realiti masalah ketagihan arak atau alkohol dalam masyarakat Tamil di Malaysia melalui lima cerpen dalam kumpulan cerpen *Urimai Pōrāttam*. Oleh itu, teori Sosiologi Sastera Model Pencerminkan George Lukas amat sesuai digunakan bagi menganalisis kumpulan cerpen *Urimai Pōrāttam*.

4.2.1.13 Vandalisme

Kamus Dewan Edisi Baru (1993) mendefinisikan vandalisme atau musnah laku sebagai perbuatan membinasakan atau merosakkan harta benda awam atau persendirian. *Oxford Advanced Learner's Dictionary* (1991) mentakrifkan vandalisme sebagai tindakan memusnahkan atau merosakkan harta benda awam atau swasta dengan sengaja. Definisi vandalisme memungkinkan kita membezakan tingkah laku permusuhan yang bertujuan untuk merosakkan atau memusnahkan objek, tingkah laku instrumental yang melibatkan perbuatan merosakkan atau menghancurkan sesuatu objek sebagai tujuan untuk mencapai





tujuan lain, dan tingkah laku yang dimotivasikan oleh keinginan untuk melahirkan perasaan diri melalui kemerosotan objek dan juga sebagai permainan yang mendatangkan keseronokan (*Caves, R. W. (2004)*).

Sehubungan ini, kegiatan vandalisme ialah gejala sosial yang masih serius di Malaysia kerana kemudahan awam seperti bangunan, tembok, tandas awam, papan tanda, kerusi duduk dan perhentian bas masih diconteng dengan perkataan atau gambar yang menyakitkan mata atau dirosakkan oleh golongan pemberontak yang melakukan kegiatan itu secara sewenang-wenangnya (Siti Fauziyani Md. Salleh & Bushrah Basiron, 2017 dan Gan Swee Eng, 2013). Perkara yang lebih mengejutkan ialah mural Agong juga menjadi sasaran para vandal (pemusnah) (Malaysiakini, 2020). Perbuatan ini memberi impak negatif kepada masyarakat dan juga memburukkan nama baik negara. Motif untuk melakukan vandalisme adalah terletak pada aspek emosi. Vandalisme biasanya dianggap sebagai satu cara untuk melepaskan rasa geram, ataupun satu cara untuk menghilangkan kebosanan semata-mata. Walaupun motif mereka adalah begitu ringan, tetapi masyarakat awam terpaksa menanggung kerugian yang besar untuk memenuhi nafsu mereka. Golongan vandal ini terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah, remaja dan para penganggur.

Menurut Cohen (2002) tujuan tingkah laku vandalisme dapat dibahagikan kepada enam kategori. Yang pertama, vandalisme berbentuk keinginan, iaitu kerosakan dilakukan bertujuan untuk mendapatkan sesuatu. Vandalisme ini sering berlaku di sekolah. Kedua, vandalisme yang dirancang. Biasanya, vandalisme dilakukan secara sedari demi mencapai satu-satu kehendak, iaitu membawa gangguan kepada sesuatu. Mereka akan berasa seronok akan tingkah laku tersebut. Ketiga, vandalisme ideologikal, vandalisme jenis ini mempunyai matlamat ideologi besar yang telah dirancang awal-awal lagi. Vandalisme jenis ini





melibatkan perbuatan mengecat atau menyembur cat pada dinding-dinding bangunan sekolah atau tandas dengan menulis kata kasar, kata lucah dan sengaja meninggalkan nombor telefon. Keempat, vandalisme bersifat balas dendam, iaitu bertujuan untuk membalas dendam terhadap pihak sekolah yang telah mendenda vandal tersebut. Tindakan membalas dendam seperti memecahkan cermin tingkap, membakar pintu dinding bangunan, mencalkarkan kereta guru, merosakkan telefon awam adalah beberapa kes salah laku yang kerap dilakukan. Kelima, vandalisme bersifat suka-suka yang dilakukan untuk tujuan sewenang-wenangnya. Perbuatan ini juga dilakukan kadang kala sebagai permainan. Keenam, vandalisme bersifat merosakkan, iaitu satu tingkah laku kerosakan yang paling ganas atau membahayakan. Cohen menyifatkan vandalisme jenis ini sebagai cara menunjukkan rasa ketidakpuasan atau rasa kekecewaan terhadap tindakan sekolah (atau pihak tertentu) (Cohen, 2002).



Cerpenis Kandan, dalam cerpennya *Vāla ninaittāl vālam* dan *Ilaya samutāya* turut memperihalkan kegiatan vandalisme dalam kalangan pelajar sekolah dan golongan remaja. Dalam cerpen *Vāla ninaittāl vālam*, watak Mogan dilakarkan sebagai seorang murid yang bermasalah. Dia digambarkan melakukan vandalism di sekolah rendah lagi.

மோகன் ஆரம்பப் பள்ளியில் படிக்கும்போதே தறுதலை என்று பெயர் வாங்கினான்....மோகனுக்கு ஆத்திரம் ஆத்திரமாக வரும். அந்த ஆசிரியரின் காரை கூர்மையான பொருட்களைக் கொண்டு கீறி விடுவான்...அவனைக் கண்டிக்கும் ஆசிரியரைப் பற்றி கழிப்பறையில் கேவலமாக சுவரில் வரைந்து வைப்பான். (அ. கந்தன், 2017, ப.12)





Ketika belajar di sekolah rendah lagi, Mogan dikenali sebagai murid yang tidak dapat dikawal...Apabila perasaan marah berkobar-kobar dalam dirinya, dia mencalar kereta guru dengan benda yang tajam. Dia menconteng gambar lucah pada dinding tandas untuk mencarut guru guru yang memarahinya. (A. Kandan, 2017, ms. 12)

Dalam cerpen *Ilaya samutāya*, cerpenis Kandan turut melakukan perlakuan murid sekolah rendah yang melakukan vandalisme apabila dinasihati.

மாணவர்க்கு அறிவுரை கூறினால் காரை ஐம்பது காசு நாணயத்தால் கீறி விடுவது. கெட்ட கெட்ட வார்த்தைகளால் திட்டி எழுதுவது போன்ற அடாவடிச் செயலில் ஈடுபட்டு விடுகின்றனர். (அ. கந்தன், 2017, ப.97)



Sekiranya murid-murid dinasihati, mereka akan melakukan perlakuan kurang sopan seperti mencalar kereta guru dengan wang syiling lima puluh sen dan menconteng kata-kata kesat untuk mencarutnya. (A. Kandan, 2017, ms. 97)

Kedua-dua cerpen jelas menunjukkan bahawa murid-murid sekolah rendah yang masih kanak-kanak sanggup melakukan perbuatan vandalisme yang bersifat pemusnah untuk membalas dendam terhadap guru yang telah mendenda vandal tersebut. Motif mereka adalah untuk melepaskan perasaan marah dan tidak puas hati. Sebenarnya, perlakuan pelajar ini adalah selaras dengan penemuan Cohen (1972), iaitu pelajar melakukan vandalisme bertujuan untuk membalas dendam terhadap pihak sekolah yang telah mendenda vandal tersebut. Menurut Md Saleh @Masrom, Siti Fauziyani & Basiron Bushrah (2017), perbuatan vandalisme ini juga dilaporkan di sekolah rendah dan membabitkan murid-murid di bawah 12 tahun.. Kes vandalisme dalam kalangan murid sekolah rendah semakin kerap berlaku. Kes





ini dilihat semakin serius disebabkan pengaruh rakan sebaya. Antara kes vandalisme yang dilakukan adalah menconteng dinding sekolah, kerusi, meja dan tandas.

Cerpenis Kandan turut memaparkan perbuatan vandalisme yang dilakukan oleh golongan remaja dalam cerpen *Ilaya samutāyam* lagi untuk tatapan masyarakat umum. Dalam cerpen ini, ketika seorang guru bernama Murugadas sedang membuat perancangan untuk mengadakan persembahan kebudayaan sempena hari penyampaian hadiah sekolah, sekumpulan bekas pelajar telah memohon kebenaran untuk mempersembahkan tarian moden dan barat. Namun, Murugadas telah menolak permohonan pelajar tersebut kerana tarian mereka adalah pertentangan dengan budaya Tamil dan menasihati mereka untuk mencintai kebudayaan Tamil.



Pada hari penyampaian hadiah pula, pelajar tersebut berusaha untuk mengganggu persembahan kebudayaan dengan mengujudkan keadaan huru-hara. Mereka juga mengherdik dan mempersendakan Murgadas. Selepas tamat persembahan, Murugadas mendapati motorsikalnya hilang dan tayar-tayar kereta kepunyaan seorang guru lagi dipancitkan.

அவரின் மோட்டார் சைக்கிளைக் காணவில்லை. மற்றொரு ஆசிரியரின் காரின் இரண்டு சக்கரங்கள் துளைப் போடப்பட்டிருந்தன. அச்சம்பவம் அறிவுரைக்கு இதுதான் பரிசு என்று கேலி செய்வது போல் இருந்தது. (அ. கந்தன், 2017, ப.94)

Motosikanya hilang. Kedua-dua tayar kereta kepunyaan seorang guru lagi dipancitkan. Kejadian ini seolah-olah kelihatan bagi hadiah kerana memberi nasihat. (A. Kandan, 2017, ms. 94)





Bekas pelajar tersebut yang tidak berpuas hati kerana tidak diberi peluang untuk mempersembahkan tarian moden dan diasihati mencintai kebudayaan Tamil berasa tersinggung hati. Oleh itu, mereka melakukan perbuatan mencuri motorsikal kepunyaan cikgu Murugadas dan memancit tayar-tayar kereta kepunyaan kawannya sebagai tanda membalas dendam.

Hasil kajian Siti Fauziyani Md. Salleh & Bushrah Basiron (2017) menunjukkan bahawa kebanyakan orang yang terlibat dalam gejala vandalisme ialah golongan remaja yang memiliki akal yang cetek. Oleh sebab itu, mereka tidak dapat berfikir dengan baik tentang baik buruk perlakuan mereka, sebaliknya lebih mementingkan perasaan dan sifat diri sendiri. Masalah ini mempunyai hubung kait dengan masalah ego dan meisme atau mementingkan diri sendiri. Pernyataan ini disokong oleh Yahaya (Siti Fauziyani Md. Salleh & Bushrah Basiron, 2017) yang menyatakan bahawa salah satu ciri remaja yang melakukan gejala ini adalah kerana mereka lebih mementingkan diri sendiri tanpa menghargai hak orang lain. Menurut Siti Fauziyani Md. Salleh & Bushrah Basiron, (2017) analisis data juga menunjukkan bahawa vandalisme mempunyai ciri khianat dan bersifat jenayah di samping itu remaja yang tiada kesedaran, tidak memiliki rasa malu dan berasa tidak berdosa serta remaja yang tidak memiliki rasa bertanggungjawab sanggup melakukan perbuatan keji ini.

Sehubungan ini, cerpenis Kandan telah turut menggambarkan realiti kejadian masalah vandalisme dalam masyarakat Tamil di Malaysia, terutama pelajar sekolah rendah dan remaja melalui d cerpen *Vāla ninaittāl vālalam* dan *Ilaya samutāyam* yang termuat dalam kumpulan cerpen *Urimai Pōrāttam*. Oleh itu, teori Sosiologi Sastera Model Pencerminkan George Lukas amat sesuai digunakan bagi menganalisis kumpulan cerpen *Urimai Pōrāttam*.



4.2.1.14 Penindasan Pihak Pengurusan Ladang

Mengikut Kamus Dewan Edisi Baru (1993), konsep penindasan merangkumi perbuatan menganiayai, perihai menindih, membelenggu atau menafikan kebebasan dan hak-hak asasi manusia. *Cambridge Online Dictionary*, (2020) mendefinisikan penindasan (*oppression*) sebagai keadaan seseorang atau sekumpulan orang diperintah dengan cara yang tidak adil dan kejam serta dihalang daripada mempunyai peluang dan menikmati kebebasan. Menurut *Webster-Merriam Online Dictionary*, (2020), penindasan merujuk kepada pelaksanaan kuasa atau tindakan yang tidak adil, berlebihan atau kejam atas kelas bawahan secara berterusan agar berasa terbeban dalam badan atau fikiran. Penindasan juga merujuk kepada tindakan memanipulasi dan mengawal orang bertujuan untuk menakluki dan meminggirkan kumpulan orang tertentu dalam suatu negara atau masyarakat. Berdasarkan definisi tersebut, penindasan dapat diertikan sebagai perbuatan yang tidak adil serta bersifat kejam dan terlampau yang bertujuan menganiayai, menindih, membelenggu dan menafikan kebebasan dan hak-hak asasi seseorang atau sekumpulan orang bawahan agar dapat dapat memanipulasi dan mengawal fizikal dan fikiran orang tersebut.

Tindakan menindas sesama manusia tetap berlaku di setiap negara, budaya, dan masyarakat termasuk demokrasi yang paling maju. Van Wormer, K., & Besthorn, F. H. (2010), apabila sesuatu kumpulan menindas kumpulan manusia lain dikenali sebagai penindasan sosial. Van Wormer, K., & Besthorn, F. H menegaskan bahawa penindasan sosial berlaku apabila sekumpulan dalam masyarakat secara tidak adil memanfaatkan dan menggunakan kuasa untuk mendominasi dan menundukkan orang lain dengan mengeksploitasi kemiskinan, jantina, kelas, bangsa, atau kategori lain. Penindasan sosial ini melibatkan penindasan kaum, kelas, jantina, agama, dominasi dan ekonomi. Antara bentuk



penindasan sosial, penindasan berbentuk ekonomi adalah ketara di dunia hari ini. Penindasan berbentuk ekonomi merujuk kepada penghambaan, pekerjaan paksa, upah rendah, buruh terikat, diskriminasi peluang pekerjaan dan diskriminasi ekonomi berdasarkan jantina, kewarganegaraan, bangsa dan agama (Cudd, Ann E. 2006). Masyarakat Tamil India yang dibawa ke negara ini sebagai pekerja untuk membangunkan pelbagai sektor, terutama perladangan pada pengujung abad kesembilan belas turut mengalami penindasan ekonomi ini.

Menurut Kunaseelan, S. (2019), zaman penghijrahan imigran India telah bermula di Negeri-negeri Selat sejak Pulau Pinang diduduki oleh Inggeris pada tahun 1786. Menjelang akhir kurun ke-18, terdapat seribu orang kuli (*coolie*) di Pulau Pinang dan bilangan mereka meningkat menjelang tahun 1825. Pihak British mendapati Malaya sebagai kawasan yang sangat strategik untuk mencapai tujuan ekonomi mereka. Oleh itu, pihak British mula membawa masuk tenaga buruh India. Getah telah mula ditanam secara komersial di Tanah Melayu di ladang-ladang. Pengambilan buruh-buruh India adalah sejajar dengan minat pihak Inggeris dalam bidang pertanian (Arasaratnam, S., 1979). Hal ini telah memberi kesan yang berpanjangan kepada sistem ekonomi dan sosial kehidupan masyarakat ladang. Mereka datang bekerja di kawasan terpencil dan di kawasan pedalaman yang baharu dibuka untuk menanam kopi dan tebu (Janaky Raman Manickam, 2007).

Masyarakat imigran datang ke Tanah Melayu untuk mengumpulkan wang lalu ingin kembali semula ke negara asal mereka. Sementara itu, jumlah imigran bertambah dua kali ganda selepas getah diperkenalkan sebagai tanaman utama antara tahun 1900-an hingga 1910. Pihak British di Malaya (Malaysia) telah memperlihatkan penubuhan atau pembentukan ladang secara besar-besaran serta pengimportan buruh dari selatan India. Pihak





pihak British memilih *Indian Coolies* (pekerja Tamil) kerana mendapati masyarakat di selatan India yang merupakan rakyat mereka sudah biasa dengan sistem pemerintahan British. Selain itu, mereka merupakan pekerja yang rajin, tidak terlalu bercita-cita tinggi dan senang dikawal. Mereka mudah menerima sebarang keadaan, biar dibayar upah yang rendah sekalipun dalam keadaan regimental di ladang-ladang. Menurut Kunaseelan, S. (2019), terdapat sebanyak 621 000 orang India di Tanah Melayu pada tahun 1931. Daripada jumlah ini, hampir 90 peratus ialah orang Tamil dari daerah Madras (Tamil Nadu) dan hampir kesemua orang menjadi buruh di ladang.

Menurut Kunaseelan, S. (2019) lagi, pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20, buruh imigran India berhijrah ke Tanah Melayu ke negara-negara lain dengan tiga cara, iaitu sistem kontrak, sistem *kangani* dan mudah bebas atau merdeka. Berikutan ini, pihak British telah mempergunakan sistem ini serta kemiskinan dan sikap akur pekerja Tamil untuk memerah dan mengeksploitasi mereka. Cerpenis Kandan yang pernah menjalani kehidupan di ladang serta dan ayahnya juga seorang pekerja imigran turut meluahkan penindasan dan penderitaan kaum pekerja ladang dalam cerpen *Nāṅkāṁ talaimurai*, *Oru pen ninaittāl* dan *Putu vālvu*.

Cerpenis Kandan melalui watak Arumugam dalam cerpennya *Nāṅkāṁ talaimurai* memperihalkan keperitaan hidup dan penindasan yang dialami ayahnya, Alagappan sebaik sahaja dibawa masuk sebagai pekerja kontrak ke negara ini. Menurut Arumugam, ayahnya mula bekerja di Ladang Strathmashie, Bagan Datuk (tempat asal cerpenis) sebagai pekerja. Seterusnya, Arumugam melakarkan kehidupan ayah dan pekerja-pekerja lain.





அப்புறம் சாகும் வரையில் மிருகங்களைப் போல் மோசமாக வேலை வாங்கப்பட்டனர். அந்த சஞ்சிக்கூலிப் பட்டாளத்தில் வந்தவர்தான் எனது அப்பா; அவர் பேரு அழகப்பா என்றார் ஆறுமுகம். (அ. கந்தன், 2017, ப. 156)

Selepas itu, mereka telah dipaksa bekerja sebagai binatang sampai mati. Salah seorang daripada kuli kontrak tersebut ialah bapa saya, Alagappan, kata Armugam. (A. Kandan, 2017, ms. 156)

Berdasarkan gambaran A. Kandan, didapati bahawa para pekerja telah dikerah sebagai binatang tanpa sebarang perasaan belas kasihan. Menurut Janakey Raman Manickam (2011) yang memetik pengalaman pekerja tersebut menyatakan bahawa pekerja-pekerja ini sebaik sahaja tiba di ladang masing-masing telah disuruh menebang pokok-pokok untuk menyediakan tapak semaian untuk pokok getah, namun kebajikan mereka dibaikan. Mereka tidak disediakan tempat tinggal. Tidak disediakan bekalan air kecuali air parit. Mereka juga tiada tempat berehat. Para ketua pekerja (*kangganai*) memerah mereka bekerja keras sepanjang hari.

Seterusnya, dalam cerpen *Oru pen ninaittāl* dan *Putu vālvu* cerpenis Kandan turut memaparkan isu eksploitasi yang dilakukan oleh pihak pengusaha ladang dengan menghambakan para pekerjanya. Dalam cerpen *Oru pen ninaittāl*, Kantaruban yang ialah anak kepada seorang pekerja di Ladang Bagan Datoh. Kantaruban dengan usaha giighnya telah lulus dalam tingkatan lima lalu berjaya menamatkan latihan perguruan. Kini, dia berkhidmat sebagai guru bahasa Tamil di ladang yang sama. Kantaruban mendapati bahawa keadaan hidup para pekerja ladang itu masih tidak berubah.





ஆங்கிலேயருக்குச் சொந்தமான அந்தப் பாகான் டத்தோ தோட்டத்தில் தென்னை, கொக்கோ, செம்பனையும் வளத்தை ஈட்டித் தந்தன. இந்தியர்களைக் கொத்தடிமைகளாகக் கருதி ஆங்கிலேயர்கள் கொள்ளை லாபம் அடித்தனர். (அ. கந்தன், 2017, ப. 53)

Walau pun tanaman seperti kelapa, koko dan kelapan sawit di ladang Bagan Datoh kepunyaan Inggeris telah membawa keuntungan yang lumayan, namun, pihak pengurus Inggeris telah melayan pekerja India bagi hamba abdi untuk mengaut keuntungan yang lumayan. (A. Kandan, 2017, ms. 53).

Di samping itu, dalam cerpen *Putu vālvu*, pihak pengurus sebuah ladang turut memaparkan sikap menghambakan para pekerjanya. Aravindan yang telah dipilih sebagai pengerusi persatuan pekerja telah menulis surat kepada pihak pengurus mengemukakan beberapa aduan ahlinya supaya masalah mereka diberi perhatian. Namun, pengurus ladang itu tidak mahu menerima aduannya dan menuduhnya bertindak kurang sopan. Dia mengingatkan Aranvindan bahawa dia meruapkan kulinya dan mesti akur padanya. Apabila Aravindan enggan berbuat demikian, pengurus mula bertindak agresif.

நான் சொல்லவதெற்கெல்லாம் நீ எதிர்த்து பதில் சொல்லிக் கொண்டு இருக்கிறாய். உனக்கு என்ன திமிர். நான் இந்த எஸ்டேட் மாணேஜர். நீ கூலி என்பதை மறந்துவிடாதே, என்று கர்ஜித்தார். நான் உங்கள் கூலிதான்; அடிமையல்ல...,என்றான் அரவிந்தன். தன் கையிலிருந்த கழியை உயர்த்திக் கொண்டு, நீ எனக்கு முன் மண்டியிட்டு மன்னிப்பு கேள், என்றான் துரை. நான் அவ்வாறு செய்ய முடியாது, என்றான் அரவிந்தன்....(வாட்சுமேனனை நோக்கி), ஏய், கருப்புத் தோல் நாயே! என் முன் மண்டியிட்டு என் கால் செருப்பை முத்தமிடு,





என்றான் மக திமிர் பிடித்த வெள்ளைக்காரன். மாணேஜர் சொன்ன மாதிரி வாட்சிமேனும் செய்தான். நீயும் வட்சுமேன் மாதிரி செய்ய வேண்டும். அதைப் பார்த்து நான் மகிழ வேண்டும், என்று ஆணவத்துடன் கூறினான் மாணேஜர். (அ. கந்தன், 2017, ப.38-39)

Awak ini menentang percakapan saya. Awak sangat degil. Jangan lupa saya ini pengurus ladang ini, awak pula kuli saya, meraung pengurus itu. Saya memang kuli tetapi bukan hamba, membalas Aravindan. Sambil menaikkan tinggi tongkatnya, awak mesti tunduk di depan saya dan minta maaf, kata pengurus itu. Saya tak akan berbuat demikian. (Sambil memandang pengawal, pengurus itu kata kepadanya), Hoi, anjing yang berkulit hitam! Tunduk depan saya dan cium kasut saya. Pengawal itu turut berbuat seperti diarahkan. Awak (Aravindan) pun mesti buat sama seperti pengawal. Saya akan berasa gembira melihat perbuatan itu, kata orang putih itu



dengan perasaan bongkahnya. (A. Kandan, 2017, ms. 38-39)

Pihak majikan atau pengurusan memperlihatkan sikap menghambakan para pekerja dan sentiasa menggunakan pelbagai pendekatan untuk mengaut keuntungan untuk pihak pemilik syarikatnya. Sejak pembukaan ladang-ladang di negara ini, pihak Inggeris telah menghambakan pekerja Tamil untuk mencapai matlamat ini. Menurut Janakey Raman Manickam (2011), pekerja Tamil yang dibawa dari India telah menandatangani perjanjian mengenai syarat-syarat pekerjaan tanpa mengetahui isi kandungan sebenarnya kerana dijanjikan gaji yang lumayan. Janakey Raman Manickam turut memetik kata-kata salah seorang pekerja tersebut.

Sebaik sahaja kami menurunkan cap jari tangan kami pada perjanjian itu, kami telah selama-lama menjadi penghutang. Kehidupan kami terbelunggu oleh hutang yang





tidak dapat dilangsaikan selama-lamanya. Kami telah menghasilkan kekayaan negara ini. Namun, adakah saya dan rakan-rakan saya dapat berkongsi kekayaan ini? Kedudukan kami tidak lebih baik daripada hamba abdi. Anak-anak dan cucu-cucu saya tetap menjadi hamba abdi. (Janakey Raman Manickam, 2011, ms. 67-68)

Selain itu, pemerintah Inggeris Sir Thomas Hillslap ketika itu (Janakey Raman Manickam: *High Tinker: A New System of Slavery & the Export of Indian Labour Overseas, 1830-1920*), pernah menyatakan bahawa pihak Inggeris hanya memerlukan pekerja (kuli) kontrak sahaja bukan manusia yang bebas. Selain itu, para pekerja yang menandatangani kontrak tidak boleh menentang pihak pengurus atau penyelia dan perbuatan itu dianggap sebagai satu kesalahan di bawah perjanjian. Oleh itu, pekerja yang menentang atau ingkar perintah akan ditampar, ditendang atau dibelasah selepas diikat pada tiang. Perbincangan ini jelas menunjukkan bahawa pihak Inggeris dan pemilik ladang Inggeris telah secara tidak langsung mengamalkan dasar hamba abdi untuk mengeksploitasi para pekerja Tamil. Kajian Janakey Raman Manickam (2011) adalah selaras dengan paparan Kandan yang menegaskan bahawa pekerja ladang dilayan bagai hamba abdi dan dikenakan tindakan keras jika menentang pihak pengurusan. Selain itu, para pekerja ini turut dieksploitasi untuk mengaut keuntungan lumayan sedangkan golongan yang bekerja keras tetap menderita.

Di samping itu, cerpenis Kandan turut memaparkan isu para pemilik atau pengurus ladang Inggeris tidak membenarkan para pekerja menubuhkan kesatuan pekerja untuk menuntut hak mereka. Dalam cerpen *Putu vālvu*, Aravindan selaku pengerusi kesatuan pekerja telah menemui pengurus ladang untuk meminta penyelesaian bagi masalah yang dihadapi oleh ahli-ahlinya. Sebaik sahaja melihat Aravindan, perasaan marah berkobar-kobar dalam diri pengurus berketurunan Inggeris itu.





அடிமைகளுக்கு எல்லாம் சங்கம் ஒரு கேடா? அதற்கு ஒரு தலைவர், செயலாளர் கேட்க நல்லா வா இருக்கு?" என்று அலட்சியத்தோடு கூறினார். (அ. கந்தன், 2017, ப.36)

Orang-orang hamba perlukah kesatuan? Apatah lagi ada seorang pengerusi, setiausaha lagi? Kata pengurus itu dengan selamba. (A. Kandan, 2017, ms. 36)

Pihak pemilik dan pengurus ladang, bahkan pihak penjajah British tidak menggalakkan sebarang usaha untuk menyatukan para pekerja ladang kerana akan melemahkan kuasa dan kawalan mereka atas para pekerja. Mereka sedar bahawa kesatuan pekerja akan membuat pelbagai tuntutan seperti gaji berpatutan dan kemudahan asas yang akan mengurangkan keuntungan mereka. Oleh itu, mereka melakukan pelbagai tindakan untuk mematahkan aktiviti kesatuan pekerja. Dalam cerpen ini, pengurus ladang itu menggunakan pujukan dan ugutan untuk melemahkan semangat Arivindan agar dia akan meninggalkan aktiviti kesatuan.

Sebenarnya, terdapat banyak peristiwa dalam perjuangan pekerja untuk menubuhkan kesatuan. Para pihak pengurus dan kerajaan British telah melakukan pelbagai muslihat untuk mematahkan usaha tersebut. Menurut Janakey Raman Manickam (2011), S. A. Kanapathi (lebih dikenali sebagai Malaya Kanapathi) bersama P. Veerasenan telah menubuhkan Pan Malayan Federation of Trade Union (PMFTU) yang menuntut hak sama untuk para pekerja ladang. Berikutan ini, pihak pengurusan ladang dan kerajaan British berusaha mematahkan kesatuan ini. S.A. Kanapathi telah dituduh terlibat dalam aktiviti komunis lalu dihukum gantung pada 4 Mei 1949. Manakala P. Veerasenan pula ditembak





mati pada 3 Mei 1949 atas tuduhan menyertai gerakan Komunis. Pihak pengurusan ladang dan kerajaan British telah cuba menubuhkan kesatuan yang lebih akur pada pihak ini demi melemahkan aktiviti kesatuan dalam kalangan pekerja India di Malaysia.

Berdasarkan perbincangan didapati bahawa pihak pengurusan ladang yang disokong oleh kerajaan British ketika itu telah melakukan pelbagai bentuk penindasan dan eksploitasi atas para pekerja Tamil untuk mengaut keuntungan yang lumayan. Para pekerja ini juga dilayan sebagai hamba abdi dan dikenakan tindakan kejam sekiranya mereka menentang pihak pengurusan ladang. Selain itu, pihak pengurusan juga mendapati tidak melayan sebarang aktiviti kesatuan agar matlamat mereka untuk mengaut keuntungan dengan manipulasi dan mengawal para pekerja dapat dilakukan tanpa sebarang halangan. Sehubungan ini, gambaran cerpenis Kandan tentang penindasan pihak pengurusan ladang dalam cerpen cerpen *Nāṅkāṁ talaimurai*, *Oru pen ninaittāl* dan *Putu vālvu*. ialah suatu realiti dalam kalangan masyarakat Tamil. Walau pun isu penindasan sosial yang dipaparkan oleh A. Kandan memang wujud suatu ketika dahulu tetapi penindasan sosial ini telah meninggalkan kesan sosial dan ekonomi yang berkekalan dalam masyarakat India, terutama masyarakat Tamil di Malaysia. Oleh itu, teori Sosiologi Sastera Model Pencerminkan George Lukas amat sesuai digunakan untuk menganalisis kumpulan cerpen *Urimai Pōrāttam*.

4.2.1.15 Bercinta Semasa Bersekolah

Masalah soaial yang dialami kebanyakan remaja ialah bercinta pada usia muda. Kamus Dewan Edisi Baru (1993), mendefinisikan percintaan sebagai perihal berkasih-kasihan atau berkasih sayang antara lelaki dengan perempuan. Mengikut *Oxford English Dictionary*





(2018), perasaan cinta merangkumi pelbagai keadaan emosi dan mental yang kuat dan positif, dari segi kebajikan atau kebiasaan yang paling mulia, kasih sayang interpersonal yang paling mendalam dan perasaan kesenangan yang paling sederhana. Manakala, mengikut Portal MyHelath Kementerian Kesihatan Malaysia, cinta ialah sesuatu perasaan subjektif. Cinta merupakan salah satu bentuk emosi dan perasaan yang dimiliki individu. Cinta juga ialah kecenderungan hati terhadap sesuatu atau seseorang. Lazimnya, perasaan cinta tercetus akibat fitrah semula jadi dalam kalangan remaja. Oleh sebab itu, cinta merujuk kepada perasaan tarikan yang kuat dan keterikatan emosi antara seorang lelaki dengan perempuan. Perasaan cinta sedemikian ialah paling murni dan istimewa yang dialami seseorang insan. Ketika seseorang telah jatuh cinta pada orang lain, seseorang itu sanggup berbuat apa-apa sahaja yang disukai orang yang dicintai dan pantang melakukan perbuatan yang tidak disukai.



Dalam cerpen berjudul *Parantu sendra paingkili*, Kandan mengutarakan isu pelajar sekolah yang jatuh cinta. Malarvizhi yang merupakan watak utama dalam cerpen ini telah jatuh cinta pada Maran yang baru berpindah ke sekolahnya. Sebenarnya, Maran telah dibuang sekolah kerana menulis surat cinta kepada seorang pelajar perempuan lagi. Rumah Malarvizhi dan Maran terletak bertentangan. Oleh itu, sejak berpindah ke situ, Maran sudah menaruh perasaan cinta pada Malarvizhi. Kedua-dua mereka berulang-alik sekolah dalam bas sekolah yang sama. Lama-kelamaan, kedua-dua itu sudah pun terikat perasaan cinta.

இப்படியே அவர்களின் சந்திப்பு பார்வையாலே கனிந்து, சைகையாலே மலர்ந்தது. கடித்தாலே வளர்ந்து பின் கதலாக மாறிவிட்டது. வாய்ப்பு கிடைத்த போதெல்லாம் பயமின்றிதனிமையில் சந்தித்துக் கொண்டார்கள். ஏல்லாம் மிக ரகசியமாகவே





நடந்தது. காதலில் கட்டுண்ட அவர்கள் காதல் வானில் சிறகடித்து பறந்தனர்.

(அ. கந்தன், 2017, ப. 133)

Pertemuan mereka berlaku menerusi pandangan dan berkembang melalui isyarat lalu tumbuh menerusi surat dan akhirnya bermekar percintaan. Bila-bila berpeluang, mereka telah bertemu. Segalanya berjalan tanpa pengetahuan orang. Kedua-dua merpati yang terikat perasaan terbang di langit percintaan. (A. Kandan, 2017, ms. 133)

Oleh itu, Malarvizhi tidak dapat menumpukan perhatian pada pelajaran lalu gagal mendapat keputusan baik dalam peperiksaan tingkatan lima. Begitu juga dengan kekasihnya, Maran. Ibu bapa Malarvizhi bercadang untuk mengkahwinkannya dengan lelaki pilihan mereka. Malarvizhi enggan mengahwini jejaka pilihan ibu bapa lalu memberitahu mengenai kekasihnya. Ibu bapa Malarvizhi telah terkejut apabila mengetahui hal ini. Mereka tetap tidak bersetuju kerana Maran bukanlah seorang jejaka yang baik. Oleh itu, kedua-dua mereka telah melarikan diri dari rumah. Bapa Malarvizhi meninggal dunia kerana tidak sanggup berdepan dengan tindakan menderhaka anak perempuannya yang menjatuhkan maruah dirinya. Adik-beradik dan sanak-saudaranya juga turut berasa sedemikian.

Selepas dua tahun, percintaan mereka mula tawar apabila mereka menghadapi masalah kewangan kerana segala barang kemas yang dibawa oleh Malarvizhi sudah pun digadaikan. Maran mula menjalin hubungan dengan gadis lain. Sebagai kemuncaknya, dia mula ketagihan arak dan meminta Malarvizhi supaya meniduri seorang kawan yang dibawa ke rumah.





Percintaan semasa zaman sekolah adalah suatu tindakan kurang matang kerana seseorang itu adalah mentah untuk memahami sikap dan sifat orang yang dicintai. Selain itu, perasaan cinta yang dilamun ketika itu kemungkinan besar tidak akan berterusan sama seperti dialami oleh Maran terhadap Malarvizhi. Malahan, tindakan kaum perempuan seperti Malalarvizhi yang lari dari rumah menjatuhkan maruah diri ibu bapa dan keluarganya.

Hasil kajian Balkisnoor, Ayuni & Li (2017) gejala bercinta dalam kalangan anak remaja yang bersekolah adalah serius kerana gejala ini membawa kepada peningkatan bilangan anak luar nikah di Malaysia. Dapatan kajian mendapati remaja di sekolah menengah kebangsaan adalah lebih ramai bercinta berbanding dengan pelajar di sekolah menengah asrama penuh. Mengikut hasil kajian Balkisnoor, Ayuni & Li (2017), Laporan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Negara 2006 menunjukkan bahawa percintaan pada awal usia boleh mengundang pelbagai masalah sosial. Fenomena ini dikatakan biasanya berlaku ketika usia meningkat kepada 14 dan 15 tahun. Selain itu, hasil kajian Malini, S. & Telagam, M. (2019) mendapati bahawa terdapat pelajar perempuan India yang bersaing untuk merebut cinta pelajar lelaki yang sama lalu mengabaikan pelajaran. Selain itu, terdapat juga pelajar lelaki sanggup membazirkan wang ibu yang diperoleh susah payah untuk kekasih yang dicintai.

Sehubungan ini, isu percintaan dalam kalangan pelajar, terutama pelajar Tamil yang dipaparkan oleh cerpenis Kandan dalam cerpen *Parantu sendra paingkili* ialah suatu realiti dalam masyarakat Tamil. Oleh itu, teori Sosiologi Sastera Model Pencerminkan George Lukas amat sesuai digunakan untuk menganalisis kumpulan cerpen *Urimai Pōrāttam*.





4.2.1.16 Kegilaan Terhadap Dunia Filem

Filem atau wayang gambar adalah lebih dikenali sebagai *cinema* dalam bahasa Inggeris. Menurut Michelson, Annette (1995), filem (*cinema*) ialah manipulasi realiti melalui gambar dan suara. Beliau turut menjelaskan bahawa sinema atau filem ialah seni gambar bergerak, iaitu media visual yang bercerita dan mendedahkan realiti. Oleh itu, filem diertikan sebagai media visual bergerak yang bercerita dan mendedahkan realiti di sekitar kita. Filem ialah suatu bentuk hiburan yang paling popular dalam kalangan semua masyarakat di dunia ini.

Menurut Segar Narayanan (2012) filem Tamil dikatakan mengkongkong keseluruhan hidup masyarakat Tamil. Selain filem Tamil, filem dalam bahasa Hindi, Malayalam dan Telugu menjadi suatu bentuk hiburan yang utama bukan sahaja di India bahkan dalam kalangan masyarakat India di seluruh dunia. Suatu ketika dahulu filem Tamil dilihat sebagai suatu bentuk seni hiburan yang memupuk nilai-nilai moral dan keimanan serta membentuk fikiran rasional dalam kalangan masyarakat Tamil. Namun, pada hari ini filem Tamil sudah menjadi suatu jenis perniagaan kerana telah mencetuskan pelbagai kesan negatif dalam masyarakat. Sementara itu, filem Tamil sudah menjadi suatu kebudayaan yang mewarni fikiran, perasaan, sahsiah dan nilai-nilai hidup masyarakat Tamil, terutama golongan pemuda.

Kandan sebagai seorang guru dan penulis yang berpengetahuan dan berpengalaman serta seorang aktivis sosial yang prihatin terhadap kesejahteraan masyarakat Tamil turut memaparkan isu dunia filem Tamil yang mempunyai tarikan kuat dalam masyarakatnya. Dalam cerpen *Nūl nilayam pōgalam vāngga*, watak Kumaran mengadu kepada kawannya, Manimaran bahawa masyarakat Tamil kurang membaca buku sebaliknya lebih suka





membaca berita-berita mengenai dunia filem yang tersiar dalam surat khabar. Oleh itu, sidang pengarang surat khabar lebih mengutamakan berita-berita mengenai dunia perfileman Tamil dan kurang menyiarkan penulisan berocorak sastera.

ஞாயிற்றுக்கிழமைகளில் சினிமா செய்திக்கு இரண்டு பக்கங்களை ஒதுக்கிறார்கள். அந்த நடிகரோ, நடிகையோ பத்திரிக்கையை வாங்குவதில்லை. அந்த நடிகரும் நடிகையும் தமிழர்களும் இல்லை. அவர்களுக்குத் தமிழும் தெரியாது. மாதந்தோறும் ஐம்பது வெள்ளி செலவிட்டு பத்திரிக்கை வாங்கும் எழுத்தாளர்களின் சிறுகதையோ, கட்டுரையோ, கவிதையோ பத்திரிக்கையில் வெளியிடுவதற்கு பத்திரிக்கை நிர்வாகம் முன் வருவது இல்லை.. பத்திரிக்கைகள் தமிழை வளர்க்கின்றோம் என்று சொல்வதில் அர்த்தமுண்டோ சொல் மணியரசு? என்றார் குமரன். அப்படிச் சொல்வது தவறு! சினிமா நட்சத்திரங்கள் இல்லாவிட்டாலும் அவர்களின் இரசிகர்கள் ஆயிரக்கணக்கில் இருக்கிறார்களே அவர்களின் எதிர்பார்ப்புகளையும் பூர்த்தி செய்ய வேண்டாமா? என்று மணியரசு மனம் குமுறினார். (அ. கந்தன், 2017, ப. 154)

Pada hari Ahad, mereka (pihak surat khabar) meluangkan dua halaman untuk berita-berita tentang dunia filem Tamil. Pelakon-pelakon itu tidak membeli surat khabar. Pelakon-pelakaon itu bukanlah orang Tamil. Mereka tidak tahu bahasa Tamil. Sidang pengarang surat khabar tidak rela menyiarkan karya seperti cerpen, rencana dan puisi yang dihasilkan oleh para penulis yang sanggup membelanjakan ringgit lima puluh ringgit sebulan untuk membeli surat khabar. Adakah pernyataan pihak surat khabar bahawa mereka memang melihara bahasa Tamil masuk akal, Maniarasu? Kata Kumaran. Pandangan memang tidak tepat. Walaupun tiada bintang-bintang filem itu





(di negara kita), namun ada beribu-ribu peminat mereka. Pihak surat khabar perlu memuaskan harapan mereka itu, kata Maniarasu dengan perasaan marah. (A. Kandan, 2017, ms.154).

Segar Narayanan (2012) dan Kandan, A (2017) memang tidak bersetuju dengan sikap sidang surat khabar yang lebih mengutamakan berita-berita tentang dunia filem Tamil berbanding dengan karya sastera kerana mereka sedar bahawa filem-filem Tamil telah menjadi punca keruntuhan sistem nilai, sosial dan kebuayaan masyarakat Tamil di Malaysia. Perasaan marah Maniarasu tetap menzahirkan kesan negatif yang dibawa oleh filem-filem Tamil. Oleh itu, mereka berpandangan bahawa berita-berita yang mengindahkan dunia perfileman yang turut meruntuhkan kehidupan masyarakat Tamil tidak harus diutamakan.

Cerpenis Kandan memang turut memaparkan isu ini untuk tatapan masyarakat Tamil di



Sehubungan ini, Segar Narayanan (2012) turut menyokong padangan Kandan. Menurutnya, filem-filem adalah menjadi punca berlaku pelbagai gejala sosial dalam masyarakat Tamil di Malaysia. Filem-filem Tamil dikatakan memupuk budaya lucah dengan memaparkan dialog, nyanyian dan kelak ketawa yang mengandungi unsur-unsur lucah. Filem Tamil menjadi punca seseorang tersesat yang kehidupannya. Menurutnya, filem-filem bercenderung untuk membangkitkan gelora seks serta sifat ganas dan permusuhan dalam kalangan pemuda Tamil di Malaysia. Oleh itu, isu kegilaan terhadap dunia filem dalam masyarakat Tamil, terutama golongan pemuda yang dipaparkan oleh cerpenis Kandan dalam cerpen *Nūl nilayam pōgalam vāngga* ialah suatu realiti dalam masyarakat Tamil. Justeru, teori Sosiologi Sastera Model Pencerminkan George Lukas amat sesuai digunakan untuk menganalisis kumpulan cerpen *Urimai Pōrāttam*.





4.2.1.17 Sikap Mementingkan Diri dan Mengabaikan Ibu Bapa

Dalam masyarakat manusia, keluarga ialah sekelompok yang terkecil dalam sesebuah masyarakat yang pada asasnya terdiri daripada orang tua dan anak-anak yang mempunyai hubungan, sama ada melalui kelahiran, hubungan perkahwinan atau hubungan lain (Donald Collins, Cathleen Jordan dan Heather Coleman, 2010). Keluarga yang terdiri daripada ibu bapa dan anak-anak dikenali sebagai keluarga inti, nuklear atau *conjugal*. Apabila anak-anak ini berkahwin dan sudah beranak masih tinggal bersama dengan ibu bapa, keluarga ini dikenali sebagai keluarga besar (*extended* atau *consanguine family*).

Menurut Stella R. Quah. (2003), dalam masyarakat tradisional, jarak sosial yang erat antara saudara lain yang dibentuk melalui keluarga besar dianggap sebagai ciri yang berharga bagi seseorang dari segi keselamatan fizikal dan ekonomi. Kelekatan antara kaum keluarga sering wujud melalui perkongsian kawasan fizikal yang sama atau rumah yang sama oleh anggota keluarga besar. Dalam kebanyakan masyarakat, anak-anak memperoleh kemahiran sosialisasi untuk kehidupan di luar keluarga, dan keluarga ini bertindak sebagai sumber utama ikatan dan pengasuhan. Selain itu, sebagai unit asas untuk memenuhi keperluan asas anggotanya, keluarga besar ini menentukan batasan untuk melaksanakan tugas dalam persekitaran yang selamat, membentuk seseorang menjadi orang dewasa yang berfungsi, menyebarkan budaya, dan memastikan kesinambungan umat manusia dengan pengetahuan sebelumnya. Secara umumnya, tujuan keluarga besar adalah untuk menjaga kesejahteraan anggota, terutama orang tua dan anak-anak yang hidup bergantung.





Sehubungan ini, apabila masyarakat menjadi lebih kompleks dari segi ekonomi dan sosial, ahli keluarga dalam keluarga besar terpaksa mencari nafkah dalam pelbagai pekerjaan dan di lokasi yang berjauhan. Proses ini bersama dengan perubahan nilai privasi, kewibawaan dan hierarki dalam keluarga telah menyebabkan perubahan dalam struktur keluarga besar lalu keluarga inti atau nuklear lebih diutamakan oleh anak-anak. Peralihan demografi ini memainkan peranan penting dalam pembentukan semula struktur dan hubungan keluarga (Quah, Stella R. 2005; Alhussain Khalid Shah, Drishti Thornton dan James Kelly Kimberly, 2019). Ibu bapa yang sudah meningkat usia tua terpaksa hidup bersendirian dengan menyara kehidupan mereka atau dipindahkan tanggungjawab ini kepada adik beradik lain. Situasi ini turut semakin ketara dalam masyarakat Tamil di Malaysia sejak masyarakat India mula berhijrah dari ladang-ladang ke bandar-bandar serta proses urbanisasi dan pembagunan kawasan perumahan yang terancang mengehadkan ruang fizikal untuk keluarga besar. Oleh itu, wujud pula fenomena baru, iaitu anak-anak mengamalkan sikap mementingkan diri sendiri dan mengabaikan kesejahteraan ibu bapa.

Cerpenis Kandan turut memaparkan isu ini dalam cerpen *Cuyanalam*, iaitu pengabaian kesejahteraan dan kepentingan ibu bapa oleh anak yang mementingkan diri sendiri. Dalam cerpen ini, Anbalagan ialah ketua keluarga besar yang mempunyai lima orang anak. Kini, dia hidup bersama dengan isterinya Karpagam serta anak lelaki bernama Kanapathi dan isterinya, Kanimozhi di rumahnya sendiri. Empat orang anaknya lagi sudah pun mendirikan rumah tangga masing-masing. Anbalagan telah menggunakan semua wang simpanannya untuk melangsungkan perkahwinan semua orang anaknya, kecuali Kanapathi. Dia telah melangsungkan perkahwinan Kanapathi dengan bantuan kewangan anak-anak lain kerana sudah pun jatuh sakit. Kini, Anbalagan hidup bergantung pada anaknya Kanapathi. Pada suatu hari, Kanapathi dan isterinya memberitahu bahawa mereka sudah pun mencari





rumah sewa lalu akan berpindah ke rumah itu kerana ingin akan rumah tangga dan rumahnya sendiri.

வாடகை வீடு பார்த்திருக்கோம், என்றான் குதர்க்கமாக கணபதி. என்டா இந்த திடீர் முடிவு? எனப் பதற்றத்துடன் கேட்டாள் கற்பகம். என்னப்பா இது? இந்த வீடு அப்படி என்ன வசதி குறைச்ச லாலா போச்சு? கடல் போன்ற வீடு இருக்கு. நீ வாடகை கொடுத்து இருக்கப் போகிறேன்றியே? என்றாள் கற்பகம். எலி வளையானாலும் தனி வளையா வேணும் எனச் சொல்லுவாங்களே கேள்விப்பட்டதில்லையா? என்றான் கணபதி. கடல் போன்ற வீடு இருந்தென்ன? கப்பல் போன்ற வீடு இருந்துதான் என்ன? வீடு ஒண்ணும் என் புருஷன் பேருலா இல்லையே? என்றாள் மருமகள் கணிமொழி. எனக்கப்புறம் அவந்தானே இந்த வீட்டின் வாரிசு, என்று உறுதிப் படக் கூறினாள் கற்பகம். அது எப்படி என் புருஷனுக்குச் சொந்த வீடாகா முடியும்? வாரிசுன்னு வாயலே சொல்லிக்கிட்டு இருந்தா போதுமா? அதுக்கு என்ன ஆதாரம்? எழுத்துப்பூர்வமா உயில் எழுதி வைங்கன்னு எத்தனை தடவை கேட்டிருப்பார் என் புருஷன். அதுக்கு ஏதாவது முயற்சி செய்தீங்களா? பேசாம மௌனம் சாதிக்கிறீங்களே! அது ஏனாம்? நீங்களும் அப்பாவும் நோயாளிங்க. பொசுக்குன்னு போயிட்டீங்கன்னா உரிமை கொண்டாட எனக்கு என்ன ஆதாரம் இருக்கு? பங்கு கேட்க யானைப்படை, சேனைப்படை எல்லாமே வருமே!... என்றான் கணபதி (அ. கந்தன், 2017, ப. 124-125)

Kami sudah mencari rumah sewa, kata Kanapathi dengan sinis. Kenapa tiba-tiba ambil keputusan ini, Kanapathi? Apakah kekurangan di rumah ini? Sedangkan rumah ini bagai laut, kamu pula ingin menyewa rumah, tanya Karpagam dengan perasaan





getar. Pernah dengar orang kata, walau pun rumah itu rupa macam liang tikus haruslah liang sendiri? kata Kanapathi. Apakah gunanya walau pun rumah ini rupa macam laut, kelihatan macam kapal, namun bukan atas nama suamiku? kata anak menantunya, Kanimozhi. Dialah pewaris rumah ini, selepasku, kata Karpagam dengan tegas. Macam mana boleh menjadi milik suamiku? Cukupkah hanya kata-kata sahaja? Apakah buktinya? Suamiku pernah berkali-kali menyuruh membuat surat wasiat. Adakah awak ambil apa-apa usaha? Tetap diam saja? Kenapa? Awak dan ayah ialah pesakit, sekiranya awak tiba-tiba mati, apakah bukti untuk menuntut hakku? Akan pula datangnyanya semua pasukan gajah, pasukan tentera untuk menuntut hak pula! kata Kanapathi. (A. Kandan, 2017, ms. 124-125)

Sebenarnya, Kanapathi dan isterinya telah menggunakan muslihat untuk mendesak ayahnya agar memindahkan hak milik rumah itu kepadanya. Anbalagan yang sedang mendengar segala ini, memaklumkan bahawa anak menantunya sedang menggunakan muslihat yang digunakan oleh Karpagam itu sendiri untuk memisahkan dirinya daripada keluarganya. Namun demikian, Anbalagan telah membuat keputusan untuk tidak memindahkan hak rumah itu. Selain itu, mereka telah membuat keputusan untuk mencari rezeki untuk menyara diri mereka. Dalam konteks ini, anak-anak yang dihasut oleh isteri masing-masing mulla bersifat mementingkan diri lalu mengabaikan tanggungjawab terhadap ibu bapa mereka.

Menurut Chanthiran Govinthan (2019), kaum wanita menjadi bagai tiang utama dalam keluarga besar. Golongan ini memupuk nilai-nilai kekeluargaan (budaya keluarga) yang menjadi asas untuk melahirkan keluarga sejahtera. Wanita Tamil pada zaman dahulu telah mengamalkan nilai-nilai kekeluargaan. Masyarakat ketika itu mempercayai bahawa





seseorang wanita itu menentukan naik jatuh sesebuah keluarga. Menurutnya, nilai-nilai keluarga ini diturunkan kurun-temurun kepada generasi akan datang. Salah satu nilai tersebut ialah memelihara ibu bapa. Namun, Karpagam itu sendiri yang gagal mengamalkan nilai murni ini, iaitu memisahkan suaminya Anbalagan daripada keluarganya lalu telah menjadi ikutan anak menantunya. Oleh itu, kaum wanita yang gagal mengamalkan nilai-nilai kekeluargaan akan melahirkan lelaki seperti Anbalagan dan anak-anaknya termasuk Kanapathi yang bersikap mementingkan diri sendiri dan mengabaikan ibu bapa. Menurut Piramila Kuppusamy (2019), kaum wanita yang sudah berkahwin lebih suka akan rumah tangganya sendiri daripada menjalani kehidupan dalam keluarga besar.

Sehubungan ini, sejajar dengan pandangan Chanthiran Govinthan (2019) yang menegaskan kepentingan nilai-nilai kekeluargaan (budaya keluarga) dalam kalangan wanita untuk memelihara keutuhan keluarga dan kesejahteraan ibu bapa serta pandangan Piramila Kuppusamy (2019) yang menyatakan bahawa kaum wanita kini lebih suka akan keluarga tersendiri jelas menunjukkan bahawa nilai-nilai keluarga yang semakin luntur dalam masyarakat Tamil sedang melahirkan anak-anak bersikap mementingkan diri sendiri dan mengabaikan ibu bapa. Oleh itu, isu anak-anak yang bersikap mementingkan diri dan mengabaikan ibu bapa yang dipaparkan oleh cerpenis Kandan dalam cerpen *Cuyanalam* ialah suatu realiti dalam masyarakat Tamil. Justeru, teori Sosiologi Sastera Model Pencerminan George Lukas amat sesuai digunakan untuk menganalisis kumpulan cerpen *Urimai Pōrāttam*.





4.2.1.18 Sikap Ibu Bapa Yang Menentukan Jodoh Anak

Perkahwinan juga disebut sebagai *tirumanam* (திருமணம்) dalam bahasa Tamil ialah suatu penyatuan antara dua individu berlainan jantina yang diakui secara budaya di samping menetapkan hak dan kewajiban antara mereka serta terhadap bakal anak-anak mereka dan keluarga mentua mereka. Namun, definisi perkahwinan berbeza di seluruh dunia mengikut perbezaan budaya dan agama serta peredaran masa. Oleh itu, konsep perkahwinan telah berkembang dari semasa ke semasa. Lazimnya, perkahwinan ialah suatu institusi yang melibatkan hubungan interpersonal, biasanya seksual yang diakui atau disetujui. Apabila ditakrifkan secara luas, perkahwinan dianggap sebagai suatu budaya universal (Haviland, William A., Prins Harald E.L, McBride Bunny dan Walrath, Dana (2011).



Seseorang individu akan berkahwin atas sebab tertentu termasuk tujuan undang-undang, sosial, seksual, emosi, kewangan, rohani dan keagamaan. Seseorang juga berkahwin mungkin dipengaruhi oleh jantina, peraturan sumbang mahram yang ditentukan secara sosial, peraturan perkahwinan yang preskriptif, pilihan ibu bapa dan keinginan individu itu sendiri. Di seluruh dunia, terutama di negara-negara demokrasi, terdapat kecenderungan umum untuk memastikan hak yang sama bagi setiap jantina dalam hal perkahwinan. Berikutan ini, kebanyakan pasangan yang berkahwin pada zaman ini, sama ada lelaki atau perempuan, lebih suka memilih pasangan masing-masing untuk dijadikan calon suami atau isterinya dan tidak semestinya jodoh pilihannya dapat diterima oleh ibu bapa mereka. Oleh itu, perkahwinan yang diatur oleh ibu bapa yang menjadi amalan masa lepas dan masyarakat konvensional menyaksikan perkahwinan semakin berkurangan (Haviland, William A., Prins Harald E.L, McBride Bunny dan Walrath, Dana (2011). Namun, terdapat ibu bapa dalam



masyarakat Tamil masih berpegang pada amalan ini (Bala, P., 2019 dan Nizha Periasamy, 2019)

Cerpenis Kandan turut memaparkan amalan ini yang menjadi ikutan segelintar masyarakat Tamil dalam cerpen *Kadavul amaitta vaitta mēdai* dan *Kālam pōdda kōlam*. Dalam cerpen *Kadavul amaitta vaitta mēdai*, watak Valluvadasan ialah seorang jurutera yang menjawat jawatan sebagai pengurus dalam sebuah syarikat dan menjalinkan hubungan percintaan dengan Kanimozhi yang bertugas sebagai akauntan dalam syarikat yang sama. Sementara itu, ibu bapa Valluvadasan mendesaknya supaya mengkahwini sepupunya. Namun, Valluvadasan menolak lamaran ibu bapanya atas alasan bahawa perkahwinan antara sesama pupu akan menjadi punca kelahiran anak-anak cacat. Oleh itu, mereka telah mencari jodoh-jodoh lain, namun dia tetap menolak dan akhirnya Valluvadasan meluahkan isi hatinya, iaitu keinginan untuk mengkahwini Kanimozhi. Namun, bapa Valluvadasan tetap mahu mencari jodoh walaupun mengetahui anaknya mencintai gadis yang bertugas di syarikatnya.

அதெல்லாம் முடியாது. அவன் நாளைக்கு என்னுடன் பெண் பார்க்க வர வேண்டும். நான் அந்தப் பெண் வீட்டாருக்கு மகனை அழைத்து வருவதாக வாக்குறுதி கொடுத்துவிட்டேன், என்று கூறி அங்கிருந்து வேகமாக நடந்து விட்டார். (அ. கந்தன், 2017, ப. 167)

Semua itu tak mungkin jadi. Dia mesti datang menemui gadis itu dengan saya esok. Saya sudah pun berjanji pada keluarga gadis itu bahawa saya akan membawanya, kata bapanya sambil berdedar dengan cepat dari situ. (A. Kandan, 2017, ms. 167)



Namun, Valluvadasan tetap dengan pendiriannya walau pun bersetuju untuk ikut bersama dengan bapanya. Di rumah gadis yang dilamar oleh ayahnya, Valluvadasan terkejut melihat gadis yang dilamar oleh ayahnya ialah Kanimozhi yang menjadi pilihannya sebagai isteri. Bapa Valluvadasan yang sudahpun memahami isi hati anaknya telah secara senyap-senyap mengaturkan rancangan untuk mengejutkan anaknya. Bapa Valluvadasan yang memang memahami peranan ibu bapa dalam pemilihan jodoh untuk anak, telah akur pada keinginan anaknya sementara memelihara amalan tradisi masyarakat Tamil, iaitu ibu bapa berperanan memilih jodoh untuk anak masing-masing.

Sementara itu dalam cerpen *Kālam pōdda kōlam*, terdapat ibu bapa yang tetap menunjukkan pendirian tegas dalam pemilihan jodoh untuk anak lalu memaksa anaknya mengkahwini jodoh pilihan mereka tanpa menyiasat latar belakangnya. Parvathi dan Thirimurugan saling mencintai sejak di bangku sekolah menengah. Oleh sebab tidak mendapat keputusan baik dalam SPM, Parvathi tidak dapat melanjutkan pelajarannya, sementara itu Thirumugam telah melanjutkan pelajarannya di maktab perguruan. Selepas beberapa tahun kemudian, ibu bapa mengambil keputusan untuk mengkahwinkan Parvathi dengan seorang anak saudara mereka. Parvathi tidak bersetuju akan pilihan ibu bapa dan tetap dengan pendiriannya untuk mengkahwini Thirimurugan. Namun, ibu bapa Parvathi tetap dengan pendirian mereka.

சில ஆண்டுகளுக்குப் பிறகு பார்வதியைத் தங்கள் தூரத்து உறவினரின் பையனுக்குத் திருமணம் செய்து வைக்க ஏற்பாடுகள் நடந்தன. அவள் தனக்குத் திருமணம் நடந்தால் திருமுகனையே மணப்பேன் என்றும் வாதாடினாள். எனினும் பிடிவாதமாக திருமணத்தை நடத்தி முடித்து விட்டனர்.....பெற்றோர்களின் கட்டளைக்கு இணங்க வேண்டியதாயிற்று. (அ. கந்தன், 2017, ப. 70)





Selepas beberapa tahun kemudian, ibu bapa Parvathi membuat persiapan untuk mengkahwinkanya dengan seorang anak lelaki saudara jauh mereka. Parvathi menegaskan kepada ibu bapanya bahawa dia tetap mahu mengkahwini Thirumugan. Namun, ibu bapanya tetap mahu melangsungkan perkahwinan seperti dirancang. Dia terpaksa akur pada arahan ibu bapanya.

Selepas berkahwin, Parvathi dapat mengetahui bahawa suaminya seorang pemabuk dan penagih dadah. Gajinya tidak cukup untuk minum arak. Dia telah berhenti bekerja. Dia telah menggadaikan semua barang kemas Parvathi untuk minum arak. Berikutan itu, suami Parvathi telah mengalami kerosakan paru-paru akibat terlalu minum arak lalu meninggal dunia. Sementara itu, Parvathi juga mengidap sakit jantung lalu turut meninggal dunia sambil menjadikan anak tunggalnya yatim piatu. Akhirnya, Thirumugan yang telah menjadi guru kelas anaknya dan masih bujang terpaksa menguruskan pengebumian Parvathi dan menjadikan anaknya itu sebagai anak angkat. Oleh itu, sikap tidak prihatin ibu bapa Parvathi terhadap keinginan anak mereka telah menghancurkan kehidupan Parvathi dan anaknya serta Thirumurugan.

Berdasarkan perbincangan didapati terdapat ibu bapa dalam masyarakat Tamil turut merestui jodoh pilihan anak dengan mengaturkan amalan merisik agar selaras dengan adat tradisi mereka. Sementara itu, terdapat ibu bapa tegas dengan pendirian mereka supaya anak perempuan menerima jodoh pilihan mereka. Mengikut Nizha Periasamy (2019), ibu bapa kini tidak menentang tindakan anak mereka dalam hal memilih pasangan hidup anak mereka, malah menerimanya sebagai gaya hidup generasi sekarang yang berdikari. Namun, menurutnya masih terdapat ibu bapa yang mengamalkan sikap ini, iaitu mereka akan menetapkan pasangan hidup anak mereka. Oleh itu, isu masih ibu bapa yang menentukan





jodoh anak terpapar dalam cerpen *Kadavul amaitta vaitta mēdai* dan *Kālam pōdda kōlam* ialah suatu realiti dalam masyarakat Tamil dan terdapat segelintir masyarakat Tamil masih mempraktikkan amalan ini. Justeru, teori Sosiologi Sastera Model Pencerminkan George Lukas amat sesuai digunakan untuk menganalisis kumpulan cerpen *Urimai Pōrāttam*.

4.2.1.19 Sikap Pilih Kasih Dalam Membantu Sesama Ahli Keluarga

Perkahwinan ialah suatu penyatuan antara dua individu berlainan jantina yang diakui secara budaya di samping menetapkan hak dan kewajiban antara mereka serta terhadap bakal anak-anak mereka dan keluarga mentua mereka (Haviland, William A., Prins Harald E.L, McBride Bunny dan Walrath, Dana ,2011). Institusi perkahwinan ini didapati bertindak sebagai saluran untuk meluaskan hubungan sosial antara dua keluarga berlainan. Dua orang insan yang terikat menerusi institusi perkahwinan ini diharapkan berprihatin terhadap keperluan dan kesusahan kedua-dua keluarga berkenaan ini. Dalam masyarakat Tamil, anak perempuan yang sudah berkahwin akan menjadi anggota keluarga suaminya, sementara anak menantu lelaki pula turut menjadi anak dalam keluarga isterinya.

Keakraban antara kedua-dua keluarga dipelihara dengan nilai kasih sayang yang murni untuk menjaga kepentingan setiap anggota keluarga. Selanjutnya, kaum wanita diwajibkan memikul tugas murni ini kerana dipandang sebagai pewaris budaya kekeluargaan, iaitu prihatin terhadap keperluan dan kepentingan sesama ahli keluarga dengan mengamalkan nilai kasih sayang (Chanthiran Govinthan, 2019). Namun, terdapat anak menantu perempuan yang tidak melekatkan dirinya dengan keluarga suaminya dan gagal mengamalkan budaya kekeluargaan yang menjadi ikutan masyarakat Tamil.





Cerpenis Kandan turut memaparkan isu sikap pilih kasih dalam kalangan anak menantu perempuan dalam usaha membantu ahli keluarga suaminya yang memerlukan bantuan dalam cerpen *Irandu managgal*. Annadurai telah mendirikan rumah tangga tersendiri bersama dengan Manogari atas restu ibu bapanya. Pasangan ini tidak mempunyai sebarang anak. Annadurai ialah seorang suami akur pada nasihat isterinya. Segala urusan kewangan keluarganya diuruskan oleh isterinya. Gaji bulanan ialah sebanyak RM1,200. Dia masih dapat menjimatkan sebanyak RM400 setiap bulan dan dapat berbelanja dengan mewah. Sementara itu, lima orang adik beradiknya masih menuntut dan dibiayai oleh ayahnya Muthuvel tanpa memohon bantuannya. Adiknya Sivakumar telah memperoleh keputusan cemerlang dalam SPM dengan mendapat gred A dalam lapan mata pelajaran. Oleh itu, ayahnya mengutus surat meminta bantuan Annadurai untuk membiayai sebahagian perbelanjaan pengajian Sivakumar di salah sebuah kolej. Sebaik sahaja membaca surat itu,

Monogari berasa tidak senang hati.



கடிதத்தைப் படித்த அவளுக்கு எரிச்சலாக வந்தது. இவர் அப்பா எவ்வளவு உரிமையாக எழுதிவிட்டார். இவர் தம்பி காலேஜில் படிக்க மாதா மாதம் 200 வெள்ளி அனுப்ப வேண்டுமாம். அவர் இந்தக் கடிதத்தைப் படித்ததும் அப்படியே அனுப்ப வேண்டும் என்று முடிவு செய்தாலும் செய்து விடுவார். பணம் இங்கே கொட்டியா கிடக்கிறது. வாரிக் கொடுக்க, அவள் மனம் ஓலமிட்டது. மனோகரி, என்ன பதில் எழுதப் போகிறீர்கள்? என்று கேட்டாள். அதுதான் யோசிக்கின்றேன். நீ என்ன சொல்கின்றாய்? நீதானே காஷியர், என்று சிரித்தாவறு அவளை நிமிர்ந்து பார்த்து கேட்டான் அண்ணாதுரை. மாதா மாதம் இருநூறு வெள்ளி அனுப்புவதென்றால் நம்மால் முடிகிற காரியமா? அதெல்லாம் முடியானென்று எழுதி





விடுங்கள், என்று பட்டென்று அழுத்தமாகக் கூறினாள். (அ. கந்தன், 2017, ப. 108-109)

Dia berasa sakit hati selepas membaca surat itu. Bapa mentuanya dengan betapa senang sudah menulis. Dia hendakkan suamiku menghantar RM200 setiap bulan agar adiknya dapat menuntut di kolej. Selepas membaca surat ini, suamiku pun mungkin membuat keputusan untuk mengirimkan wang. Adakah wang bertaburan di sini untuk diberi begitu sahaja. Apakah abang akan jawab, tanya Manogari. Saya pun sedang memikirkan hal itu. Apakah pendapat anda? Awaktah bukan juruwang, kata Annadurai sambil bersenyum. Mampukah kita mengirimkan RM200 setiap bulan? Jawablah perkara itu mustahil, tiba-tiba kata Manogari dengan tegas. (A. Kandan, 2017, ms. 108-109)



Selepas peristiwa ini, setahun kemudian Manogari telah menerima sepucuk surat daripada bapanya minta bantuan kewangan sebanyak RM300 setiap bulan untuk membiayai pengajian adiknya di sebuah kolej kerana memperoleh 5A dalam SPM.

மாதா மாதம் முன்னூறு வெள்ளிதானே! எப்படியாவது உதவி செய்ய வேண்டும் என்று அவள் உள்ளம் தவித்தது. அவள் கணவன் வந்ததும் கடிதத்தை நீட்டினாள். அதைப் படித்து விட்டு எப்போதும் போல் சிறிது நேரம் மௌனமாக இருந்தான். எப்படி உதவுவதாம், அவன் பேச்சு உற்சாகமின்றி இருந்தது. என் நகைகளை அடகு வைத்து பணம் வாங்கி கொடுங்கள், என்றாள். என்? உன் தங்கைக்கு என்றால் உன் உடலில் உள்ள நகைகளைக்கூட தியாகம் செய்யத் தயாராயிரிக்கின்றாய். ஆனால், என் தம்பி மேல்படிப்பு படிக்க வேண்டுமென்றால்





உதவி செய்யக்கூடாதென்று ஒற்றைக்காலில் நிற்கிறாய். உன் வீட்டாருக்கு என்றால் ஒரு நியாயம், என் வீட்டாருக்கு ஒரு நியாயமா? என்று கேட்டான் அண்ணாதுரை.(கந்தன், 2017, ப. 111)

Cuma ringgit tiga ratus sahaja setiap bulan! Ingin membantu apa-apa cara sahaja, hatinya mendesak.. Sebaik sahaja suami sampai, dia menghulurkan surat kepadanya. Selepas membaca surat itu, seperti biasa suaminya senyap sebentar masa. Macam mana hendak bantu, jawab dengan selamba sahaja suaminya. Kata Manogari, dapatlah wang dengan menggadaikan barang kemas saya. Kenapa? Kata Annadurai. Bagi adik kamu, awak sanggup mengorbankan barang kemasmu. Tetapi, bagi adikku yang ingin melanjutkan pengajian tinggi, awak tetap tidak mahu membantu. Awak ada satu wajaran untuk keluargamu, sedangkan wajaran lain pula untuk keluargakukah? Tanya Annadurai. (A. kandan, 2017, ms.111)

Sikap dan tindakan Manogari jelas menunjukkan bahawa dia mengamalkan sikap pilih kasih terhadap kelurganya dan keluarga suaminya. Manogari telah tercicir daripada budaya kekeluargaan, iaitu sikap prihatin terhadap keperluan dan kepentingan sesama ahli keluarga dengan mengamalkan nilai kasih sayang (Chanthiran Govinthan, 2019). Selain itu, Stell Parratham, S. (2003) turut menegaskan bahawa budaya kekeluargaan yang wajib dipikul oleh seseorang menantu perempuan ialah tindakan berbuat baik dengan penuh kasih sayang dan prihatin kepada semua ahli dalam keluarga suaminya. Menurutnya, seseorang wanita yang berkahwin di samping menuaikan tanggungjawabnya terhadap suaminya, sebagai seorang menantu wajib menunaikan tanggungjawabnya terhadap ahli keluarga lain dengan penuh kasih sayang.





Dalam konteks cerpen *Irandu managgal*, Manogari telah tersisih daripada mengamalkan budaya kekeluargaan. Pada zaman moden ini, kebanyakan anak lelaki dalam masyarakat Tamil tidak lagi berpegang kepada tradisi keluarga bersama, sebaliknya ingin mendirikan rumah tangga sendiri. Berikutan perubahan dalam struktur keluarga, si isteri yang mula bertindak sebagai ketua keluarga dengan memanipulasikan suaminya, tidak lagi berprihatin terhadap keperluan keluarga si suaminya. Oleh itu, cerpenis ingin membidas sikap wanita yang tersisih daripada budaya kekeluargaan yang diamalkan turun-temurun. Chanthiran Govinthan (2019) dan Stell Parratham, S. (2003) turut menegaskan bahawa seseorang anak menantu perempuan wajib mengamalkan budaya kekeluargaan ini. Sehubungan ini, isu pilih kasih dalam membantu sesama ahli keluarga yang terpapar dalam cerpen *Irandu managgal* ialah suatu realiti dalam masyarakat Tamil. Justeru, teori Sosiologi Sastera Model Pencerminan George Lukas amat sesuai digunakan untuk menganalisis kumpulan cerpen *Urimai Pōrāttam*.



4.2.1.20 Penggunaan Bahasa Percampuran dalam Percakapan Harian

Percampuran bahasa atau kod (*code mixing*) berlaku apabila seorang bertutur mencampuradukkan bahasa atau dialeknya dengan bahasa atau dialek yang lain. Pairat, W. (1979) memberi satu definisi yang agak jelas dan lengkap tentang percampuran kod. Menurut beliau, percampuran kod merupakan hasil secara langsung daripada pertembungan antara satu bahasa dengan bahasa lain dalam semua peringkat linguistik serta mengalami pelbagai proses linguistik. Dalam pertembungan ini, bahasa natif atau bahasa pertama berperanan sebagai penyerap manakala kod lain yang dicampurkan telah dinatifkan atau diserap masuk ke dalam bahasa natif itu. Braj B. Kachru (1978) merumuskan bahawa proses percampuran





bahasa atau kod sering berlaku dalam masyarakat yang berdibahasa atau bermultilingual dari segi percampuran atau penyisipan kata, frasa, ayat atau klausa, kiasa atau kolokasi dan ungkapan daripada bahasa lain dalam bahasa penutur atau bahasa natif. Weinreich, U. (1953) menerangkan bahawa percampuran kod menandakan kekurangan kemahiran dwibahasa dan gangguan dalam kalangan penutur. Secara ringkas, percampuran bahasa ialah kecenderungan penutur bahasa menggunakan kata, frasa, ayat, kiasan dan ungkapan daripada bahasa lain dalam bahasanya kerana tidak mampu atau lemah untuk mencari perkataan sama dalam bahasanya atau amalan itu sudah diterima sebagai sesuatu kelaziman.

Percampuran bahasa atau kod merupakan satu fenomena biasa dalam kalangan penutur yang boleh berbahasa lebih daripada satu. Fenomena ini amat berleluasa di Malaysia kerana terdapat pelbagai jenis bahasa dan dialek seperti bahasa Melayu, Cina, Tamil dan suku kaum serta dialek tempatan. Malaysia ialah sebuah negara yang unik kerana rakyat menuturkan pelbagai jenis bahasa. Setiap kaum yang berlainan ini menggunakan bahasa masing-masing dalam aktiviti harian mereka kecuali apabila mereka berhubung dengan kaum-kaum lain lalu bahasa Melayu yang merupakan bahasa rasmi atau bahasa Inggeris atau campuran kedua-duanya akan digunakan bersama dengan bahasa masing-masing (Suthanthiradevi J.N.J.Money, 2006).

Dalam pada itu, Noor Aida Mahmor, Faizah Ahmad & Nasariah Mansor. (2014) mendapati apabila percampuran kod berlaku secara berleluasa, kata asing diserap masuk dalam sistem bahasa Melayu lalu merosakkan struktur, gaya dan tatabahasa bahasa Melayu. Kesannya, penggunaan bahasa kebangsaan yang tidak bermutu akan merebak dan penggunaan tatabahasa yang betul akan disampingkan. Pengkaji turut menegaskan bahawa sekiranya keadaan ini berterusan, hilanglah jati diri bahasa Melayu. Apabila





penguasaan tatabahasa bahasa Melayu semakin lemah dalam kalangan remaja, lalu dengan sendirinya jati diri masyarakat juga semakin kurang.

Sehubungan ini, cerpenis Kandan berasa tersinggung akan sikap masyarakat India yang menyokong percampuran bahasa. Watak Saravanan dalam cerpen *Arpanippukku tandanayā* ialah seorang guru dan pencinta bahasa Tamil. Beliau menggalakkan anak muridnya mengelakkan penggunaan bahasa percampuran dalam tulisan dan percakapan mereka. Oleh itu, beliau memperkenalkan istilah-istilah baru dalam bahasa Tamil dengan menggantikan kata bahasa Inggeris. Seorang bapa yang kurang senang akan usaha cikgu Saravanan bertindak kurang sopan dan kasar terhadapnya. Dia mengherdik cikgu Saravanan di hadapan guru besar.



உங்க வாத்தியாரு என்ன படித்து தராறு? கொஞ்சம் நஞ்சம் பேசுற இங்கிலீசு வார்த்தையும் மறந்துட்டு வந்து நிற்கிறான் என் மகன், என்றார் மது அருந்தியவர்.

இவ்வளவு காலமாக கோசம், பஸ், கேஸ் அடுப்பு, பிலாஸ்டிக் பை, கேக் என்று சுத்தமாகத் தமிழில் பேசிக்கிட்டிருந்த என் மகன், இப்போ சுழியம், பேருந்து, வளிம அடுப்பு , நெகிழிப் பை அணிச்சல் என்று விளங்காத மொழியில் பேசுறான்.

இது என்ன தமிழா? இந்த வாத்தியாரு என் மகனைக் கெடுத்து வச்சிருக்கிறாரு? என்ன சரவணன் பெற்றோருக்கும் பிள்ளைகளுக்கும் விளங்காத மொழியில் எல்லாம் ஏன் சொல்லிக் கொடுக்கிறீங்க! இவர் சொன்ன மாதிரியே சொல்லிக் கொடுங்க, என தலைமையாசிரியர் கண்டித்துப் பேசினார். நான் ஆங்கில மொழியைத்தான் மொழிப் பெயர்த்து நல்ல தமிழில் சொல்லிக் கொடுக்கிறேன். தமிழ் வளரும் மொழி. புதிய கண்டு பிடிப்புகளுக்கும் தமிழில் பெயரிட முடியும்.





அதைத்தானே மாணவர்களுக்குச் சொல்லிக் கொடுத்தேன், என்றார் சரவணன்.

(அ. கந்தன், 2017, ப.119-120)

Apakah cikgu awak ajar. Anak saya sudahpun lupa sedikit sebanyak bahasa Inggeris yang dia tahu, kata orang mabuk itu. Selama ini, anak saya telah bertutur dalam bahasa Tamil yang baik dengan menggunakan kata-kata *kōcam*, *bas*, *kēs aṭuppu*, *pilāṣṭik pai*, *kēk*. Sekarang anak saya pula menggunakan kata-kata seperti *culiyam*, *pēruntu*, *vaḷima aṭuppu*, *nekilip pai* dan *aṇiccal* yang tidak difahami. Adakah ini bahasa Tamil? Cikgu ini telah meroakkan anak saya. Saravanan, kenapa mengajar sesuatu yang tidak difahami ibu bapa dan anak murid! Ajarlah seperti dikatakan oleh orang ini, tegur pula guru besar. Saya menterjemahkan kata-kata Inggeris dalam bahasa Tamil dan mengajar bahasa Tamil yang baik. Tamil ialah bahasa yang terus kembang. Dapat menamakan penciptaan baru dalam bahasa Tamil. Itulah yang saya ajar kepada murid-murid, kata cikgu Saravanan. (A. Kandan, 2017, ms.119-120).

Sebenarnya, bukan sahaja ibu bapa yang jahil tentang kesan buruk akan percampuran bahasa, bahkan guru besar yang merupakan seorang pendidik turut tidak memahami akan kesan buruknya. Seterusnya, orangseperti ingin mahu terus mengekalkan amalan percampuran bahasa dalam bahasa Tamil. Keadaan ini ialah suatu hakikat dalam bahasa Tamil hari ini. Oleh itu, penyair tersohor Seeni Naina Mohamed (2011) turut membidas sikap masyarakat Tamil yang menyokong amalan ini dan terus mencampurkan bahasa dalam pertuturan dan penulisan mereka.





பாதி பிறமொழி மீதி தெருமொழி

பழக்கி வைத்தவன் தமிழன் -ஒலி

பரப்புச் செய்பவன் தமிழனே- அதைக்

காதில் கேட்கவே காலை இரவெல்லாம்

காத்துக் கிடப்பவன் தமிழனே- தினம்

வாழ்த்திக் களிப்பவன் தமிழனே!

(தேன்கூடு-நீயா பச்சைத் தமிழன், 2011, ப.47)

Separuhnya bahasa asing selebihnya bahasa jalanan

orang Tamil yang melazimkannya- penyiar

juga orang Tamil- orang menunuggu

sepanjang pagi malam mendengarnya ialah Tamil-setiap hari

orang yang seronok memujinya juga Tamil!

(*Tēnkūṭu-Nīyā paccaittamiḷan*, 2011, ms.47).

Pandangan penyair Seeni Naina Mohamed turut menyokong paparan cerpenis Kandan. Oleh itu, isu penggunaan bahasa percampuran dalam percakapan harian yang digambarkan dalam cerpen *Arpanippukku tandanayā* ialah suatu realiti dalam masyarakat Tamil. Justeru, teori Sosiologi Sastera Model Pencerminan George Lukas amat sesuai digunakan untuk menganalisis kumpulan cerpen *Urimai Pōrāttam*.





4.2.2 Isu Ekonomi Dalam Kumpulan Cerpen *Urimai Pōrāttam*.

Kamus Dewan Edisi Baru (1993) mentakrifkan ekonomi sebagai ilmu tentang asas-asas pengeluaran, pembahagian, penggunaan barang-barang dan perkhidmatan serta masalah-masalah kewangan dan masalah kemasyarakatan yang bersangkutan dengannya. Ahli ekonomi Inggeris, Lionel Robbins (Mark Balug, 2020) mendefinisikan ekonomi sebagai sains yang mengkaji tingkah laku manusia yang berhubung dengan ekonomi dan langkah penggunaan langkah alternatif. Dengan kata lain, Robbins memusatkan perhatian pada tahap pendapatan di seluruh ekonomi, jumlah pekerjaan, jumlah pelaburan, dan sebagainya. Di sini para ahli ekonomi berprihatin dengan kekuatan ekonomi menentukan pendapatan sebuah negara atau tahap jumlah pelaburan, dan mereka berusaha untuk mengetahui akan sebab pekerjaan penuh jarang dicapai dan cara dasar awam dapat membantu negara mencapai peluang pekerjaan yang lebih tinggi atau kestabilan harga yang lebih baik. Manakala, *Merriam-Webster Online English Dictionary* secara ringkas menyatakan ekonomi sebagai struktur atau keadaan kehidupan ekonomi di sesebuah negara, kawasan, atau tempoh tertentu. Berdasarkan perbincangan ini, ekonomi melibatkan aspek kewangan, pelaburan, peluang pekerjaan, harga barangan dan perkhidmatan. Justeru, masalah ekonomi adalah berkaitan dengan soal kemiskinan, jurang perbezaan, pengangguran dan inflasi di sesebuah negara, kawasan, atau pada tempoh tertentu.

Isu ekonomi ialah masalah berhubung kait dengan kemiskinan, jurang perbezaan, pengangguran dan inflasi yang dihadapi sesuatu masyarakat di sesebuah negara pada tempoh masa tertentu. Dalam kumpulan cerpen *Urimai Pōrāttam*, pengkaji dapat mengesan sebanyak tiga isu ekonomi yang dipaparkan oleh cerpenis Kandan. Isu-isu ekonomi tersebut tersenarai dalam Jadual 4.7



Jadual 4.7

Isu Ekonomi Dalam Kumpulan Cerpen Urimai Pōrāttam

Bil	Isu	Judul cerpen	Halaman
1	Kemiskinan	<i>Kālam pōdda kōlam</i>	69
		<i>Nūl veliyāddu vilā</i>	102
		<i>Kālam elutiya tīrppu</i>	173
2	Kesukaran memperoleh pekerjaan dalam sektor awam	<i>Urimai pōrāttam</i>	86
3	Pengangguran dalam kalangan lepasan institusi pengajian tinggi	<i>Tevai oru pālar palli</i>	139

4.2.2.1 Kemiskinan

Kemiskinan merupakan indikator utama tentang tahap sosioekonomi masyarakat.

Kemiskinan meliputi pelbagai dimensi dan ketakrifan. Menurut Nor Haslina Ab Rahman dan Hairunnizam Wahid (2016), kemiskinan merujuk kepada garis pendapatan minimum yang diperlukan oleh seisi rumah untuk memenuhi keperluan makanan dan keperluan hidup asas yang lain. Secara umumnya, kemiskinan merujuk kepada ketidaksejahteraan, ketinggalan dan kemunduran sesuatu masyarakat mengikut ukuran atau norma tertentu. Komponen ekonomi sering menjadi ukuran penting yang menentukan tahap kemiskinan. Kemiskinan juga difahamkan sebagai suatu keadaan serba kekurangan untuk memperoleh keperluan asas, iaitu makanan dan pakaian serta kemudahan-kemudahan sosial seperti air, elektrik, hospital serta sekolah. Mengikut UNESCO (2015), kemiskinan dikatakan wujud apabila seseorang menghadapi kekurangan sepenuhnya untuk memenuhi keperluan asas. Mengikut *Encyclopaedia Britannica* (2021), kemiskinan ialah keadaan seseorang tidak mempunyai sejumlah wang atau harta benda yang biasa atau diterima secara sosial. Mengikut laporan



Bank Dunia (2020), sebanyak 689 juta penduduk dunia yang mengalami kemiskinan tegar menjalani kehidupan dengan berbelanja kurang daripada US\$1.90 (RM7.88) sehari, sementara itu golongan miskin pula berbelanja US\$3.20 (RM13.28) sahaja sehari untuk memenuhi keperluan mereka.

Sehubungan ini, garis sebenar kemiskinan di Malaysia adalah sangat rendah, iaitu sekitar RM980 sebulan untuk empat orang ahli dalam satu keluarga, atau sekitar RM8 sehari. Sebenarnya, perbelanjaan seharian RM8 yang ditetapkan di Malaysia adalah lebih lebih rendah berbanding dengan Bank Dunia, iaitu RM13.28 sehari. Oleh itu, garis kemiskinan di Malaysia adalah tidak realistik dan tidak mencukup untuk memenuhi keperluan sesebuah keluarga. Oleh itu, pada tahun 2020, kerajaan Malaysia terpaksa meningkatkan nilai purata garis kemiskinan kepada garis kemiskinan baru kepada RM2,208, iaitu RM73.60 sehari. Seisi keluarga yang memperoleh pendapatan di bawah paras ini dianggap miskin (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020).

Menurut Norzita Jamil & Siti Hadijah Che Mat (2014), adalah sukar untuk menerangkan konsep kemiskinan kerana terdapat pelbagai dimensi kemiskinan atau kekurangan. Menurut mereka kemiskinan merujuk kepada keadaan seseorang individu atau seisi rumah tidak mampu untuk memenuhi keperluan asas untuk menikmati kesejahteraan hidup yang minimum dan munasabah. Keperluan asas ini ialah makanan, pakaian, tempat kediaman, pendidikan dan perubatan. Oleh itu, ciri-ciri kekurangan ini atau kemiskinan yang dialami oleh seisi rumah miskin ialah kekurangan dari segi makanan, ciri-ciri rumah yang didiami, pakaian, pemilikan aset, pendidikan, kesihatan dan taraf hidup. Justeru, seseorang atau seisi keluarga yang tidak dapat memenuhi atau mencapai tahap minimum keperluan asas ini dikatakan berada pada tahap kemiskinan.





Cerpenis Kandan turut mencerminkan masalah kemiskinan ini dalam tiga buah cerpen beliau, iaitu *Kālam pōdda kōlam*, *Nūl veliyōddu vilā* dan *Kālam elutiya tīrppu*. Dalam cerpen *Kālam pōdda kōlam*, Mugilan ialah seorang murid yang baik dari segi budi pekerti dan pencapaian akademik tetapi hidup dalam kemiskinan. Belakangan ini didapati Mugilan sering mengasingkan diri daripada pelajar lain dan asyik termenung di samping tidak makan apa-apa sahaja pada waktu rehat. Pada satu hari cikgu Tirumurugan telah mengujungi keluarga Mugilan yang tinggal di sebuah di ladang. Cikgu Tirumurugan dapat merasai penderitaan emaknya, Parvathi yang hidup dalam kemiskinan. Kandan turut menggambarkan keadaan diri Parvathi.

வறுமை நிலை அவள் உடையையும் வசிப்பிடத்தையும் காட்டியது. கைகளும் கால்களும் சோர்ந்து காணப்பட்டன. அவளது நெற்றி குங்குமம் இன்றி வெறிசோடிக் கிடந்தது. (கந்தன், 2017, ப. 69)



Kemiskinan memperlihatkan pakaian dan tempat tinggal emak Mugilan. Badannya kelihatan lemah-lesu. Tiada *kum-kum* (tanda berkahwin) pada dahinya. (Kandan, 2017 ms. 71)

Sebenarnya, Parvathi ialah bekas kekasih Thirumurugan. Apabila ditanya tentang suaminya, Parvathi menjelaskan bahawa suaminya ialah seorang pemabuk dan penagih dadah. Gajinya tidak cukup untuk minum arak. Dia telah berhenti bekerja. Dia telah menggadaikan semua barang kemas Parvathi untuk minum arak. Berikutan itu, suami Parvathi telah mengalami kerosakan paru-paru akibat terlalu minum arak lalu meninggal dunia. Sementara itu, Parvathi juga mengidap sakit jantung.





Keadaan diri Parvathi membawa gambaran jelas bahawa dia hidup dalam kemiskinan kerana suaminya yang seorang pemabuk dan penagih dadah menjadi punca tercetusnya kemiskinan. Selain itu, keadaan kemiskinan turut menyebabkan Parvathi tidak dapat memperoleh perkhidmatan kesihatan yang baik untuk mengubati penyakitnya. Selain itu, Parvathi juga tidak dapat memenuhi keperluan makanan anaknya yang sedang bersekolah. Sebenarnya, pada akhir cerpen ini, Parvathi turut meninggal dunia akibat sakit jantung. Menurut Mary Asunta (2001), mangsa alkohol terbesar ialah golongan miskin, terutama buruh India di luar bandar yang bekerja di ladang getah dan kelapa sawit. Di sini, alkohol ialah penyebab utama kemiskinan. Segar Narayanan (2012) turut menegaskan bahawa amalan minum arak menjadi punca masalah sosial dan masalah ekonomi masyarakat India di Malaysia.



Seterusnya, dalam cerpen *Nūl veliyāddu vilā* pula, cerpenis Kandan menggambarkan kemiskinan yang menimpa keluarga seorang penulis Tamil yang terkenal. Watak utama dalam cerpen ini ialah Kandavel. Kandavel ialah seorang guru sementara yang terpaksa membiayai isteri dan enam orang anaknya. Gajinya yang begitu rendah tidak dapat menampung perbelanjaan untuk memenuhi tujuh orang ahli keluarganya. Dia terpaksa menggadaikan barang emas untuk menanggung kos percetakan buku-bukunya. Namun, masyarakat Tamil kurang memberi sambutan terhadap bukunya kerana kurang membaca. Dia hidup dalam kemiskinan dan terpaksa menyara keluarganya dengan sedikit hasil pendapatan yang diperoleh melalui jualan bukunya. Cerpenis Kandan menggambarkan kehidupan Kandavel.





நூல்களின் விற்பனைமூலம் கிடைக்கின்ற சிறிய வருமானத்தைக் கொண்டு, தன் குடும்பத்தில் அடுக்கடுக்காய் உருவெடுக்கும் ஏழ்மையை விரட்டியடிப்பதில் ஓரளவு வெற்றி கண்டார் (அ. கந்தன், 2017 ப. 102).

Kandavel menggunakan pendapatan yang sedikit diperoleh hasil jualan bukunya untuk sedikit mengatasi masalah kemiskinan yang menimpa keluarganya (A. Kandan, 2017, ms.102).

Gaji yang diperoleh sebagai guru sementara dan sedikit pendapatan daripada hasil buku tidak cukup untuk memenuhi keperluan asas keluarga Kandavel. Sebaliknya, hutang untuk mencetak buku-buku semakin meningkat. Selain itu, pihak yang menjalankan promisi bukunya juga tidak ikhlas dalam membantunya walaupun semua bukunya habis dijual. Dia membuat keputusan untuk tidak menerbitkan buku lagi dan sedang bekerja sambilan di sebuah kedai jahit untuk menebus barang emas yang digadaikan. Sebenarnya jawatannya yang tidak tetap, pendapatan yang rendah dan keluarga yang besar serta kegemarannya menghasilkan buku telah menjadi punca kemiskinan diri dan keluarga Kandavel.

Akhir sekali, *Kālam elutiya tīrppu* ialah sebuah lagi cerpen yang memaparkan masalah kemiskinan dalam kalangan kaum India. Watak utama cerpen ini, Alagappan bekerja sebagai penoreh getah di ladang sungai Rambai. Alagappan giat melibatkan diri dalam kelab kebajikan dan membantu penduduk di ladang tersebut tetapi keluarganya sendiri hidup dalam kemiskinan. Isteri Alagappan, Amirtavalli sungguh sedih memikirkan perlakuan suaminya yang lebih memikirkan kebajikan orang lain sehingga mengabaikan tanggungjawabnya sebagai seorang ketua keluarga. Kandan menggambarkan perasaan yang terkumandang dalam diri Amirtavalli.





திருமணமான இந்த இருபது ஆண்டு காலத்தில் அமிர்தவள்ளி கண்ட சுகம் என்ன? நான்கு குழந்தைகளும் எல்லையற்ற வருமையும்தான். அதை எண்ணி தலைவிதியை நொந்து கொண்டாள் (கந்தன், 2017 ப. 173).

Apakah yang telah dinikmati oleh Amirtavalli dalam 20 tahun selepas mendirikan rumah tangganya? Hanya empat orang anak dan kemiskinan yang tidak kenal batasan. Amirtavalli bearasa sedih memikirkan takdir yang menimpa hidupnya (Kandan, 2017, ms. 173).

Lakaran Kandan membawa gambaran jelas bahawa gaji seseorang pekerja ladang seperti Alagappan tidak dapat menampung keperluan asas keluarga pekerja ladang yang biasanya mempunyai bilangan ahli keluarga yang banyak. Menurut Kunaseelan, S. (2019), masyarakat ladang dan para waris masyarakat ladang terus hidup dalam keadaan dan cengkaman kemiskinan. *Malaysian Indian Blueprint* 2017) yang dilancarkan oleh kerajaan telah mengambil kira isu kemiskinan masyarakat ladang serta bekas pekerja ladang yang kini menetap di kawasan pinggir bandar-bandar utama di Malaysia.

Masalah kemiskinan yang diutarakan oleh Kandan dalam ketiga-tiga cerpen ini merupakan realiti kehidupan masyarakat India. Hal ini dapat dibuktikan berdasarkan maklumat yang terpapar dalam Jadual 4.8.



Jadual 4.8

Kadar Kemiskinan Mengikut Kumpulan Etnik, 1970-2014

Etnik	1970	1976	1984	1987	1990	1997	1999	2004	2007	2009	2012	2014
Melayu	64.8	46.4	28.7	26.6	20.4	9.0	12.3	8.3	5.1	5.3	2.2	0.8
Cina	26.0	17.4	7.8	7.0	5.4	1.1	1.2	0.6	0.6	0.6	0.3	0.1
India	39.2	27.3	10.1	9.6	7.6	1.3	3.4	2.9	2.5	2.5	1.8	0.6
Lain-lain	44.8	33.8	18.8	20.3	22.8	13.0	25.5	6.9	9.8	6.7	1.5	0.9
Keseluruhan	49.3	37.7	20.7	19.4	16.5	6.1	8.5	5.7	3.6	3.8	1.7	0.6

Sumber: Unit Perancang ekonomi, 2015

Kadar kemiskinan kaum India didapati telah menurun daripada 39.2 peratus pada tahun 1970 kepada 1.8 peratus pada tahun 2012. Namun, kadar kemiskinan masyarakat India didapati masih kedua tertinggi dan lebih tinggi daripada kadar keseluruhan pada tahun 2012. Sementara itu, kajian Yayasan Pemulihan Sosial (YPS), cabang kebajikan sosial MIC yang dibentangkan dalam simposium kebangsaan tentang Rancangan Malaysia Kesebelas & India Malaysia: Memastikan Pembangunan Inklusif & Bersama (2016-2020) yang dianjurkan dengan kerjasama Institut Pengajian Etnik Universiti Kebangsaan Malaysia (KITA) mendapati bahawa sejumlah 40 peratus daripada 2.6 juta orang India di negara ini dikatakan sedang bergelut di bawah tangga pendapatan rendah. Golongan inilah sebahagian daripada kumpulan miskin bandar dan golongan berpendapatan rendah yang menghadapi pelbagai cabaran dalam pembangunan sosioekonomi. YPS turut mendakwa bahawa 40% peratus India yang paling bawah ini telah "terikat dalam keadaan ini selama 10 tahun terakhir" dan jatuh ke bawah purata kebangsaan, dan tidak setanding dengan 40% bawah komuniti lain di kawasan bandar di Malaysia (*Malay Mail Online*, 15.5.2015).



Di samping itu, kajian Janakey Raman Manickam. (2011), turut menegaskan bahawa kadar kemiskinan dalam masyarakat India terus meningkat separas dengan peningkatan populasi India di kawasan bandar. Peningkatan kadar inflasi, sewa rumah dan perbelanjaan pendidikan anak menjadi punca utama kemiskinan dalam kalangan masyarakat India di Malaysia.

Menurut Norzita Jamil & Siti Hadijah Che Mat (2014), jurang perbezaan kemiskinan yang masih wujud dalam pelbagai kaum di Malaysia adalah membimbangkan kerana kemiskinan akan terus menjana satu kitaran ganas kemiskinan (*vicious cycle of poverty*). Kitaran ganas kemiskinan ini merujuk kepada keadaan kemiskinan atau perangkap kemiskinan. Keadaan ini boleh diumpamakan kemiskinan yang diwarisi daripada satu generasi ke generasi seterusnya. Situasi ini akan mencetuskan keadaan kemiskinan yang berterusan dalam kalangan kelompok masyarakat berkenaan tanpa harapan untuk keluar daripada cengkamannya. Sebenarnya, keadaan kemiskinan dalam kalangan masyarakat India ialah suatu fenomena yang berterusan sejak kehadiran mereka ke tanah ini hingga hari ini. Oleh itu, pemaparan masalah kemiskinan dalam ketia-tiga, iaitu *Kālam pōdda kōlam*, *Nūl veliyōddu vilā* dan *Kālam elutiya tīrppu* ialah suatu realiti dalam masyarakat Tamil di Malaysia. Justeru, penggunaan teori Sosiologi Sastera Model Pencerminkan George Lukas amat sesuai digunakan untuk menganalisis aspek realiti kehidupan yang terpapar dalam kumpulan cerpen *Urimai Pōrāttam*.





4.2.2.2 Kesukaran Memperoleh Pekerjaan dalam Sektor Awam

Menurut Lionel Robbins (*Encyclopædia Britannica Online Dictionary*, 2021), para ahli ekonomi yang berprihatin terhadap kekuatan ekonomi menentukan pendapatan sebuah negara atau tahap jumlah pelaburan berusaha untuk mengetahui akan sebab pekerjaan penuh jarang dicapai dan cara dasar awam dapat membantu negara mencapai peluang pekerjaan yang lebih tinggi atau kestabilan harga yang lebih baik. Dalam konteks ini, perkhidmatan awam merupakan suatu sumber peluang pekerjaan kepada rakyat sesebuah negara.

Dalam pada itu, perkhidmatan awam di Malaysia pada dasarnya ialah perusahaan yang sangat besar yang berperanan merumuskan, mentadbir dan melaksanakan dasar-dasar kerajaan Malaysia. Peranan teras organisasi perkhidmatan awam adalah memberi perkhidmatan penting seperti pentadbiran kerajaan, kehakiman, keselamatan awam, pertahanan negara, kesihatan dan pendidikan. Perkhidmatan awam di negara kita bercirikan Kerajaan Persekutuan. Perkara 132 dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia mendefinisikan "Perkhidmatan Awam" sebagai yang terdiri daripada Perkhidmatan Awam Umum Persekutuan, Perkhidmatan Awam Negeri, Perkhidmatan Awam Bersama, Perkhidmatan Pendidikan, Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-Undang, Pasukan Polis dan Angkatan Tentara (Khoo Boo Teik, 2005).

Dalam konteks ini, bilangan anggota perkhidmatan di negara di negara semakin meningkat sejak kemerdekaan Malaysia. Jadual 4.9 menunjukkan bilangan kakaitangan awam di Malaysia dari tahun 1957 hingga tahun 2019.



Jadual 4.9

Jumlah Kakitangan Awam Di Malaysia dari Tahun 1957 hingga 2019

Tahun	1957*	1970	2000	2005	2019
Jumlah	34,000	398,000	863,000	899,250	1,700,000

Nota:* Tidak termasuk anggota polis dan tentera

Sumber : Khoo Boo Teik 2005, Siti Alidah John Abdullah & Halimah @ Nasibah Ahmad 2005, The Star 25 Mac 2016 dan Malaysiakini 13 Disember 2019.

Berdasarkan maklumat tersebut, jumlah kakitangan perkhidmatan di negara kita telah terus meningkat daripada 34,000 orang pada tahun 1957 kepada 398,000 pada tahun 1970. Selepas pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1970, jumlah kakitangan telah berjunam meningkat secara mendadak kepada 863,000 orang pada tahun 2000 dan mencecah 1.7 juta orang pada tahun 2019. Pada tahun 2017, perkhidmatan awam Malaysia telah menyumbang sebanyak 11% peluang pekerjaan di negara ini. Oleh itu, seseorang warganegara Malaysia yang berkecualan berhak untuk menjawat jawatan dalam perkhidmatan awam di Malaysia. Namun, Janakey Raman Manickam (2011) mendakwa bahawa masyarakat India tidak diberi peluang pekerjaan yang sewajarnya dalam perkhidmatan awam (dan sektor swasta) walaupun berkecualan.

Sehubungan ini, cerpenis Kandan turut memaparkan isu ini dalam cerpenya, *Urimai pōrāttam*. Dalam cerpen ini, watak Arumugam menyertai gerakan yang dianjurkan oleh HINDRAF pada 25.11.2007 untuk menyerahkan memorandum kepada kerajaan British tentang dilema yang dihadapi oleh masyarakat India yang dibawa oleh pihak ini sebagai pekerja ke negara ini. Pihak HINDRAF turut mengadu bahawa masyarakat India di Malaysia tidak mendapat layanan sewajarnya daripada kerajaan Malaysia yang memerintah negara ini. Salah satu alasan Arumugam walaupun sudah meningkat tua turut menyertai gerakan tersebut selepas mendengar aduan menantu perempuannya bahawa masyarakat India yang



menjadi warganegara Malaysia tidak mendapat peluang pekerjaan dalam perkhidmatan awam Malaysia.

இப்போ பாருங்க, நல்லா படித்திருந்தாலும்கூட பல்கலைக்கழகத்திற்குச் செல்ல முடியவில்லை. அரசாங்கத்தில் வேலையும் கிடைக்க மாட்டுது. இதற்கு சுதந்திரமே கிடைக்காமல் இருந்திருந்தால்கூட பரவாயில்லை, என்று ஆதங்கப்பட்டார் ஆறுமுகத்தின் மருமகள் சுபத்திரா. (அ.கந்தன், 2017, ப. 86)

Lihat di sini. Walaupun mendapat keputusan baik, tidak dapat peluang untuk masuki universiti. Tidak mendapat peluang pekerjaan dalam kerajaan. Lebih baik tak dapat kemerdekaan, anak menantu perempuan, Subathira meluahkan perasaan kecewanya. (A. Kandan, 2017, ms. 86)



Sebenarnya, Kandan turut meluahkan kecewaan dan aduan masyarakat India, iaitu masyarakat India kurang mendapat peluang pekerjaan dalam perkhidmatan awam kerajaan melalui anak menantu Arumugam. Isu ini ialah suatu haikikat dalam perkhidmatan awam Malaysia. Menurut Siva Subramanian, bekas presiden CUEPACS (Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam) turut menegaskan bahawa memang wujud diskriminasi dalam perlantikan kakitangan untuk perkhidmatan awam Malaysia (Janakey Raman Manickam, 2011).

Selain itu, komposisi perkhidmatan awam Persekutuan mengikut kaum dari tahun 1957 hingga tahun 2014 yang terpapar dalam Jadual 4.10 turut menunjukkan bahawa peratus kakitangan India terus merosot sedangkan kaum Melayu pula terus meningkat.



Jadual 4.10

Komposisi Perkhidmatan Awam Persekutuan Mengikut Kaum, 1957-2014

Kaum	1957	1969	1972	2000	2005	2009	2014
Melayu	52.4	60.8	65.7	76.05	77.04	78.2	78.8
Cina	15.4	20.2	18.0	8.95	9.37	5.8	5.2
India	26.3	17.4	15.0	5.09	5.12	4.0	4.1
Bumiputra Bukan Melayu	-	-	-	6.93	7.77	11.3	11.2
Lain-lain	5.9	1.6	1.3	1.08	0.70	0.7	0.7
Jumlah	100	100		100	100	100	100

Sumber : Khoo Boo Teik 2005, Marvis Puthuchearry, 1978, Siti Alidah John Abdullah & Halimah @Nasibah Ahmad 2005, The Star 25 Mac 2016 dan Malaysiakini, 13 Disember 2019.

Berdasarkan jadual tersebut, peluang pekerjaan untuk masyarakat India dalam perkhidmatan awam didapati semakin merosot dan menipis, terutama selepas pelaksanaan DEB. Menurut Siti Alidah John Abdullah & Halimah @Nasibah Ahmad (2005), selepas pelaksanaan DEB, pengambilan kaum Melayu secara besar-besaran dijalankan di bawah Operasi Isi Penuh yang dijalankan mulai tahun 1981 untuk mengisi 75% jawatan mengikut penetapan dalam Perlembagaan Persekutuan telah mengurangkan peluang pekerjaan kepada golongan bukan Melayu. Sementara itu, Khoo Boo Teik (2005) turut menjelaskan bahawa sejajar dengan objektif DEB untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kira, kerajaan telah meningkatkan bilangan kakitangan kaum Melayu dalam perkhidmatan awam. Oleh itu, isu tiada peluang pekerjaan dalam perkhidmatan kerajaan yang diungkitkan oleh cerpenis Kandan ialah suatu relaiti yang dihadapi oleh masyarakat India di Malaysia. Justeru, penggunaan teori Sosiologi Sastera Model Pencerminkan George Lukas amat sesuai digunakan untuk menganalisis aspek realiti kehidupan yang terpapar dalam kumpulan cerpen *Urimai Pōrāttam*.



4.2.2.3 Pengangguran Dalam Kalangan Lulusan Institusi Pengajian Tinggi

Pengangguran ialah suatu situasi seseorang yang berkelayakan dan bersedia untuk bekerja tidak mempunyai peluang pekerjaan (Parkin, M., 1980). Sementara itu, Pertubuhan Buruh Antarabangsa (*International Labour Organization*) (2020) melihat pengangguran sebagai suatu situasi yang seseorang individu tidak mempunyai pekerjaan atau aktif mencari pekerjaan. Walaupun terdapat apa-apa sahaja pengertian, pengangguran difahamkan sebagai situasi seseorang yang berada dalam lingkungan umur bekerja, ingin dan layak, tetapi tidak mendapat peluang pekerjaan. Masalah pengangguran ialah suatu lagi masalah ekonomi yang dialami oleh semua negara termasuk Malaysia. Mengikut Jabatan Perangkaan Malaysia (2018), masalah pengangguran di Malaysia adalah masih rendah, iaitu hanya sebanyak 3.3% sahaja berbanding dengan negara maju. Misalnya, negara Jerman mencatatkan kira-kira 5.3 peratus, Perancis 9.1 peratus dan Amerika Syarikat 3.7 peratus pada tahun 2018.

Sehubungan ini, masalah pengangguran dalam kalangan lulusan institusi pengajian tinggi turut menjadi isu yang penting di kebanyakan negara, termasuk di Malaysia. Konsep pengangguran dalam konteks siswazah ialah masalah masa menunggu untuk mendapatkan pekerjaan. Menurut Siti Hajar Idris dan Zaini Mahbar. (1989), kira-kira 25 peratus penganggur ini di Malaysia terpaksa menunggu selama 2 tahun atau lebihnya sebelum untuk mendapat sesuatu pekerjaan. Cerpenis Kandan turut ingin menarik perhatian pembaca tentang isu pemuda India lepasan institusi pengajian tinggi turut menghadapi dilema ini.

Dalam cerpen *Tevai oru pālar palli*, cerpenis Kandan memaparkan isu ini melalui watak Selvi. Dia merupakan seorang siswazah yang kelulusan sarjana muda dalam bidang





pendidikan. Dia terlatih sebagai guru bahasa Tamil sekolah menengah. Dia telah mengikuti kursus ini kerana pihak Kementerian Pelajaran menetapkan bahawa seseorang siswazah harus memiliki latihan dalam bidang ini sekiranya ingin mengajar bahasa Tamil di sekolah menengah. Namun, pihak kementerian dikatakan melengkah-melengkahkan proses penempatan ini walaupun terdapat kekosongan. Selvi ialah anak sulung dalam enam orang adik-beradik dalam keluarganya. Bapanya ialah seorang pesakit jantung yang berhenti bekerja sedangkan ibunya sahaja bekerja sebagai penoreh getah. Cerpenis Kandan turut melakarkan keadaan diri Selvi.

...பல்கலைக்கழகத்தில் இடைநிலைப் பள்ளிகளுக்கான தமிழ்மொழிப் பயிற்றியல் துறையில் இளங்கலை பட்டப்படிப்பை முடித்துள்ள பட்டத்தாரிகளில் செல்வியும் ஒருவர். இடைநிலைப் பள்ளிகளில் தமிழ்மொழியைப் பகுதி நேரமாகப் போதிக்க ஆசிரியர்களை நியமிக்கும் கல்வி அமைச்சு, முழு நேரப் பணிக்கு தகுதிப் பெற்றிருக்கும் இளங்கலை பட்டதாரிகளான செல்வி போன்றவர்களை நியமிக்க அரசு தாமதம் காட்டி வருகின்றது. இந்த ஆசிரியர்களின் எதிர்காலம் இருண்டு விடுமோ என்ற அச்சம் அவர்களின் குடும்பத்தினரை வெகுவாகப் பாதித்துள்ளது. (அ. கந்தன், 2017, ப. 139)





Selvi merupakan salah seorang daripada beberapa orang siswazah yang menamatkan pengajian dalam bidang pengajaran bahasa Tamil di peringkat sarjana muda. Kementerian Pelajaran yang melantik guru-guru untuk mengajar bahasa Tamil secara sambilan di sekolah menengah telah melangkah-langkah proses perantikan siswazah seperti Selvi yang berkelulusan untuk mengajar bahasa Tamil secara sepenuh masa. Keluarga siswazah ini berasa bimbang akan masa depan guru-guru ini. (A. Kandan, 2017, ms. 139).

Selepas menunggu berbulan-bulan lamanya, Selvi mengambil keputusan untuk mengajar di sekolah tadika demi membiayai keluarganya serta melepaskan cemuhan ayahnya yang mengatakan bahawa keluarganya terpaksa mengemis kerana Selvi mungkin tidak akan mendapat penempatan tersebut.



Dalam pada itu, Sivashini Chanthiran (2019), turut menegaskan hakikat ini. Menurut, golongan pemuda yang berkelulusan tinggi terpaksa menunggu sekurang-kurangnya setahun untuk mendapat pekerjaan. Sivashini Chanthiran turut menjelaskan nasib golongan ini.

Semua pihak memang sedar bahawa golongan siswazah memerlukan masa antara tiga hingga empat tahun untuk memperoleh ijazah sarjana muda. Selepas itu, mereka terpaksa menunggu untuk mendapat pekerjaan yang dipohon selaras dengan kelayakan mereka. Walaupun tidak keberatan untuk menunggu, namun usia dan tanggungjawab mereka tidak menunggu mereka. (Sivashini Chanthiran, 2019, ms. 136)





Berdasarkan pendapat Siti Hajar Idris dan Zaini Mahbar. (1989) dan Sivashini Chanthiran (2019) seseorang menjadi penganggur begitu lama kerana terpaksa menunggu sehingga dua tahun untuk memperoleh sesuatu pekerjaan. Selain itu, dasar birokrasi pihak perkhidmata awam didapati turut melambatkan proses pengambilan dan penempatan para siswazah ini. Oleh itu, isu pengangguran dalam kalangan lepasan institusi pengajian tinggi yang dipaparkan oleh cerpenis Kandan dalam cerpen *Tevai oru pālar palli* ialah suatu realiti dalam masyarakat India di Malaysia. Justeru, penggunaan teori Sosiologi Sastera Model Pencerminan George Lukas amat sesuai digunakan untuk menganalisis aspek realiti kehidupan yang terpapar dalam kumpulan cerpen *Urimai Pōrāttam*.

4.2.3 Isu Pendidikan Dalam Kumpulan Cerpen *Urimai Pōrāttam*



Pendidikan ialah proses memudahkan proses pembelajaran atau pemerolehan pengetahuan, kemahiran, nilai, kepercayaan, dan norma-norma. Pendidikan sering berlaku di bawah bimbingan pendidik, namun seseorang juga dapat mempelajari dengan sendiri. Pendidikan dapat berlangsung dalam keadaan formal atau tidak formal (*informal*) dan sebarang pengalaman yang mempunyai kesan formatif terhadap cara seseorang berfikir, berasa, atau bertindak dapat dianggap sebagai pendidikan. Pendidikan formal biasanya merujuk kepada peringkat seperti prasekolah atau tadika, sekolah rendah, sekolah menengah, kolej, universiti, atau latihan perantisan. Manakala, pendidikan tidak formal ialah pembelajaran sampingan yang berlangsung secara spontan dan tanpa struktur. Seseorang itu dapat memperoleh dan menambahkan pengetahuan dan kemahiran serta membentuk sikap dan pandangan berdasarkan pengetahuan yang diperolehnya melalui proses latihan, kursus, bengkel, forum, seminar dan persidangan di samping amalan membaca.





Sehubungan ini, pendidikan ialah salah satu agenda besar yang boleh mempengaruhi kualiti dan ketamadunan sesebuah bangsa di dunia. Manusia akan dianggap mundur sekiranya tiada pendidikan. Individu dan keluarga berilmu akan meletakkan ilmu sebagai cara hidup yang lebih mudah membuat satu keputusan yang tepat. Pendidikan juga merupakan satu proses menimba ilmu terpenting dalam kehidupan manusia. Proses pendidikan akan berlaku sepanjang hayat manusia, iaitu bermula dalam kandungan ibu sehingga akhir hayat. Fasa pendidikan tersebut akan berlangsung dalam kehidupan manusia sama ada secara formal ataupun tidak formal. Dalam proses pendidikan ini, manusia membangunkan semua potensi yang sedia ada dalam dirinya. Oleh itu, sesuatu masyarakat atau bangsa yang mengabaikan pendidikan, sama formal atau tidak formal, sepanjang hayatnya akan menghadapi kemunduran dan pelbagai masalah sosial (Sarju, H., Hamzah, R.B., & Udin, A., 2010). Dalam kumpulan cerpen *Urimai Pōrāttam*, pengkaji dapat mengesan sebanyak enam isu berkaitan dengan pendidikan yang dipaparkan oleh cerpenis Kandan. Isu-isu pendidikan tersebut tersenarai dalam Jadual 4.11





Jadual 4.11

Isu Pendidikan Dalam Kumpulan Cerpen Urimai Pōrāttam

Bil	Isu	Judul Cerpen	Halaman
1	Tidak berminat untuk belajar	<i>Ilacciyam</i> <i>Vāla ninaittāl vālalam</i> <i>Ariyātanam</i>	2 12 16
2	Kerciciran persekolahan	<i>Ilacciyam</i> <i>Ariyātanam</i>	3 16
3	Sikap prasangka ibu bapa India terhadap sekolah Tamil	<i>Māriyatu manam</i>	45
4	Kemudahan prasarana pendidikan di sekolah Tamil kurang diberi perhatian	<i>Arpanippukku tandanayā,</i> <i>Māriyatu manam</i> <i>Tiruvilā</i>	115 & 119 46 81
5	Pelajar cemerlang India tidak dapat melanjutkan pelajaran ke universiti awam	<i>Urimai pōrāttam</i>	86
6	Masyarakat India kurang memupuk amalan membaca	<i>Nūl veliyīddu vilā</i> <i>Nūl nilayam pōgalam</i> <i>vāngga</i>	102 149 & 151

4.2.3.1 Tidak Berminat Untuk Belajar

Salah satu isu utama yang rumit dan membimbangkan pihak ibu bapa dan sekolah adalah terdapat segolongan pelajar yang tidak berminat untuk belajar. Presiden Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (NUTP) Aminuddin Awang turut menyatakan bahawa hampir dua juta atau lebih pelajar sekolah menengah memang tiada minat untuk belajar dan apa-apa latihan termasuk kerja sekolah disediakan oleh guru akan menjadi satu beban untuk pelajar berkenaan (Ramieza Wahid, 2019).





Minat merupakan sesuatu yang akan mendorong seseorang individu untuk melakukan sesuatu perkara dengan penuh ikhlas, berterusan serta tanpa rasa bosan. Minat mendalam terhadap sesuatu akan menghindarkan individu daripada bersikap sambil lewa. Namun, kemerosotan minat pelajar ialah umpama satu wabak penyakit yang mampu memudaratkan kehidupan. Hal ini bukan sahaja menjejaskan prestasi sesebuah sekolah, malahan timbulnya pelbagai masalah sosial dan disiplin. Keadaan ini menunjukkan bahawa murid-murid berkenaan tidak mempunyai motivasi untuk belajar dan tidak memahami sepenuhnya topik yang telah diajar. Sehubungan ini, cerpenis Kandan turut memaparkan sikap ini dalam tiga buah cerpen seperti *Ilacciyam*, *Vāla ninaittāl vālalam* dan *Ariyātanam*.

Dalam cerpen *Ilacciyam*, Muthu ialah seorang guru yang mengajar di sebuah sekolah Tamil yang terletak di sebuah ladang kelapa sawit. Muthu ialah seorang yang berdedikasi dan mengambil berat terhadap pencapaian semua murid yang diajarnya. Beliau berasa agak kecewa kerana pelajar Tamil ketinggalan dalam pelajaran dan hal ini sentiasa memberatkan dirinya. Beliau sedar bahawa sekiranya tiada keputusan baik adalah sukar memperoleh pekerjaan baik memandangkan golongan yang berpendidikan tinggi juga menghadapi masalah ini. Oleh itu, beliau berpendapat bahawa dia harus bersikap tegas di samping memberi motivasi untuk melahirkan murid yang cemerlang. Namun, beliau mendapati salah seorang murid bernama Ganesan tidak berminat terhadap pelajaran lalu tidak dapat menjawab sebarang soalan yang dikemukakan. Cikgu Muthu berasa geram lalu mula melenting suaranya.





என்னடா..கணேசா! இந்தப் பாடம் கூடவா உனக்குத் தெரியலை? உன் அறிவு என்ன மங்கியாப் போச்சு. உனக்கு கொஞ்சமாவது புத்தி இருக்கா? என முத்து ஆசிரியர் கோபமாகக் கேட்டார். கணேசன் பதில் ஏதும் சொல்லாமல் அமைதியாக எழுந்து நின்றான். இப்படித் தப்பு தப்பா செய்தால் எப்படி நீ எட்டு ஏ எடுக்கப் போறே? உனக்கு சின்ன சின்ன கணக்குக்கூட தெரியலை..., என முத்து ஆசிரியர் கடுப்புடன் கூறினார். எத்தனை தடவை சில்லிக் கொடுத்தாலும் என் மர மண்டையிலே ஏற மாட்டேன்னுதே! எப்படி உனக்கு நான் மார்க்குப் போடறது? (அ. கந்தன், 2017, ப. 2)

Ganesha, tak akan awak mahami pelajaran ini juga? Adakah otak anda sudah luntur. Tak akan dapat fikir sedikit? tanya cikgu Muthu dengan perasaan marah. Ganesan berdiri tanpa menjawabnya. Sekiranya awak buat kesilapan demi kesilapan, bagaimanakah awak dapat peroleh lapan 'A'? Tak akan awak tak tahu matematik yang mudah...kata cikgu Muthu dengan perasaan geram. Walaupun diajar berkali-kali, otak udang awak tak faham ini! Macam mana saya hendak beri markah? (A. Kandan, 2017, ms. 2)

Oleh sebab Ganesan tidak meminati pelajaran matematik, dia tidak dapat memberi tumpuan terhadap pengajaran gurunya lalu tidak mampu menjawab sebarang soalan. Sikap Ganesan telah menghampakan perasaan cikgu Muthu. Berikutan itu, cikgu Muthu berasa marah lalu memarahinya.





Seterusnya, dalam cerpen *Vāla ninaittāl vālam*, cerpenis Kandan melakarkan perlakuan murid yang tidur di kelas sewaktu guru mengajar. Mogan ialah seorang murid Tahun Lima. Mogan ialah seorang murid yang menghadapi masalah disiplin dan dikenali sebagai murid bermasalah dan tidak dapat dikawal. Dia membuli murid-murid lain dan mengugut duit daripada mereka. Oleh itu, dia tidak berminat terhadap pelajaran lalu tidur sewaktu guru mengajar.

ஆசிரியர் வகுப்பில் பாடம் சொல்லிக் கொடுக்கும்போது தூங்கி தூங்கி விழுவான். ஆசிரியரின் கூக்குரல் கேட்டுத் திடுக்கிட்டு எழுவான். வீட்டில் இரவு விடிய விடிய வீடியோவில் படம் பார்த்துக்கிட்டு இருந்தியா? என ஆசிரியர் கோபத்தில் சத்தம் போடுவார். இல்லே சார்...படிச்சுக்கிட்டு இருந்தேன், என்று கூசாமல் பொய் சொலவான். படிச்சிக்கிட்டு இருந்தா பரீட்சையில் ஏன் பாஸ் பண்ணலே? என்று கிண்டலாக சொல்வார் ஆசிரியர். (அ. கந்தன், 2017, ப. 12)

Ketika guru sedang mengajar, dia akan terus mengantuk. Dia akan terjaga dikejutkan oleh suara lenting gurunya. Adakah awak menonton video sepanjang malam? tanya cikgu dengan lantang. Tiada cikgu...saya menelaah pelajaran, dia akan berbohong dengan selamba sahaja. Cikgu pula menyindirnya dengan berkata, sekiranya awak menelaah pelajaran, kenapa tidak lulus dalam peperiksaan? (A. Kandan, 2017, ms. 12)

Sebenarnya, Mogan ialah seorang murid yang tidak berminat untuk belajar, sebaliknya terlibat dalam masalah disiplin. Lazimnya, pelajar yang terlibat dalam masalah disiplin tidak akan menunjukkan minat untuk belajar. Selain itu, dia didapati menonton





tayangan video sepanjang malam lalu mengantuk di kelas sewaktu guru mengajar lalu tidak dapat menumpukan perhatian pada pelajarannya.

Di samping itu, dalam cerpen *Ariyātanam*, cerpenis Kandan turut memaparkan seorang pelajar lagi yang tidak berminat untuk belajar dengan mengabaikan pengorbanan keluarganya. Manju ialah seorang pelajar tingkatan empat. Dia telah kehilangan bapanya dalam suatu kemalangan. Keluarganya dihimpit kemiskinan. Oleh itu, abangnya telah berhenti sekolah untuk membenarkan adiknya melanjutkan pelajaran. Dia telah mula bekerja di sebuah kilang. Ibunya telah memenuhi segala keperluan Manju dan menghantarnya ke kelas tuisyen agar anaknya cemerlang dalam pelajaran. Namun, Manju tidak berminat terhadap pelajaran.



ஆனால், மஞ்சு படிப்பில் கவனம் செலுத்தாமல் கெட்ட தோழிகளோடு சேர்ந்து அரட்டையடித்து ஆட்டம் போட்டாள். ஒரு நாள் அவளுடைய பள்ளிக்கூடத் தேர்ச்சி அறிக்கையைப் பார்த்து அதிர்ந்து போனாள். என்னடி! பள்ளிக்கூடத்துக்கு நீ படிக்கப் போறையா, இல்லே விளையாடப் போறயா? தேர்வில் குறைந்த புள்ளிகளே கிடைத்திருக்கு. இப்படிப் படித்த நீ எங்க தேர்ச்சி பண்ணப் போறே? என்று அம்மா கடிந்து கொண்டாள். (அ. கந்தன், 2017, ப.16)

Tetapi, Manju telah menghabiskan masanya dengan berborak dan berseronok dengan kawan-kawan yang berakhlak buruk tanpa memberi tumpuan pada pelajarannya. Pada suatu hari, ibunya terkejut melihat kad kemajuan pelajaran anaknya. Eh, awak pergi ke sekolah untuk belajarkah atau bermain sahaja? Awak mendapat markah rendah. Sekiranya awak belajar sebegini, macam mana awak akan lulus dalam peperiksaan, kata ibunya dengan perasaan marah. (A. Kandan, 2017, ms. 16)





Manju yang merupakan gadis berumur 16 yang menuntut dalam tingkatan empat lazimnya bersifat malas. Selain itu, Manju juga tidak berminat untuk belajar serta lebih suka berborak dan berseronok dengan kawan-kawan tanpa mempedulikan pengorbanan ibu dan abangnya untuk mencerahkan masa depannya.

Sehubungan ini, ketiga-tiga watak ini tidak menunjukkan minat untuk belajar. Ganesan dan Mogan ialah murid sekolah rendah yang dipaparkan tidak mendapat dorongan daripada ibu bapa masing-masing. Paparan cerpenis Kandan adalah selaras dengan pendapat Christina Andin, Rosmiza Mohd Zainol, Wong Hock Chuo & Rohana Hamzah (2019) yang menegaskan bahawa faktor keluarga merupakan faktor murid berprestasi rendah tidak minat terhadap pembelajaran. Sebaliknya, Manju yang merupakan pelajar sekolah menengah turut tidak berminat untuk belajar walaupun berasal daripada keluarga miskin dan keluarganya melakukan pengorbanan untuk mencerahkan masa depannya. Menurut Suer (2012 dalam Christina Andin et al. 2019) individu yang tidak berminat terhadap pembelajaran akan rasa terpaksa dan tidak seronok untuk ke sekolah. Hal ini menyumbang kepada masalah seperti ponteng sekolah, ponteng kelas, tidak memberikan tumpuan terhadap pembelajaran di dalam dan di luar bilik darjah.

Sebenarnya, isu tidak berminat untuk belajar ialah suatu hakikat dalam kalangan pelajar Tamil di Malaysia. Kajian Janakey Raman Manickam (2011) menunjukkan bahawa bilangan pelajar India di kelas-kelas di sekolah menengah di kelas-kelas terbaik dan baik adalah sedikit. Menurutnya lagi, banyak pelajar India di sekolah menengah didapati tidak menunjukkan kecenderungan untuk memperoleh pencapaian baik dan tidak mempunyai daya saing. Oleh itu, isu tidak minat untuk belajar yang dipaparkan dalam cerpen *Ilacchiam*, *Vāla ninaittāl vālam* dan *Ariyātanam* ialah suatu realiti dalam masyarakat India di





Malaysia. Justeru, penggunaan teori Sosiologi Sastera Model Pencerminan George Lukas amat sesuai digunakan untuk menganalisis aspek realiti kehidupan yang terpapar dalam kumpulan cerpen *Urimai Pōrāttam*.

4.2.3.2 Kerciciran Persekolahan

Kata kerciciran membawa maksud ketiggalan (Kamus Dewan Edisi Baru, 1993). Kerciciran persekolahan diertikan sebagai keadaan seseorang murid atau pelajar berhenti sekolah sebelum tamat pengajiannya. Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai matlamat tinggi untuk bersaing dengan negara-negara maju di peringkat global. Bagi mencapai hasat ini, negara kita perlulah menyediakan sejumlah bilangan besar tenaga masyarakat yang celik pandai dan berguna. Namun begitu, dalam usaha menyediakan tenaga masyarakat yang celik pandai ini, negara menghadapi rintangan yang hebat dalam sistem pendidikan, iaitu masalah kerciciran. Misalnya, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor merokodkan sebanyak 3,311 pelajar sekolah rendah dan menengah kerciciran persekolahan setakat Mac 2019 (*Berita Harian Online*, 21 Mac 2019). Oleh itu, fenomena kerciciran ini masih merupakan suatu masalah dalam sistem pendidikan negara kita.

Sehubungan ini, cerpenis Kandan turut memaparkan isu kerciciran ini dalam cerpen *Ilacciyam* dan *Ariyātanam*. Dalam cerpen *Ilacciyam*, Ganesan ialah seorang murid sekolah rendah yang lemah dan lembab dalam pelajarannya. Oleh itu, cikgu Muthu yang prihatin terhadap semua muridnya telah memarahi Ganesan yang tidak menunjukkan sebarang kemajuan. Cikgu Muthu mengherdikanya dengan mengatakan bahawa dia tidak perlu datang





lagi ke sekolah sekiranya tidak dapat belajar. Oleh itu, Genesan telah mengumpulkan semua buku lalu meninggalkan kelasnya.

மறுநாள் கணேசன் பள்ளிக்கூடம் வருவது நின்று விட்டது. நாட்கள் வாரமாகி, வாரங்கள் மாதங்களாகி கடந்து விட்டன. கணேசன் வரவில்லை என்ற செய்தி ஆசிரியர் முத்துவுக்கு கவலையை உண்டாக்கியது. விசாரித்ததில் அவனுடைய அப்பா வேறு இடத்திற்குச் சென்று விட்டதால், அவனும் கூடவே போய் விட்டானாம். (அ. கந்தன், 2017, ப. 3)

Pada keesokan hari, Ganesan tidak datang ke sekolah. Hari terus bertukar menjadi minggu, minggu pula menjadi bulan. Cikgu Muthu berasa sedih kerana Ganesan tidak datang ke sekolah lagi. Beliau dapat mengetahui bahawa ayah Ganesan telah berpindah ke tempat lain dan Ganesan turut mengikutinya. (A. Kandan, 2017, ms. 3)



Seterusnya, dalam cerpen *Ariyātanam*, Murali ialah abang kepada Manju. Manju telah sedang belajar dalam tingkatan empat. Keluarga mereka pula dihipit kemiskinan. Oleh itu, Murali berhenti sekolah supaya adik perempuannya dapat menyambung pelajarannya.

குடும்பம் வறுமைச் சூழலில் இருந்தது. அதனால் தங்கை மட்டும் படித்தால் போதுமென்று எண்ணி அவள் அண்ணன் முரளி பள்ளிக்குச் செல்வதை நிறுத்திக் கொண்டான். ஒரு தொழிற்சாலையில் குறைந்த சம்பளத்தில் அவன் வேலைக்குச் சேர்ந்தான். (அ. கந்தன், 2017, ப. 16)





Keluarganya dihipit kemiskinan. Oleh itu, Murali berhenti sekolah agar adiknya Manju dapat meneruskan pelajarannya. Murali telah bekerja di sebuah kilang dengan gaji yang rendah. (A. Kandan, 2017, ms. 16)

Dalam cerpen *Ilacciyam*, Ganesan berhenti bersekolah kerana lemah dalam pelajarannya dan ayahnya juga tidak mengambil berat hal pendidikan anaknya. Sementara itu, Murali keciciran persekolahan disebabkan kemiskinan. Dalam konteks ini, Punithambigai Selvaraju & Keerthiga Periasamy (2019) mendapati bahawa pelajar India menghadapi pelbagai masalah dalam melanjutkan pelajaran mereka. Salah satu masalah tersebut ialah sebilangan pelajar tercicir persekolahan disebabkan kemiskinan. Selain itu, Siti Masayu Rosliah Abdul Rashid & Narimah Samat (2018) turut menegaskan bahawa kemiskinan keluarga merupakan punca utama tercetusnya fenomena keciciran persekolahan.

Oleh itu, isu keciciran persekolahan yang dipaparkan dalam cerpen *Ilacciyam* dan *Ariyātanam* ialah suatu realiti dalam masyarakat India di Malaysia. Justeru, penggunaan teori Sosiologi Sastera Model Pencerminan George Lukas amat sesuai digunakan untuk menganalisis aspek realiti kehidupan yang terpapar dalam kumpulan cerpen *Urimai Pōrāttam*.

4.2.3.3 Sikap Prasangka Ibu bapa India Terhadap Sekolah Tamil

Menurut Leonard Bloomfield (2005), bahasa ibunda ialah bahasa yang dikenali oleh seseorang bermula dari saat dilahirkan atau didedahkan sejak usia krtikalnya. Salinah Jaafar (2015) menjelaskan bahawa bahasa ibunda ialah bahasa yang dituturkan sejak dilahirkan sehinggalah pandai berkata-kata. Dengan kata lain, bahasa ibunda ialah bahasa yang





dipelajari daripada ibu bapa atau orang yang memelihara dan digunakan dalam komunikasi seharian. Secara ringkasnya, bahasa ibunda ialah bahasa pertama yang digunakan oleh seseorang sejak dilahirkan.

Di Malaysia terdapat pelbagai bahasa ibunda seperti bahasa Melayu, bahasa Cina, bahasa Tamil, bahasa Iban, bahasa Kadazan dan bahasa-bahasa daerah yang dituturkan di Sabah dan Sarawak. Dalam sistem pendidikan Malaysia, terdapat pelbagai aliran sekolah rendah yang menjalankan pengajaran dengan menggunakan bahasa ibunda tersebut. Menurut Salinah Jaafar (1985), mutu pencapaian dan penerimaan pelajar yang diajar dengan menggunakan bahasa ibunda adalah lebih baik berbanding dengan pendidikan yang dijalankan dengan menggunakan bahasa lain kerana bahasa ibunda dikatakan mampu mengungkapkan pemikiran, hati nurani, perasaan mahu pun impian sesuatu bangsa itu.

Menurut Ketua Pengarah Pertubuhan Pendidikan, Saintifik, Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO), Irina Bokova (Salinah Jaafar, 2015), secara prinsipnya UNESCO menggalakkan pihak sekolah mengajar dalam bahasa ibunda terutama bagi murid di peringkat sekolah rendah. Oleh itu, para sarjana berpandangan bahawa seseorang itu harus memulakan persekolahannya dalam bahasa ibundanya.

Sehubungan ini, terdapat segolongan dalam masyarakat India yang berpandangan negatif terhadap sekolah Tamil. Oleh itu, cerpenis Kandan turut memaparkan isu ini dalam cerpen *Māriyatu manam* untuk mengkritik sikap golongan itu. Manikam dan isterinya, Malarvili berselisih faham dalam hal pemilihan sekolah untuk anak mereka. Manikam tidak mahu menghantar anaknya ke sekolah Tamil kerana berpandangan bahawa anaknya tiada masa depan sekiranya belajar di sekolah Tamil. Sementara itu, isterinya tetap mahu menghantar anaknya ke sekolah Tamil. Anak mereka, Balan, turut berasa sedih melihat





perselisihan ibu bapanya kerana dia sangat ingin memulakan persekolahannya di sekolah Tamil. Manikam telah secara kebetulan bertemu dengan bekas gurunya, Tamilarasu lalu meluahkan masalahnya.

எனக்கு ஒரு மகன் இருக்கிறான். அவனை அடுத்தாண்டு எந்தப் பள்ளியில் சேர்ப்பதென்று முடிவாகவில்லை. என் மனைவி தமிழ்ப்பள்ளியில்தான் சேர்க்க வேண்டுமென பிடிவாதமாக இருக்கிறாள். நான் வேற்று மொழி பள்ளியில்தான் படிக்க வைக்கலாமென இருக்கிறேன், என்றான் மாணிக்கம். நீயேன் உன் மகனைத் தமிழ்ப்பள்ளிக்கு அனுப்ப தயக்கம் காட்டுறே? உன் மனைவிக்கு இருக்கிற தமிழ்ப்பற்றுகூட உனக்கு இல்லையே! எனக்கு வேதனையா இருக்கு மாணிக்கம், என்றார் ஆசிரியர். இல்லைங்க சார்..தமிழ்ப்பள்ளியில் வசதி குறைவாக உள்ளது. எதிர்காலத்தில் தேசியமொழி, ஆங்கில மொழியில் தேர்ச்சிப் பெற்றால்தான் வேலை வாய்ப்புக்கு தடையாக இருக்காது, என்றான் மாணிக்கம். தமிழ்ப்பள்ளிக்கூடங்கள் அன்றுபோல் இன்றில்லை. ஒரு சில பள்ளிகள் இருக்கலாம். பெரும்பாலான பள்ளிகள் எல்லா வசதிகளையும் கொண்டுள்ளன. தமிழாசிரியர், மருத்துவர், வழக்கறிஞர் பிள்ளைகள்கூட இப்போது தமிழ்ப்பள்ளியில் படிக்கிறார்கள். தமிழ்ப்பள்ளியில் படிக்கும் மாணவர்கள் ஏழு 'ஏ' பெற்று சாதனைப் படைக்கிறார்கள். அறிவியல் துறையில் சிறந்து விளங்குகின்றார்கள். தமிழ்ப்பள்ளியில் தரமான ஆங்கிலம், தேசியமொழிக்கூட கற்றுத்தரப்படுகிறது. சார், என்னை மன்னித்துவிடுங்கள்! என் தவற்றை உணர்ந்து கொண்டேன். என் மகனைத் தமிழ்ப்பள்ளியில்தான் படிக்க வைப்பேன், எனக் கூறினான் மாணிக்கம்.

(அ. கந்தன், 2017, ப.47-49)





Saya ada seorang anak lelaki. Belum membuat keputusan tentang sekolah yang akan hadirinya. Isteri saya berpendirian tegas untuk menghantarnya ke sekolah Tamil. Saya ingin menghatarnya ke sekolah lain, kata Manikam. Kenapa awak segan nak hantar anak awak ke sekolah Tamil? Awak tidak memiliki perasaan cinta terhadap bahasa Tamil sedangkan isteri awak sangat cinta akan bahasa Tamil. Saya berasa sangat sedih, Manikam, kata cikgunya. Bukan cikgu, sekolah Tamil kekurangan kemudahan. Seseorang memerlukan kelulusan dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris untuk memperoleh peluang pekerjaan yang baik, kata Manikam. Sekolah-sekolah Tamil sekarang bukan seperti dahulu. Mungkin ada beberapa sekolah sahaja. Kebanyakan sekolah memiliki segala kemudahan. Anak guru Tamil, doktor dan peguam juga belajar di sekolah Tamil. Pelajar yang menuntut di sekolah Tamil turut mencapai kecemerlangan dengan memperoleh tujuh 'A'. Mereka juga menunjukkan penguasaan cemerlang dalam bidang sains. Bahasa Melayu dan bahasa Inggeris turut diajar dengan baik sekali. Cikgu, maafkan saya! Saya telah menyedari kesilapan saya. Saya akan tetap menghantar anak saya ke sekolah Tamil, kata Manikam. (A. Kandan, 2017, ms. 47-49)

Menurut cerpenis Kandan, terdapat segolongan masyarakat Tamil kurang yakin dan bersikap prasangka terhadap keupayaan sekolah Tamil dalam melahirkan pelajar yang cemerlang. Menurut Rajasekar Maniam (2019), terdapat segelintar ibu bapa Tamil berpandangan bahawa sekolah Tamil tidak menjamin masa depan yang baik. Oleh itu, golongan ini menghantar anak mereka ke sekolah aliran lain. Menurutny lagi, sikap prasangka ini turut menjejaskan kewujudan sekolah Tamil lalu bilangan sekolah telah merosot daripada 888 buah sekolah pada tahun 1957 kepada 524 buah sekolah sahaja pada masa sekarang. Menurut Samikkannu Jabamoney Ishak Samuel (2015), bilangan murid di





sekolah Tamil mengalami kemerosotan kerana ibu bapa India telah memilih menghantar anak mereka ke sekolah kebangsaan dan sekolah Cina. Sehubungan ini, pada tahun 2010, sebilangan 72,698 murid India telah menghadiri sekolah kebangsaan berbanding dengan 27,381 murid Cina dan pada masa yang sama 10,193 murid India menghadiri sekolah Cina (Satu Sekolah Untuk Semua, 2012).

Oleh itu, isu sikap prasangka ibu bapa India terhadap sekolah Tamil yang dipaparkan dalam cerpen *Māriyatu manam* adalah suatu realiti yang wujud dalam masyarakat India di Malaysia. Justeru, penggunaan teori Sosiologi Sastera Model Pencerminan George Lukas amat sesuai digunakan untuk menganalisis aspek realiti kehidupan yang terpapar dalam kumpulan cerpen *Urimai Pōrāttam*.



4.2.3.4 Kemudahan Prasarana Pendidikan di Sekolah Tamil Kurang Diberi Perhatian

Menurut Kamus Dewan Edisi Baru (1993), prasarana bermaksud keseluruhan kemudahan dan perkhidmatan asas bagi tujuan kemajuan dan pembangunan, manakala pendidikan pula bermaksud perihal mendidik yang melibatkan pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, prasarana pendidikan diertikan sebagai kemudahan dan perkhidmatan asas yang diperlukan untuk menjalankan pengajaran dan pembelajaran secara berkesan. Dalam konteks ini, mengikut Akta Pendidikan pula, sekolah ditakrifkan sebagai tempat sebanyak sepuluh ataupun lebih murid yang biasanya diajar sama ada di dalam sebuah atau lebih bilik darjah untuk melakukan pengajaran dan pembelajaran.





Dalam pada itu, kemudahan prasarana di sesebuah merangkumi aspek kemudahan fizikal dan persekitaran. Kemudahan fizikal asas ialah bangunan dan peralatan, struktur, dan kawasan dan ruang khas yang didirikan untuk menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran. Sementara itu, persekitaran pembelajaran membawa maksud keadaan sekeliling di dalam dan di luar sekolah yang wujud ketika proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Persekitaran pembelajaran di sekolah berupaya mengubah cara pelajar belajar. Persekitaran yang kondusif dikatakan dapat melahirkan suasana yang seronok untuk belajar serta meningkatkan prestasi pelajar (Siti Nurhafizah Annuar, 2014).

Sehubungan ini, kemudahan prasarana pendidikan diertikan sebagai bangunan sekolah, bilik darjah yang mencukupi, pelbagai perabot termasuk kerusi, meja, papan putih, bilik-bilik khas, makmal, pusat sumber, kantin, dewan, tandas, kipas angin, bekalan air, pejabat sekolah, pusat sumber, kemudahan sukan dan sebagainya. Manakala, persekitaran pula merujuk kepada keadaan kondusif, ceria dan bebas daripada bunyi bising di dalam dan di luar sekolah. Namun, cerpenis Kandan menerusi cerpen *Arpanippukku tandanayā*, *Māriyatu manam* dan *Tiruvilā* pula membawa gambaran tentang kemudahan prasarana yang kurang memuaskan di sekolah Tamil.

Dalam cerpen *Arpanippukku Tandanayā*, Saravanan yang baru menamatkan latihan perguruan telah ditempatkan di sebuah sekolah Tamil yang terletak di sebuah ladang. Cerpenis Kandan memperihalkan keadaan sekolah itu menerusi cikgu Saravanan.





அலுவலக அறையும் தலைமையாசிரியர் அறையும் ஒரு தடுப்பின் மூலம் தனித் தனி கதவுடன் இருந்தன. அப்பள்ளி மூன்று வகுப்பறைகளைக் கொண்டிருந்தது. ஒவ்வொரு அறையிலும் இரண்டிரண்டு வகுப்புகள் இருந்தன. பக்கத்து அறையில் ஆசிரியர் பாடம் நடத்தும் சத்தம் மற்ற வகுப்பறை ஆசிரியர்களுக்கும் இடையூறாக இருந்தது. அந்தப் பள்ளிக்கூடம் 50 ஆண்டுகளுக்கு முன் ஆங்கிலேயரால் கட்டப்பட்டது. குடிநீர், மலக்கூட வசதிகள் எல்லாம் கிடையாது. பள்ளிக்கு அருகாமையில் இருக்கும் கொப்பரைக் கொட்டகையிலிருந்து எழும் சத்தம் ஆசிரியர்களுக்கு மேலும் இடையூறாகவே இருக்கும். இந்த இரைச்சலையும் பொருட்படுத்தாமல் சமாளித்துக்கொண்டுதான் ஆசிரியர்கள் பாடம் நடத்த வேண்டும்.....நம்முடைய பள்ளிக்கூடம் 20 ஆண்டுகாலமாக இடப்பற்றாக்குறையை எதிர்நோக்குகிறது, என்றார் சரவணன். (அ. கந்தன், 2017,

ப. 115 & 119)



Bilik pejabat dan guru besar dipisahkan oleh pembahagi dan mempunyai pintu masing-masing. Sekolah itu mempunyai tiga buah bilik darjah. Di dalam setiap bilik ditempatkan dua kelas. Pengjaran guru di sebelah kelas mengganggu pengajaran guru-guru lain. Sekolah itu telah dibina oleh pihak Inggeris 50 tahun dahulu. Tiada kemudahan tandas dan bekalan air. Bunyi bising dari kilang kopra (kelapa kering) turut mengganggu guru-guru. Guru-guru terpaksa menjalankan pengajaran tanpa mempedulikan bunyi bising itu....Sekolah ini menghadapi masalah kekurangan bilik darjah sejak 20 tahun lagi, kata Saravanan. (A. Kandan, 2017, ms. 115 & 119)





Paparan cerpenis jelas menunjukkan bahawa sekolah itu menghadapi pelbagai kekurangan kemudahan prasarana, di samping wujud persekitaran di dalam dan di luar sekolah yang tidak kondusif untuk menjalankan pengajaran dan pembelajaran.

Seterusnya, sekolah Tamil yang dipapar dalam cerpen *Māriyatu manam* turut menghadapi masalah prasarana fizikal. Sekolah itu digambarkan terletak di ladang Holyrood menghadapi serba kekurangan.

அந்தப் பள்ளிக்கூடம் வசதி குறைவானது; மூன்று வகுப்பறைகளைக் கொண்டது.

(அ. கந்தன், 2017, ப. 46)

Sekolah itu kurang kemudahan. Ada tiga bilik dajah. (A. Kandan, 2017, ms. 46).



Selain itu, cerpenis Kandan dalam cerpen *Tiruvila* turut menggambarkan keadaan usang sekolah Tamil yang terletak di sebuah ladang. Penghuni di ladang itu bersaing untuk menganjurkan perayaan tahunan kuil di ladang itu tetapi tidak mengambil peduli akan keadaan usang sekolah di ladang itu.

...கரையான் அரித்து விட்ட தமிழ்ப்பள்ளிக்கூடம் இவர்கள் நினைவுக்கு வருவதில்லை. (அ. கந்தன், 2017, ப.81)

Mereka tidak memikirkan tentang sekolah Tamil yang dimakan anai-anai. (A. Kandan, 2017, ms.81)





Ketiga-tiga cerpen membawa gambaran bahawa sekolah Tamil menghadapi serba kekurangan kemudahan prasarana. Sekolah-sekolah itu dikatakan kecil dan tidak mencukupi bilik darjah. Oleh itu, sekolah itu menghadapi keadaan sesak yang mencetuskan persekitaran yang penuh bunyi bising yang turut mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran. Di samping itu, persekitaran di luar sekolah juga menjejaskan suasana pengajaran dan pembelajaran.

Sebenarnya, gambaran cerpenis ialah suatu hakikat yang dihadapi oleh sekolah Tamil. Menurut Janakey Raman Manickam (2011), sekolah Tamil memang menghadapi masalah kemudahan prasarana yang serius kerana pihak kerajaan kurang menghulurkan bantuan untuk meningkatkan kemudahan prasarana di semua sekolah Tamil. Menurutnya, pada tahun 2007 terdapat sebanyak 523 buah sekolah Tamil yang dihadiri oleh seramai 105,618 orang murid. Walaupun bilangan sekolah Tamil telah menurun, namun bilangan murid di sekolah Tamil semakin meningkat. Dalam pada itu, hanya 150 buah sekolah sahaja mendapat bantuan penuh kerajaan pusat, sementara itu baki 373 buah sekolah ialah sekolah bantuan modal. Sekolah bantuan modal ini terpaksa mengharungi pelbagai kekurangan kemudahan prasarana seperti masalah bilik darjah, bangunan usang, dan ketiadaan kemudahan asas seperti air dan elektrik. Oleh itu, isu kemudahan prasarana pendidikan di sekolah Tamil kurang diberi perhatian yang dipaparkan dalam cerpen adalah suatu realiti dalam masyarakat India di Malaysia. Justeru, penggunaan teori Sosiologi Sastera Model Pencerminan George Lukas amat sesuai digunakan untuk menganalisis aspek realiti kehidupan yang terpapar dalam kumpulan cerpen *Urimai Pōrāttam*.





4.2.3.5 Pelajar Cemerlang India Tidak Dapat Melanjutkan Pelajaran ke Universiti Awam

Pendidikan universiti ialah impian dan cita-cita setiap pelajar, terutama pelajar yang cemerlang kerana dapat merealisasikan keinginannya (passion). Kebanyakan orang semakin tinggi ilmu pengetahuan, semakin besar kemungkinan mencapai keinginan sebenar dalam hidupnya. Melalui proses pendidikan universiti, seseorang dapat meneroka pelbagai aspek bidang prospektif dan mengetahui kelebihan dirinya.

Menurut Lord David Willets (*New StraitsTimes*, 15.2.2018) , pendidikan universiti tetap memainkan peranan berterusan di seluruh dunia. Universiti ialah salah satu institusi agung dalam masyarakat moden dan tempat seseorang menimba transformasi pengalaman. Pendidikan universiti pendidikan diperlukan kerana pasaran pekerjaan adalah sangat kompetitif dan siswazah yang mahir mendapat permintaan tinggi (*New StraitsTimes*, 15.2.2018).

Selain itu, ijazah universiti diperlukan untuk pelbagai kerjaya seperti perubatan, pendidikan, kejuruteraan, perakaunan dan undang-undang. Di samping itu, pendidikan universiti akan membantu seseorang berjaya dalam bidang pekerjaan sekarang dan mewujudkan kerjaya yang menyeronokkan mengikut pilihan seseorang itu serta dapat meningkatkan prospek kehidupan seseorang. Seterusnya, kelulusan universiti membolehkan seseorang memperoleh kelayakan profesional yang diiktiraf dan dihormati di seluruh dunia, selain ditawarkan gaji yang lebih tinggi dan menjamin kestabilan kewangan yang lebih tinggi. Akhir sekali, seseorang kelulusan universiti diberi pilihan untuk mempercepat kerjaya dengan pengajian siswazah (Monash University Portal. 2020).





Sehubungan ini, walaupun terdapat sebanyak 20 buah universiti awam (IPTA) dan 10 buah institut kemahiran awam di Malaysia sehingga Oktober 2020, (Portal Kementerian Pelajaran Malaysia, 2020), namun terdengar rungutan pelajar dan masyarakat India bahawa peluang untuk memperoleh tempat di IPTA adalah sangat tipis serta bilangan tempat yang ditawarkan untuk pelajar India semakin menurun walaupun mendapat keputusan 4A dalam STPM atau matrikulasi (Janakey Raman Manickam, 2011).

Cerpenis Kandan turut memparkan isu ini dalam cerpen *Urimai pōrāttam*. Dalam cerpen ini, menantu perempuan Arumugam mengadu bahawa masyarakat India yang menjadi warganegara Malaysia tidak mendapat peluang melanjutkan pelajaran di IPTA Malaysia.



இப்போ பாருங்க, நல்லா படித்திருந்தாலும்கூட பல்கலைக்கழகத்திற்குச் செல்ல முடியவில்லை, என்று ஆதங்கப்பட்டார் ஆறுமுகத்தின் மருமகள் சுபத்திரா.
(அ.கந்தன், 2017, ப. 86)

Lihat di sini. Walaupun mendapat keputusan baik, tidak dapat peluang untuk masuki universiti. luahkan perasaan kecewanya anak menantu perempuan, Subathira. (A. Kandan, 2017, ms. 86)

Isu yang dipaparkan cerpenis Kandan ialah suatu hakikat yang terpaksa dihadapi oleh masyarakat India. Menurut Norazlinda Saad (2005), sebelum sesi 2002/2003, pengambilan pelajar telah dilakukan mengikut sistem kuota. Di bawah sistem kuota ini, kaum bumiputera mendapat 55%, Cina 35% dan kaum India mendapat 10% tempat di universiti awam. Mulai sesi 2002/2003, sistem meritokrasi dilaksanakan, namun peratus tempat yang diperoleh oleh



pelajar India semakin menurun kepada 5.9% pada tahun 2004. Selain itu, bilangan dan peratus pengambilan pelajar India untuk kursus profesional seperti perubatan, pergigian, farmasi, kejuruteraan, undang-undang dan perakauan adalah dalam lingkungan tiga peratus sahaja

Jadual 4.12

Pengambilan Pelajar ke Kursus Profesional Mengikut Kaum, Sesi 2004-2005

Bidang	Kaum (Peratus dan Bilangan)		
	Bumiputera	Cina	India
Perubatan	56.4 (439)	38.1 (297)	7.9 (43)
Pergigian	58.9 (123)	37.8 (79)	3.3 (7)
Farmasi	33.0 (89)	64.4 (174)	2.6 (7)
Kejuruteraan Elektronik	72.8 (1113)	23.3 (3570)	3.9 (60)
Kejuruteraan Kimia	63.4 (489)	33.5 (259)	3.1 (24)
Undang-undang	19.6 (47)	60.4 (145)	20 (48)
Perakaunan	57.5 (845)	39.0 (573)	3.51 (51)

Sumber: Norazlinda Saad, 2005.

Berdasarkan perbincangan dan Jadual 4.12 adalah jelas bahawa jumlah pengambilan dan pengambilan pelajar India ke bidang-bidang professional telah merosot secara mendadak sejak tahun 2002. Dalam konteks ini, data terkini tidak dapat diperoleh kerana pihak berkuasa tidak membekalkan maklumat ini mengikut kaum lagi. Perkara ini turut diakui oleh Janakey Raman Manickam (2011). Oleh itu, isu pelajar cemerlang India tidak dapat melanjutkan pelajaran ke universiti awam yang dipaparkan dalam cerpen *Urimai*



pōrāttam ialah suatu realiti dalam masyarakat India di Malaysia. Justeru, penggunaan teori Sosiologi Sastera Model Pencerminkan George Lukas amat sesuai digunakan untuk menganalisis aspek realiti kehidupan yang terpapar dalam kumpulan cerpen *Urimai Pōrāttam*.

4.2.3.6 Masyarakat India Kurang Memupuk Amalan Membaca

Membaca membawa maksud tindakan memerhatikan dan mengucapkan sesuatu yang tertulis atau tercetak dengan teliti dan memahami makna kandungannya (Kamus Dewan Edisi Baru, 1993). Sementara itu, *Cambridge English Online Dictionary* (2020) mendefinisikan membaca sebagai kemahiran atau aktiviti untuk mendapatkan maklumat daripada buku.

Manakala, Leipzig, D. H. (2001) menjelaskan membaca ialah satu proses yang melibatkan pelbagai aspek seperti pengecaman kata, kefahaman, kefasihan dan motivasi. Sebenarnya, aktiviti membaca bukan sekadar membaca dan melafazkan sesuatu tercetak, bahkan melibatkan pelbagai aspek seperti kefahaman, memperoleh maklumat dan mencetuskan motivasi.

Amalan membaca ini memang mendatangkan pelbagai manfaat kepada seseorang pembaca. Amalan membaca dikatakan dapat merangsangkan minda, mengurangkan stres, meningkatkan ilmu pengetahuan, mengembangkan perbendaharaan kata, membawa pertumbuhan daya ingatan, kemahiran berfikir secara analisis menjadi kukuh, meningkatkan daya fokus dan tumpuan, kemahiran menulis menjadi lebih baik, berasa aman dan damai, merupakan suatu bentuk hiburan yang percuma dan membina personaliti seseorang pembaca (Catherine Winter, 2020). Oleh itu, ada orang mengatakan *books are your best friends*.





Membaca ialah suatu amalan yang dilakukan sepanjang hayat tanpa mengira umur dan jantina. Namun, amalan ini lebih dikaitkan dengan golongan pelajar dan sebahagian besar masyarakat umum di Malaysia kurang memupuk amalan ini. Kajian Perpustakaan Negara Malaysia (Persatuan Pustakawan Malaysia, 2020) menunjukkan bahawa pada tahun 2005, rakyat Malaysia hanya membaca sebanyak dua naskah buku sahaja setahun dan pada tahun 2014, bilangan ini meningkat kepada 15 naskah. Namun demikian, rakyat di negara maju pula membaca sebanyak 40 buku setahun. Keadaan ini menunjukkan bahawa rakyat Malaysia kurang membaca. Sehubungan ini, cerpenis Kandan turut mengadu bahawa masyarakat Tamil juga kurang membaca.

Cerpenis Kandan turut memaparkan isu ini dalam cerpen *Nūl veliyāddu vilā* dan *NūlnNilayam pōgalam vāngga*. Dalam cerpen *Nūl veliyāddu vilā*, Kandavel ialah seorang penulis Tamil humanis dan terkenal. Kandavel telah menggadaikan barang kemas isterinya untuk menanggung kos percetakan buku-bukunya. Namun, Kandavel mendapati bahawa masyarakat Tamil kurang memberi sambutan terhadap bukunya kerana kurang membaca. Cerpenis Kandan turut menggambarkan luahan perasaan Kandavel.

நான் சந்தித்த மக்களிடமிருந்து தெரிந்த கொண்டது என்னவென்றால் முதலில் தமிழ் படிக்கத் தெரியாது என்பதும், படிக்க நேரமில்லை என்பதும், இதைப் படித்து என்ன செய்யப் போகிறோம், என்பதுமாக உள்ளது. தமிழாசிரியர்களிடமிருந்து விற்கப் போனால் படிக்க நேரமில்லை, வேண்டாம் என்கிறார்கள். அரசியல் தலைவர்களிடம் போனால் முகம் சுளிக்கிறார்கள்; வேண்டாம் என்றார்கள், என்று கந்தவேல் தன் அனுபவத்தைக் கூறியதைக் கேட்டு நண்பர்கள் திகைத்தார்கள். (அ. கந்தன், 2017, ப. 102)





Saya telah dapat mengetahui banyak perkara daripada orang saya temui. Mereka mengatakan bahawa tidak tahu Tamil, tiada masa untuk membaca dan tidak akan memperoleh apa-apa dengan membaca buku. Guru-guru Tamil pula mengatakan tiada masa untuk membaca lalu tidak mahu membelinya. Manakala, ahli politik pula memperlihatkan muka masam, tidak mahu membelinya. Kawan-kawan Kandavel terkejut mendengar pengalamannya itu. (A. Kandan, 2017, ms.102)

Akhirnya, Kandavel terpaksa bekerja sambil sebagai pembantu tukang jahit untuk menebus barang kemas yang digadaikannya. Pengalaman Kandavel menunjukkan bahawa masyarakat Tamil di sekelilingnya kurang mengamalkan amalan membaca lalu tidak mahu membeli buku.

Sementara itu, dalam cerpen *Nūl nilayam Pōgalam Vāṅga*, cerpenis turut memaparkan sikap dingin masyarakat Tamil terhadap amalan membaca buku. Manirasu mengajak kawannya Kumaran ke kempen membaca. Pada awalnya, Kumaran tidak mahu menghadiri kempen itu kerana tiada masa untuk membaca sedangkan tidak cukup masa untuk menonton filem. Namun, atas galakan isterinya, Kumaran bersetuju untuk turut mengikuti Manirasu ke kempen membaca itu. Manirasu dan Kumaran turut memperihalkan sikap masyarakat yang tidak mengamalkan amalan membaca.





மலாய், சீன புத்தகங்களோடு நமது உள்நாட்டு எழுத்தாளர்கள் எழுதிய 10,000 புத்தகங்களை ஆசிரியர் கணேசன் வாங்கிக் கொடுத்துள்ளார். அவற்றை நாம் படிக்கவில்லை என்றால் சீனர், மலாய்க்காரர்களாகப் படிப்பார்கள், என்று அழாதக் குறையாகக் கூறினார் குமரன். மணியரசு, அந்த நூல் நிலையத்தை அவ்வட்டார மக்கள் எத்தனையோ முறை பாத்திருப்பார்கள். பொது நூல் நிலையம் என்று தேசிய மொழியில் வாசலில் விளம்பரப் பலகைக்கூட வைத்திருப்பார்கள். ஆனால், நூல் நிலையத்துக்குள் நம்மவர்கள் போயிருக்கமாட்டார்கள். குமரா! இப்போதெல்லாம் மக்களின் கவனம் கைப்பேசி, கணினி, இணையம் போன்றவையே உலகம் என்று மதிமயங்கிப் போயிருக்கிறார்கள். வாசிப்பது சுவாசிப்பதைப் போன்றது என்பதை மறந்து விட்டார்கள், என்றார் மணியரசு கிண்டலாக. (அ. கந்தன், 2017, ப. 149 & 151)



Cikgu Ganesan telah menyumbang sebanyak 10,000 buku termasuk hasil karya penulis tempatan kita di samping dalam bahasa Cina dan Melayu. Sekiranya kita tidak membaca, tak akan orang Cina dan Melayu membaca buku kita, kata Kumaran dengan sedih. Manirasu, orang di kawasan ini pernah banyak kali melihat perpustakaan ini. Terdapat juga papan iklan dalam bahasa Melayu menyatakan bahawa bangunan itu ialah perpustakaan awam. Namun, orang kita tidak akan masuk ke perpustakaan itu. Kumara! Tumpuan masyarakat sekarang adalah berkisar terhadap telefon pintar, komputer dan Internet yang dianggap sebagai dunia nyata. Mereka sudah terlupa bahawa membaca adalah sama seperti bernafas, menyindir pula Maniarasu. (A. Kandan, 2017, ms.149 & 151).





Hasil perbualan Kumaran dan Maniarasu turut menunjukkan bahawa masyarakat Tamil tidak membaca. Kedua-dua cerpen paparan Kandan menunjukkan bahawa masyarakat Tamil kurang mengamalkan amalan membaca.

Sehubungan ini, bekas Menteri Pelajaran Malaysia, Maszlee Malik (Persatuan Pustakawan Malaysia, 2020) pernah menyatakan bahawa rakyat Malaysia kurang membaca. Sempena pelancaran kempen ‘Menuju Negara Membaca 2030: Dekad Membaca Kebangsaan’ menyatakan bahawa mengikut statistik *NOP World Culture Score Index*, India merupakan negara yang paling banyak menghabiskan masa dengan membaca, selama 8-9 jam seminggu. Perakara yang mengecewakan ialah Malaysia tidak termasuk dalam senarai tersebut kerana budaya membaca di Malaysia tidak melebihi tiga jam seminggu (Astro Awani, 2020). Dalam konteks ini, pernyataan tersebut turut merangkumi masyarakat Tamil di Malaysia, iaitu kurang membaca. Oleh itu, isu masyarakat India kurang memupuk amalan membaca yang dipaparkan dalam cerpen *Nūl veliyīddu vilā* dan *Nūl nilayam pōgalam vāṅga* adalah suatu realiti dalam masyarakat India di Malaysia. Justeru, penggunaan teori Sosiologi Sastera Model Pencerminkan George Lukas amat sesuai digunakan untuk menganalisis aspek realiti kehidupan yang terpapar dalam kumpulan cerpen *Urimai Pōrāttam*.

4.2.4 Isu Keagamaan Dalam Kumpulan Cerpen *Urimai Pōrāttam*.

Kata keagamaan membawa maksud hal-hal berkaitan dengan agama. Mengikut Kamus Dewan Edisi Baru (1993), agama ialah kepercayaan kepada Tuhan dan sifat-sifat, kekuasaan serta penerimaan ajaran dan perintah-Nya, iaitu kepercayaan kepada Tuhan yang Maha





Kuasa atau Esa. Selain itu, maksud agama juga merangkumi kepercayaan pada sesuatu dewa dan sebagainya yang dipuja dan dianggap sebagai sesuatu yang amat berkuasa. Manakala, mengikut *Cambridge English Online Dictionary* (2020), agama ialah kepercayaan dan penyembahan kepada Tuhan atau Tuhan-tuhan, atau apa-apa sistem kepercayaan dan ibadat. Secara ringkas, agama ialah kepercayaan kepada Tuhan yang Maha Kuasa, atau sesuatu kuasa ghaib dan sakti atau dewa, dan juga amalan dan institusi yang berkaitan dengan kepercayaan tersebut. Oleh itu, agama dan kepercayaan ialah dua perkara yang saling berkait. Namun, agama mempunyai makna yang luas, yakni merujuk kepada satu sistem kepercayaan yang berkisar pada Tuhan yang Maha Kuasa atau Esa (*Supreme Being*), manakala kepercayaan pula merujuk kepada penyembahan pada sesuatu kuasa ghaib dan sakti atau dewa-dewa. Agama Hindu ialah gabungan kedua-dua aspek, iaitu agama dan kepercayaan (Ghanhi, M. K., 1996).



Mengikut Bodhinathan Veylanswami (2009), dalam agama Hindu terdapat empat mazhab atau tradisi seperti Saivism, Vaishnavism, Shaktism dan Smartism. 'Saivism' ialah kepercayaan kepada Tuhan Siva sebagai Maha Kuasa. 'Shaktism' ialah kepercayaan kepada Dewi Shakti sebagai Ibu Yang Maha Kuasa (*Divine Mother*). 'Vaishnavism' ialah kepercayaan kepada Tuhan Visnu sebagai Maha Kuasa dan 'Smartism' pula merujuk kepada kepercayaan kepada pelbagai Tuhan. Sehubungan ini, sebahagian besar masyarakat Tamil yang beragama Hindu di Malaysia adalah mengikuti Saivism dan Smartism, iaitu menerima Siva sebagai Tuhan yang Maha Kuasa di samping memuja Ganesha, Murugan, Shakti, Suria (Cahaya) dan dewa-dewi yang dipuja turun-temurun. Dalam kumpulan cerpen *Urimai pōrāttam*, pengkaji dapat mengesan sebanyak empat isu berkaitan dengan agama yang dipaparkan oleh cerpenis Kandan. Isu-isu keagamaan tersebut tersenarai dalam Jadual 4.13.



Jadual 4.13

Isu Keagamaan dalam Kumpulan Cerpen Urimai Pōrāttam

Bil	Isu	Cerpen	Halaman
1	Masyarakat tertipu dalam hal keagamaan	<i>Oru Pen Ninaittāl</i>	53
2	Kepercayaan kolot	<i>Nilaiyillāta Kadavul</i>	61
3	Membina kuil secara haram di tanah milik orang lain	<i>Tiruvilā</i>	80
3	Penggunaan bahasa Sanskrit dalam upacara keagamaan di kuil	<i>Tiruvilā</i>	82

4.2.4.1 Masyarakat Tertipu dalam Hal Keagamaan

Agama ialah hak asasi setiap manusia, terutama rakyat Malaysia (Perlembagaan Persekutuan, 1995). Para ahli fungsionalis melihat agama mempunyai fungsi peribadi kepada penganutnya kerana agama memberi darjat jaminan yang mentenramkan. Agama menimbulkan keberanian kepada manusia ketika dicengkam ketakutan, memberikan kegigihan dalam kesukaran, kekuatan pada saat-saat manusia berada dalam keadaan lemah dan meringankan beban jiwa dalam menghadapi kekecewaan. Agama memberi harga diri dalam menelan kekalahan, kerendahan hati apabila sedang berjaya dan juga kepekaan hati nurani. Sememangnya, peranan agama dalam kehidupan sosial adalah sebagai asas moral, kesenian, kebudayaan, kesusasteraan dan kewujudan tamadun bagi sesuatu bangsa dan masyarakat. Oleh itu, institusi dan pertubuhan agama serta golongan menyebarkan agama memelihara kesejahteraan, keselamatan, persaudaraan dan perpaduan para penganutnya (Mulyadi, 2016). Namun, terdapat golongan tertentu menyalahgunakan agama untuk



kepentingan diri sendiri (MyHealth, 2021). Cerpenis Kandan turut memaparkan isu ini dalam cerpennya.

Dalam cerpen *Oru pen ninaittāl*, Kandan melakarkan segolongan yang mudah tertipu oleh golongan pengamal agama yang tidak tulen dan bersifat mementingkan diri sendiri. Watak Kantharuban kurang percaya akan amalan dan upacara keagamaan yang tidak benar dan tidak menfaatkan sesiapa. Namun, dia bukan seorang ateis. Dia tidak suka akan hal kepura-puraan dalam agama, tetapi tidak menentang kewujudan kuil. Dia tidak mahu kuil disalah gunakan oleh golongan berniat jahat dalam hal keagamaan.

சாமியின் பெயரைச் சொல்லி ஏமாந்து போகும் மக்கள் ஒரு பக்கம். சாமியின் பெயரைச் சொல்லி ஏமாற்றும் போலிச் சாமிகள் கூட்டம் மறுபக்கம். இவற்றை எல்லாம் ஆண்டவன் பார்த்துக் கொண்டிருக்கின்றானே என்பதுதான் அவன் மனதுக்குள் இருக்கும் ஆதங்கம். (அ. கந்தன், 2017, ப. 53)

Terdapat golongan masyarakat tertipu atas nama Tuhan. Terdapat juga pengamal agama yang tidak jujur menipu masyarakat atas nama Tuhan. Dia berasa agak kurang senang hati kerana Tuhan membenarkan segala kejahatan dan penipuan ini. (A. Kandan, 2017, ms. 53)

Sehubungan ini, mengikut Malaysia Hindu Sangam (2020) bahawa terdapat segolongan sami Hindu yang mendakwa dapat menyelesaikan masalah seperti kewangan, menghalang suami daripada mengadakan hubungan sulit dengan wanita lain, keputusan SPM, hal perkahwinan dan perceraian dan penyakit. Malaysia Hindu Sangam (2020) turut memberi amaran kepada penganut agama Hindu supaya membezakan sami yang benar





daripada penipu atau tidak jujur ekoran daripada pelbagai aduan mengenai aktiviti sami-sami tertentu yang tidak jujur. Menurut Hindu Sangam, seseorang guru atau sami Hindu adalah benar-benar mengenali kitab suci, tidak berdosa, dan tiada motif tersembunyi dan tidak mementingkan diri sendiri seperti wang, nama dan kemasyhuran.

Dalam pada itu, Munirah Abd Razza, Khadher Ahmad dan Nik Mohd. Zaim Ab Rahim (2018), turut mendakwa bahawa terdapat badan pengubatan Islam turut menyalahgunakan ayat al-Quran sebagai medium untuk melariskan jualan perkhidmatan dan produk untuk kepentingan peribadi. Nampaknya, perbuatan menyalahgunakan agama untuk kepentingan diri sendiri merupakan suatu tindakan bersifat sejagat. Oleh itu, dakwaan Kandan dalam cerpen *Oru pen ninaittāl* bahawa masyarakat Hindu mudah tertipu oleh segolongan sami Hindu adalah benar dan merupakan suatu realiti dalam masyarakat India di Malaysia. Justeru, penggunaan teori Sosiologi Sastera Model Pencerminkan George Lukas amat sesuai digunakan untuk menganalisis aspek realiti kehidupan yang terpapar dalam kumpulan cerpen *Urimai Pōrāttam*.

4.2.4.2 Kepercayaan Kolot

Kepercayaan kolot membawa maksud anggapan atau keyakinan bahawa benar-benar ada sesuatu kuasa ghaib (Kamus Dewan Edisi Baru, 1993). Kepercayaan kolot ini adakaitan dengan konsep animatisme. Gary Ferraro (2008), berpendapat bahawa masyarakat daripada budaya tertentu mempercayai manusia, binatang, tumbuh-tumbuhan, dan benda mati dikurniakan kekuatan tertentu yang bersifat impersonal dan supranatural. Menurutnya, *mana* ialah sebarang kekuatan animatistik pekat yang terdapat dalam mana-mana objek-objek ini





yang memberikan kekuatan dan kejayaan. Sebenarnya, animatisme ialah kepercayaan kepada kuasa ajaib yang ada pada benda yang tiada nyawa atau benda-benda pepejal. Konsep ini juga melibatkan pembicaraan tentang kepercayaan bahawa semua benda diselitkan kekuatan yang memberikan kepribadian tertentu, tetapi bukan jiwa seperti animisme. Secara ringkasnya, mengikut agama dan kepercayaan sekumpulan masyarakat tertentu setiap benda dan makhluk dianggap mempunyai *mana* (semangat), iaitu kuasa ajaib yang boleh mempengaruhi kehidupan seseorang.

Kepercayaan kolot ini adalah meluas dalam kalangan masyarakat kecil di seluruh dunia. Seseengah orang mempercayai bahawa artifak lama, benda- benda pusaka, senjata, gamelan, lambang kerajaan, tangkal, azimat dan batu-batu permata mempunyai kuasa ajaib ini (Maiza Haji Aji, Awang Azman Awang Pawi & Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali). Dalam konteks ini, cerpenis Kandan turut memaparkan kepercayaan kolot segelintir masyarakat Tamil yang mempercayai kepada kuasa ajaib yang ada pada batu permata. Dalam cerpen *Nilaiyillāta kadavul*, Velaiyan bekerja di sebuah syarikat swasta. Walaupun sudah bekerja begitu lama, namun dia tidak diberikan kenaikan pangkat. Pekerja-pekerja yang dilantik kemudian, sudah pun menerima kenaikan jawatan dan gaji. Dia tidak pasti sama ada hal ini berlaku disebabkan takdir atau perbuatan khianat. Walaun bekerja dengan ikhlas dan jujur, namun dia masih belum mengecapi sebarang kemajuan. Seorang rakan sekerja yang memahami keadaan dirinya telah memberi satu cadangan.

வேலய்யா, நீ காளிதேவி படத்தை வைத்து வழிபாடு செய்து வருகிறாய். காளிதேவி ஆங்காரம் படைத்தது. வரம் கொடுக்காது. திருமுருகன் படத்தை வீட்டில் மாட்டி பிரார்த்தனை செய்துவா. அதிர்ஷ்டக் கல் பதித்த மோதிரத்தை அணிந்துகொள். உனக்குப் பதவி உயர்வு கிடைக்கும், என்றார். (அ. கந்தன், 2017, ப.61)



Velaiya, awak memuja Dewi Kali. Dewi Kali bersifat agresif. Tak melimpahkan kurnia. Cuba memuja Tuhan Murugan. Pakaialah cincin yang ditatahkan batu permata yang membawa nasib baik. Kamu akan dapat kenaikan pangkat, katanya. (A. Kandan, 2017, ms.61).

Velaiyan pun mula memuja pada Tuhan Murugan, tetapi tidak memakai cincin yang dicadangkan oleh kawannya. Secara kebetulan Velaiyan telah menerima kenaikan pangkat selepas dua bulan. Kalau dianalisis secara kritikal, Velaiyan tidak menerima sebarang kenaikan pangkat begitu lama mungkin disebabkan sikap dan kecekapannya tidak memuaskan pihak pengurusan sedangkan orang yang dilantik kemudian telah diberi kenaikan pangkat. Di sini jelas, bahawa cincin permata tidak membawa tuah kepadanya kerana Velaiyan tidak memakai cincin yang dicadangkan oleh kawannya dan hanya mengubah corak pemujaannya. Oleh itu, kritikan Kandan dalam cerpen *Nilaiyillāta kadavul* bahawa terdapat anggota masyarakat Hindu yang mengamalkan kepercayaan kolot seperti memakai batu permata yang bertuah merupakan suatu realiti dalam masyarakat India di Malaysia. Justeru, penggunaan teori Sosiologi Sastera Model Pencerminkan George Lukas amat sesuai digunakan untuk menganalisis aspek realiti kehidupan yang terpapar dalam kumpulan cerpen *Urimai Pōrāttam*.

4.2.4.3 Membina Kuil Secara Haram di Tanah Milik Orang Lain

Kuil ialah tempat ibadat yang paling istimewa, unggul dan suci kepada penganut agama Hindu. Kuil Hindu ialah rumah simbolik, tempat terhimpun kuasa ketuhanan dan badan ketuhanan bagi umat Hindu. Struktur kuil dirancang untuk menyatukan roh manusia dengan



Tuhan yang Maha Kuasa Kramrisch, Stella dan Burnier, Raymond, 1976). Menurut Jegannathan Ramachanthiram (2002), sebuah kuil ialah tempat terhimpun tenaga kosmik. *Vimana* (menara yang dibina di atas bumbung kuil pada bahagian pertengahan) dikatakan mampu menyerap tenaga kosmik lalu dapat mengubahnya menjadi tenaga elektromagnet yang dapat mengimbangkan gelombang *biorhythm* seseorang penganut yang menjalankan ibadat di kuil. Gelombang *biorhythm* yang dialami oleh seseorang penganut itu membolehkannya mengalami kesedaran kosmik (*cosmic consciousness*) yang merupakan sifat-sifat ketuhanan. Oleh itu, apabila pembinaan sesebuah kuil dirancang, lokasi dan bangunan temple mesti mematuhi *ākamam* (அகம்மம்) (sejenis kitab yang menerangkan aspek doktrin agama, seni bina kuil, cara menjalankan ibadat dan mantra-mantra (Tamil Virtual Academy, 2017)).



Mengikut *ākamam* Hindu, tanah untuk sesebuah kuil haruslah tanah yang belum diterokai dan diperoleh secara sah, biasanya disumbangkan oleh penaung yang kaya. Tanah itu mesti menghadap ke Utara atau Timur. Tanah itu mestilah subur, mempunyai sistem saliran air yang baik dan berdekatan dengan sumber air bersih. Di samping itu, lokasi tempat mestilah jauh dari tempat riuh dan sebarang punca pencemaran alam (Subhash Kak, 2005). Sehubungan ini, terdapat segolongan penganut agama Hindu gagal mematahui sebahagian besar penetapan tersebut, terutama hak milik tanah untuk kuil. Golongan ini membina kuil di sebarang tempat, terutama di tanah milik orang lain atau kerajaan lalu bangunan kuil terpaksa dirobohkan oleh pihak pemilik berkenaan. Cerpenis Kandan yang berasa kecewa akan tindakan golongan ini, turut mengungkitkan isu ini dalam cerpen *Tiruvilā*.

Dua orang kontraktor, Ramasami dan Velumani, di sebuah ladang yang dipaparkan cerpen *Tiruvilā* bersaing untuk merebut peluang untuk menganjurkan perayaan tahunan di



kuil yang terletak di situ. Kedua-dua orang membentuk kumpulan masing-masing lalu cuba meraih sokongan daripada penduduk ladang dengan menjanjikan tayangan wayang gambar dan jamuan makan yang percuma. Kumpulan Velumani telah berjaya merebut peluang untuk menganjurkan perayaan tersebut. Sementara itu, Ramasami yang tawar hati telah berusaha untuk mengganggu perjalanan perayaan tersebut. Salah seorang penghuni yang berasa sedih melihat keadaan ini, turut meluahkan perasaan kecewa kepada kawannya.

திருவிழா என்ற பெயரில் மக்களிடையே ஒற்றுமை குறைந்து பகைமை உணர்வு நாளும் வளர்ந்து வருகிறது. ஆண்டுக்கொரு முறை திருவிழா நடத்தி அன்னதானம் வழங்கி படம் காட்டி விட்டால் கோயில் திருவிழா முடிந்துவிட்டதாக நினைக்கிறார்கள். தனியார் நிலத்தில் கோயிலைக் கட்டிக் கொண்டு, ஆயிரக்கணக்கான வெள்ளியைச் செலவழித்து ஆர்ப்பட்டமாக விழா நடத்துகிறார்கள். ஒருநாள் நிலத்துச் சொந்தக்காரர் கோயிலை இடித்துத் தரைமட்டமாக்கி விடுகிறார். சமுதாயம் எள்ளி நகையாடப்படுகிறது. இதைப்பற்றி மக்கள் சிந்தித்து செயல்படுவதில்லை, என்று சொல்லி ஒருவர் வருத்தப்பட்டார். (அ. கந்தன், 2017, ப.80)

Atas urusan perayaan, perpaduan dalam masyarakat semakin luntur, perasaan permusuhan kian menular. Ada orang berpandangan bahawa perayaan kuil sudah selesai dengan menganjurkan perayaan setahun sekali dengan mengadakan jamuan makanan dan tayangan gambar. Mereka membina kuil di tanah milik orang lain lalu membelanja beribu-ribu ringgit untuk menganjurkan perayaan dengan meriah sekali. Pada suatu hari, tuan punya tanah akan merobohkan kuil. Masyarakat (Hindu) disindir orang. Masyarakat tidak memikirkan hal ini, kata seorang lagi dengan perasaan sedih. (A. Kandan, 2017, ms. 80).



Berita mengenai kuil yang dibina secara haram di tanah milik orang lain dan tindakan perobohan yang dilakukan oleh pihak tertentu seperti pihak pemilik tanah atau pihak berkuasa sering menghiasi media massa negara ini. Tindakan ini mencetuskan ketegangan antara kedua-dua pihak dan kadang kala mencetuskan rusuhan yang mengancam keamanan setempat. Namun, kuil-kuil yang dibina di ladang-ladang dan di tanah milik kerajaan sebelum merdeka tidak boleh dianggap sebagai bangunan haram kerana dibina atas kebenaran pihak pengurusan ladang dan pihak penjajah Inggeris ketika itu, di samping itu pihak kerajaan juga sering menghulurkan bantuan pemuliharaan kuil tersebut (Khairul Azmi, 2018). Namun, terdapat kumpulan tertentu membina kuil tanpa kebenaran pemilik tanah. Hal inilah mengecewa dan menyinggung perasaan cerpenis. Misalnya, surat khabar Sinar Harian (8 Januari 2019) melaporkan bahawa sebuah kuil kecil (*shrine*) yang didirikan di sebelah kiri dan kanan Jalan Gombak Lama dirobohkan oleh Pejabat Tanah dan Daerah Gombak kerana dibina tanpa kebenaran pihak berkenaan. Cerpenis mengungkitkan perkara yang sensitif ini kerana tindakan segelintir yang menceroboh tanah kerajaan tanpa mematuhi *ākamam* Hindu mendatangkan sindiran pihak-pihak tertentu.

Oleh itu, Kandan sebagai penulis mengkritik tindakan segelintir penganut Hindu yang membina kuil di tanah milik pihak lain. Berikutan ini, isu yang terpapar dalam cerpen *Tiruvilā* merupakan suatu realiti dalam masyarakat India di Malaysia. Justeru, penggunaan teori Sosiologi Sastera Model Pencerminkan George Lukas amat sesuai digunakan untuk menganalisis aspek realiti kehidupan yang terpapar dalam kumpulan cerpen *Urimai Pōrāttam*.





4.2.4.4 Penggunaan Bahasa Sanskrit dalam Upacara Keagamaan di Kuil Hindu

Menurut Jean Filliozat (1991), seseorang penganut Hindu mesti menjalankan amalan ibadat untuk mencapai penyatuan dengan Tuhan atau mencapai penyempurnaan diri (*transcendence*). Seseorang mencapai kedudukan ini dengan melibatkan diri dalam *cariyai*, *kiriyai*, *yōgam* dan *ñāṇam*. *Cariyai* merujuk kepada tingkah laku penganut di kuil dan cara-cara menjalankan ibadat, pemujaan, perayaan, upacara dan doa. Seterusnya, *kiriyai* melibatkan mantra-mantra yang digunakan semasa pemujaan, perayaan, upacara dan doa yang dijalankan di kuil. *Yōgam* atau yoga merujuk kepada disiplin fizikal dan mental, termasuk aspek meditasi yang harus diamalkan. Akhir sekali, *ñāṇam* merujuk kepada pencapaian kebijaksanaan (Varatharajan, G.,1972)

Sehubungan ini, aspek *kiriyai* yang melibatkan pemujaan, perayaan, upacara dan pembacaan mantra merupakan aktiviti utama dan harian yang dijalankan di sesebuah kuil. Hampir kesemua aktiviti ini dijalankan mengikut kitab suci *Veda*, iaitu mantra-mantra tertentu yang ditetapkan mengikut aktiviti keagamaan yang dijalankan. Segala mantra ini adalah ditertera dan dilafazkan dalam bahasa Sanskrit yang tidak difahami oleh ramai penganut Hindu kerana sebahagian besar penganut ialah penutur bahasa Tamil dan bahasa Sanskrit ialah bahasa yang hampir pupus dan lagi pun tiada institusi yang mengajar bahasa ini di negara kita. Perkara inilah menarik perhatian cerpenis Kandan kerana penggunaan bahasa Sanskrit atau tindakan melafazkan mantra dalam segala upacara keagamaan ini tidak difahami para penganut.





Dalam cerpen *Tiruvilā*, watak Annamalai turut meluahkan dilema yang dihadapi oleh masyarakat Hindu di negara ini. Annamalai dan kawannya Muthu melahirkan rasa tidak puas hati tentang penggunaan mantera Sanskrit semasa pemujaan dijalankan di kuil.

ஆமாம்...தமிழ் மக்கள், தமிழ்ச்சாமி. ஆனால், அர்ச்சனை மட்டும் விளங்காத சமஸ்கிருதத்தில் நடப்பது சரியா? தேவாரம் பாடிய திருஞான சம்பந்தர், நக்கீரர், ஒளவையார் போன்றவர்கள் கடவுளோடு தமிழில்தானே பேசினார்கள்”, என்றார் அண்ணாமலை. அர்ச்சகர் பூசையெல்லாம் முடிந்ததும் கடைசியாக. தேவாரம் பாட விருப்பம் உள்ளவர்கள் பாடலாம் என ஒதுங்கிக் கொள்வது ஏன்? பூசாரிதானே தேவாரம் பாட வேண்டும், என்றார் முத்து. (அ. கந்தன், 2017, ப.82)

Ya..masyarakat ialah orang Tamil, Tuhan pula Tuhan Tamil. Patutkah pemujaan dijalankan dalam Sanskrit yang tidak difahami? Nabi-nabi seperti Thirunanasambanthar yang menghasilkan *Thevaram* (lagu-lagu pemujaan Tuhan dalam bahasa Tamil), Nakkirar, Avvaiyaar pernah menggunakan Tamil dalam pemujaan mereka, kata Annamalai. Selepas selesai segala upacara pemujaan, kenapa sami meminta orang lain lafazkan Thevaram dan menyisishkan dirinya?. Patut sami itu melafazkannya, kata Muthu. (A. Kandan, 2017, ms.82)

Sebenarnya, banyak tokoh bahasa Tamil dan penganut agama Hindu pernah merayu supaya pemujaan dijalankan dalam bahasa Tamil (Saravanabhavan, 1988). Sehubungan ini. nabi mahzab *Saivism* yang terunggul, Manikkavasakar pernah menegaskan bahawa penggunaan bahasa Tamil membolehkan para penyembah atau pemuja dapat mehami kata-kata yang dilafazkan lalu mudah menyatukan dirinya dengan Tuhan.





சொல்லிய பாட்டின் பொருளுணர்ந்து சொல்லுவார்

செல்வர் சிவபுரத்தி னுள்ளார் சிவனடிக் கீழ்- (சிவபுராணம், 93-94)

Sekiranya mengerti kata-kata yang dilafazkan

dapat memasuki alam Siva. (Sivapuranam, 93-94)

Menurut Manikkavasakar (Sithbavanthar, Swami, 1975), seseorang penyembah harus benar-benar menghayati sifat Siva berdasarkan kata nabi-nabi dan barulah dapat melafzkan kata-kata itu dengan perasaan sewajar. Oleh itu, seseorang harus menghayati maksud yang tersirat dalam kata-kata tersebut. Dalam pada itu, bahasa memainkan peranan penting untuk memhami dan menghayati isi kandungan kata-kata pemujaan atau mantera yang dilafazkan.

Selain itu, seorang nabi lagi, Appar (Rethinam, A, 1991) turut menegaskan kepentingan penggunaan Tamil semasa pemujaan dijalankan di kuil.

சலம்பூவெடு தூபம் மறந்தறியேன்

தமிழோடிசை பாடல் மறந்தறியேன்

-நான்காம் திருமுறை

Tak lupa memuja dengan air, bunga dan kemenyan,

Tak lupa lafazkan nyanyian Tamil beserta muzik.

-Tirumurai Empat

Di sini juga, Appar menekankan penggunaan Tamil semasa melakukan pemujaan.

Sehubungan ini, (Sithbavanthar, Swami, 1975), menyatakan bahawa masyarakat Tamil





terjerumus dalam gejala sosial kerana tidak mengambil berat ajaran agama. Keadaan ini boleh dikatakan tercetus kerana masyarakat Hindu tidak benar-benar memahami dan menghayati ajaran agama kerana disampaikan dalam bahasa Sanskrit yang tidak difahami mereka.

Oleh itu, Kandan terpenggil untuk memaparkan dilema masyarakat Hindu yang berbahasa Tamil yang tidak memahami penggunaan bahasa Sanskrit dalam upacara keagamaan di kuil Hindu. Berikutan ini, isu yang terpapar dalam cerpen *Tiruvilā* merupakan suatu realiti dalam masyarakat India di Malaysia. Justeru, penggunaan teori Sosiologi Sastera Model Pencerminkan George Lukas amat sesuai digunakan untuk menganalisis aspek realiti kehidupan yang terpapar dalam kumpulan cerpen *Urimai Pōrāttam*.

Secara keseluruhan, pengkaji telah menganalisis 22 buah cerpen dalam kumpulan cerpen *Urimai Pōrāttam* hasil karya A. Kandan mengikut objektif pertama dan kedua kajian ini. Pengkaji dapat mengenal pasti ciri-ciri realiti kehidupan masyarakat Tamil Malaysia yang terdapat dalam kumpulan cerpen *Urimai Pōrāttam* berdasarkan empat isu utama, iaitu sosial, ekonomi, pendidikan dan keagamaan.

Dari segi isu sosial pula, pengkaji dapat mengenal pasti sebanyak 20 isu yang terpapar dalam kumpulan cerpen *Urimai Pōrāttam*. Sebanyak 20 isu sosial yang dikenal pasti itu tersenarai dalam Jadual 4.14.





Jadual 4.14

Isu-isu Sosial dalam Kumpulan Cerpen Urimai Pōrāttam

Bil.	Isu	Judul Cerpen
1	Masalah hidup akibat penghijrahan dari estet ke bandar	<i>Urimai pōrāttam</i> <i>Vāla ninaittāl vālalam</i> <i>Māriyatu manam</i>
2	Masalah penagihan dadah	<i>Vāla ninaittāl vālalam</i> <i>Kālam pōdda kōlam</i>
3	Kegiatan mengedar dadah	<i>Vāla ninaittāl vālalam</i> <i>Ilaya samutāyam</i>
4	Kegiatan membuli	<i>Vāla ninaittāl vālalam</i>
5	Masalah disiplin pelajar	<i>Vāla ninaittāl vālalam</i>
6	Lumba haram	<i>Vāla ninaittāl vālalam</i>
7	Membunuh diri	<i>Ēmādrām</i>
8	Lari dari rumah	<i>Ariyātanam</i> <i>Parantu sendra paingkili</i>
9	Perkahwinan pada usia muda	<i>Ariyātanam</i> <i>vāla ninaittāl vālalam</i>
10	Kurang didikan ibubapa	<i>Vāla ninaittāl vālalam</i>
11	Kegiatan gengsterisme	<i>Ilaya samutāyam</i>
12	Ketagihan arak dan todi	<i>Kālam pōdda kōlam</i> <i>Tiruvilā</i> <i>Parantu sendra paingkili</i> <i>Arpanippukku tandanayā</i>
13	Vandalisme	<i>Nānkam talaimurai</i> <i>Vāla ninaittāl vālalam</i> <i>Ilaya samutāyam</i>
14	Penindasan pihak pengurusan ladang	<i>Nānkam talaimurai</i> <i>Putu vālvu</i> <i>Oru pen ninaittāl</i> <i>Parantu sendra paingkili</i>
15	Bercinta semasa bersekolah	
16	Kegilaan terhadap dunia filem	<i>Nūl nilayam pōgalam vāngga</i>
17	Sikap memetingkan diri sendiri dan mengabaikan ibu bapa	<i>Cuyanalam</i>
18	Sikap ibu bapa yang menentukan jodoh anak	<i>Kadavul amaitta vaitta mēdai</i> <i>Kālam pōdda kōlam</i>
19	Sikap pilih kasih dalam membantu sesama ahli keluarga	<i>Irandu mananggal</i>
20	Penggunaan bahasa percampuran dalam percakapan harian	<i>Arpanippukku tandanayā</i>





Berdasarkan jadual tersebut, pengkaji telah mengesan sebanyak 20 isu sosial seperti masalah hidup akibat penghijrahan dari estet ke bandar, masalah penagihan dadah, kegiatan mengedar dadah, kegiatan membuli, masalah disiplin pelajar, lumba haram, membunuh diri, lari dari rumah, perkahwinan pada usia muda, kurang didikan ibu bapa, kegiatan gengsterisme, ketagihan arak dan todi, vandalisme, penindasan pihak pengurusan ladang, gejala percintaan pelajar, kegilaan terhadap dunia filem, sikap memetingkan diri sendiri dan mengabaikan ibu bapa, sikap ibu bapa yang menentukan jodoh anak, sikap pilih kasih dalam membantu sesama ahli keluarga dan penggunaan bahasa percampuran dalam percakapan harian.

Seterusnya, isu-isu sosial yang terpapar dalam kumpulan cerpen *Urimai Pōrāttam* ini membabitkan semua kumpulan masyarakat yang terdiri daripada golongan muda termasuk remaja, ibu bapa dan masyarakat Tamil umum. Namun, sebanyak 12 isu yang terdiri daripada masalah penagihan dadah, kegiatan mengedar dadah, kegiatan membuli, masalah disiplin pelajar, lumba haram, membunuh diri, lari dari rumah, perkahwinan pada usia muda, kegiatan gengsterisme, vandalisme, gejala bercinta semasa bersekolah dan kegilaan terhadap dunia filem membabitkan golongan muda, terutama golongan remaja.

Sementara itu, sebanyak dua isu seperti kurang didikan ibu bapa dan sikap ibu bapa yang menentukan jodoh anak melibatkan ibu bapa. Akhir sekali, sebanyak enam isu sosial seperti masalah hidup akibat penghijrahan dari estet ke bandar, ketagihan arak dan todi, penindasan pihak pengurusan ladang, sikap memetingkan diri sendiri dan mengabaikan ibu bapa, sikap pilih kasih dalam membantu sesama ahli keluarga, dan penggunaan bahasa percampuran dalam percakapan harian adalah membabitkan masyarakat umum yang terdiri daripada semua golongan dalam masyarakat Tamil di Malaysia.



Dalam pada itu, pengkaji telah mengesan sebanyak tiga isu ekonomi dalam kumpulan cerpen *Urimai Pōrāttam* yang tersenarai dalam Jadual 4.15.

Jadual 4. 15

Isu Ekonomi Dalam Kumpulan Cerpen Urimai Pōrāttam

Bil	Isu	Judul cerpen
1	Kemiskinan	<i>Kālam pōdda kōlam</i> <i>Nūl veliyāddu vilā</i> <i>Kālam elutiya tīrppu</i> <i>Urimai pōrāttam</i>
2	Kesukaran memperoleh pekerjaan dalam sektor awam	
3	Pengangguran dalam kalangan lepasan institusi pengajian tinggi	<i>Tevai oru pālar palli</i>

Isu ekonomi yang dikesan ialah kemiskinan, kesukaran memperoleh pekerjaan dalam sektor awam dan pengangguran dalam kalangan lepasan institusi pengajian tinggi. Masalah kemiskinan adalah melibatkan masyarakat umum Tamil. Sementara itu, dua isu ekonomi lain pula melibatkan golongan muda. Oleh itu, sebahagian besar masalah ekonomi juga membabitkan golongan muda.

Selanjutnya, pengkaji turut mengesan sebanyak enam isu pendidikan dalam kumpulan cerpen *Urimai Pōrāttam* yang tersenarai dalam Jadual 4.16.



Jadual 4.16

Isu Pendidikan Dalam Kumpulan Cerpen Urimai Pōrāttam

Bil	Isu	Judul Cerpen
1	Tidak berminat untuk belajar	<i>Ilacciyam</i> <i>Vāla ninaittāl vālalam</i> <i>Ariyātanam</i>
2	Keciciran persekolahan	<i>Ilacciyam</i> <i>Ariyātanam</i>
3	Sikap prasangka ibu bapa India terhadap sekolah Tamil	<i>Māriyatu manam</i>
4	Kemudahan prasarana pendidikan di sekolah Tamil kurang diberi perhatian	<i>Arpanippukku tandanayā,</i> <i>Māriyatu manam</i> <i>Tiruvilā</i>
5	Pelajar cemerlang India tidak dapat melanjutkan pelajaran ke universiti awam	<i>Urimai pōrāttam</i>
6	Masyarakat India kurang memupuk amalan membaca	<i>Nūl veliyīddu vilā</i> <i>Nūl nilayam pōgalam</i> <i>vāngga</i>

Isu pendidikan yang dikesan adalah tidak berminat untuk belajar, keciciran persekolahan, sikap prasangka ibu bapa India terhadap sekolah Tamil, kemudahan prasarana pendidikan di sekolah Tamil kurang diberi perhatian, pelajar cemerlang India tidak dapat melanjutkan pelajaran ke universiti awam dan masyarakat India tidak memupuk amalan membaca. Antara isi tersebut, sebanyak dua isu seperti tidak berminat untuk belajar dan keciciran persekolahan lebih melibatkan golongan remaja, satu isu lagi seperti pelajar cemerlang India tidak dapat melanjutkan pelajaran ke universiti awam merupakan masalah dihadapi golongan muda. Sementara itu, dua isu lagi seperti sikap prasangka ibu bapa India



terhadap sekolah Tamil dan masyarakat India tidak memupuk amalan membaca membabitkan masyarakat umum Tamil dan akhir sekali, isu kemudahan prasarana pendidikan di sekolah Tamil kurang diberi perhatian pula melibatkan pihak berkuasa di negara ini. Secara ringkas, sebahagian isu pendidikan juga melibatkan golongan muda termasuk kumpulan remaja.

Akhir sekali, pengkaji dapat mengesan sebanyak empat isu kegamaan dalam kumpulan cerpen *Urimai Pōrāttam* yang tersenarai dalam Jadual 4.17.

Jadual 4.17

Isu Keagamaan dalam Kumpulan Cerpen “Urimai Pōrāttam”

Bil	Isu	Cerpen
1	Masyarakat tertipu dalam hal keagamaan	<i>Oru pen ninaittāl</i>
2	Kepercayaan kolot	<i>Nilaiyillāta kadavul</i>
3	Membina kuil secara haram di tanah milik orang lain	<i>Tiruvilā</i>
4	Penggunaan bahasa Sanskrit dalam upacara keagamaan di kuil	<i>Tiruvilā</i>

Isu keagamaan yang dikesan itu terdiri daripada masyarakat tertipu dalam hal keagamaan, kepercayaan kolot, membina kuil secara haram di tanah milik orang lain dan penggunaan bahasa Sanskrit dalam upacara keagamaan di kuil. Kesemua isu keagamaan yang dikesan ini adalah melibatkan masyarakat umum Tamil di Malaysia.

Secara ringkasnya, isu-isu sosial, ekonomi, pendidikan dan keagamaan yang dikenal pasti dirumuskan dalam Jadual 4.18.

Jadual 4.18

Isu-isu Sosial, Ekonomi, Pendidikan dan Keagamaan Dikesan Dalam Kumpulan Cerpen Urimai Pōrāttam

Bil.	Judul nerpen	Isu Sosial	Isu Ekonomi	Isu Pendidikan	Isu Agama
1	<i>Ilacchiyam</i>	x		xx	
2	<i>Vāla ninaittāl</i> <i>vālalam</i>	x x x x x x xxx		x	
3	<i>Ariyātanam</i>	x x		xx	
4	<i>Ēmādrām</i>	x			
5	<i>Putu vālvu</i>	x			
6	<i>Māriyatu manam</i>	x		xx	
7	<i>Oru pen ninaittāl</i>	x			x
8	<i>Nilaiyillāta</i> <i>kadavul</i>				x
9	<i>Kālam pōdda</i> <i>kōlam</i>	x xx	x		
10	<i>Tiruvilā</i>	x		x	xx
11	<i>Urimai pōrāttam</i>	x	x	x	
12	<i>Ilaya samutāyam</i>	x xx			
13	<i>Nūl veliyīddu v</i>		x		
14	<i>Irāndu</i> <i>mananggal</i>	x			
15	<i>Arpanippukku</i> <i>tandanayā</i>	x x		x	
16	<i>Cuyanalam</i>	x			
17	<i>Parantu sendra</i> <i>paingkili</i>	x x x			
18	<i>Tevai oru pālar</i> <i>palli</i>		x		
19	<i>Nūl nilayam</i> <i>pōgalam vāngga</i>	x		x	
20	<i>Nānkam</i> <i>talaimurai</i>	x			
21	<i>Kadavul amaitta</i> <i>vaitta mēdai</i>	x			
22	<i>Kālam elutiya</i> <i>tūrppu</i>		x		



Secara keseluruhan, pengkaji dapat mengesan sebanyak 20 isu sosial dalam 18 cerpen, tiga isu ekonomi dalam lima buah cerpen, enam isu pendidikan dalam lapan buah cerpen dan empat isu keagamaan dalam empat buah cerpen yang terkandung dalam kumpulan cerpen *Urimai Pōrāttam*. Pengkaji mendapati bahawa kesemua cerpen dalam kumpulan cerpen ini memaparkan sekurang-kurang satu isu.

Dari segi objektif kedua kajian ini, iaitu menilai kesesuaian penggunaan Teori Sosiologi Sastera Model Pencerminan George Lukacs dengan realiti kehidupan masyarakat Tamil Malaysia yang terpapar dalam kumpulan cerpen tersebut, kesemua 33 isu yang dipaparkan dalam kumpulan cerpen *Urimai Pōrāttam* ialah masalah yang benar-benar berlaku dalam masyarakat Tamil di Malaysia.

Antara 20 isu sosial yang dipaparkan oleh cerpenis, 18 isu ialah masalah-masalah yang menghimpit masyarakat Tamil kini. Sementara itu, isu berkaitan masalah hidup akibat penghijrahan dari estet ke bandar ialah masalah yang pernah dihadapi oleh masyarakat Tamil dari dekad 1960-an hingga 1980-an akibat fragmentasi tanah-tanah ladang atau tanah itu diambil alih untuk tujuan projek-projek pembangunan. Isu penindasan pihak pengurusan ladang ialah masalah yang pernah berlaku semasa pra dan pascakemerdekaan. Ketika itu, hampir kesemua ladang adalah milik syarikat British dan diuruskan oleh pegawai-pegawai British yang bersifat kolonialisme dan menafikan hak sah pekerja serta pekerja dilayan sebagai hamba abdi.



Di samping itu, kesemua tiga isu berkaitan dengan ekonomi, enam isu melibatkan hal pendidikan dan empat isu berhubung dengan hal keagamaan ialah isu-isu semasa yang menghimpit kesemua lapisan masyarakat Tamil di Malaysia sekarang. Oleh itu, kesemua isu sosial, ekonomi, pendidikan dan keagamaan yang dipaparkan dalam 22 buah cerpen yang dikaji itu ialah perkara yang benar-benar berlaku dalam masyarakat Tamil di Malaysia. Justeru, penggunaan teori Sosiologi Sastera Model Pencerminkan George Lukas amat sesuai digunakan untuk menganalisis aspek realiti kehidupan yang terpapar dalam kumpulan cerpen *Urimai Pōrāttam*.

4.3 Menghuraikan Unsur-unsur Pengajaran Terselit Dalam Kumpulan Cerpen *Urimai Pōrāttam*

Kamus Dewan Edisi Keempat (1993) mendefinisikan pengajaran sebagai segala sesuatu yang dapat dijadikan pedoman dan peringatan. Sehubungan ini, segala perwatakan, peristiwa, pengalaman, nilai dan pelbagai latar yang terpapar dalam sesebuah karya sastera boleh dijadikan pedoman. Pengajaran juga difahamkan sebagai mesej atau iktibar yang terpapar secara tersirat atau implisit yang menekankan sesuatu amalan, perbuatan dan pengalaman hidup yang wajar ikuti atau dijauhi. Di samping itu, ada kala para pembaca diingatkan agar menjadikan sesuatu pengajaran sebagai batasan hidup atau sempadan tindakan. Menurut Awang Abdullah (2001), pengajaran ialah peringatan atau perkara yang boleh dijadikan contoh atau iktibar dalam kehidupan seharian. Sebenarnya, peristiwa-peristiwa yang terpapar dalam karya sastera, terutama cerpen-cerpen boleh dijadikan pengajaran yang memandu para pembacanya ke arah kehidupan yang baik dan sejahtera.



Sehubungan ini, pengkaji dapat mengesan beberapa pengajaran yang diselitkan untuk dijadikan teladan dan sempadan dalam kehidupan seharian masyarakat Tamil di Malaysia. Oleh itu, pengkaji menghuraikan pengajaran tersebut untuk tatapan umum.

4.3.1 Golongan Muda Harus Menjauhi Dadah

Masalah penyalahgunaan dadah bukanlah isu baru, namun masih dianggap sebagai salah satu musuh utama negara. Masalah penyalahgunaan dadah bukan sahaja mendatangkan kemudaratan kepada kesihatan fizikal, mental, emosi dan tingkah laku seseorang penagih dadah, malahan turut mendatangkan pelbagai gejala sosial kepada keluarga dan masyarakat di sekelingnya. Cerpenis Kandan menggambarkan turut menggambarkan fenomena ini dalam cerpen *Vāla ninaittāl vālalam* dan *Kālam pōdda kōlam*. Misalnya, dalam cerpen *Vāla ninaittāl vālalam* si-isteri mengutus surat kepada suaminya, Mogan yang menjalani pemulihan di pusat serenti dadah dengan meluahkan masalah menghimpit diri, anaknya yang bakal dilahirkan, keluarga serta masalah yang bakal dihadapi suaminya.





குடும்பங்கள் அவமானப்படுகின்றன. அதில் உங்கள் பெற்றோரும் அடங்குவர். உங்களை வளர்த்துவிட்ட பெற்றோருக்குச் செய்யும் கைமாறு இதுதானா? உங்கள் உயிரையும் போதை மருந்து கொண்டு அழித்துக் கொள்வது சரிதானா? நீங்கள் போதைக்கு அடிமையாகி அழிந்து போவதும் இல்லாமல், மற்றவர்களையும் அழிக்க நினைப்பது பாவமில்லையா? இதனால் என் வயிற்றில் வளரும் உங்கள் பிள்ளையின் எதிர்காலமும் அல்லவா அழிகிறது. தகப்பன் போதைப் பித்தன் பிள்ளை எப்படியோ? நீங்கள் திருந்தி விடுதலை பெற்று வெளியில் வந்தாலும் உங்களுக்கு யாரும் வேலை போட்டுக்கொடுக்க மாட்டார்கள். நான் டாக்டரிடம் பரிசோதனைக்குப் போனேன். குழந்தை குறையோடு பிறக்கக்கூடிய வாய்ப்பு உள்ளதாகக் கூறினார்.(அ. கந்தன், 2017, ப. 9-11)



Keluarga terhina. Termasuk ibu bapa kamu. Inikah balasan kepada ibu bapa anda? Wajarkah membunuh diri dengan dengan dadah. Perbuatan dosa ini bukan sahaja memusnahkan diri anda, bahkan orang lain. Perbuatan ini turut menghancurkan masa depan anak kita dikandung. Bapa pula penagih dadah, apakah akan terjadi kepada anaknya pula? Walaupun anda dipulihkan, tiada sesiapa sanggup menawarkan pekerjaan kepada anda. Saya telah menjalani pemeriksaan doktor. Beliau berkata bahawa anak itu bakal menimpa kecacatan. (A. Kandan, 2017, ms. 9-11).

Menurut cerpenis, seseorang penagih dadah bukan sahaja menghancurkan diri dan masa depannya, bahkan mendatangkan keperitan dan penghinaan kepada kesemua orang yang ada hubung kait dengannya. Selain itu, anak dalam kandungan kepada seorang penagih dadah dikatakan bakal menimpa kecacatan.





Menurut Mohd Dzulkhairi Mohd Rani (2014), Pensyarah Kanan Perubatan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, penyalahgunaan dadah dapat menghancurkan tubuh dalaman dan kesihatan keseluruhan seseorang penagih dadah. Menurut beliau, dadah dapat merencatkan otak dan sistem saraf termasuk pemikiran dan minda, mata dan penglihatan, sistem pernafasan dan penghadaman, jantung dan saluran darah, kerosakan buah pinggang hati, otot, dan fenomena kebergantungan fizikal dan psikologikal turut tercetus. Di samping itu, seseorang penagih dadah juga terdedah kepada pelbagai penyakit seperti HIV, AIDS, radang paru-paru, sakit mental, batuk kering, hepatitis, kanser, kecacatan janin dan bayi, penyakit kelamin dan akhirnya menimpa maut. Di samping itu, maruah dan nama baik keluarga penagih akan tercemar dalam kalangan masyarakat. Diri penagih boleh menjadi beban kepada keluarga kerana terpaksa menghabiskan masa, tenaga dan wang yang banyak untuk merawatnya. Rumah tangga akan menjadi porak peranda. Perpisahan dan perceraian antara ahli keluarga mungkin berlaku. Oleh itu, cerpenis Kandan menyeru kepada para pembacanya supaya menjauhi dadah.

4.3.2 Guru-guru Harus Menggunakan Pendekatan Konstruktif Ketika Menegur Pelajar

Bidang perguruan ialah bidang yang penuh cabaran. Terdapat pelajar yang kurang berminat terhadap pelajaran disebabkan faktor tertentu. Oleh itu, seseorang guru harus menggunakan pendekatan mesra bagi memikat hati seseorang nak murid yang bermasalah. Namun, apabila seseorang guru kehilangan pertimbangan akan mendatangkan kesan buruk kepada anak muridnya.





Cikgu Muthu dalam cerpen *Ilacciyam* adalah berprihatin dan mengambil berat kemajuan semua muridnya. Walau bagaimanapun, beliau telah kehilangan pertimbangan mesra terhadap Ganesan yang merupakan seorang murid sekolah rendah yang lemah dan lembab dalam pelajarannya. Oleh itu, cikgu Muthu telah memaki-hamun Ganesan yang tidak menunjukkan sebarang kemajuan. Cikgu Muthu mengherdiknya dengan mengatakan supaya tidak datang lagi ke sekolah sekiranya tidak mahu belajar. Oleh itu, Genesan telah mengumpulkan semua buku lalu meninggalkan kelasnya. Pada keesokan hari, Ganesan tidak datang ke sekolah dan seterusnya dia tidak datang lagi. Beliau dapat mengetahui bahawa ayah Ganesan telah berpindah ke tempat lain dan Ganesan turut mengikutinya. Walau bagaimanapun, cikgu Muthu berasa tindakannya yang kurang prihatin menjadi punca Ganesan tercicir persekolahannya.



‘இனிய உளவாக இன்னாத கூறல், கனியிருப்பக் காய் கவர்ந் தற்று’ எனும் குறளை மாணவர்களுக்குச் சொல்லிக் கொடுத்த நானே காய்களை பறித்துத் தின்பது போன்று கடுமையான சொற்களைப் பயன்படுத்தி விட்டேனே என்று தன்னைத்தானே நொந்து கொண்டார். (அ. கந்தன், 2017, ப.4)

‘Mengapatah menggunakan kata-kata serkah, buah-buahan ranum sedia ada, terpilih pula mentah’ pernah saya mengajar *Kural* ini kepada murid-murid. Saya juga bertindak bagi memetik buah mentah lalu makannya dengan mengeluarkan kata-kata tajam. (A. Kandan, 2017, ms. 4)

Salah satu masalah kecicran pelajar ialah guru terbawa-bawa oleh emosi lalu mengeluarkan kata tajam yang menyinggung perasaan anak murid tanpa mengambil kira keupayaan anak murid.





Mengikut Koh (1981 dalam Zuraidah Abdullah, Siti Nafsiah Ismail, Salwati Shafee, Mohd Shahril Nizam Shaharom & Muhammad Faizal A. Ghani, 2019) melaporkan bahawa guru-guru yang kurang pandai dalam teknik dan strategi mengajar murid adalah lebih cenderung mempunyai sikap negatif terhadap kebolehan dan pencapaian murid mereka. Sikap negatif ini boleh merendahkan konsep diri serta harga diri murid yang kurang pandai. Hal ini seterusnya menjejaskan minat dan keinginan murid untuk belajar. Sikap negatif seperti diamalkan oleh cikgu Muthu terhadap murid lemah akan lebih membawa masalah keciciran dalam kalangan pelajar. Oleh itu, cerpenis Kandan menyeru kepada pendidik supaya berprihatin terhadap pelajar yang lemah dan lembab.

4.3.3 Kemudahan Prasarana di Sekolah Tamil Harus Dibaiki



Persekitaran pembelajaran di sekolah berupaya mengubah cara pelajar belajar. Persekitaran yang kondusif dikatakan dapat melahirkan suasana yang seronok untuk belajar serta meningkatkan prestasi pelajar (Siti Nurhafizah Annual, 2014). Sehubungan ini, bangunan sekolah merupakan infrastruktur yang paling penting untuk menjalankan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Namun, cerpenis Kandan menerusi cerpen *Arpanippukku tandanayā*, *Māriyatu manam* dan *Tiruvilā* melahirkan perasaan kurang puas hati terhadap bangunan sekolah Tamil yang usang dan sempit.





Dalam cerpen *Arpanippukku tandanayā*, melalui cikgu Saravanan cerpenis Kandan memperihalkan keadaan sekolahnya itu.

அப்பள்ளி மூன்று வகுப்பறைகளைக் கொண்டிருந்தது. ஒவ்வொரு அறையிலும் இரண்டிரண்டு வகுப்புகள் இருந்தன. பக்கத்து அறையில் ஆசிரியர் பாடம் நடத்தும் சத்தம் மற்ற வகுப்பறை ஆசிரியர்களுக்கும் இடையூறாக இருந்தது. அந்தப் பள்ளிக்கூடம் 50 ஆண்டுகளுக்கு முன் ஆங்கிலேயரால் கட்டப்பட்டது. குடிநீர், மலக்கூட வசதிகள் எல்லாம் கிடையாது. பள்ளிக்கு அருகாமையில் இருக்கும் கொப்பரைக் கொட்டகையிலிருந்து எழும் சத்தம் ஆசிரியர்களுக்கு மேலும் இடையூறாகவே இருக்கும். பள்ளிக்கூடம் 20 ஆண்டுகாலமாக இடப்பற்றாக்குறையை எதிர்நோக்குகிறது, என்றார் சரவணன். (அ. கந்தன், 2017, ப.115 & 119)



Sekolah itu mempunyai tiga buah bilik darjah. Di dalam setiap bilik ditempatkan dua kelas. Pengajaran guru di sebelah kelas mengganggu pengajaran guru-guru lain. Sekolah itu telah dibina oleh pihak Inggeris 50 tahun dahulu. Tiada kemudahan tandas dan bekalan air. Bunyi bising dari kilang kopra (kelapa kering) turut mengganggu guru-guru. Sekolah ini menghadapi masalah kekurangan bilik darjah sejak 20 tahun lagi, kata Saravanan. (A. Kandan, 2017, ms.115 & 119)





Dalam cerpen *Māriyatu manam*, sekolah Tamil turut menghadapi masalah prasarana fizikal. Sekolah itu digambarkan terletak di ladang Holyrood menghadapi serba kekurangan.

அந்தப் பள்ளிக்கூடம் வசதி குறைவானது; மூன்று வகுப்பறைகளைக் கொண்டது.

(அ. கந்தன், 2017, ப.46)

Sekolah itu kurang kemudahan. Ada tiga bilik dajah. (A. Kandan, 2017, ms. 46).

Selain itu, cerpenis Kandan dalam cerpen *Tiruvila* turut menggambarkan keadaan usang sekolah Tamil yang terletak di sebuah ladang.

...கரையான் அரித்து விட்ட தமிழ்ப்பள்ளிக்கூடம் இவர்கள் நினைவுக்கு

வருவதில்லை. (அ. கந்தன், 2017, ப.81)



Mereka tidak memikirkan tentang sekolah Tamil yang dimakan anai-anai. (A. Kandan, 2017, ms.81)

Akhir sekali, dalam cerpen *Māriyatu manam*, Manikam memaklumkan bekas gurunya bahawa dia tidak mahu menghantar anaknya ke sekolah Tamil kerana sekolah Tamil menghadapi masalah kemudahan prasarana.

சார்..தமிழ்ப்பள்ளியில் வசதி குறைவாக உள்ளது. (அ. கந்தன், 2017, ப. 47)

Bukan cikgu, sekolah Tamil kekurangan kemudahan. (A. Kandan, 2017, ms .47)





Keempat-empat cerpen membawa gambaran bahawa sekolah Tamil menghadapi serba kekurangan kemudahan prasarana, terutama bangunan sekolah. Bangunan di tiga buah sekolah adalah usang dan terdapat sekolah dimakan anai-anai. Selain itu, bangunan sekolah-sekolah itu dikatakan kecil dan sempit serta menghadapi masalah tidak mencukupi bilik darjah. Oleh itu, cerpenis secara tidak langsung merayu bantuan pihak berkuasa untuk memperbaiki keadaan ini.

Sehubungan ini, kajian Penn State University (2014) mendapati bahawa kemudahan sekolah dapat memberi kesan positif dan mendalam terhadap hasil guru dan pelajar. Kemudahan baik di sekolah dapat mempengaruhi kesihatan, tingkah laku, penglibatan, pembelajaran, dan kemajuan pencapaian pelajar. Selain itu, tahap kebisingan menjejaskan prestasi guru dan pelajar. Sebenarnya, keadaan riuh-rendah menimbulkan rasa tidak puas hati dan tekanan pada guru dan pelajar. Penyelidikan ini mendapati bahawa sekolah yang mempunyai bilik darjah dengan kebisingan luaran yang rendah dapat dikaitkan dengan penglibatan dan pencapaian pelajar yang lebih tinggi berbanding dengan sekolah yang mempunyai persekitaran yang lebih bising. Oleh itu, saiz sekolah yang besar dapat mengurangkan kebisingan luaran dari bilik darjah lalu dapat meningkatkan hasil pelajar. Di samping itu, bilik darjah dan sekolah yang terlalu sesak dikaitkan dengan peningkatan masalah disiplin dan penurunan tahap penglibatan pelajar dalam pembelajaran. Oleh itu, paparan cerpenis adalah wajar dan memerlukan perhatian dan keperihatinan pihak berkenaan.





4.3.4 Masyarakat Harus Memupuk Amalan Membaca

Menurut Patil, Namita (2021) semasa seseorang sedang membesar, tabiat terbaik yang dapat ditanam adalah membaca kerana seseorang akan menjadi mengikut apa-apa yang dibaca, iaitu membentuk sifat diri seseorang. Selain itu, membaca ialah pelaburan paling baik yang harus dilakukan oleh seseorang kerana membantu seseorang menjadi orang yang berinspirasi, kreatif dan cerdas. Oleh itu, seseorang harus meneruskan tabiat membaca tanpa mengira hal-hal yang menjauhkan diri seseorang daripada buku kerana orang yang tidak membaca ketika dia boleh berbuat demikian tidak berbeza dengan orang yang tidak dapat membaca sama sekali.

Cerpenis Kandan sebagai seorang penulis prolifik dan guru memang menyedari akan kepentingan membaca kepada setiap manusia. Amalan membaca dikatakan dapat merangsangkan minda, mengurangkan stres, meningkatkan ilmu pengetahuan, mengembangkan perbendaharaan kata, membawa pertumbuhan daya ingatan, kemahiran berfikir secara analisis menjadi kukuh, meningkatkan daya fokus dan tumpuan, kemahiran menulis menjadi lebih baik, berasa aman dan damai, suatu bentuk hiburan yang percuma dan membina personaliti seseorang pembaca (Winter Catherine, 2020). Oleh itu, ada orang mengatakan *books are your best friends*. Namun, cerpenis berasa agak kecewa akan sikap masyarakat Tamil yang kurang atau tidak membaca kerana kurang menyedari kepentingannya. Beliau sebagai penulis melakarkan pengalaman pahitnya, menerusi watak Kandavel dalam cerpen semasa memproses hasil karyanya.





Dalam cerpen *Nūl veliyīddu vilā*, Kandavel ialah seorang penulis Tamil telah menggadaikan barang kemas isterinya untuk menanggung kos percetakan buku-bukunya. Namun, Kandavel mendapati bahawa masyarakat Tamil kurang memberi sambutan terhadap bukunya kerana kurang membaca.

நான் சந்தித்த மக்களிடமிருந்து தெரிந்த கொண்டது என்னவென்றால் முதலில் தமிழ் படிக்கத் தெரியாது என்பதும், படிக்க நேரமில்லை என்பதும், இதைப் படித்து என்ன செய்யப் போகிறோம், என்பதுமாக உள்ளது. தமிழாசிரியர்களிடமிருந்து விற்கப் போனால் படிக்க நேரமில்லை, வேண்டாம் என்கிறார்கள். அரசியல் தலைவர்களிடம் போனால் முகம் சுளிக்கிறார்கள்; வேண்டாம் என்றார்கள், அ. கந்தன், 2017, ப. 102)



Saya telah dapat mengetahui banyak perkara daripada orang saya temui. Mereka mengatakan bahawa tidak tahu Tamil, tiada masa untuk membaca dan tidak akan memperoleh apa-apa dengan membaca buku. Guru-guru Tamil pula mengatakan tiada masa untuk membaca lalu tidak mahu membelinya. Manakala, ahli politik pula memperlihatkan muka masam, tidak mahu membelinya. (A. Kandan, 2017, ms.102)

Sementara itu, dalam cerpen *Nūl nilayam pōgalam vāngga*, cerpenis turut memaparkan sikap dingin masyarakat Tamil yang kurang mengujungi perpustakaan untuk membaca buiku. Manirasu mengajak kawannya, Kumaran ke kempen membaca. Pada awalnya, Kumaran juga tidak mahu menghadiri kempen itu kerana tiada masa untuk membaca sedangkan tidak cukup masa untuk menonton filem. Kumaran juga mendapti bahawa masyarakat Tamil kurang mengujungi perpustakaan awam untuk membaca buku.





மணியரசு, அந்த நூல் நிலையத்தை அவ்வட்டார மக்கள் எத்தனையோ முறை பாத்திருப்பார்கள். பொது நூல் நிலையம் என்று தேசிய மொழியில் வாசலில் விளம்பரப் பலகைக்கூட வைத்திருப்பார்கள். ஆனால், நூல் நிலையத்துக்குள் நம்மவர்கள் போயிருக்கமாட்டார்கள். (அ. கந்தன், 2017, ப. 149 & 151)

Manirasu, orang di kawasan ini pernah banyak kali melihat perpustakaan ini. Terdapat juga papan iklan dalam bahasa Melayu menyatakan bahawa bangunan itu ialah perpustakaan awam. Namun, orang kita tidak akan masuk ke perpustakaan itu. (A. Kandan, 2017, ms. 149 & 151).

Cerpenis Kandan mendapati bahawa semua lapisan masyarakat termasuk guru-guru Tamil kurang sokong jualan buku dan tidak mengamalkan amalan membaca. Selain itu, beliau juga mendapati bahawa masyarakat Tamil juga tidak mengujungi perpustakaan awam untuk memupuk amalan membaca ini. Kandan berasa seseorang penulis tidak dapat menghasilkan buku-buku bermutu tanpa sokongan para pembaca buku.

Sehubungan ini, kajian Pasukan Analisis Picodi.com (Milad Hassandarvish, 2019) sempena pelancaran Kuala Lumpur Ibu Kota Buku Dunia 2020, mendapati 76 peratus atau 18 juta rakyat Malaysia yang berusia 15 tahun ke atas hanya membeli sebuah buku sahaja setahun. Sementara itu, 24 peratus atau 5.5 juta rakyat yang berusia 15 tahun ke atas menyatakan bahawa langsung tidak berminat membaca buku atau bahan bacaan lain. Mereka turut menyatakan bahawa tidak membeli walaupun sebuah buku sepanjang tahun 2018. Di samping itu, didapati hanya 16 peratus atau 3.7 juta rakyat Malaysia masih mengamalkan budaya meminjam buku di perpustakaan. Seterusnya, tabiat membaca buku digital juga dikatakan tidak berkembang kerana hanya lima peratus rakyat negara ini membaca buku





digital ini. Oleh itu, cerpenis Kandan telah tergerak untuk menyelitkan pesanan ini untuk mendorong dan menggesa para pembacanya memupuk amalan membaca.

4.3.5 Ibu Bapa Wajar Menghormati Pemilihan Pasangan Hidup Anak

Para golongan muda zaman sekarang lebih suka memilih pasangan hidup masing-masing. Personaliti seseorang pemuda sangat mempengaruhi dalam pemilihan pasangan hidupnya. Pasangan membawa maksud sesuatu yang menjadi regu atau jodoh kepada seseorang lain, iaitu satu daripada dua yang berpasang-pasang. Manakala, pengertian pasangan hidup ialah pasangan yang diikat oleh pernikahan yang menghalalkan hubungan mereka, berkongsi sisa hidup bersama dan menyambung jurai keturunan (Airissa Hanis Adeli, Nur Aisyah Nazari, Nurul Hafizah Abdul Afif, Ahmad Ahnaf Ishak & Nur Erna Sari Shahrani, 2017).

Dalam pada itu, kajian Kok Mun Ng, Johnben Teik Cheok Loy, Zaidy Mohd Zain dan Winnee Cheong (2013) menunjukkan bahawa perkahwinan yang diatur ialah sistem perkahwinan yang diamalkan oleh rakyat Malaysia sehingga tahun 1960-an. Berikutan perkembangan sosioekonomi yang pesat dan peralihan ke arah keluarga nuklear dalam beberapa dekad terakhir, rakyat Malaysia telah mencapai tahap pendidikan yang lebih tinggi, peluang kerjaya yang lebih tinggi, dan peningkatan aspirasi untuk hidup bebas, mengakibatkan perkahwinan yang diatur memberi laluan kepada lebih banyak perkahwinan pilihan pasangan itu sendiri. Kajian menunjukkan bahawa kira-kira 41% wanita India Malaysia melaporkan berkahwin dengan pasangan pilihan mereka (Kok Mun Ng et al., 2013). Berdasarkan hasil kajian ini, masih terdapat 49% perkahwinan kaun wanita India ditentukan oleh golongan





ibu bapa yang ingin memilih pasangan hidup untuk anak perempuan mereka. Sikap ini mendatangkan pelbagai masalah kepada anak perempuan ini.

Dalam cerpen *Kālam pōdda kōlam*, terdapat ibu bapa yang tetap menunjukkan pendirian tegas dalam pemilihan jodoh untuk anak perempuan lalu memaksanya mengkahwini jodoh pilihan mereka tanpa menyiasat latar belakangnya. Parvathi dan Thirimurugan saling mencintai sejak di bangku sekolah menengah. Selepas beberapa tahun kemudian, ibu bapa Parvathi mengambil keputusan untuk mengkahwinkannya dengan seorang anak saudara. Parvathi tidak bersetuju dengan pilihan ibu bapa dan tetap dengan pendirinya untuk mengkahwini Thirimurugan. Namun, ibu bapa Parvathi tetap dengan pendirian mereka.



அவள் தனக்குத் திருமணம் நடந்தால் திருமுகனையே மணப்பேன் என்றும் வாதாடினாள். எனினும் பிடிவாதமாக திருமணத்தை நடத்தி முடித்து விட்டனர்.....பெற்றோர்களின் கட்டளைக்கு இணங்க வேண்டியதாயிற்று. (அ. கந்தன், 2017, ப. 70)

Parvathi menegaskan kepada ibu bapanya bahawa dia tetap mahu mengkahwini Thirimugan. Namun, ibu bapanya tetap melangsungkan perkahwinan seperti dirancang. Dia terpaksa akur pada arahan ibu bapanya. (A. Kandan, 2017, ms. 70)

Selepas perkahwinan, Parvathi dapat mengetahui bahawa suaminya seorang pemabuk dan penagih dadah. Berikutan itu, suami Parvathi telah mengalami kerosakan paru-paru akibat terlalu minum arak lalu meninggal dunia. Sementara itu, Parvathi juga mengidap sakit jantung lalu turut meninggal dunia sambil menjadikan anak tunggalnya





menjadi yatim piatu. Tindakan ibu bapa Parvathi telah memusnahkan kehidupannya dan menjadikan anaknya, yatim piatu.

Sementara itu, dalam cerpen *Parantu sendra paingkili* watak Malarvizhi berlari dari rumah bersama kekasihnya apabila ibu bapanya bercadang untuk mengahwinkannya dengan jejaka yang dipilih oleh mereka dan tetap tidak bersetuju dengan pilihan anaknya itu. Oleh itu, Malarvizhi mengambil keputusan untuk berlari dari rumah dan mendirikan rumah tangga bersama kekasihnya yang dianggap setia padanya.

சிறையில் அடைக்கப்பட்ட பைங்கிளி தன் துணையோடு பறந்து செல்வதைப் போல அவள் வீட்டில் இருந்த நகைகளையும் துணிமணிகளையும் பணத்தையும் எடுத்துக் கொண்டு காதலனோடு ஊரை விட்டு ஓடி விட்டாள் (அ. கந்தன், 2017, ப.135).



Malarvizhi semacam burung kakak tua yang terlepas dari sangkar bersama dengan pasangannya terbang telah lari dari rumah bersama kekasihnya dengan barang kemas, pakaian dan wang yang diambil dari rumahnya. (A. Kandan, 2017, ms. 135)

Walaupun percintaan Malarvizhi tidak berakhir dengan kebahagiaan, namun tindakannya melarikan diri dari rumah telah menjatuhkan maruah keluarga dan meragut nyawa ayahnya. Sehubungan ini, ibu bapa wajar mengambil tindakan rasional agar anak mereka tidak mengambil tindakan terburu-buru. Sebenarnya, Malarvizhi telah terdesak mengambil tindakan tidak rasional dan wajar yang menghancurkan kehidupan sendiri dan meragut nyawa ayahnya. Oleh itu, cerpenis Kandan menggesa masyarakat Tamil supaya menggunakan pendekatan mesra dan rasional dalam menentukan pasangan hidup untuk anak





perempuan mereka atau mengatasi masalah salah pilihan pasangan hidup untuk mengelakkan sebarang masalah timbul yang boleh menghancurkan kehidupan anak serta mencemarkan nama baik keluarga.

4.3.6 Ibu bapa Harus Menitikberatkan Tanggungjawab Membentuk Keperibadian Anak

Mengikut Kamus Dewan Edisi Baru (1993) keperibadian merujuk kepada sifat dan sikap yang sudah sebatang dengan diri seseorang yang membentuk kelakuan atau tingkah laku yang baik, budi pekerti dan moralnya. Keperibadian juga dikenali sebagai sahsiah atau personaliti. Setiap manusia mempunyai nilai keperibadian tersendiri. Personaliti atau sahsiah dapatlah diertikan secara umum sebagai lambang ciri keperibadian seseorang individu yang membawa sifat-sifat yang berbeza dengan individu yang lain. (Siti Sarawati Johar, 2011).

Mengikut Siti Sarawati Johar (2011), keperibadian merupakan sifat-sifat yang ada pada seseorang individu seperti cara berfikir, beraksi, beremosi, berpersepsi dan sikap lain lagi yang membolehkannya berbeza dengan orang lain. Sementara itu, menurut MyHealth (2020), personaliti merangkumi sifat dan sikap seperti perangai atau tabiat yang wujud sejak kecil, kepintaran atau daya intelek, nilai-nilai kepercayaan, corak pemikiran dan kelakuan, dan emosi. Menurut Siti Sarawati Johar (2011), aspek personaliti manusia adalah sebagai hasil daripada gabungan biologi dan persekitaran. Oleh itu, keperibadian seseorang adalah sifat diwarisi daripada ibu bapa dan dipengaruhi oleh faktor persekitaran. Justeru, ibu bapa sebagai orang yang terdekat memainkan peranan penting untuk memupuk ilmu termasuk agama dan moral serta melengkapkan proses pembinaan peribadi sebagai insan yang terpuji dalam diri anak.





Sehubungan ini, isu sosial seperti penagihan dadah, mengedar dadah, membuli, masalah disiplin, lumba haram, lari dari rumah, gengsterisme, vandalisme, minum arak dan bercinta semasa alam persekolahan yang dipaparkan dalam cerpen *Vāla ninaittāl vālalam*, *Kālam pōdda kōlam*, *Ilaya samutāyam*, *Parantu sendra paingkili* dan *Ariyātanam* yang terkandung kumpulan cerpen *Urimai Pōrāttam* menegur sikap ibu bapa Tamil yang gagal menuaikan tanggungjawab ini dengan sepenuhnya. Gejala sosial ini melambangkan masyarakat Tamil sebagai masyarakat yang bermasalah.

Dalam cerpen *Vāla ninaittāl vālalam*, watak utama Mogan dipaparkan sebagai seorang remaja, pemuda dan suami yang bermasalah pada diri sendiri serta mendatangkan penderitaan kepada orang lain di sekelilingnya. Dia gambarkan sebagai seorang pelajar yang tidak dapat dikawal sejak di sekolah rendah lagi. Di sekolah menengah pula, Mogan dipaparkan sebagai buli, kaki botol dan menagih dadah. Selepas menamatkan pelajaran, dia telah menjadi pengedar dadah dan pelumba haram. Selepas berkahwin, dia masih meneruskan kegiatan menagih dadah lalu dimasukkan di pusat serenti. Anaknyanya yang dikandung dikatakan mungkin mengalami kecacatan disebabkan kesan dadah. Sebagai pelajar dia telah mengancam keselamatan pelajar lain. Selepas itu, dia menjadi pengedar dadah yang menggugat keselamatan negara serta menjadi punca kematian kekasihnya semasa perlumbaan haram. Dalam keluarga pula, dia mendatangkan keperitan kepada ibu bapa, isteri dan anak yang bakal dilahirkan. Menurut cerpenis Kandan, segala ini berpunca daripada sikap alpa ibu bapanya dalam memupuk keperibadiannya. Mereka gagal membentuk peribadi Mogan sejak di kecil lagi





அவன் பெற்றோரைப் பள்ளிக்கு அழைத்தால் வரமாட்டார்கள். கண்டும் காணாதது போல் இருந்து விடுவார்கள். (அ. கந்தன், 2017, ப.12)

Sekiranya ibu bapanya diminta datang ke sekolah, tidak akan datang. Mereka tidak akan mempedulikan hal itu. (A. Kandan, 2017, ms.12)

Seterusnya, dalam cerpen *Ilaya samutāyam*, sekumpulan remaja digambarkan terlibat dalam gejala vandalisme, mencuri dan gengsterisme. Kumpulan remaja ini juga merupakan bekas pelajar sebuah sekolah Tamil yang mengganggu perjalanan persembahan kebudayaan di sekolah itu kerana tidak diberi peluang untuk mempersembahkan tarian mereka. Mereka mengherdik dan mempersendakan cikgu Murgadas yang tidak memberi peluang tersebut.



டேய் ..பேசியது போதுன்டா..கீழே இறங்குடா, கலை கலாச்சாரத்தைக் கட்டிக் காக்கா போறவன் முஞ்சைப் பாரு, என்று பழைய மாணவர்கள் பக்கமிருந்து மீண்டும் காட்டுக் கூச்சல். (அ. கந்தன், 2017, ப.93)

Hoi, cukuplah ucapan awak (bahasa biadab)..Turun ke bawah. Lihatlah muka orang yang akan memelihara seni dan budaya. Terdengar suara bengit dari sudut bekas pelajar itu. (A. Kandan, 2017, ms. 93)

Selepas tamatnya persembahan kebudayaan, Murugadas mendapati bahawa motorsikalnya hilang dan tayar-tayar kereta kepunyaan seorang guru lagi dipancitkan.

அவரின் மோட்டார் சைக்கிளைக் காணவில்லை. மற்றொரு ஆசிரியரின் காரின் இரண்டு சக்கரங்கள் துளைப் போடப்பட்டிருந்தன. (அ. கந்தன், 2017, ப. 94)





Motosikanya hilang. Kedua-dua tayar kereta kepunyaan seorang guru lagi dipancitkan. (A. Kandan, 2017, ms. 94)

Murugadas merenung tentang sikap anak murid sekarang yang mencalar kereta dan mencarut guru-guru yang menasihati mereka. Terdapat juga pelajar yang tidak berminat untuk belajar sebaliknya ponteng, mencuri, bertingkah laku biadab dan merompak. Murugas menekankan tanggungjawab ibu bapa dalam menangani gejala sosial ini.

பெற்றோர்களுக்குத்தான் மிகப் பெரிய பொறுப்புள்ளது. பிள்ளைகளின் நடவடிக்கையை பெற்றோர்கள் அறிந்திருக்க வேண்டும். (அ. கந்தன், 2017, ப.98)

Ibu bapa mempunyai tanggungjawab yang besar. Ibu bapa harus mengetahui segala tindak-tanduk anak-anak mereka. (A. Kandan, 2017, ms.98).

Sementara itu, kajian Hasan Bahrom (2004) yang melibatkan semua kaum di negara ini mendapati bahawa golongan juvana atau remaja terlibat dalam pelbagai kesalahan juvana seperti menghisab dadah, mengedar dadah, membunuh diri, mencederakan orang, memiliki senjata api, merogol, lumba haram, merosakkan harta benda, mencuri, merompak, lari dari rumah dan tidak dapat kawal. Senarai kesalahan yang dirumuskan oleh Hasan Bahrom memang mengandungi sebahagian besar gejala sosial yang diparkan dalam cerpen-cerpen tersebut. Oleh itu, cerpenis sebagai seorang guru, aktivis social dan penulis prolific memang menyedari bahawa golongan ibu bapalah menjadi akar umbi kepada gejala sosial dalam kalangan remaja Tamil di Malaysia. Justeru, beliau berpesan kepada golongan ibu bapa supaya menitikberatkan tanggungjawab membentuk keperibadian anak mereka kerana





sesebuah masyarakat dan negara tidak akan maju tanpa adanya kombinasi fungsi daripada elemen kemasyarakatan dan kemanusiaan.

4.3.7 Ibu Bapa Harus Menghantar Anak Mereka ke Sekoah Tamil

Menurut Bloomfield, Leonard (2005), bahasa ibunda ialah bahasa yang dikenali oleh seseorang bermula dari saat dilahirkan atau didedahkan sejak usia krtikalnya. Salinah Jaafar (2015) menjelaskan bahawa bahasa ibunda ialah bahasa yang ditutur secara khusus oleh sesuatu bangsa dan diwarisi generasi demi generasi. Menurutnya, bahasa ibunda mampu mengungkap pemikiran, hati nurani, perasaan mahu pun impian sesuatu bangsa itu. Oleh itulah sering dilaung-laungkan slogan ‘Bahasa Melambangkan Bangsa dan Bahasa Jiwa Bangsa’. Slogan ini menegaskan bahawa tiada bahasa lain yang dapat membentuk ketamadunan sesuatu bangsa itu melainkan bahasa bangsa itu sendiri.

Sehubungan ini, adalah disyorkan bahawa pendidikan awal, iaitu sekolah rendah itu wajar diajar dengan menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar. Oleh itu, sebahagian besar masyarakat Tamil hendakkan pendidikan rendah anak mereka diajar dalam bahasa Tamil. Namun, pendidikan dalam bahasa ibunda telah menjadi perdebatan dalam kalangan oleh pelbagai pihak termasuk masyarakat Tamil itu sendiri. Pelbagai kajian telah menunjukkan bahawa seseorang kanak-kanak mampu memahami dan belajar dengan lebih baik dalam bahasa ibundanya. Shahrir Mohd Zain (2005) menyatakan bahawa terdapat kajian di Amerika Syarikat menunjukkan bahawa pelajar (terutama peringkat sekolah rendah) dapat menerima pelajaran dan pengetahuan dengan lebih mudah dengan menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa





pengantar. Bagaimanapun halangan politik dan ekonomi amat besar dan mungkin memberi kesan kepada pembelajaran kanak-kanak tersebut.

Cerpenis Kandan yang berpengalaman luas dalam bidang pendidikan menggesa supaya pendidikan rendah wajar dijalankan dalam bahasa Tamil kerana pengajaran dalam bahasa tersebut dapat memberi kesan yang lebih baik terhadap pencapaian pelajar. Oleh itu, beliau menggesa masyarakat Tamil menghantar anak mereka ke sekolah Tamil. Dalam cerpen *Māriyatu manam* terpapar watak Manikam yang juga pernah menuntut di sekolah Tamil berpandangan negatif terhadap sekolah Tamil. Cerpenis Kandan melalui cikgu Tamilarasu yang meruapakan bekas guru Manikam, meluahkan pendiriannya tentang keistimewaan sekolah Tamil.



பெரும்பாலான (தமிழ்) பள்ளிகள் எல்லா வசதிகளையும் கொண்டுள்ளன. தமிழாசிரியர், மருத்துவர், வழக்கறிஞர் பிள்ளைகள்கூட இப்போது தமிழ்ப்பள்ளியில் படிக்கிறார்கள். தமிழ்ப்பள்ளியில் படிக்கும் மாணவர்கள் ஏழு 'ஏ' பெற்று சாதனைப் படைக்கிறார்கள். அறிவியல் துறையில் சிறந்து விளங்குகின்றார்கள். தமிழ்ப்பள்ளியில் தரமான ஆங்கிலம், தேசியமொழிக்கூட கற்றுத்தரப்படுகிறது. (அ. கந்தன், 2017, ப.47-49)

Kebanyakan sekolah (Tamil) memiliki segala kemudahan. Anak guru Tamil, doktor dan peguam juga belajar di sekolah Tamil. Pelajar yang menuntut di sekolah Tamil turut mencapai kecemerlangan dengan memperoleh tujuh 'A'. Mereka juga menunjukkan penguasaan cemerlang dalam bidang sains. Bahasa Melayu dan bahasa Inggeris turut diajar dengan baik sekali. (A. Kandan, 2017, ms. 47-48)





Selain itu, cikgu Tamilarasu terus menegaskan kepentingan memelihara bahasa ibunda, iaitu bahasa Tamil.

தமிழ் தமிழர்களின் அடையாளமாகும். தாய்மொழியே ஓர் இனத்தின் உயிராகும். தமிழுக்குச் சொந்தக்காரர்களாகிய நாம் தமிழைப் படிக்கவும் கட்டிக் காக்கவும் வழி தெரியாமல் வாழ்கின்றோம். (அ. கந்தன், 2017, ப. 48-49)

Bahasa Tamil ialah pengenalan kepada masyarakat Tamil. Bahasa ibunda ialah jiwa sesuatu bangsa. Kita sebagai pemilik bahasa Tamil hidup tanpa mempelajarii dan memelihara bahasa kita. (A. Kandan, 2017, ms. 48-49)

Ketua Pengarah Pertubuhan Pendidikan, Saintifik, Kebudayaan Bangsa-bangsa



05 Bersatu (UNESCO), Irina Bokova secara prinsipnya menggalakan pihak sekolah ptbupsi

rendah mengajar dalam bahasa ibunda (Salinah Jaafar, 2015). Kajian UNESCO menunjukkan bahawa kanak-kanak yang mula belajar dalam bahasa ibunda mampu mula belajar dengan lebih baik dan terus belajar dengan lebih baik berbanding dengan pelajar yang mula belajar dengan menggunakan bahasa baru. Seringkali pengalaman kanak-kanak yang terpengaruh dengan persekitaran asing, tanpa bantuan keluarga, dan dipaksa memahami bahasa baru untuk membaca dan mengaji adalah lebih mencabarkan. Pengalaman yang menakutkan dan mengelirukan bukanlah persekitaran yang baik bagi seorang kanak-kanak untuk memperoleh ilmu. Tambahan pula, pelajar yang ketinggalan mungkin dilabelkan sebagai pelajar lembab dan keadaan ini meningkatkan kemungkinan mereka tercicir dalam bidang pembelajaran. Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) menyimpulkan bahawa cara yang paling baik mendapatkan ilmu





adalah dengan mempelajarinya dalam bahasa ibunda sendiri yang sudah pun difahami dan dikuasai (Berita Harian Online, 6.2.2020).

Menurut Rajasegar Maniam (2019), sekolah Tamil membantu membentuk sahsiah yang dikaitkan dengan masyarakat Tamil. Menurutnya, pelajar dari sekolah Tamil menampilkan sifat-sifat moral yang amat erat dengan jiwa dan perasaannya. Mereka akan mengamalkan nilai-nilai murni ini agar menjadi insan yang berguna pada diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negaranya. Di samping itu, golongan ini didapati menjalani kehidupan yang berjaya serta tersohor dalam masyarakat Malaysia. Seiring dengan ini, cerpenis menggesa ibu bapa supaya menghantar anak mereka ke sekolah Tamil.

4.3.8 Anak-anak Harus Menghargai Pengorbanan Ibu Bapa



Memang tidak dapat dinafikan bahawa ibu bapa ialah agen utama dan pihak pertama yang berperanan melaksanakan tanggungjawab mengasuh, mendidik, mengajar, membimbing dan bertungkus lumus mencari sumber kewangan untuk membiayai pendidikan serta melakukan segala pengorbanan demi masa depan anak agar menjadi pewaris pelapis kepada generasi yang cemerlang ilmu dan akhlaknya supaya dapat menjalani kehidupan yang sejahtera dan bahagia. Pendeta Thiruvalluar (Accharya, B.S. 2006) turut menjelaskan perasaan seseorang ibu apabila anaknya dipuji sebagai seorang manusia bijaksana.





ஈன்ற பொழுதின் பெரிதுஉவக்கும் தன்மகனைச்

சான்றோன் எனக்கேட்ட தாய்- குறள் 89

Īnra polutil perituvakkum thanmaganai

Sanron enak kedda tai – Kural 89

Kural itu membawa maksud bahawa seseorang ibu yang telah mengetahui anaknya dipuji oleh orang sebagai seorang insan yang mulia dan berilmu pengetahuan, akan berasa sangat gembira berbanding dengan kegembiraan yang dialami ketika melahirkannya. *Kural* ini menegaskan bahawa ibu bapa lebih mengutamakan dan mendoakan kebahagiaan anaknya.

Seiring dengan ini, seseorang anak juga mempunyai tanggungjawab moral untuk memelihara maruah diri, kebajikan dan kesejahteraan diri ibu bapa. Pendeta Thiruvaluar turut menegaskan tanggungjawab itu.

மகன்தந்தைக்கு ஆற்றும் உதவி இவன்தந்தை

என்றோற்றான் கொள்ளும் சொல்.- குறள் 7

Magantantaikku arrum utavi ivantantai

Ennorrar kolenum sol- Kural 7

Kural ini membawa maksud bahawa balasan (tanggungjawab) seseorang anak kepada ayahnya ialah pujian orang ramai bahawa betapa ayah tersebut bertapa (bertuah) melahirkannya. *Kural* ini menegaskan sikap dan sifat yang harus menjadi ikutan seseorang anak agar ibu bapanya dipuji orang ramai. Malangnya, anak-anak sekarang yang dikatakan





mengamalkan sifat dan sikap yang lebih mementingkan diri mendatangkan cemuhan masyarakat kepada ibu bapa dan golongan ini turut sanggup mengabaikan kesejahteraan ibu bapa. Oleh itu, cerpenis Kandan terpanggil untuk membidas golongan muda yang bersifat mementingkan diri ini dan menyeru supaya menghargai jasa dan pengorbanan ibu bapa.

Cerpen yang bertajuk *Ariyātanam* mengisahkan tingkah laku seorang remaja perempuan berumur 17 tahun bernanam Manju yang melarikan diri dari rumah selepas ibu memarahinya apabila Manju gagal dalam peperiksaan. Manju tidak dapat menerima teguran emaknya. Emak Manju mengambil berat akan pelajaran anaknya lalu dia sanggup memenuhi segala keperluan dan turut menghantarnya ke kelas tuisyen. Oleh itu, Manju mengambil keputusan untuk meninggalkan rumah dan berpendirian tetap agar tidak akan kembali lagi.



அம்மா.. நீ இவ்வளவு கொடுமையானவளா? தோழிகளோடு அரட்டையடிக்கக்கூடாது. அதிக நேரம் தொலைக்காட்சி பார்க்கக்கூடாது. அழகழகா உடுத்தக்கூடாது. எந்த நேரமும் புத்தகமும் கையுமாக இருக்க வேண்டும். கொஞ்சம் நேரம் கழித்து வீட்டுக்கு வந்தால் கூட கேள்வி மேல் கேள்வி கேட்டு துளைப்பது. இதெல்லாம் எனக்கு அறவே பிடிக்காது என்பதை புரிந்து கொள்ளாத அம்மா, உன்னிடமிருந்து எனக்கு விடுதலை வேண்டும் (அ. கந்தன், 2017, ப. 18)

..Mak..awak ini begitu kejamkah? Tidak boleh berborak dengan kawan-kawan. Tidak boleh menonton televisyen begitu lama. Tidak boleh menghiaskan diri dengan cantik. Sepanjang masa mesti mentelaah buku. Sekiranya datang lewat, disoal bertubi-tubi. Aku hendakkan kebebsan daripada ibu yang tidak faham bahawa aku benci semua ini. (A. Kandan, 2017, ms. 18).





Seterusnya, dalam cerpen berjudul *Parantu sendra paingkili*, Malarvizhi telah jatuh cinta pada Maran lalu tidak dapat menumpukan perhatian pada pelajaran. Akibatnya, dia telah gagal dalam peperiksaan SPM. Ibu bapa Malarvizhi bercadang untuk mengahwinkannya dengan jejaka yang pilihan mereka. Namun, Malarvizhi enggan mengahwini jejaka pilihan ibu bapa lalu berlari dari rumah untuk mendirikan rumah tangga bersama dengan kekasihnya yang dianggap setia padanya.

சிறையில் அடைக்கப்பட்ட பைங்கிளி தன் துணையோடு பறந்து செல்வதைப் போல அவள் வீட்டில் இருந்த நகைகளையும் துணிமணிகளையும் பணத்தையும் எடுத்துக் கொண்டு காதலனோடு ஊரை விட்டு ஓடி விட்டாள் (அ. கந்தன், 2017, ப.135).



Malarvizhi semacam burung kakak tua yang terlepas dari sangkar bersama dengan pasangannya yang terbang telah lari dari rumah bersama kekasihnya dengan barang kemas, pakaian dan wang yang diambil dari rumahnya. (A. Kandan, 2017, ms.135)

Berikutan tindakan Malarvizhi, bapa Malarvizhi meninggal dunia kerana tidak sanggup berdepan dengan tindakan menderhaka anak perempuannya yang menjatuhkan maruah keluarganya. Adik-beradik dan sanak-saudaranya juga turut berasa sedemikian.

Akhir sekali, dalam cerpen *Cuyanalam*, dikisahkan sikap seorang anak yang mengabaikan kesejahteraan dan kebajikan ibu bapa. Anbalagan telah menggunakan semua simpanannya untuk melangsungkan perkahwinan semua orang anaknya, kecuali Kanapathi. Dia telah melangsungkan perkahwinan Kanapathi dengan bantuan anak-anak lain kerana sudah pun jatuh sakit. Kini, Anbalagan hidup bergantung pada anaknya Kanapathi. Namun,





Kanapathi dan isterinya memberitahu bahawa mereka ingin berpindah ke rumah lain kerana ingin akan rumah tangga dan rumahnya sendiri.

வாடகை வீடு பார்த்திருக்கோம், என்றான் குதர்க்கமாக கணபதி. என்டா இந்த திடீர் முடிவு? எனப் பதற்றத்துடன் கேட்டாள் கற்பகம். என்னப்பா இது? இந்த வீடு அப்படி என்ன வசதி குறைச்ச லாலா போச்சு? கடல் போன்ற வீடு இருக்கு. நீ வாடகை கொடுத்து இருக்கப் போகிறேன்றியே? என்றாள் கற்பகம். எலி வளையானாலும் தனி வளையா வேணும் எனச் சொல்லுவாங்களே கேள்விப்பட்டதில்லையா? (ஆ. கந்தன், 2017, ப.124)

Kami sudah mencari rumah sewa, kata Kanapathi dengan sinis. Kenapa tiba-tiba ambil keputusan ini, Kanapathi? Apakah kekurangan di rumah ini? Sedangkan rumah ini bagai laut, kamu pula ingin menyewa rumah, tanya Karpagam dengan perasaan getar. Pernah dengar orang kata walau pun rumah itu rupa macam liang tikus, haruslah liang sendiri? kata Kanapathi. (A. Kandan, 2017, ms.124)

Sebenarnya, Kanapathi dan isterinya cuba menggunakan muslihat untuk mendesak ayahnya agar memindahkan hak milik rumah itu kepadanya. Berikutan ini, Anbalagan membuat keputusan untuk mencari rezeki untuk menyara diri mereka walaupun berpenyakit.

Ketiga-tiga cerpen tersebut memaparkan anak-anak yang mengamalkan sikap mementingkan diri dan tidak mempedulikan perasaan, pengorbanan, jasa dan kesejahteraan ibu bapa yang banyak melakukan pengorbanan. Sehubungan ini, Laporan Statistik Kebajikan Masyarakat 2018 menunjukkan bahawa 12.6% penghuni di Rumah Sinar





Harapan untuk warga emas ialah kaum India kerana golongan ini tinggal berseorangan dan memerlukan penjagaan. Data ini turut menunjukkan bahawa terdapat golongan ibu bapa daripada kaum India diabaikan oleh anak mereka. Oleh itu, cerpenis Kandan menyeru kepada golongan muda supaya menghargai pengorbanan ibu bapa demi memelihara maruah diri, kesejahteraan dan kebajikan ibu bapa.

4.3.9 Golongan Muda yang Lemah dalam Bidang Akademik Harus Menguasai Kemahiran Teknikal demi Berjaya dalam Kehidupan

Kemahiran dapat didefinisikan sebagai kemampuan untuk mencapai dengan jayanya sesuatu yang memerlukan pengetahuan yang khusus atau kebolehan mahupun kecekapan. Selain itu, kemahiran turut dimaksudkan sebagai suatu seni, iaitu kebolehan atau teknik yang diperolehi melalui latihan atau pengalaman khususnya yang melibatkan penggunaan anggota badan (Suhaili Hanafi, 2015). Mengikut Zurina Yasak dan Zaidatun Tasir (2006) kemahiran teknikal adalah merujuk kepada kefahaman dan kecekapan dalam sesuatu aktiviti yang khusus, terutamanya sesuatu yang melibatkan kaedah, proses, prosedur dan teknik. Mereka juga menjelaskan bahawa kemahiran teknikal merupakan suatu pengetahuan yang khusus dan keupayaan analitikal dalam penggunaan alat-alat dan teknik dalam disiplin tertentu, misalnya dalam kejuruteraan awam, kejuruteraan elektrik dan elektronik mahupun sistem maklumat.

Menurut Suhaili Hanafi (2015) sememangnya kemahiran teknikal khusus diperlukan oleh majikan. Beliau menegaskan bahawa pendekatan pendidikan perlu bersifat ‘hands-on’ bagi memastikan kemahiran teknikal itu relevan dengan perkembangan semasa. Selain itu,





Malaysia masih kekurangan pelajar, terutamanya golongan belia yang menceburi bidang kemahiran teknikal dan vokasional untuk memenuhi tenaga kerja mahir dalam negara. Selain itu, kemahiran teknikal adalah penting dalam usaha pembangunan modal insan bertaraf dunia yang dapat mentransformasikan ekonomi negara ke arah status berpendapatan tinggi. (Berita Harian Online, Oktober 27, 2014). Di samping itu, kemahiran teknikal juga menawarkan banyak peluang pekerjaan, perniagaan dan keusahawanan.

Sehubungan ini, cerpenis memaparkan hakikat ini dalam cerpen *Ilacciyam* lalu mendorong golongan pelajar menguasai kemahiran teknikal. Watak Ganesan telah dimaki hamun oleh gurunya, Muthu kerana lembab dalam pelajaran lalu menyumpah Ganesan tidak akan maju dalam kehidupannya. Berikutan ini, dia telah berhenti sekolah lalu berpindah ke Shah Alam mengikuti bapanya menguruskan sebuah bengkel kereta. Ayahnya menyuruh Ganesan supaya berhenti sekolah kerana lembab dan menjadikan pembantu di bengkel itu. Namun, Ganesan tetap mahu meneruskan pelajarannya di situ. Ayahnya membenarkannya meneruskan pelajaran pada pagi dan pada sebelah petang pula disuruh membantunya. Seterusnya, Ganesan memperihalkan keadaan dirinya kepada bekas gurunya, Muthu.





அதிலிருந்து மாலையில் வாகனப் பட்டறைக்குச் சென்று எல்லா வேலைகளையும் கத்துக்கிட்டேன். எனக்கு அந்த வேலை பிடித்திருந்தது..அத்துடன் தாங்கள் கூறிய அறிவுரை என் நெஞ்சில் பதிந்துவிட்டது. விடா முயற்சியுடன் யூ.எஸ்.பி.ஆர்., எஸ்.பி.எம் தேர்வுகள் எழுதிகள் எழுதி அனைத்திலும் தேர்வு பெற்றேன். ‘கெமுனிட்டி காலேஜில்’ இயந்திரப் பிரிவில் சேர்ந்து படித்தேன். கூடவே கணினியும் படித்தேன், என்று பெருமித்தோடு கூறினான். திடீரென்று என் அப்பா மாரடைப்பால் இறந்து போனார். அவர் நடத்தி வந்த பட்டறையை நான் நடத்த வேண்டிய நிர்பந்தம் ஏற்பட்டு விட்டது. இப்போது நான் இரண்டு வாகனப் பட்டறைகளை வைத்திருக்கின்றேன். எனது அலுவலகத்திற்குப் பக்கத்திலிள்ள கட்டத்தை வாடகைக்கு எடுத்து கணினி மையம் நடத்தி வருகின்றேன். கணேசன் தன் முயற்சியால் நல்ல முன்னேற்றம் கண்டிருப்பதை அறிந்து தன் பாராட்டுதலைத் தெரிவித்துக் கொண்டார். (அ. கந்தன், 2017, ப.5-6)



Sejak itu, saya telah mempelajari semua jenis kerja di bengkel itu. Saya memang suka akan kerja itu. Tambahan pula, nasihat cikgu telah mendorong saya. Saya telah dengan gigih menduduki peperiksaan UPSR dan SPM lalu lulus dalam peperiksaan tersebut. Selepas itu, saya telah mengikuti bidang mekanikal di kolej komuniti, di samping itu turut mempelajari komputer, kata Ganesan dengan bangganya. Tiba-tiba ayah saya telah meninggal dunia kerana diserang sakit jantung. Saya terpaksa menguruskan bengkel keretanya. Kini, saya memiliki dua buah bengkel kereta. Selain itu, saya telah menyewa sebuah bangunan di sebelah pejabat saya lalu mengendalikan sebuah pusat komputer di situ. Cikgu (Muthu) telah mengucapkan tahniah kepada Ganesan kerana mencapai kemajuan dalam kehidupannya berkat usahanya. (A. Kandan, 2017. ms. 56)





Ganesan yang disumpah dan dimaki hamun kerana merupakan seorang pelajar yang lembab dan lemah, akhirnya berjaya dalam kehidupan kerana mengamalkan sikap rajin, gigih dan cekal dalam menguasai kemahiran teknikal iaitu, kemahiran membaiki kereta, mekanikal dan ilmu pengkomputeraan. Penguasaan kemahiran teknikal membolehkan Ganesan menjadi seorang usahawan yang berjaya. Oleh itu, bersandarkan kejayaan Ganesan, cerpenis menyeru para pembacanya, terutama pelajar yang lemah dalam akademik, mengembangkan keupayaan dengan mempelajari sesuatu kemahiran tertentu, terutama kemahiran teknikal.

4.3.10 Masyarakat Harus Berani Menentang Ketidakadilan

Kata berani merujuk kepada sifat gagah dan tabah menghadapi sebarang keadaan berbahaya atau sebarang kesulitan (Kamus Dewan Edisi Baru, 1993). Ketidakadilan ialah perlakuan yang tidak sama adil terhadap orang lain dalam kehidupan bermasyarakat atau pelanggaran hak seseorang dan layanan tidak sama rata (*Meriaam-Webster Online Dictionary*, 2020). Oleh itu, tindakan berani menentang ketidakadilan merujuk kepada sifat gagah atau tabah menghadapi sesuatu tindakan, situasi dan keadaan yang menggugat hak seseorang atau kumpulan yang diwakilinya. Lazimnya, tindakan menentang ketidakadilan berlaku untuk menuntut keadilan ekonomi dan memperbetulkan sesuatu ketidakadilan lama.

Fenomena ketidakadilan ialah suatu ciri manusia sejagat, walaupun keadaan tepat yang dianggap tidak adil berbeza mengikut budaya. Walaupun tindakan semula jadi kadang-kadang dapat membangkitkan rasa tidak adil, rasa itu biasanya dikaitkan dengan tindakan manusia itu sendiri seperti penyalahgunaan, pengabaian atau penyelewengan yang tidak





diperbetulkan atau dipersetujui oleh sistem perundangan atau sesama manusia (Eric Heinze, 2012). Menurut Eric Heinze, perasaan tidak adil (ketidakadilan) boleh menjadi punca motivasi yang kuat menyebabkan orang mengambil tindakan bukan hanya untuk mempertahankan diri sendiri tetapi juga orang lain.

Sehubungan ini, masyarakat Tamil di Malaysia sering menghadapi ketidakadilan berbentuk penindasan ekonomi sejak zaman penjajahan. Sebahagian besar masalah hari ini adalah berpunca daripada tindakan penjajah dan pihak pengurusan ladang Inggeris yang membawa kaum Tamil ke Malaysia. Penindasan berbentuk ekonomi merujuk kepada penghambaan, pekerjaan paksa, upah rendah, buruh terikat, diskriminasi dalam peluang pekerjaan dan ekonomi berdasarkan jantina, kewarganegaraan, bangsa dan agama (Cudd, Ann E. 2006). Masyarakat Tamil yang dibawa ke negara ini sebagai pekerja untuk membangunkan pelbagai sektor, terutama perladangan pada pengujung abad kesembilan belas turut mengalami penindasan ekonomi ini. Oleh itu, cerpenis memaparkan tindakan seorang pemuda yang menentang perlakuan yang tidak adil dalam masyarakat dahulu agar fenomena ini tidak berterusan lagi dan menjadi inspirasi kepada masyarakat sekarang untuk turut berani menentang sebarang tindakan tidak adil pada masa kelak.

Dalam cerpen *Putu vālvu*, pihak pengurus sebuah ladang turut memaparkan sikap tidak adil terhadap pekerja ladang dengan menafikan hak gaji yang berpatutan, kesatuan, layanan tidak sopan kepada para pekerjanya dan bertindak menggunakan kekerasan. Aravindan sebagai pengerusi kesatuan pekerja mengemukakan beberapa aduan ahlinya diselesaikan. Namun, pengurus ladang itu tidak mahu mengiktiraf kesatuan mereka.





அடிமைகளுக்கு எல்லாம் சங்கம் ஒரு கேடா? அதற்கு ஒரு தலைவர்,
செயலாளர் கேட்க நல்லா வா இருக்கு?” என்று அலட்சியத்தோடு கூறினார். (அ.
கந்தன், 2017, ப. 36)

Orang-orang hamba perlukah kesatuan? Apatah lagi ada seorang pengerusi,
setiausaha lagi? Kata pengurus itu dengan selamba. (A. Kandan, 2017, ms. 36

Pengurus itu berusaha untuk menafikan hak menubuhkan kesatuan yang menjadi
hak asasi para pekerja di negara ini. Apabila Aravindan tidak takut akan caciannya, pengurus
itu cuba menggunakan pujukan untuk memujuknya supaya meninggalkan aktiviti kesatuan
dengan menawarkan tugas yang mudah. Namun, apabila Aravindan dengan berani menolak
tawaran itu, pengurus itu mula memaparkan sikap agresif agar Aravindan akan tunduk



நான் சொல்லவதெற்கெல்லாம் நீ எதிர்த்து பதில் சொல்லிக் கொண்டு
இருக்கிறாய். உனக்கு என்ன திமிர். நான் இந்த எஸ்டேட் மாணேஜர். நீ கூலி
என்பதை மறந்துவிடாதே, என்று கர்ஜித்தார். நான் உங்கள் கூலிதான்;
அடிமையல்ல...,என்றான் அரவிந்தன். (அ. கந்தன், 2017, ப.37)

Awak ini menentang percakapan saya. Awak sangat degil. Jangan lupa saya pengurus
ladang ini, awak ini kuli saya, meraung pengurus itu. Saya memang kuli tetapi bukan
hamba, membalas Aravindan.

(A. Kandan, 2017, ms.37)





Selanjutnya, pengurus itu cuba menunjukkan kemurkaannya dengan menggunakan kekerasan dengan menaruh Aravindan supaya menunduk dan mencium kasutnya. Namun, Aravindan tetap dengan pendiriannya kerana mementingkan maruah dirinya walaupun merupakan seorang pekerja ladang itu.

தன் கையிலிருந்த கழியை உயர்த்திக் கொண்டு, நீ எனக்கு முன் மண்டியிட்டு மன்னிப்பு கேள், என்றான் துரை. நான் அவ்வாறு செய்ய முடியாது, என்றான் அரவிந்தன்....(வாட்சுமேனனை நோக்கி), ஏய், கருப்புத் தோல் நாயே! என் முன் மண்டியிட்டு என் கால் செருப்பை முத்தமிடு, என்றான் மக திமிர் பிடித்த வெள்ளைக்காரன். மானேஜர் சொன்ன மாதிரி வாட்சுமேனும் செய்தான். நீயும் வாட்சுமேன் மாதிரி செய்ய வேண்டும். அதை பார்த்து நான் மகிழ வேண்டும், என்று ஆணவத்துடன் கூறினான் மானேஜர். (அ. கந்தன், 2017, ப.38-39)



Sambil mengangkat tinggi tongkat, awak mesti tunduk di depan saya dan minta maaf saya, kata pengurus itu. Saya tak akan berbuat demikian, kata Aravindan. (Sambil memandang pengawal, pengurus itu kata kepadanya), Hoi, anjing yang berkulit hitam! Tunduk depan saya dan cium kasut saya. Pengawal itu turut berbuat seperti diarahkan. Awak (Aravindan) pun mesti buat sama seperti pengawal. Saya akan berasa gembira melihat perbuatan itu, kata orang putih itu dengan perasaan bongkahnya. (A. Kandan, 2017, ms.38)

Akhir sekali, apabila pembantu pengurus cuba memaksanya berbuat demikian. Aravindan telah menghumbankan kedua-dua orang itu ke lantai lalu membelasah mereka dengan tongkat pengurus itu. Apabila ibu Aravindan mengetahui insiden itu, dia turut memuji keberanian anaknya itu.





மகனே! நீ சரியான காரியம்தான் செய்துள்ளாய். கவலைப்படாதே. உன் அப்பாவைவைப் போன்று தைரியசாலி என்பதை அறிந்து மகிழ்ச்சி அடைகின்றேன். என் மகன் கோழையல்ல. நீதிக்கும் நேர்மைக்கும் கட்டுப்பட்டவன். என்பதை அறிந்து சந்தோசம் அடைகின்றேன். ஓர் ஆண் மாகனுக்கு இருக்க வேண்டிய மிக முக்கிமானது தன்மானம்தான். தன்மானத்துக்குப் பங்கம் ஏற்படுமாயின் உயிரைக் கொடுத்தாவது தற்காக்க வேண்டும். என் மகன் ஆங்கில துரைக்கு அடிப்பணிந்து போயிருந்தால் எத்துணை அவமானம் ஏற்பட்டிருக்கும், (அ.கந்தன், 2017, ப. 41)

Anak! Tindakan awak itu adalah wajar. Jangan risau. Saya berasa gembira dapat mengetahui awak berani seperti ayah awak. Saya turut berasa gembira anakku bukan seorang penakut, tetapi seorang yang akur pada keadilan dan kejujuran. Salah satu sifat utama yang harus dimiliki oleh seorang lelaki ialah maruah diri. Sekiranya maruah diri terancam, seseorang harus sanggup menggadaikan nyawa untuk mempertahankannya. Betapa terhinanya, sekiranya anakku tunduk kepada pengurus Inggeris itu (A. Kandan, 2017, ms. 41)

Selain itu, pemerintah Inggeris Sir Thomas Hillslap ketika itu (Janakey Raman Manickam, 2011: *High Tinker: A New System of Slavery & the Export of Indian Labour Overseas, 1830-1920*), pernah menyatakan bahawa pihak Inggeris hanya memerlukan pekerja (kuli) kontrak sahaja bukan manusia yang bebas. Selain itu, para pekerja yang menandatangani kontrak tidak boleh menentang pihak pengurus atau penyelia dan perbuatan itu dianggap sebagai satu kesalahan di bawah perjanjian. Oleh itu, pekerja yang menentang atau ingkar perintah akan ditampar, ditendang atau dibelasah selepas diikat pada tiang. Perbincangan ini jelas menunjukkan bahawa pihak pemilik ladang Inggeris telah bertindak





tidak adil dan kejam dengan mengamalkan dasar hamba abdi, menafikan pendapatan yang berpatutan dan hak untuk menubuhkan kesatuan demi mengeksploitasi dan menindas para pekerja Tamil. Pengurus ladang itu tidak menyedari hakikat bahawa Aravindan yang merupakan generasi baru yang dilahirkan di sini dan tidak terikat pada sebarang perjanjian, tidak perlu akur pada tindakan tidak adilnya. Sememangnya, perlakuan Aravindan dalam cerpen *Putu vālvu* adalah wajar dan terpuji kerana berani menentang ketidakadilan pihak pengurus dengan gagah dan tabah untuk memelihara maruah diri dan hak ahli-ahli kesatuannya. Justeru, cerpenis Kandan turut menyeru kepada masyarakat Tamil supaya mengambil iktibar daripada perlakuan Aravindan untuk bertindak berani menentang sebarang perlakuan tidak adil yang menggugat kesejahteraan dan kebajikan masyarakat Tamil di Malaysia.



4.3.11 Pihak Berkuasa Harus Prihatin Dalam Pengambilan Masyarakat Tamil ke Universiti dan Perkhidmatan Awam.

Masalah kemiskinan memang menjadi maslah sosial yang ketara dalam masyarakat India. Mengikut laporan Unit Perancang Ekonomi (2021), kadar kemiskinan mutlak kaum India didapati telah menurun daripada 39.3% pada tahun 1970 kepada 4.8% pada tahun 2019, sebaliknya kadar kemiskinan relatif kaum India telah meningkat kepada 15.4% pada tahun 2019 berbanding dengan 14.5% pada tahun 1970, iaitu peningkatan sebanyak 0.9%. Namun, kadar kemiskinan masyarakat India pada tahun 2019 ini didapati masih kedua tertinggi berbanding dengan kaum Bumiputera yang mencatatkan kemiskinan mutlak sebanyak 7.2% dan kemiskinan relatif 18.8%, iaitu menunjukkan penurunan sebanyak 0.1% berbanding dengan tahun 1970.





Sementara itu, kajian Yayasan Pemulihan Sosial (YPS) (Denison Jayasooria, 2016), mendapati bahawa sejumlah 40 peratus daripada 2.6 juta orang India di negara ini dikatakan sedang bergelut di bawah tangga pendapatan rendah. Golongan inilah sebahagian daripada kumpulan miskin bandar dan golongan berpendapatan rendah inilah yang menghadapi pelbagai cabaran dalam pembangunan sosioekonomi. YPS turut mendakwa bahawa 40% peratus India yang paling bawah ini telah "terikat dalam keadaan ini selama 10 tahun terakhir" dan jatuh ke bawah purata kebangsaan, dan tidak setanding dengan 40% bawah komuniti lain di kawasan bandar di Malaysia (*Malay Mail Online*, 15.5.2015).

Menurut Norzita Jamil & Siti Hadijah Che Mat. (2014), jurang perbezaan kemiskinan yang masih wujud dalam pelbagai kaum di Malaysia adalah membimbangkan kerana kemiskinan akan terus menjana satu kitaran ganas kemiskinan (*vicious cycle of poverty*).

Situasi ini akan menghasilkan keadaan kemiskinan yang berterusan dalam kalangan kelompok masyarakat berkenaan tanpa harapan untuk keluar daripadanya. Sebenarnya, masalah kemiskinan dalam kalangan masyarakat India ialah suatu fenomena yang berterusan sejak kehadiran mereka ke tanah ini hingga hari ini. Oleh itu, campur tangan dan tindakan proaktif sangat penting untuk memecahkan kitaran kemiskinan ini. Salah satu cara pihak berkuasa dapat membantu adalah meningkatkan pengambilan masyarakat India ke pusat pengajian tinggi dan perkhidmatan awam. Namun, pengambilan masyarakat India ke kedua-dua bidang ini amat mengecewakan. Menurut Norazlinda Saad (2005, Jadual 4.12), sebelum sesi 2002/2003, pengambilan pelajar telah dilakukan mengikut sistem kuota. Di bawah sistem kuota ini, kaum bumiputera mendapat 55%, Cina 35% dan kaum India mendapat 10% tempat di universiti awam. Namun, mulai sesi 2002/2003, sistem meritokrasi dilaksanakan, peratus tempat yang diperolehi oleh pelajar India semakin menurun kepada 5.9% pada tahun 2004. Selepas ini, tiada maklumat mengikut etnik dikeluarkan.





Pendidikan universiti ialah suatu keperluan kerana pasaran pekerjaan adalah sangat kompetitif dan siswazah yang mahir mendapat permintaan tinggi. Selain itu, ijazah universiti diperlukan untuk pelbagai kerjaya seperti perubatan, pendidikan, kejuruteraan, perakaunan dan Undang-undang. Di samping itu, pendidikan universiti akan membantu seseorang berjaya dalam bidang pekerjaan sekarang dan mewujudkan kerjaya yang menyeronokkan mengikut pilihan seseorang itu serta dapat meningkatkan prospek kehidupan seseorang. Seterusnya, kelulusan universiti membolehkan seseorang memperoleh kelayakan profesional yang diiktiraf dan dihormati di seluruh dunia, selain ditawarkan gaji yang lebih tinggi dan menjamin kestabilan kewangan yang lebih tinggi (Monash University Portal. 2020).

Sehubungan ini, cerpenis Kandan turut memparkan isu pengambilan kaum India dalam perkhidmatan awam menerusi cerpen *Urimai pōrāttam*. Dalam cerpen ini, anak menantu perempuan Arumugam mengadu bahawa masyarakat India yang menjadi warganegara Malaysia tidak mendapat peluang melanjutkan pelajaran di IPTA.

இப்போ பாருங்க, நல்லா படித்திருந்தாலும்கூட பல்கலைக்கழகத்திற்குச் செல்ல முடியவில்லை, என்று ஆதங்கப்பட்டார் ஆறுமுகத்தின் மருமகள் சுபத்திரா.
(அ.கந்தன், 2017, ப. 86)

Lihat di sini. Walaupun mendapat keputusan baik, tidak dapat peluang untuk masuki universiti. anak menantu perempuannya, Subathira meluahkan perasaan kecewanya.
(A. Kandan, 2017, ms. 86)





Isu yang dipaparkan oleh cerpenis Kandan ialah suatu hakikat yang terpaksa dihadapi oleh masyarakat India. Walaupun terdapat sebanyak 20 buah universiti awam (IPTA) dan 10 buah institut kemahiran awam sehingga Oktober 2020 di Malaysia (Portal Kementerian Pelajaran Malaysia, 2020), namun terdengar rungutan pelajar dan masyarakat India bahawa peluang untuk memperoleh tempat di IPTA adalah sangat tipis serta bilangan tempat yang ditawarkan untuk pelajar India semakin menurun walaupun mendapat keputusan 4A dalam STPM atau matrikulasi (Janakey Raman Manickam, 2011).

Menurut Norazlinda Saad (2005), sebelum sesi 2002/2003, pengambilan pelajar telah dilakukan mengikut sistem kuota. Di bawah sistem kuota ini, kaum bumiputera mendapat 55%, Cina 35% dan kaum India mendapat 10% tempat di universiti awam. Mulai sesi 2002/2003, sistem meritokrasi dilaksanakan, namun peratus tempat yang diperoleh oleh pelajar India semakin menurun kepada 5.9% pada tahun 2004. Selain itu, bilangan dan peratus pengambilan pelajar India ke kursus profesional seperti perubatan, pergigian, farmasi, kejuruteraan, undang-undang dan perakaunan turut merosot kepada lingkungan 3% sahaja (Norazlinda Saad, 2005).

Di samping itu, perkhidmatan awam ialah suatu sumber peluang pekerjaan yang penting kepada rakyat sesebuah negara kerana menyumbang sebanyak 11% peluang pekerjaan pada tahun 2017. Mengikut Jadual 4.10 berdasarkan Khoo Boo Teik (2005), Siti Alidah John Abdullah & Halimah @Nasibah Ahmad (2005), The Star (25 Mac 2016) dan Malaysiakini (13 Disember 2019), bilangan kakitangan awam di Malaysia telah meningkat daripada 34,000 orang pada tahun 1957 kepada 1.7 juta orang pada tahun 2019. Namun, peluang pekerjaan untuk masyarakat India semakin merosot daripada 26.3% pada





tahun 1957 kepada hanya 4.1% pada tahun 2014. Justeru, cerpenis Kandan turut melahirkan perasaan kecewanya berkenaan pengambilan masyarakat India ke perkhidmatan awam.

Kandan memparkan isu pengambilan kaum India ke perkhidmatan awam menerusi cerpen *Urimai pōrāttam*. Dalam cerpen ini, anak menantu perempuan Arumugam mengadu bahawa masyarakat India yang menjadi warganegara Malaysia kurang mendapat peluang pekerjaan dalam perkhidmatan awam.

இப்போ பாருங்க அரசாங்கத்தில் வேலையும் கிடைக்க மாட்டுது. இதற்கு சுதந்திரமே கிடைக்காமல் இருந்திருந்தால்கூட பரவாயில்லை, என்று ஆதங்கப்பட்டார் ஆறுமுகத்தின் மருமகள் சுபத்திரா. (அ.கந்தன், 2017, ப.86)



Lihat di sini. Tidak mendapat peluang pekerjaan dalam kerajaan. Lebih baik tak dapat kemerdekaan, luahkan perasaan kecewanya anak menantu perempuan, Subathira. (A. Kandan, 2017, ms.86)

Selain itu, watak Selvi dalam cerpen *Tevai oru pālar palli* ialah seorang siswazah yang berkelulusan sarjana muda dalam bidang pendidikan, iaitu dilatih sebagai guru bahasa Tamil sekolah menengah. Namun, pihak kementerian dikatakan melengkah-melengkahkan proses penempatan ini walaupun terdapat kekosongan. Cerpenis Kandan melakarkan keadaan diri Selvi.





இடைநிலைப் பள்ளிகளில் தமிழ்மொழியைப் பகுதி நேரமாகப் போதிக்க ஆசிரியர்களை நியமிக்கும் கல்வி அமைச்சு, முழு நேரப் பணிக்கு தகுதிப் பெற்றிருக்கும் இளங்கலை பட்டதாரிகளான செல்வி போன்றவர்களை நியமிக்க அரசு தாமதம் காட்டி வருகின்றது. (அ. கந்தன், 2017, ப.13)

Kementerian Pelajaran yang melantik guru-guru untuk mengajar bahasa Tamil secara sambilan di sekolah menengah telah melangkah-langkah proses perlantikan siswazah seperti Selvi yang berkelulusan untuk mengajar Bahasa Tamil secara sepenuh masa. (A. Kandan, 2017, ms.139).

Isu ini juga merupakan suatu masalah ketara yang dihadapi oleh kaum India di Malaysia. Kajian menunjukkan bahawa peluang pekerjaan untuk masyarakat India semakin merosot daripada 26.3% pada tahun 1957 kepada hanya 4.1% pada tahun 2014. Menurut Siti Alidah John Abdullah & Halimah @Nasibah Ahmad (2005), selepas pelaksanaan DEB, pengambilan kaum Melayu secara besar-besaran dijalankan di bawah Operasi Isi Penuh yang dijalankan mulai tahun 1981 untuk mengisi 75% jawatan mengikut penetapan dalam Perlembagaan Persekutuan telah mengurangkan peluang pekerjaan kepada golongan bukan Melayu. Selain itu, Siva Subramanian, bekas presiden CUEPACS (Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam) turut menegaskan bahawa memang wujud diskriminasi dalam perlantikan kakitangan untuk perkhidmatan awam Malaysia (Janakey Raman Manickam. (2011). Berikutan ini, peluang pekerjaan dalam perkhidmatan awam untuk kaum India adalah tipis.

Sebenarnya, Kandan meluahkan kecewaan dan memaparkan aduan masyarakat India berhubung dengan kemerosotan peluang dalam pengambilan ke IPTA dan perkhidmatan





awam dalam cerpen-cerpennya agar dapat menarik perhatian pihak berkuasa untuk bertindak proaktif bagi memperbaiki kesulitan ini.

4.3.12 Kelas TADIKA Harus Ditubuhkan Untuk Membantu Anak Golongan Miskin

Taman Didikan Kanak-kanak (TADIKA) (*kindergarten*) ialah pendekatan pendidikan prasekolah berdasarkan permainan, nyanyian, aktiviti praktikal seperti melukis dan interaksi sosial sebagai sebahagian daripada peralihan dari rumah ke sekolah. Hari ini, istilah ini digunakan di kebanyakan negara untuk menggambarkan pelbagai institusi pendidikan dan ruang belajar untuk kanak-kanak berumur antara empat hingga enam berdasarkan pelbagai kaedah pengajaran. Tadika ialah sekolah peringkat awal kanak-kanak untuk memberikan pendedahan kepada kanak-kanak tentang suasana persekolahan dan merupakan persediaan untuk kanak-kanak ini menyesuaikan diri dengan persekitaran bersama dengan kanak-kanak lain dan hidup berdikari. Isi pelajaran di peringkat tadika terdiri daripada latihan mengeja, mengira dan membaca (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2021).

Dalam konteks Malaysia, sebilangan besar tadika disediakan untuk kanak-kanak berumur lima dan enam tahun (dan ada yang disediakan untuk kanak-kanak berumur empat tahun). Untuk kanak-kanak sehingga usia tiga (atau empat) tahun ke bawah, terdapat kumpulan permainan prasekolah dikenali sebagai TABIKA (Taman Bimbangan Kanak-kanak) atau (*play school*). Tidak ada peraturan yang tetap berkaitan dengan umur, tetapi majoriti akan menghantar ketika anak berusia lima tahun. Kanak-kanak itu biasanya akan bersekolah di tadika selama dua tahun, sebelum melanjutkan pelajaran di sekolah rendah pada usia tujuh (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2021).





Lapan tahun pertama kehidupan kanak-kanak adalah tempoh yang penting untuk perkembangan otaknya. Pada peringkat umur awal kanak-kanak, pembelajaran dan perkembangan dari segi mental, emosi dan sosial adalah amat kritikal. Oleh sebab itu, pendidikan awal kanak-kanak dianggap sebagai pelaburan yang cukup penting oleh ibu bapa buat anak mereka. Pendidikan awal menyediakan generasi yang mempunyai daya ketahanan untuk menghadapi cabaran dari aspek fizikal dan mental, menumpukan perhatian dan membina daya keintelektualan. Oleh itu, pendidikan sejak kecil haruslah ditekankan (*Preschool and Kindergarten*, 2017).

Pelbagai kajian telah dijalankan oleh pakar kanak-kanak membuktikan bahawa kanak-kanak yang memulakan sesi pembelajaran di TADIKA dapat mempelajari banyak perkara, lebih daripada kanak-kanak yang terus ke sekolah rendah. Selain itu, seseorang kanak-kanak juga akan belajar cara bersosial dengan rakan sebaya, mahupun orang yang lebih besar daripadanya (guru). Lazimnya, anak akan belajar untuk bergaul dengan rakan-rakan, belajar berkongsi dan bertolak-ansur. Bukan itu sahaja, kanak-kanak juga akan belajar cara menghormati orang lain dan cara menyelesaikan sesuatu masalah. TADIKA menyediakan tempat untuk kanak-kanak mengenali diri mereka, mengembangkan karakter positif dan meningkatkan keyakinan dirinya. Kesimpulannya, banyak perkara dipelajari di TADIKA membolehkan seseorang kanak-kanak senang dan cepat menyesuaikan diri dalam suasana baru apabila melangkah ke alam persekolahan (*Preschool and Kindergarten*, 2017).

Sehubungan itu, Kandan sebagai seorang guru yang berpengalaman luas menyedari akan kepentingan TADIKA dalam perkembangan aspek intelek, fizikal dan emosi kanak-kanak lalu menyeru kepada masyarakat Tamil menubuhkan kelas TADIKA tanpa mengharapkan bantuan pihak lain. Dalam cerpen *Tevai oru pālar palli*, watak Velmurugan





bercadang untuk menubuhkan sebuah kelas selepas mengadakan perbincangan dengan Persatuan Iba Bapa dan Guru-guru, jawatankuasa kuil dan persatuan agama Hindu. Orang ramai turut memberi sokongan, namun terdapat juga menentang. Velmurugan menjelaskan keperluan menubuhkan kelas TADIKA itu.

மனிதன் பிறக்கும்போதே மேதையாகவும் அறிஞனாகவும் பிறப்பதில்லை. சாதாரண குழந்தையாகவே பிறந்து, வளரும்போது தான் அறிஞனாகவோ மேதையாகவோ மாறுவதற்குள்ள பக்குவத்தை அடைகிறான். அந்தக் குழந்தையின் எதிகாலம் அது வளரும் சுற்றுப்புற சூழ்நிலையைப் பொறுத்தே அமைகிறது. எப்படிப்பட்ட சூழ்நிலையில் அது வளர்க்கப்பட்டிருந்தோ, அதைப் பொறுத்துதான் அதன் எதிர்காலம் அமையும். (அ. கந்தன், 2017, ப. 144)



Manusia tidak dilahirkan sebagai seorang tokoh atau cendekiawan.

Dia dilahirkan sebagai kanak-kanak biasa, namun ketika membesar, barulalah mencapai kematangan untuk menjadi tokoh atau cendekiawan. Masa depan kanak-kanak itu bergantung kepada persekitarannya. Masa depan kanak-kanak ditentukan oleh persekitaran dia dibesarkan (A. Kandan, 2017, ms. 144).

Seterusnya, Velmurugan yang menyedari akan kepentingan kelas TADIKA menjelaskan bahawa dia menubuhkan kelas itu untuk membantu golongan yang tidak mampu menghantar ke kelas yang dikendalikan oleh pihak swasta.





தனியார் பள்ளிக்கு அனுப்புவதென்றால் அதிகப் பணம் செலவாகும். நுழைவுக் கட்டணம் ஆயிரம் வெள்ளி. மாதக் கட்டணம் இருநூறு வெள்ளிக்குக் கூடுதலாக செலுத்த வேண்டி வரும். நாம் நமது பிள்ளைகளுக்கு நடத்தப்போகும் பாலர் பள்ளிக்கு நுழைவு கட்டணம் பத்து வெள்ளி மட்டுமே வாங்குவோம். மாதக் கட்டணம் ஐம்பது வெள்ளிதான். இந்த வகுப்பு கோயில் மண்டபத்தில் நடைபெறும். நம் பிள்ளைகள் அன்றாடம் தெய்வ வழிபாட்டில் கலந்து கொள்வர். (அ.கந்தன், 2017, ப.144-145)

Sekiranya hendak menghantar ke kelas swasta terpaksa menanggung perbelanjaan tinggi. Perlu membayar yuran kemasukan sebanyak seribu ringgit. Setiap bulan perlu membayar yuran melebihi dua ratus ringgit. Bagi kelas yang dimulakan untuk anak-anak kita, kami akan mengenakan hanya sepuluh ringgit sahaja sebagai yuran kemasukan. Yuran bulanan hanyalah lima puluh ringgit. Kelas ini akan dikendalikan di dewan kuil. Oleh itu, anak-anak kita akan turut menyertai sembyang harian. (A. Kandan, 20017, ms. 144-145).

Cerpenis terus memperihalkan bahawa kelas itu yang telah berjaya dimulakan dengan lima puluh orang kanak-kanak, kini mempunyai dua ratus orang kanak-kanak dan lima orang guru. Sebenarnya, cerpenis memperihalkan cara memulakan kelas TADIKA untuk kanak-kanak Tamil dengan menjadikan Velmurugan sebagai contoh teladan. Cerpenis turut menyeru kepada badan-badan yang berkepentingan masyarakat Tamil agar menyatukan usaha mereka untuk menubuhkan kelas sedemikian demi masa depan kanak-kanak Tamil.





Sehubungan ini, Kementerian Pendidikan Malaysia(KPM) telah mula menyediakan kemudahan pendidikan prasekolah untuk pelajar-pelajar daripada golongan kurang upaya dan B40 di sekolah Tamil. KPM telah menubuhkan sebanyak 42 kelas prasekolah di 32 buah sekolah Tamil mulai tahun 2019 (Kenyataan Media KPM, 19 Disember 2018). Namun, usaha ini tidak memadai kerana terdapat sebanyak 523 buah Tamil di seluruh negara. Justeru, cerpenis Kandan menyeru kepada pertubuhan-pertubuhan Tamil supaya menubuhkan kelas TADIKA secara sukarela untuk membantu anak golongan miskin Tamil di Malaysia.

Secara ringkasnya, pengajaran yang diterapkan oleh cerpenis Kandan dalam 22 buah cerpen yang dikaji itu dapat disenaraikan dalam jadual 4.19.

Jadual 4.19

Senarai Pengajaran yang Diterapkan Dalam Kumpulan Cerpen Urimai Pōrāttam

Bil.	Pengajaran
1	Golongan muda harus menjauhi dadah
2	Guru-guru harus menggunakan pendekatan konstruktif ketika menegur pelajar
3	Kemudahan prasarana di sekolah Tamil harus dibaiki
4	Masyarakat harus memupuk amalan membaca
5	Ibu bapa wajar menghormati pemilihan pasangan hidup anak
6	Ibu bapa harus menitikberatkan tanggungjawab membentuk keperibadian anak
7	Ibu bapa harus menghantar anak mereka ke sekolah ibunda
8	Anak-anak harus menghargai pengorbanan ibu bapa
9	Golongan muda yang lemah dalam bidang akademik harus menguasai kemahiran teknikal demi berjaya dalam kehidupan
10	Masyarakat harus berani menentang ketidakadilan
11	Pihak berkuasa harus prihatin dalam pengambilan masyarakat Tamil ke universiti dan sektor awam
12	Kelas TADIKA harus ditubuhkan untuk membantu anak golongan miskin



Pengkaji mendapati bahawa cerpenis Kandan tujuan pengajaran ini kepada pelbagai lapisan yang terdiri daripada anak, golongan muda, ibu bapa, guru, pihak berkuasa dan masyarakat Tamil itu sendiri. Oleh itu, pengkaji dapat menyusun sasaran dan pengajaran itu dalam jadual 4.20 untuk renungan para pembaca.

Jadual 4.20

Sasaran dan Pengajaran Yang Ditujukan

Sasaran	Pengajaran
Ibu bapa	1 Ibu bapa wajar menghormati pemilihan pasangan hidup anak 2 Ibu bapa harus menitikberatkan tanggungjawab membentuk keperibadian anak 3 Ibu bapa harus menghantar anak mereka ke sekolah Tamil
Masyarakat	1 Masyarakat harus memupuk amalan membaca 2 Masyarakat harus berani menentang ketidakadilan 3 Kelas TADIKA harus ditubuhkan untuk membantu anak golongan miskin
Golongan muda	1 Golongan muda harus menjauhi dadah 2 Golongan muda yang lemah dalam bidang akademik harus menguasai kemahiran teknikal demi berjaya dalam kehidupan
Pihak berkuasa	1 Kemudahan prasarana di sekolah Tamil harus dibaiki 2 Pihak berkuasa harus prihatin dalam pengambilan masyarakat Tamil ke universiti dan sektor awam
Anak	Anak-anak harus menghargai pengorbanan ibu bapa
Guru	Guru-guru harus menggunakan pendekatan konstruktif ketika menegur pelajar



Berdasarkan jadual tersebut, cerpenis menyeru kepada golongan ibu bapa supaya menghormati pemilihan pasangan hidup anak, menitikberatkan tanggungjawab membentuk keperibadian anak dan menghantar anak mereka ke sekolah ibunda demi melahirkan hubungan kekeluargaan yang harmoni di samping memelihara bahasa Tamil

Seterusnya, masyarakat diseru supaya memupuk amalan membaca untuk melahirkan masyarakat berilmu pengetahuan, berani menentang ketidakadilan untuk menegakkan hak masyarakat dan menubuhkan kelas TADIKA untuk membantu golongan miskin. Sementara itu, golongan muda dipesan supaya menjauhi dadah demi melihara kepentingan masa depan diri, masyarakat dan negara, di samping menguasai kemahiran teknikal demi berjaya dalam kehidupan masing-masing.

Selanjutnya, pihak berkuasa dipesan supaya menghulurkan bantuan untuk membaiki kemudahan prasarana agar pelajar-pelajar di sekolah Tamil turut dapat menikmati suasana pembelajaran dan pengajaran yang berkualiti dan setaraf dengan sekolah-sekolah lain. Di samping itu, pihak berkuasa juga diseru meningkatkan pengambilan masyarakat Tamil ke IPTA dan sektor awam agar masalah sosial dan ekonomi dalam masyarakat Tami dapat diatasi. Sementara itu, anak-anak diingatkan supaya menghargai pengorbanan ibu bapa demi memelihara kebajikan dan kesejahteraan orang tua mereka. Akhir sekali, golongan guru dipesan menggunakan pendekatan konstruktif ketika menegur anak murid untuk memupuk minat terhadap pelajaran dan mencegah masalah keciicran. Secara keseluruhan, cerpenis mengharapkan kerjasama dan gabungan usaha semua pihak untuk meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat Tamil di Malaysia.





4.4 Kesimpulan

Keseluruhan hasil kajian ini menunjukkan bahawa cerpenis Kandan sebagai seorang pengkarya kreatif tidak semata-mata mencipta sesuatu baharu, sebaliknya berusaha ke arah mencerminkan kehidupan semasa masyarakat Tamil di Malaysia secara realistik dalam cerpen-cerpennya. Seiring dengan objektif pertama, iaitu mengenal pasti ciri-ciri realiti kehidupan masyarakat Tamil Malaysia dalam kumpulan Cerpen *Urimai Pōrāttam*, mendapati kesemua 22 cerpen dipilih itu memaparkan sebanyak 33 isu yang benar-benar berlaku dalam masyarakat Tamil. Antara isu tersebut, sebanyak 20 isu sosial terpapar dalam 18 buah cerpen, tiga isu ekonomi dalam lima buah cerpen, enam isu pendidikan dalam lapan buah cerpen dan empat isu keagamaan dalam empat buah cerpen. Pengkaji mendapati bahawa kesemua isu ialah masalah-masalah yang menghimpit masyarakat Tamil di Malaysia.



Seterusnya, dari segi objektif kedua kajian ini, iaitu menilai kesesuaian penggunaan Teori Sosiologi Sastera Model Pencerminan George Lukacs dengan realiti kehidupan masyarakat Tamil Malaysia yang terpapar dalam kumpulan cerpen tersebut, kesemua 33 isu yang dipaparkan dalam kumpulan cerpen *Urimai Pōrāttam* ialah masalah yang benar-benar berlaku dalam masyarakat Tamil di Malaysia.

Akhir sekali, pengkaji telah mengesan sebanyak 12 pengajaran yang terselit dalam kumpulan cerpen yang dikaji itu. Pengkaji mendapti cerpenis Kandan tujuan pengajaran ini kepada pelbagai lapisan yang terdiri daripada anak, golongan muda, ibu bapa, guru, pihak berkuasa dan masyarakat Tamil itu sendiri.





Secara ringkas, berdasarkan penelitian dan penganalisisan adalah dapat dirumuskan bahawa kajian ini telah berjaya mencapai sasaran objektifnya.



BAB 5

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pengenalan

Perbincangan dalam bab ini akan merangkumi rumusan dan ulasan berdasarkan hasil dapatan kajian ,dan cadangan kajian lanjutan. Pengkaji akan merumus dan mengulas dapatan kajian yang diperoleh dalam Bab 4 kajian ini. Perbincangan ini akan berkisar pada objektif dan soalan kajian yang ditetapkan. Akhir sekali, cadangan akan dikemukakan untuk kajian-kajian lanjutan.

5.2 Analisis Dapatan Kajian

Cerpenis Kandan ialah seorang penulis prolifik dan berpengalaman luas dalam menghasilkan karya-karya sastera, terutama cerpen-cerpen realistik yang memaparkan isu-isu yang dihadapi oleh masyarakat Tamil Malaysia. Cerpenis Kandan yang pernah menerima gelaran 'Penulis Masyarakat' (மக்கள் எழுத்தாளர்) sebagai penulis yang berjiwakan kemasyarakatan sering menggunakan hasil karyanya sebagai wadah untuk tatapan semua lapisan masyarakat dan pihak berkuasa agar masalah-masalah yang dipaparkannya mendapat perhatian dan penyelesaian. Oleh itu, beliau menerapkan pelbagai isu kemasyarakatan seperti sosial, ekonomi, pendidikan, keagamaan dan politik dalam hasil karyanya, terutama cerpen untuk menarik perhatian semua pihak ini.

Kajian ini dijalankan dengan menganalisis 22 buah cerpen yang terkandung dalam kumpulan cerpen *Urimai Pōrāttam* hasil karya A. Kandan. Cerpen-cerpen tersebut ialah *Ilacciyam*, *Vāla ninaittāl vālam*, *Ariyātanam*, *Ēmādrām*, *Putuvālvu*, *Māriyatu manam*, *Oru pen ninaittāl*, *Nilaiyillāta kadavul*, *Kālam pōdda kōlam*, *Tiruvilā*, *Urimai pōrāttam*, *Ilaya samutāyam*, *Nūl veliyāddu vilā*, *Irāndu mananggal*, *Arpanippukku tandanayā*, *Cuyanalam*, *Parantu sendra paingili*, *Tevai oru pālar palli*, *Nūl nilayam pōgalam vāngga*, *Nānkam talaimurai*, *Kadavul amaitta vaitta mēdai* dan *Kālam elutiya tīrppu*. Analisis dibuat berdasarkan tiga objektif yang mendasari kajian ini. Objektif kajian ini adalah mengenal pasti ciri-ciri realiti kehidupan masyarakat Tamil Malaysia yang terpapar dalam kumpulan cerpen tersebut. Seterusnya, menilai sejauh mana kesesuaian penggunaan teori Sosiologi Sastera Model Pencerminan George Lukacs dengan realiti kehidupan masyarakat Tamil Malaysia yang terpapar dalam kumpulan cerpen *Urimai Pōrāttam*. Akhir sekali, menganalisis unsur-unsur pengajaran terselit berdasarkan realiti kehidupan masyarakat

Tamil Malaysia yang terpapar dalam kumpulan cerpen *Urimai Pōrāttam* itu. Selanjutnya, hasil dapatan yang diperoleh itu dirumuskan mengikut objektif kajian yang ditetapkan itu.

5.2.1 Mengenal Pasti Ciri-ciri Realiti Kehidupan Masyarakat Tamil Malaysia yang Terpapar dalam Kumpulan Cerpen *Urimai Pōrāttam*

Pengkaji dapat mengenal pasti ciri-ciri realiti kehidupan masyarakat Tamil Malaysia yang terpapar dalam kumpulan cerpen *Urimai Pōrāttam*. Pengkaji mendapati kesemua 22 cerpen dipilih itu memaparkan sebanyak 33 isu yang benar-benar berlaku dalam masyarakat Tamil. Isu-isu yang dikenal pasti itu dikategorikan kepada empat jenis isu, iaitu sosial, ekonomi, pendidikan dan keagamaan. Antara isu tersebut, sebanyak 20 isu sosial terpapar dalam 18 buah cerpen, tiga isu ekonomi dalam lima buah cerpen, enam isu pendidikan dalam lapan buah cerpen dan empat isu keagamaan dirakamkan dalam empat buah cerpen.

Dari segi isu sosial pula, pengkaji dapat mengenal pasti sebanyak 20 isu yang terpapar dalam kumpulan cerpen *Urimai Pōrāttam*. Sebanyak 20 isu sosial yang dikenal pasti itu tersenarai dalam Jadual 5.1

Jadual 5.1

Isu-isu Sosial dalam Kumpulan Cerpen Urimai Pōrāttam

Bil.	Isu Sosial
1	Masalah hidup akibat penghijrahan dari estet ke bandar
2	Masalah penagihan dadah
3	Kegiatan mengedar dadah
4	Kegiatan membuli
5	Masalah disiplin pelajar
6	Lumba haram
7	Membunuh diri
8	Lari dari rumah

(bersambung)

Jadual 5.3 (*sambungan*)

Bil.	Isu Sosial
9	Perkahwinan pada usia muda
10	Kurang didikan ibu bapa
11	Kegiatan gengsterisme
12	Ketagihan arak dan todi
13	Vandalisme
14	Penindasan pihak pengurusan ladang
15	Bercinta semasa bersekolah
16	Kegilaan terhadap dunia filem
17	Sikap memetingkan diri sendiri dan mengabaikan ibu bapa
18	Sikap ibu bapa yang menentukan jodoh anak
19	Sikap pilih kasih dalam membantu sesama ahli keluarga
20	Penggunaan bahasa percampuran dalam percakapan harian

Berdasarkan jadual tersebut, pengkaji mendapati isu-isu sosial ini membabitkan semua kumpulan masyarakat yang terdiri daripada golongan muda termasuk remaja, ibu bapa dan masyarakat Tamil umum. Namun, sebanyak 12 isu yang terdiri daripada masalah penagihan dadah, kegiatan mengedar dadah dan membuli, masalah disiplin pelajar, lumba haram, membunuh diri, lari dari rumah, perkahwinan pada usia muda, kegiatan gengsterisme, vandalisme, bercinta semasa bersekolah dan kegilaan terhadap dunia filem membabitkan golongan muda, terutama golongan remaja didapati banyak terlibat dalam isu-isu sosial. Keadaan ini menandakan bahawa sistem kekeluargaan serta didikan agama dan nilai-nilai moral adalah semakin luntur dalam masyarakat Tamil.

Sementara itu, sebanyak dua isu seperti kurang didikan ibu bapa dan sikap ibu bapa yang menentukan jodoh anak menunjukkan bahawa para ibu kurang prihatin terhadap keinginan dan kesejahteraan anak mereka. Seterusnya, sebanyak enam isu sosial seperti masalah hidup akibat penghijrahan dari estet ke bandar, penindasan pihak pengurusan ladang, ketagihan arak dan todi, sikap memetingkan diri sendiri dan mengabaikan ibu bapa, sikap pilih kasih dalam membantu sesama ahli keluarga, dan penggunaan bahasa



percampuran dalam percakapan harian adalah membabitkan masyarakat umum yang terdiri daripada semua kumpulan masyarakat Tamil di Malaysia. Namun, isu seperti masalah hidup akibat penghijrahan dari estet ke bandar dan penindasan pihak pengurusan ladang ialah masalah di luar kawalan golongan ini yang diwarisi akibat kebergantungan pada kehidupan ladang.

Dalam pada itu, sikap memetingkan diri sendiri dan mengabaikan ibu bapa serta sikap pilih kasih dalam membantu sesama ahli keluarga menunjukkan bahawa masyarakat Tamil semakin mengamalkan sikap individualistik akibat keruntuhan sistem kekeluargaan. Isu ketagihan arak ialah masalah lemah semangat dan isu penggunaan bahasa percampuran dalam percakapan harian ialah amalan lazim yang berlaku dalam masyarakat berbilang kaum seperti di Malaysia. Secara ringkas, masyarakat Tamil Malaysia yang dihimpit pelbagai masalah sosial yang menjadi batu halang kepada kaum Tamil di Malaysia dalam usaha mengejar pembangunan sosioekonomi.

Dari segi isu ekonomi pula, masyarakat Tamil menghadapi tiga isu yang disenaraikan dalam Jadual 5.2.

Jadual 5. 2

Isu-isu Ekonomi dalam Kumpulan Cerpen Urimai Pōrāttam

Bil.	Isu Ekonomi
1	Kemiskinan
2	Kesukaran memperoleh pekerjaan dalam sektor awam
3	Pengangguran dalam kalangan lepasan institusi pengajian tinggi



Kemiskinan merupakan suatu masalah yang serius dalam kalangan masyarakat Tamil sejak zaman penjajahan. Isu kesukaran memperoleh pekerjaan dalam sektor awam dan pengangguran dalam kalangan lepa institusi pengajian tinggi semakin serius selepas Dasar Ekonomi Baru mula dilaksanakan sejak tahun 1970 untuk membasmi kemiskinan dalam kalangan orang Melayu dan menghapuskan pengenlan kaum mengikut fungsi ekonomi. Berikutan ini, masyarakat Tamil memang memerlukan pembelaan pihak berkuasa untuk mengatasi kesulitan dalam bidang ekonomi.

Selanjutnya, dari segi isu pendidikan pula, masyarakat Tamil menghadapi sebanyak enam isu pendidikan yang disenaraikan dalam Jadual 5.3.

Jadual 5.3

Isu-isu Pendidikan dalam Kumpulan Cerpen Urimai Pōrāttam

Bil.	Isu Pendidikan
1	Tidak berminat untuk belajar
2	Keciciran persekolahan
3	Sikap prasangka ibu bapa India terhadap sekolah Tamil
4	Kemudahan prasarana pendidikan di sekolah Tamil kurang diberi perhatian
5	Pelajar cemerlang India tidak dapat melanjutkan pelajaran ke universiti awam
6	Masyarakat India kurang memupuk amalan membaca

Antara isu tersebut, isu seperti tidak berminat untuk belajar, keciciran persekolahan danm masyarakat India kurang memupuk amalan membaca menunjukkan bahawa masyarakat Tamil kurang menitikberatkan pendidkan dan ilmu pengetahuan. Sementara itu, isu sikap prasangka ibu bapa India terhadap sekolah Tamil dan kemudahan prasarana pendidikan di sekolah Tamil kurang diberi perhatian melibatkan sekolah Tamil yang kurang mendapat sokongan sebahagian masyarakat dan bantuan pihak berkuasa berkenaan. Begitu

juga, isu pelajar cemerlang India tidak dapat melanjutkan pelajaran ke universiti awam tercetus berikutan dasar meritokrasi yang dilaksanakan sejak tahun 2002.

Akhir sekali, dari segi isu keagamaan, masyarakat Tamil menghadapi sebanyak empat isu seperti tersenarai dalam Jadual 5.4

Jadual 5.4

Isu-isu Keagamaan dalam Kumpulan Cerpen Urimai Pōrāttam

Bil	Isu Keagamaan
1	Masyarakat tertipu dalam hal keagamaan
2	Kepercayaan kolot
3	Membina kuil secara haram di tanah milik orang lain
4	Penggunaan bahasa Sanskrit dalam upacara keagamaan di kuil

Keempat-empat isu ini kemungkinan besar berkaitan dengan ceteknya ilmu keagamaan dan ketiadaan usaha bersepadu dalam kalangan golongan beragama Hindu untuk mengatasi kesulitan ini.

5.2.2 Menganalisis kesesuaian ciri-ciri realiti kehidupan masyarakat Tamil Malaysia yang terdapat dalam kumpulan cerpen *Urimai Pōrāttam* berdasarkan teori Sosiologi Sastera Model Pencerminkan George Lukacs.

Secara umumnya, berdasarkan perbincangan dan penelitian, pengkaji mendapati bahawa kesemua 33 isu yang dipaparkan dalam kumpulan cerpen *Urimai Pōrāttam* ialah masalah yang benar-benar berlaku dalam masyarakat Tamil di Malaysia. Isu-isu ini dirumuskan mengikut jenis isu dan isu berkenaan dalam Jadual 5.5.



Jadual 5.5

Jenis isu dan Isu Berkenaan Dalam Kumpulan Cerpen *Urimai Pōrāttam*

Jenis Isu	Bil	Isu Berkenaan
Sosial	1	Masalah hidup akibat penghijrahan dari estet ke bandar
	2	Masalah penagihan dadah
	3	Kegiatan mengedar dadah
	4	Kegiatan membuli
	5	Masalah disiplin pelajar
	6	Lumba haram
	7	Membunuh diri
	8	Lari dari rumah
	9	Perkahwinan pada usia muda
	10	Kurang didikan ibu bapa
	11	Kegiatan gengsterisme
	12	Ketagihan arak dan todi
	13	Vandalisme
	14	Penindasan pihak pengurusan ladang
	15	Bercinta semasa bersekolah
	16	Kegilaan terhadap dunia filem
	17	Sikap memetingkan diri sendiri dan mengabaikan ibu bapa
	18	Sikap ibu bapa yang menentukan jodoh anak
	19	Sikap pilih kasih dalam membantu sesama ahli keluarga
	20	Penggunaan bahasa percampuran dalam percakapan harian
Ekonomi	1	Kemiskinan
	2	Kesukaran memperoleh pekerjaan dalam sektor awam
	3	Pengangguran dalam kalangan lepasan institusi pengajian tinggi
Pendidikan	1	Tidak berminat untuk belajar
	2	Keciciran persekolahan
	3	Sikap prasangka ibu bapa India terhadap sekolah Tamil
	4	Kemudahan prasarana pendidikan di sekolah Tamil kurang diberi perhatian
	5	Pelajar cemerlang India tidak dapat melanjutkan pelajaran ke universiti awam
	6	Masyarakat India kurang memupuk amalan membaca
Keagamaan	1	Masyarakat tertipu dalam hal keagamaan
	2	Kepercayaan kolot
	3	Membina kuil secara haram di tanah milik orang lain
	4	Penggunaan bahasa Sanskrit dalam upacara keagamaan di kuil

Antara 20 isu sosial yang dipaparkan oleh cerpenis , sebanyak 18 isu ialah masalah-masalah yang menghimpit masyarakat Tamil kini. Sementara itu, isu berkaitan dengan masalah hidup akibat penghijrahan dari estet ke bandar ialah masalah yang pernah dihadapi



oleh oleh masyarakat Tamil dari dekad 1960-an hingga 1980-an akibat fragmentasi tanah-tanah ladang atau tanah itu diambil alih untuk tujuan projek-projek pembangunan. Isu penindasan pihak pengurusan ladang ialah masalah yang pernah berlaku semasa zaman pra dan pascakemerdekaan negara kita. Ketika itu, hampir kesemua ladang adalah milik syarikat British dan diuruskan oleh pegawai-pegawai British yang bersifat kolonialisme dan menafikan hak sah pekerja serta pekerja dilayan sebagai hamba abdi.

Di samping itu, tiga isu berkaitan dengan ekonomi, enam isu melibatkan hal pendidikan dan empat isu berhubung dengan hal keagamaan ialah isu-isu semasa yang menghimpit kesemua lapisan masyarakat Tamil di Malaysia sekarang. Oleh itu, kesemua isu sosial, ekonomi, pendidikan dan keagamaan yang dipaparkan dalam 22 buah cerpen yang dikaji itu ialah masalah yang benar-benar berlaku dalam masyarakat Tamil di Malaysia.

Justeru, penggunaan teori Sosiologi Sastera Model Pencerminkan George Lukas amat sesuai digunakan untuk menganalisis aspek aspek realiti kehidupan yang terpapar dalam kumpulan cerpen *Urimai Pōrāttam*. Sebenarnya, hasil dapatan ini adalah seiring dengan dapatan Yau, C.T. (2015) yang telah menganalisis kesemua unsur realisme yang terdapat dalam cerpen pilihannya, Mahua, dari segi budaya, pendidikan, ekonomi dan politik. Yau, C.T. (2015) mendapati bahawa karya kedua-dua penulis Mahua mempunyai unsur-unsur realisme dan isu-isu yang sebenar masyarakat yang terpapar dalam cerpen-cerpen dikaji.

5.2.3 Menghurai Unsur-unsur Pengajaran Terselit Berdasarkan Realiti Kehidupan Masyarakat Tamil Malaysia yang Terpapar dalam Kumpulan Cerpen *Urimai Pōrāttam*

Secara ringkasnya, pengajaran yang diterapkan oleh cerpenis A. Kandan dalam 22 buah cerpen yang dikaji itu disenaraikan dalam Jadual 5.6.

Jadual 5.6

Senarai Pengajaran yang Diterapkan dalam Kumpulan Cerpen 'Urimai Pōrāttam'

Bil.	Pengajaran
1	Golongan muda harus menjauhi dadah
2	Guru-guru harus menggunakan pendekatan konstruktif ketika menegur pelajar
3	Kemudahan prasarana di sekolah Tamil harus dibaiki
4	Masyarakat harus memupuk amalan membaca
5	Ibu bapa wajar menghormati pemilihan pasangan hidup anak
6	Ibu bapa harus menitikberatkan tanggungjawab membentuk keperibadian anak
7	Ibu bapa harus menghantar anak mereka ke sekolah Tamil
8	Anak-anak harus menghargai pengorbanan ibu bapa
9	Golongan muda yang lemah dalam bidang akademik harus menguasai kemahiran teknikal demi berjaya dalam kehidupan
10	Masyarakat harus berani menentang ketidakadilan
11	Pihak berkuasa harus prihatin dalam pengambilan masyarakat Tamil ke universiti dan sektor awam
12	Kelas TADIKa harus ditubuhkan untuk membantu anak golongan miskin

Pengkaji mendapati bahawa cerpenis Kandan tujuan pengajaran ini kepada pelbagai lapisan masyarakat yang terdiri daripada anak, golongan muda, ibu bapa, guru, pihak berkuasa dan masyarakat Tamil umum itu sendiri untuk tatapan dan tindakan selanjutnya. Pengajaran seperti ibu bapa wajar menghormati pemilihan pasangan hidup anak, menitikberatkan tanggungjawab membentuk keperibadian anak dan menghantar anak



mereka ke sekolah ibunda menekankan tanggungjawab golongan ibu bapa sebagai ketua keluarga terhadap anak-anak.

Selanjutnya, pengajaran seperti masyarakat harus memupuk amalan membaca, berani menentang ketidakadilan dan kelas TADIKa harus ditubuhkan untuk membantu anak golongan miskin menekankan tanggungjawab semua anggota masyarakat melahirkan generasi yang berilmu pengetahuan dan mempertahankan kesejahteraan masyarakat. Seterusnya, golongan muda diseru menjauhi dadah dan golongan yang lemah dalam bidang akademik dipesan menguasai kemahiran teknikal demi berjaya dalam kehidupan dan menjalani kehidupan yang bahagia.

Di samping itu, pihak berkuasa dipesan supaya mengamalkan sikap prihatin dalam membaiki kemudahan prasarana di sekolah Tamil dan dalam pengambilan masyarakat Tamil ke universiti dan sektor awam. Manakala, anak-anak sekarang yang bersifat individualistik diingatkan oleh cerpenis supaya menghargai pengorbanan ibu bapa. Akhir sekali, para guru dingatkan agar menggunakan pendekatan konstruktif ketika menegur pelajar demi mengelakkan masalah keciciran.

Secara ringkasnya, melalui pengajaran-pengajaran yang diselitkan dalam cerpen-cerpennya yang dikaji itu, cerpenis mengharapkan kerjasama dan penyatuan usaha semua pihak untuk meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat Tamil di Malaysia.





5.3 Cadangan Kajian Lanjutan

Cadangan tentang kajian lanjutan membolehkan seseorang pengkaji masa depan menentukan skop kajiannya secara mudah dan teliti. Hal ini akan memudahkan pengkaji akan datang menghasilkan kajian yang menyeluruh dan mencari penyelesaian sewajar bagi masalah-masalah yang dikemukakan oleh para pengkarya sastera.

Pengkaji mendapati bahawa kajian ini yang melibatkan kumpulan cerpen *Urimai Pōrāttam* ialah kajian julung kali yang dijalankan atas hasil karya Kandan. Oleh itu, kajian ini membuka ruang yang luas kepada pengkaji lain untuk meneroka karya lain beliau. Selain kumpulan cerpen *Urimai Pōrāttam* ini, beliau pernah menghasilkan banyak novel pendek, drama dan juga cerpen-cerpen lain disiarkan dalam media Tamil yang boleh dijadikan bahan kajian.



Sehubungan ini, kajian juga turut boleh dilakukan atas kumpulan cerpen *Urimai Pōrāttam* ini dari perspektif lain. Oleh itu, satu kajian citra masyarakat Tamil dapat dilakukan dengan menggunakan kaedah kajian analisis deskriptif dan kaedah kritikan untuk memaparkan corak pemikiran serta pembaharuan pemikiran masyarakat Tamil di Malaysia.

Seterusnya, pengkaji berpendapat bahawa kajian ini dapat memberi sumbangan *informal* dan maklumat serta membekalkan ilmu kepada segenap lapisan masyarakat tentang masalah sosiobudaya dan ekonomi yang dihadapi oleh masyarakat Tamil di Malaysia. Hasil dapatan kajian ini diharap dapat dijadikan sebagai bahan rujukan oleh para perancang sosioekonomi negara, pihak berkuasa, penganalisis sosial dan ahli akademik dalam membantu menganalisis masalah-masalah masyarakat Tamil dan dapat mencadangkan





tindakan sewajar untuk menyelesaikannya. Di samping itu, para pembaca dan masyarakat umum dapat benar-benar menyedari masalah masyarakat Tamil lalu dapat mengambil tindakan proaktif dan konstruktif untuk mengatasinya.

5.4 Kesimpulan

Keseluruhan hasil kajian ini menunjukkan bahawa cerpenis A. Kandan sebagai seorang karyawan tidak merakamkan sesuatu baharu dalam cerpen-cerpen dalam *Urimai Pōrāttam*, sebaliknya berusaha ke arah mencerminkan kehidupan masyarakat Tamil di Malaysia semasa secara realistik. Berdasarkan penelitian dan perbincangan, pengkaji mendapati bahawa cerpenis memang telah memaparkan isu-isu sosiobudaya dan ekonomi masyarakat Tamil di Malaysia yang menampakkan ciri-ciri realiti kehidupan masyarakat Tamil Malaysia sebenar. Sebagai seorang pengarang prolific dan aktivis sosial, cerpenis Kandan dengan lantang dan berani menyuarakan isu-isu sosial, ekonomi, pendidikan dan keagamaan yang menghimpit dan membeleunggu masyarakat Tamil di Malaysia.

Di samping itu juga, masalah sosiobudaya dan ekonomi yang menghempap masyarakat Tamil dalam cerpen-cerpen ialah paparan sebenar yang menunjukkan kaum Tamil tercirir daripada arus pembangunan negara. Oleh itu, beliau turut berpesan dalam cerpennya supaya pihak tertentu melipatgandakan usaha untuk mengintergrasikan kaum Tamil dalam arus pembangunan semua sektor di negara kita agar kesejahteraan hidup masyarakat Tamil terus terpelihara. Paparan cerpenis dan pendapat pengkaji adalah selaras dengan hasil kajian menunjukkan bahawa masyarakat Tamil memang menghadapi pelbagai masalah dalam bidang sosial, ekonomi, pendidikan dan keagamaan.





Sementara itu, teori Sosiologi Sastera Model Pencerminan George Lukacs yang memandu kajian ini adalah bertindak sebagai ukuran untuk menilai realiti kehidupan masyarakat Tamil Malaysia yang terpapar dalam kumpulan cerpen *Urimai Pōrāttam*. Sebenarnya, pengkaji mendapati semua paparan dalam kesemua cerpen yang dikaji itu ialah pencerminan realiti kehidupan masyarakat Tamil Malaysia semasa.

Akhir sekali, penganalisis unsur-unsur pengajaran yang terselit berdasarkan realiti kehidupan masyarakat Tamil Malaysia yang terpapar dalam kumpulan cerpen *Urimai Pōrāttam* itu didapati cerpenis menyelitkan pengajaran yang ditujui pelbagai pihak agar isu-isu sosiobudaya dan ekonomi yang terpapar dalam cerpen-cerpennya menemui jalan penyelesaiannya.

Kesimpulannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa cerpenis Kandan sebagai seorang karyawan yang menjiwai kesejahteraan masyarakat Tamil merakamkan sesuatu kreatif bukan semata-mata untuk melahirkan kepengarangannya, bahkan merupakan gambaran realiti kehidupan masyarakat Tamil pada hari ini. Oleh itu, adalah dapat merumuskan bahawa kajian ini telah berjaya mencapai sasaran objektif dan soalan kajian yang ditetapkan.





RUJUKAN

Abdul Samad Said Mohamed Said. (1975). *Siri Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Accharya, B.S. (2006). *Tirukkural*. Chennai: Narmatha Patippakam.

Agensi Antidadah Kebangsaan. (Portal). (1977). “Kesan Dadah”.

Agensi Antidadah Kebangsaan. (Portal). (2018). “Statistik Penagih Dadah Berdasarkan Bangsa”.

Agilan, K. (2002). *Katai kalai*. Chennai: Dhagam Publication.

Airissa Hanis Adeli, Nur Aisyah Nazari, Nurul Hafizah Abdul Afif, Ahmad Ahnaf Ishak dan Nur Erna Sari Shaharani. (2017). “Personaliti Bakal Pasangan Antara Pilihan Anak dan Ibu Bapa”. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Alhussain Khalid Shah, Drishti Thornton dan James Kelly Kimberly. (2019). “Familial Opioid Misuse and Family Cohesion: Impact on Family Communication and Well-being”. *Addict Disorder Treatment*, 2019;18(4):194-204.

Amer Siddiq. (2015). “Apakah itu Ketagihan Dadah”. *The Malaysia Medical Gazette*, September, 25.



Amirul Ketika. (2018). Gejala Gengsterisme Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Malaysia: Punca dan Rawatan. Universiti Sabah Malaysia.

Ammini, A. (2010) ‘*Kajian tema cerpen karya penulis-penulis Tamil negeri Johor (1950-2010)*. Universiti Malaya.

Annadurai, M. (2007). *Cerpen-cerpen Tamil Pērawaik Kataikaḷ (1986-2000): Satu kajian tema. sepanjang 1986-1995*. Universiti Malaya.

Annaletchumy (2008). Satu kajian dalam karya cerpen N. Mageswari. Universiti Malaya.

Arasaratnam, S. (1979). *Indians in Malaya and Singapore*, Rev. Ed. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Astro Awani (Portal). 2020. “KLWBC 2020: Malaysia malas atau rajin membaca?” Julai 3, 2020.

Aveliari Muthusamy. (2014). *Imej Wanita dalam Cerpen Karya Na. Maheswari*. Tesis sarjana. Universiti Malaya.

Awang Abdullah. (2001). *Penghayatan Novel Anak dan Biola*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.

Bakiyaletchumi. (2012). *Pālamurukaṇ ciṟukataikaḷ vaḷi malēciyat tamilaṟkaḷiṇ vāḷkkai*. Tesis sarjana. Universiti Malaya.





Bala, P. (2019). Malaysian Indians. Cengage: *Encyclopedia.com*.

Balu Subramaniaam. (2007). *Cerpen karya Puspaleelavathy (Pāvai): Satu kajian tema*. Tesis sarjana. Universiti Malaya.

Berita Harian Online. "Ilmu STEM lebih mudah dikuasai guna bahasa ibunda".

Baskaran Nadeson. (1995). *Malēciyat Tamil̥c Cīrukatai*. Pondichery: Arasi Press.

Berita Harian Online. "Malaysia perlukan ramai belia ceburi bidang kemahiran, Oktober 27, 2014.

Cambridge English Online Dictionary. (2020). "Dictionary".

Berita Harian Online. "5 Suspek Kes Buli akan Direman Semula Esok", 15.6.2017. Februari 6, 2020.

Bodhinathan Velanswami. (2009). *Introduction to Hinduism*. Himalaya Academy Publications.

Braj B. Kachru. (1978). "Aspects of Sociolinguistics in South Asia". *International Journal of the Society of Language*, 16, pp.126.

Cambridge English Online Dictionary. (2020). "Dictionary".



05 Cantor C.H (2000). *Access to method of suicide: What impact?* Volume: 32 issue: 1, page(s): 8-14

Caves, R. W. (2004). *Encyclopaedia of the City*. New York: Routledge.

Chanthiran Govinthan. (2019). "Kur̥iñcikkumaraṇāriṇ Tamil̥aruviyil Velippaṭum Paṇpāṭṭuc Cintanaikal". *Chempulam, Virucam 7, Vilithu 23, Ogos*.

Che Mat. (1994). "Remaja Lepak Semua Pihak Perlu Campur Tangan". *Dewan Siswa, April, 30-43*.

Chew, Y.M. (1997). *Moral Realism*. Tesis sarjana. Universiti of Singapore.

Christina Andin, Rosmiza Mohd Zainol, Wong Hock Chuo & Rohana Hamzah. (2019). "Minat Murid Berpencapaian Rendah Terhadap Pembelajaran". Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan Jilid 20, 2019, pp. 156-170*.

Cohen, S. (2002). "The politics of vandalism". *New Society. Jil 12, pp.872-878*.

Cudd, Ann E. (2006). *Analysing Oppression*. US Oxford University Press.

David H Jernigan & Saroja K Indran. (2016). "Country Profile on Alcohol in Malaysia". *Asia Pacific Alcohol Policy Alliance, 26 October*.





Denison Jayasooria (ed). (2016). *Inclusive Development for Urban Poor & Bottom 40% Communities in Malaysia*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Institut Kajian Etnik (KITA).

Denison, J. J. & Others (1985). "Alcoholism". *Aliran*, Vol. V, No.7, July-August, 1985, 14-15.

Dewan Negara. "Statistik Mat Rempit Mengikut Kaum", Sesi Julai 2012.

Dhanabalan Sandra Segaran. (2016). *Tingkah Laku Devian Pelajar Etnik India di Sekolah Menengah Dalam Daerah Kinta, Perak*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

Ding, S.L. (1995). *Ideal and reality: A Study of Qian Qianyi, Gu Yanwu and Kong Shangren in early Qing Dynasty*. Tesis sarjana. Universiti Malaya.

Donald Collins, Cathleen Jordan & Heather Coleman (2010). "An Introduction to Family Social Work". *Brooks/Cole, Cengage Learning*. pp. 28–29.

Drabble, M. (2000). *The Oxford Companion to English Literature*. New York, Oxford University Press.

Dunne, T. (2007). *International Relations Theories*. New York, Oxford University Press. *Encyclopaedia Britannica Online Dictionary*. (2021). "Dictionary".



05 Eric Heinze. (2012). *The Concept of Injustice*. Routledge.

tbupsi

Fariza Hamzah, Nazuha Mohd Jai & Nurhidayah Mohtar. (2019) "Perkahwinan Kanak-Kanak – Suatu Dilema". Kertas penyelidikan Program Kehakiman.

Gan Swee Eng. (2013). *Tingkah Laku Vandalisme dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan di Zon Labis, Johor*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia

Ghanhi, M. K. (1996). *The Essence of Hinduism*. Ahmedabad: Navajivan Publishing House.

Gary Ferraro. 2008. *Cultural Anthropology: An Applied Perspective, 7th ed*. Belmont, CA: Thompson Wadsworth.

Habibie Hj Ibrahim, Mazni Mustapha, Joki Perdani, Puteri Hayati Megat Ahmad dan Nurul Hudani Md Nawi. (2018). "Peranan dan Tanggungjawab Ibu Bapa dalam Pengasuhan Anak dan Remaja". *Asian Social Work Journal*, Volume 3, Issue 5; 18 - 24.

Hamid Redza Kashikan. (2008). *Principal of magical realism in Gabriel Garcia Marquez's one hundred years of solitude*. Tesis Ph.D. Universiti Malaya.

Hasan Bahrom. (2004). "Remaja, Kemiskinan dan Juvana Suatu Realiti?" Dungun: Universiti Teknologi MARA. *Seminar Antarabangsa Nilai Dalam Komuniti Pasca Modernisme (Sivic 2004)", Hotel City Bayview, Langkawi, Kedah. 4 – 6 September 2004*





Hashim Awang. (1998). *Kritikan kesusasteraan teori dan penulisani*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Haviland, William A., Prins, Harald E.L., McBride, Bunny Walrath dan Dana (2011). *Cultural Anthropology: The Human Challenge* (13th ed.). Cengage Learning.

Hui, T. S. (2013). *Saintific realism and the problem of theory choice in science*. Tesis Ph.D. universiti Malaya.

International Labour Organization. (2020). "Unemployment, total". *ILOSTAT Database*, 21 June 2020.

International Organization of Good Templars. (2016). "Malaysia: Alcohol Tax Set To Increase". *March*, 3.

Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2017). "Laporan Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat Tahun 2017". Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2018). "Statistik Perkahwinan Kanak-kanak Bukan Islam Bawah Umur Pada Tahun 2017". Jabatan Kebajikan Masyarakat Tahun 2017". Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2018). "Statistik Salah Laku Disiplin Pelajar Sekolah Pada Tahun 2017". Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2018). Laporan Statistik 2017. Putrajaya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Jabatan Pendaftaran Negara (Portal). (2020). "Perkahwinan". Kementerian Dalam Negeri.

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2018). Siaran Akhbar Statistik Utama Tenaga Buruh di Malaysia, Januari 2018.

Jabatan Perangkaan Malaysia (Portal). (2020). "Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah".

Janakey Raman Manickam. (2011). *Malēciya Intiyarkalin Ikkṭṭān Nilai*. Klang: Nationwide Human Development and Research Centre.

Jean Filliozat. (1991). *Religion, Philosophy, Yoga*. Delhi: Motilal Banarsidass Publication.

Jegannathan Ramachanthiram. (2002). *Hindu camaya viññāṇam II*. Sampoorana Printers. Sdn. Bhd.

Jesuthas. (2010). *Cerpen-cerpen karya M. Shanmugasiva: Satu kajian tema dan struktur*. Tesis sarjana. Universiti Malaya.





Jeyanthi Palaniandy. (2011). *Pemindahan leksis bahasa Inggeris dalam cerpen Tamil*. Tesis sarjana. Universiti Malaya.

John W. Santrock. (2007). *Adolescence*. New York: McGraw-Hill.

Kalaivani Palaney. (2011) *Kajian isu-isu semasa dalam cerpen Tamil terbitan akhba Malaysia Nanban*. Tesis sarjana. Universiti Malaya.

Kamarul Azmi. (2007). *Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Universiti Teknologi Malaysia: Universiti Teknologi Press.

Kamsah, M. F., & Ismail, R. (1996). *Kecemerlangan Mendidik Anak*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Kamus Bahasa Melayu Utusan. (1995). Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Kamus Dewan Edisi Baru. (1993). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kandan Alagappan. (2017). *Urimai Pōrāttam*. Malaysia Indian Chess Association.

Karthigesu Renggasamy (1979). *Perkembangan cerpen-cerpen Malaysia dalam bahasa Malaysia dan bahasa Tamil: Satu kajian perbandingan*. Tesis sarjana. Universiti Malaya.



Kavri Krishnasamy. (2015). *Nilai Sosiobudaya Ramayana dalam Cerpen-cerpen Tamil Malaysia*. Tesis sarjana sastra. Universiti Putra Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). “Kenyataan Media:Pembukaan Kelas Prasekolah Kendalian Kementerian Pendidikan Malaysia di SJK Tamil dan Cina Mulai Tahun 2019”, 19 Disember 2018.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2021). Education in Malaysia: School Grades.

Kerlinger, F. (1986). *Foundations of behavioural research*. Forth Worth: Holt, Rinehart dan Winston International.

Khairul Azmi. (2018). “Memahami *Timeline* Isu Maha mariamman Temple, Hicom”. *Bernama*, November 26.

Khairulnizam Mat Karim. (2005). *Realiti aplikasi dialog antara agama di Malaysia: Kajian terhadap Inter-Faith Spritual Fellowship (INSaF) dan Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya*. Tesis sarjana. Universiti Malaya.

Khoo Boo Teik. (2005). “Democracy, Governance and Human Rights”. *United Nations Research Institute for Social Development Programme Paper, Number 20, December 2005*.





Kiron Latha. (2012). *Magical realism : portraying the social and political conditions in Salman Rushdie's Midnight's Children and The Moor's Last Sigh*. Tesis sarjana. Universiti Malaya.

Kok Mun Ng , Johnben Teik Cheok Loy, Zaidy Mohd Zain & Winnee Cheong. (2013). Gender, Race, Adult Attachment, and Marital Satisfaction Among Malaysians. *The Family Journal: Counseling and Therapy for Couples and Families* 21(2) 198-207, 2013.

Komathy Vaiyapuri. (2015). *Analisis masalah sosial dalam cerpen karya M.Ramaiah*. Tesis sarjana. Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Kongress Kesatuan Pekerja-pekerja Perkhidmatan Awam (CUEPACS) (Portal).

Kramrisch, Stella & Burnier, Raymond. (1976). *The Hindu Temple*. Ahmedabad: Motilal Banarsidass Publication.

Krishnamoorthy. (2005). *Tamililakkiya vakaimaiyiyal*. Chennai: International Institute of Tamil studies.

Krishnan Maniam. (1989). *Cerpen Tamil dan Melayu (1957-1970): Satu kajian perbandingan tema dan struktur*. Tesis sarjana. Universiti Malaya.

Kunaseelan Subramaniam. (2009). *Tema dan persoalan dalam cerpen-cerpen M.A Ilanchelvan*. Tesis sarjana. Universiti Malaya.

Kunaseelan, Subramaniam. (2019). *Perbandingan Sosioekonomi Masyarakat Ladang dalam Novel Terpilih Tamil Malaysia dan Sri Lanka*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Latah Murugesu. (2015). *Nilai kemanusiaan dalam kumpulan cerpen Mu.Anbuchelvan dari perpektif teori moral*. Tesis sarjana. Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Learning is Fun at Kinder School. (2017). *Preschool and Kindergarte, February 7*.

Lembaga Penyelidikan Undang-undang Akta Dadah Berbahaya 1952 (Akta 234) dan Peraturan-peraturan (Pindaan Tahun 1985). Kuala Lumpur: International Law Book Services.

Leipzig, D. H. (2001). "What is reading?". WETA, *Reading Rockets, January*.

Leonard Bloomfield. (2005). *Grammar: Comparative and General*. Delhi: Motilal Banarsidass Publication.

Lukacs, G. (1971). *History and class consciousness: Studies in marxist dialectics*. Cambridge: MIT Press.

Lukacs, G. (1972). *Studies in European Realism*. London: The Merlin Press.





Maiza Haji Aji, Awang Azman Awang Pawi & Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali. (2012). "Kepercayaan Rakyat Dalam Budaya Material: Tinjauan Etnografi Sosio-Budaya Melayu Brunei". Universiti Malaya.

Malay Mail Online. (2015). "YPS:40pc of Malaysia Indians still at bottom rung of income ladder", *May, 15*.

Malaysia Hindu Sangam (Portal). (2020). "Gurus".

Maniyarasan Muniandy. (2007). *Kata pinjaman bahasa Melayu dalam bahasa Tamil di Malaysia; Satu kajian semantik dalam antologi cerpen p̄rawaik kathaikal 1986-2004*. Tesis sarjana. Universiti Malaya.

Malaysiakini. (2020). "Mural Al-Sultan Abdullah, pemimpin negara dirosakkan. *Julai, 20*. Malaysiakini. "K'jaan akan kurangkan perjawatan awam sebanyak 5% - Hanipa". *13 Dec*.

Malini, S. & Telagam, M. (2019). "Cu. Kamalāviṇ Ḥaiyōr Kataikaḷil Kāṇappaṭum Ḥaiyōrakaḷiṇ Paṇpāṭṭu Mīralkaḷ!". *Chempulam, Virucam 7, Vilithu 23, Ogos, pp.110-112*.

Maniyarasan Muniandy. (2007). *Kata pinjaman bahasa Melayu dalam bahasa Tamil di Malaysia; Satu kajian semantik dalam antologi cerpen p̄rawaik kathaikal 1986-2004*. Tesis sarjana. Universiti Malaya.



Marshitah Mohd Aini. (2012). "Mengenali Punca Kemerosotan Minat Pelajar Terhadap Pembelajaran & Pengajaran Pendidikan Islam". Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mary Asunta. (2001). "The alcohol problem in Malaysia". Institute of Alcohol Studies: *The Globe, Issue 3 & 4, 2001*.

Mary D. Bailey. (1932). "Drug Peddling, Addiction, and Criminalism". *Journal of Criminal Law and Criminology, Volume 23 Issue 1 May--June Article 9*.

Marvis Puthuchery. (1978). *The Politics of Administration: The Malaysian Experience*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Md Saleh @Masrom, Siti Fauziyani & Basiron Bushrah. (2017). "Vandalisme dalam Kalangan Remaja dan Kaedah Menanganinya". *Remaja Hebat Siri 4: Batasan dan Halangan Kecemerlangan, 87-114*.

Michelson, Annette. (1995). "What is Cinema?" *Performing Arts Journal 17(2-3), 20-29*.

Milad Hassandarvish. (2019). "Malaysians among the world's top spenders on books but not the most read". *Malay Mail, April 30*.

Mohd Dzulkhairi Mohd Rani. (2014). "Kesan-kesan Penagihan Dadah Terhadap Kesihatan". Universiti Sains Islam Malaysia.





Mohd Roslan Mohd Tahir. (2020). “Merempit mencari sensasi”. *myMetro*, *Julai 28*.

Monash University Portal. (2020). “The benefits of university education”.

Munirah Abd Razza, Khadher Ahmad & Nik Mohd. Zaim Abdul Rahim. (2018). “Penyalahgunaan Ayat Al-Quran dan Penyelewangan Pusat Pengubatan Islam di Malaysia”. *Journal of Nusantara Studies (JONUS)*, *4(2) Dec. 2019*, 429-448.

Muttamil Selvan. (2006). *Tamiḷ ilakkiya varalāru*. Chennai: Ramanathan Publications.

Muyaldi. (2016). Agama dan Pengaruhnya dalam Kehidupan. *Journal Tarbiyah Al Awlad*, *6(2)*, 556-564.

MyHealth (Portal). (2021). “Amalan Perubatan Yang Bercanggah Dengan Islam”. Kementerian Kesihatan Malaysia.

MyHealth (Portal). (2020). “Buli”. Kementerian Kesihatan Malaysia.

MyHealth (Portal). (2020). “Lari Dari Rumah”. Kementerian Kesihatan Malaysia.

MyHealth (Portal). (2020). “Personaliti”. Kementerian Kesihatan Malaysia.

MyHealth (Portal). (2012). “Gengsterisme”. Kementerian Kesihatan Malaysia.



MyHealth (Portal). (2012). “Cara Kematian Dalam Aspek Forensik: Membunuh Diri”. Kementerian Kesihatan Malaysia.

MyHealth (Portal). (2012). “Perkahwinan”. Kementerian Kesihatan Malaysia.

MyMetro. (2015). “Statistik moral remaja kita”. *11 Mac*.

Nasruddin Subhi. (2016). “Tertangkap di Perkahwinan Awal Usia”. *Suaranita*, *Jld. 71*, 2016, 1-6.

Natasha Mohd Hishamudin. (2002). *The union of fantasy and reality: Exploring realism in selected works by Janet Frame*. Tesis sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Naveen Manogaran. (2016). *Punaivunilai uraittal*. Vallinam Publications.

New Straits Times. “The importance of a university education”, February 15, 2018.

Nicholin, L. (1971). *Realism*. Harmondsworth: Penguin.

Nizha Periasamy. (2019). “Relevankah Perkahwinan Aturan Keluarga”. *FMT news*, *Oktober*, 19.

Nor Junainah Mohd Isa, Mohd Sobri Ismail, Amelia Mohd Noor. (2019). “Masalah Buli dalam Kalangan Murid: Apakah Kata Guru?” *Jurnal Perspektif*, *Jil.11 Bil.2: 1-14*.





- Noor Aida Mahmor, Faizah Ahmad & Nasariah Mansor. (2014). “Keracunan Bahasa: cabaran Dalam Pendidikan Negara dan Pembinaan Negara Bangsa”. *Seminar*
- Nor Haslina Ab Rahman dan Harunnizam Wahid. (2016). Pola Perbelanjaan Makanan Asasi Golongan Miskin: Kajian di Negeri Selangor. *Prosiding Seminar Pengajian Islam 2016*, 128-136.
- Nor Junainah Mohd Isa, Mohd Sobri Ismail, Amelia Mohd Noor. (2019). “Masalah Buli dalam Kalangan Murid: Apakah Kata Guru?” *Jurnal Perspektif*, Jil.11 Bil.2: 1-14.
- Norazlinda Saad. (2005). “Meriotokrasi: Siapakah Yang Mendapat Peluang IPTA: Kajian di UUM”. Universiti Utara Malaysia.
- Nurazuan Razali. (2013). “Tahap Prasarana Pendidikan dan Persekitaran Pembelajaran di Sekolah Menengah Daerah Kota Tinggi”. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Norzita Jamil & Siti Hadijah Che Mat. (2014). “Realiti Kemiskinan: Satu Kajian Teoritik”. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 48(1) 2014, 167 – 177.
- Othman Puteh. (1998). *Tanggapan Terhadap Kesusasteraan Remaja*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Oxford Advanced Learner’s Dictionary. (1991). New York: Oxford University Press.
- Pairat, Warie. (1979). “Some Sociolinguistic Aspects of Language Contact in Thailand”. Universiti of Illinois.
- Parameswary Krishnan. (2014). *Todi dalam kalangan masyarakat India ladang di Tanah Melayu, 1900-1957*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Parkin, Michael. (1980). *Unemployment and Inflation: Facts, Theories, Puzzles and Policies*. Ontario: University of West Ontario.
- Patil, Namita. (2021). The Importance of Reading habit in Young Generation. *Knowledge Review*.
- Penn State University. (2017). “The Importance of School Facilities in Improving Student Outcomes”.
- Perlembagaan Persekutuan*. (1995). Kuala Lumpur: International Lawa Book Service.
- Persatuan Pustakawan Malaysia (Portal). (2020). “Malaysia Negara Membaca 2030”
- Piramila Kuppusamy. (2019). “Penniyac Cikkalkalum Tirvukalum”. *Chempulam, Virucam* 7, Vilithu 23, Ogos, 42-46.
- Polis Diraja Malaysia. (2000). Statistik Gadis Remaja Hilang dan Dijumpai Pada 1 Januari hingga 10 September 2000.





Polis Diraja Malaysia. (2019). Kes Kehilangan Kanak-kanak dan Remaja 2011 hingga Mei 2019. Kementerian Dalam Negeri.

Polis Diraja Malaysia. (2019). “Remaja Lari Dari Rumah”. Kementerian Dalam Negeri.

Polis Diraja Malaysia. (2019). Bilangan Kes Bunuh Diri Pada Tahun 2014 hingga Jun 2019. Kementerian Dalam Negeri.

Ponni Kannan dan Manomani Devi Annamalai. (2019). “Ce.Cīṇi Naiṇā Mukamamatuviṇ Tēṇ Kūṭu Kavitai Tokuppil Kāṇappaṭum Kumukāyac Cikkalkaḷum Tavirkkum Valikaḷum”. *Chempulam, Virucam 7, Vilithu 23, Ogos*, pp.74-78.

Punithambigai Selvaraju & Keerthiga Periasamy. (2019). “Na. Makēcuvariṇ cirukataikaḷil kāṇappaṭum māṇavarkaḷ etirṇōkkum kalvic cikkalkaḷ”. *Chempulam, Virucam 7, Vilithu 23, Ogos*, pp. 127-130.

Puspa Nathan Naharajah. (2014). *Wanita dalam cerpen-cerpen R. Karthigesu*. Tesis sarjana. Universiti Malaya.

Preschool and Kindergarten. (2017). Learning is Fun at Kinder School. (2017). February 7

Puspavalli Sathival. (2017). *Aspek meyyppātu dalam cerpen remaja Tamil Malaysia*. Tesis sarjana. Universiti Pendidikan Sultan Idris.



Quah, Stella R. (2005). *Home and Kin: Families in Asia*. Singapore: Marshall Convendish Academy.

R. AGE. (2019).” The Malaysian Drug Trade.: Chapter 5: The Drug Lord”. *Star Media Group*.

Rajasekar Maniam. (2019). “Karaiyil Otunḱiya Niṇaivukaḷ” Cirukatait Tokuppil Malēciyat Tamiḷca Camūkattiṇ Kalvi Nilai”. *Chempulam, Virucam 7, Vilithu 23, Ogos*, pp. 33-38.

Ramayyah, M. (1996). ‘Malaysia Tamil Ilakkiya varalaru Kalanchiyam. Madras. Kavikkuyil Accagam.

Ramieza Wahid. (2019). “Kalau murid tak minat belajar, apa cikgu buat akan jadi beban”. *Malaysiakini, 29 August 2019*.

Ravindran, M. (2008). *Penggambaran citra wanita dalam cerpen Tamil Malaysia 1970-2010: satu kajian berdasarkan teori Arketaipal*. Tesis sarjana sastera. Jabatan Pengajian India. Universiti Malaya.

Razak Ahmad dan Angie Teo. (2010). “Malaysia to Control Faith Healers as More Seek Spirit Aid”. *Reuters, October 14*.

Rethinam, A, (ed). (1991). *Maṇōṇmani tēvārat tiraṭṭu*. Kuala Lumpur: Manonmani Vilas.





- Rozmi Ismail. (2005). "Mat Rempit Dan Gejala perlumbaan Haram Di Malaysia". *Jurnal Psikologi Malaysia* 22 (2005), 17-25.
- Rozmi Ismail dan Boekhtiar Borhanuddin. (2015). Istilah 'Rempit'; Pengertian dan Penggunaannya dalam Isu Lumba Haram Motorsikal. *Talenta*, September 2015, 69-74.
- Rozeman Rodin Ahmad, Zainudin Hassan & Julius Voo Jiunn Jye. (2019). *Kegiatan Gengsterisme dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Negeri Johor*. Johor Baru: Universiti Teknologi Malaysia.
- Russanani @ Asiah Binti Hassan. (2017). *Bilangan Terbesar Gejala Remaja Lari Dari Rumah, Masalah dan Penyelesaian Menurut Al-Quran*. Kota Bahru: Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra.
- Saat Sulaiman. (2011). *Tip Menjadi Ibu Bapa Mithali*. Batu Caves: PTS Publishing House.
- Salasiah Hanin Hamjah (2016). "Perkahwinan di Usia Awal: Catatan Pengalaman". *Suaranita*, Jld. 71, 2016, 13-15.
- Salinah Jaafar. (2015). "Penggunaan Bahasa Ibunda Secara Inklusif Dalam Pendidikan dengan Rujukan Kepada Bahasa Melayu". *Seminar Sambutan Hari Bahasa Ibunda Antarabangsa*, 3 Mac.
- Samikkannu Jabamoney Ishak Samuel (2015). *Malēciya tamīḷ kalvi varalāru*. Chennai: International Institute of Tamil studies.
- Sandhu, K.S. (1969). *Indians in Malaya: Some Aspects of Their Immigration and Settlement, 1786-1957*. Cambridge University Press.
- Santrock, J.W. (2007). *Child Development, 11th Edition*. Boston: McGraw Hill.
- Saravanan Veeramuthu. (2010) *Citra identiti budaya masyarakat India: Satu perbicaraan cerpen Melayu karya cerpenis India*. Tesis kedoktoron. Universiti Malaya.
- Sarju, H., Hamzah, R.B., & Udin, A. (2010). Pendidikan: matlamat dan fungsinya. *Edupress* 2010, 1-11.
- Saravanabhavan. (1988). *Tamiḷ Arccaṇai*. Puchong: Saravanabhavan Publications.
- Smasa News. (2018). "Gengsterisme Dalam Kalangan Pelajar India Mengingkat". *Jun* 29.
- Segaran Muthapan. (2011). *Kajian tema karya V.Munian*. Tesis sarjana. Universiti Malaya.
- Seeni Naina Mohamed, S. (2011). *Tēṅkūṭu-nīyā paccaittamīḷaṇ*. Malaysia: Unggal Kural Enterprise.
- Segar Narayanan. (2012). *Malēciyat Tamiḷ Nāvalkaḷil Camutāya Cintāṇaikaḷ*. Kuala Lumpur: Uma Patippagam.





Senthamarai Punusamy. (2018). *Perpektif nilai kemanusiaan dari cerpen I.Elavazhagu*. Tesis sarjana. Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Shaharir Mohamad Zain (2005). “Beberapa Akibat daripada Pengajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris di Malaysia: Suatu Penilaian Empiris dan Teori”. *Kertas kerja Kongres Pendidikan Melayu ke-2, anjuran Persekutuan Badan Pendidikan dan Pembangunan Melayu (PBPPM), di Berjaya Times Square Hotel & Convention Centre, Kuala Lumpur, 26-27 Mac, 2005*.

Sinar Harian. “Kuil haram Jalan Gombak Lama diroboh”, 8 Januari 2019.

Sithbabavanthar, Swami. (1975). “*Tiruvācakam*”. Thirichi: Srī Rāmakiruşṇa tapōvaṇam.

Siti Alida John Abdullah & Halimah @ Nasibah Ahmad. (2005). “Saiz Sektor Awam di Malaysia semenjak Dasar Ekonomi Baru”. *REKAYASA – Journal of ethics, legal and governance* 40 Vol. 1, 2005 (40-50).

Siti Fauziyani Md. Salleh & Bushrah Basiron. (2017). “Vandalisme dalam Kalangan Remaja dan Kaedah Menanagannya”. *Remaja Hebat Siri 4: Batasan dan Halangan Kecemerlangan*, 87-114.

Siti Hajar Idris dan Zaini Mahbar. (1989). *Pengangguran Siswazah: Masalah dan Penyelesaian*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.



Siti Masayu Rosliah Abdul Rashid & Narimah Samat. (2018). “Kemiskinan Keluarga dan Pengaruhnya Terhadap Tahap Pendidikan Rendah Masyarakat Luar Bandar: Kajian Kes di Jajahan Bachok, Kelantan. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 13, No.2 (2018).

Siti Manishah Ngalim. (2021). Lari dari rumah-cabaran untuk ibu bapa. *the Asianparent*.

Siti Nurhafizah Annuar. (2014). “Persepsi Pelajar Terhadap Perbezaan Kemudahan Prasaranan Dalam Membantu Pembudayaan Sains dan Teknologi Pelajar di Kolej Vokasional Zon Selatan”. Johor: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

Siti Sarawati Johar. (2011). “Dimensi Personaliti Psikotisme di Kalangan Ketua dan Impaknya Terhadap Estim Kendiri Pekerja di Tempat Kerja”. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor. *International Conference on Humanities*. 2011, pp. 1-22.

Sivashini Chanthiran. (2019). “Na. Makēcuvariyaṇ Cīrukatait Tokuppil Paṭitta Ilaiṇarkal Etirṇōkkum Vēlaiyillāt Tiṇṭāṭṭam”. *Chempulam, Virucam* 7, Vilithu 23, Ogos, pp. 136-141.

Soanes, C. (2005). *Compact Oxford English Dictionary*. Amazon Book Clubs.

Stell Parratham, S. (2003). *Cē. Ār. Rājma nāvakaḷil kuṭumpac cikkalkaḷum tīrvukaḷum*. Tamil Nadu: Manonmaniam Sundaranar University.

Subash Chandra Bose. (2008). *Tamil ilakkiya varalaru*. Chennai: Pāvai Publications.





Subhash Kak. (2005). "The axis and the perimeter of the temple". *Kannada Vrinda Seminar Sangama 2005, Loyola Marymount University in Los Angeles , 19 November 2005.*

Sulaiman Masri. (2003). *Kaedah penyelidikan dan panduan penulisan esei, proposal, tesis.* Utusan publications distribution.

Suthanthiradevi J. N. J. Money. (2006). "Percampuran Kod Dalam Bahasa Melayu". Kuala Lumpur: Maktab Perguruan.

Tamil Virtual Academy. (2017). *Vaṭamoḷi varalāru: Ākamam.*

Tan, Y.G. (1986). *Perception and direct realism.* Tesis sarjana. National University of Singapore.

Thandayudham. (1973). *Tarkāla tamīl ilakkiyam.* Madras: Tamil Puthakalayam.

The Centre. "Isu Pembiayaan Pendidikan Tinggi di Malaysia", 3 December, 2019.

The Star . "Drug Mules 2013-2018", 23.12.2018.

The World Bank (Portal). (2020). "Understanding Poverty".

Tik Shaiza Arifin. (2008). Dickens and realism: *An exploratory study of dickens's child protagonists against Erik Erikson's eight ages of man.* Jabatan Inggeris. Fakulti Sastera dan Sains Soail. Universiti Malaya.

Trasher, F.M. (1963). *The Gangs: A Study of 1,313 Gangs in Chicago (Revised).* Chicago: University of Chicago Press.

Van Wormer, K. & Besthorn, F. H. (2010). *Human behavior and the social environment, macro level: Groups, communities, and organizations.* Oxford University Press. Van Wormer, K. & Besthorn, F. H. (2010). *Human behavior and the social environment, macro level: Groups, communities, and organizations.* Oxford

Umadevi Brabakaran (2007). *Isu-isu semasa dalam cerpen Tamil Malaysia 1990-2006.* Universiti Malaya.

Unit Perancang Ekonomi. (2021). *Pendapatan Isi Rumah, Kemiskinan dan Perbeljaan Isi Rumah, 1970-2019.* Jabatan Perdana Menteri.

Varadarajan Munusamy. (1927). *Tamīl ilakkiya varalāru.* New Delhi. Sahitya Academy.

Varatharajan, G. (ed). (1972). *Tirumantiram, pakuti 2.* Thiruchi: Jothi Printers.

Veeramohan Veeraputhran. (2007). *Paparan unsur Ramayana dan Mahabharata dalam cerpen Tamil Malaysia (1957-1987).* Tesis sarjana. Universiti Malaya.

Webster-Merriam Online Dictionary, (2020). "Dictionary."



Weinreich, U. (1953). *Languages in contact, findings and problems*. New York: Linguistic Circle of New York.

Winter, Catherine. (2020). "10 Benefits of Reading: Why You Should Read Every Day". *Lifhack, March 17*.

Yau, Chee Teng. (2015). *Realisme dalam cerpen-cerpen dua penulis Mahua di Malaysia*. Tesis sarjana. Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Zainudin Sharif & Norazmah Mohamad Roslan. (2011). "Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Remaja Terlibat Dalam Masalah Sosial Di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka". *Journal of Education Psychology & Counseling, 1 (7)*. pp. 115-140.

Zuraidah Abdullah, Siti Nafsiah Ismail, Salwati Shafee, Mohd Shahril Nizam Shaharom & MuhammadFaizal A. Ghani. (2019). "Pengaruh Pembelajaran Akademik Anak-anak Keluarga Fakir Miskin di Sekolah-sekolah Selangor". Universiti Malaya. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan, Bil. 6, Isu 2, April 2019*.

Zurina Yasak & Zaidatun Tasir. (2006). "Cara Pelajar Pendidikan Teknik dan Vokasional Mempelajari Kemahiran Teknikal Dengan Menggunakan Laman Web (SWEB-TECH)". *Seminar TVE'06, Johor Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor*.